Koleksi Terpilih Titah Ucapan

DYMM SULTAN SELANGOR

BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM

25 Tahun Pemerintahan

Negeri Selangor Darul Ehsan

Koleksi Terpilih Titah Ucapan

DYMM SULTAN SELANGOR

BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM

25 Tahun Pemerintahan

Negeri Selangor Darul Ehsan

Diterbitkan oleh

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

KOLEKSI TERPILIH TITAH UCAPAN DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM,
25 TAHUN PEMERINTAHAN NEGERI SELANGOR

Diterbitkan oleh
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Tingkat 9 &10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid, Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Website: www.mais.gov.my

Dengan kerjasama
Pejabat DYMM Sultan Selangor
Tingkat 24, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Koleksi gambar
Dewan Di-Raja Selangor

Reka bentuk, ilustrasi dan percetakan
Lakar Preenz Design

@ MAIS 2026
Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahaghian artikel, ilutrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, salinan, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada MAIS.

Dicetak di Selangor

ISBN 978-983-2381-67-9

2001 25 2026

JUBLI PERAK PEMERINTAHAN
D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Pahang), D.K.(Perak), D.K.(Perlis),
D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA



Sekapur Sireh

PENGERUSI
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, taufik dan inayah-Nya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjaya menerbitkan buku kompilasi Koleksi Terpilih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena 25 tahun pemerintahan baginda berkaitan hal ehwal Islam di Negeri Selangor.

Penerbitan ini merupakan suatu manifestasi menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam Negeri Selangor. Sesungguhnya, setiap titah yang dizahirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bukan sekadar amanat kepada pentadbiran agama, bahkan merupakan panduan kepimpinan yang sarat dengan hikmah, prinsip dan wawasan.

Titah-titah tersebut menjadi asas penting dalam memperkukuh tadbir urus hal ehwal Islam, memelihara kesucian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, memperkasa institusi masjid, pendidikan Islam, pengurusan zakat dan wakaf, serta membentuk masyarakat yang berilmu, bersatu padu dan berakhlak mulia.

Saya menyeru seluruh agensi-agensi agama Islam Negeri Selangor, institusi pendidikan, pemimpin masyarakat dan segenap lapisan rakyat untuk menjadikan kompilasi ini sebagai wadah penghayatan terhadap titah dan amanat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga, kepakaran dan komitmen dalam merealisasikan penerbitan ini. Semoga usaha murni ini memberi manfaat kepada ummah dan menjadi saksi legasi kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam memartabatkan agama Islam sepanjang 25 tahun pemerintahan baginda.

Menjunjung Kasih, Tuanku.

YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor



Seulas Pinang

SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat, taufik dan kurnia-Nya, buku kompilasi Koleksi Terpilih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkaitan hal ehwal Islam di Negeri Selangor sempena 25 tahun pemerintahan baginda berjaya diterbitkan.

Penerbitan ini merupakan satu usaha penting Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam memelihara titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkaitan pentadbiran hal ehwal Islam sepanjang dua puluh lima tahun pemerintahan baginda.

Semoga nilai kepimpinan, kebijaksanaan dan amanah yang terkandung dalam setiap amanat DYMM Sultan Selangor menjadi pedoman berterusan bagi memperkukuh tadbir urus dan memastikan agenda pembangunan ummah.

Buku ini juga diharap dapat menjadi sumber rujukan bagi pendekatan pentadbiran hal ehwal Islam di Negeri Selangor dan lebih penting buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua, agensi-agensi agama Islam Negeri Selangor, penyelidik, ahli akademik dan semua pihak yang berkepentingan dalam memahami perkembangan pentadbiran hal ehwal Islam di negeri ini.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, kepakaran dan komitmen dalam menjayakan penerbitan kompilasi ini. Semoga usaha yang murni ini mendapat keberkatan Allah SWT dan memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang.

Sekian, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YBhg Tuan Haji Mohd Sabirin Bin Mohd Sarbini
Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor



Koleksi Terpilih Titah Ucapan DYMM SULTAN SELANGOR BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM 25 Tahun Pemerintahan Negeri Selangor Darul Ehsan

Isi Kandungan

2001 - 2005

23 Julai 2002 — Majlis Perasmian Rumah Anak-Anak Yatim Majlis Agama Islam Melaka 2

1 November 2002 — Majlis Perasmian Masjid Jamek Daerah Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor 6

2 Oktober 2003 — Majlis Peristiharan Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam, Pelancaran E-Syariah Peringkat Negeri Selangor serta Seminar Undang-Undang Islam Negeri Selangor di Kelab Shah Alam 8

9 Disember 2003 — Majlis Santapan Malam Bersama-sama Ashabus Samahah Mufti-Mufti Seluruh Malaysia di Istana Alam Shah, Klang 10

1 Oktober 2004 — Majlis Perasmian Masjid Damansara Damai, Petaling Jaya 12

7 Disember 2004 — Majlis Perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor 2005, Model Islam Sebuah Ekonomi Maju di Hotel Blue Wave, Shah Alam 14

8 Mac 2005 — Majlis Perasmian Bangunan Sultan Idris Shah 18

21 Mac 2005 — Majlis Perasmian Bengkel Pemerkasaan Majlis Agama Islam Selangor di Blue Wave Hotel, Shah Alam 24

18 Jun 2005 — Majlis Sambutan Jubli Emas Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang 28

2006 - 2010

31 Januari 2006 — Majlis Pelancaran Sambutan Ma'al Hijrah 1427H Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan di Masjid As-Solihin, Kanchong Darat 32

7 Februari 2006 — Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Istana Bukit Kayangan 36

27 April 2007 — Majlis Perasmian Masjid Pekan Serendah, Hulu Selangor 38

14 Mei 2007 — Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan 1428H/2007M di Padang Dataran Usahawan, Sabak Bernam 42

18 Mei 2007 — Majlis Perasmian Masjid Kampung Sungai Kelambu, Banting, Kuala Langat, Selangor 44

27 Julai 2007 — Perasmian Masjid Pangkalan Udara Subang 46

29 Oktober 2007 — Majlis Menghadap Bakal-bakal Haji di Balai Tengah, Istana Alam Shah, Klang 48

2 November 2007 — Perasmian Masjid Kampong Sungai Udang, Klang, Selangor 50

24 Mac 2008 — Istiadat Pengurniaan Watikah Perlantikan dan Angkat Sumpah Jawatan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang 54

18 April 2008 — Majlis Perasmian Masjid Taman Bukit Indah, Ampang 58

28 April 2008 — Majlis Perasmian Sekolah Rendah Agama Integrasi, Batu Belah, Klang 60

12 Mei 2008 — Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1429H/2008M di Masjid Sultan Ibrahim, Kuala Selangor 62

4 Julai 2008 — Majlis Perasmian Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor 64

7 November 2008 — Majlis Perasmian Masjid Penjara Kajang, Hulu Langat, Selangor 66

6 Mac 2009 — Majlis Perasmian Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Shah, Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor 70

11 Disember 2009 — Majlis Perasmian Masjid Klang Utara, Klang, Selangor 76

25 Januari 2010 — Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Syariah Negeri Selangor di Bilik Singgahsana Istana Bukit Kayangan, Shah Alam 80

26 Mac 2010 — Majlis Perasmian Masjid Al-Rahman, Kampung Tunku, Petaling Jaya, Selangor 84

29 April 2010 — Majlis Perasmian Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin, Jalan Kota Raja, Klang 86

2011 - 2015

6 Januari 2011 — Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran S.S.I.S. Kepada D.Y.T.M. Raja Muda Selangor, Pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Ahli Dewan Diraja Selangor, Ahli Jaksa Pendamai Selangor, Ahli Majlis Agama Islam Selangor dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Selangor di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam 92

5 April 2011 — Majlis Perasmian "Perundangan Islam dan Institusi Kesultanan Melayu" di Konvensyen 'Pemacuan Sistem Perundangan Islam di Malaysia' di Dewan Besar IKIM 94

29 Julai 2011 — Majlis Perasmian Masjid At-Taqwa, Kampung Bukit Kapar, Klang 98

8 Ogos 2011 — Majlis Perasmian Masjid Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya, Kuala Selangor 102

11 Ogos 2011 — Majlis Perasmian Masjid di Taman Seri Melati, Gombak, Selangor 106

Isi Kandungan

20 Ogos 2011 — Majlis Perasmian Masjid Desa Subang Permai, Shah Alam 108

25 November 2011 — Majlis Perasmian Bangunan Baru Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah 110

8 Disember 2011 — Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Selangor bagi Tahun 2012-2014 di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam 112

9 Disember 2011 — Majlis Perasmian Masjid Kampung Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor 114

4 Mei 2012 — Majlis Menghadap oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di Istana Alam Shah, Klang 116

2 Disember 2012 — Seminar "Tuanku Prihatin Masjid" Anjuran Jabatan Agama Islam Selangor di Dewan Solat Bawah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri), Shah Alam 118

20 Februari 2013 — Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor di Bilik Singgahsana, Istana Bukit Kayangan, Shah Alam 120

27 April 2013 — Majlis Perasmian Konvensyen Guru KAFA Negeri Selangor di Stadium Malawati, Shah Alam 121

2016 - 2020

11 Disember 2016 — Hari Keputeraan Yang Ke-71 di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang 124

13 Mac 2017 — Program Multaqa Pegawai Masjid dan Surau, Guru KAFA dan Guru Takmir Negeri Selangor di Stadium Malawati, Shah Alam 128

12 Mei 2017 — Majlis Perasmian Masjid Perodua di Masjid Perodua, Sungai Choh, Rawang 130

2 Jun 2017 — Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat dan Majlis Perasmian Masjid An Nur Temasya Glenmarie 134

20 Jun 2017 — Majlis Perasmian Masjid Al-Ilmi, Kampung Dato' Ahmad Razali, Dengkil 138

13 Disember 2017 — Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli-ahli Majlis Agama Islam Selangor Bagi Sesi 2018-2020 dan Majlis Santapan Tengah Hari Bersama Imam Masjid-Masjid Diraja dan Masjid-masjid Seluruh Negeri Selangor di Istana Alam Shah, Klang 142

16 Mac 2018 — Majlis Perasmian Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Shah Alam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 146

13 November 2018 — Program Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Tahun 2018 Seminar Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Ancaman Terhadap Akidah dan Majlis Pelancaran Buku Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan di Dewan Jubli Perak, Shah Alam 152

2022 - 2026

6 Oktober 2022 — Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-121 di Dewan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 158

6 Oktober 2022 — Majlis Perasmian Masjid Diraja Masjid Raja Lumu, Kuala Selangor 162

16 Februari 2023 — D.Y.M.M. Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) sempena Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) Kali Ke-69 di Istana Melawati, Putrajaya 168

14 April 2023 — Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya beserta Perasmian Masjid Al-Ma'arufiah, Kampung Parit Baru, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam 174

28 Ogos 2023 — Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Sempena Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-70 178

15 Februari 2024 — Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-71 184

5 April 2024 — Perasmian Masjid Damansara Perdana 194

26 Mac 2025 — Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) D.Y.M.M. Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya serta Perasmian Masjid Denai Alam, Shah Alam (Masjid Raja Bendahara Tengku Badar Shah) 198

20 April 2025 — Kursus Perdana Haji Musim Haji 1446 Hijrah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 204

19 Julai 2025 — Istiadat Pemasyhuran dan Pelantikan Canselor dan Pro Canselor Universiti Islam Selangor di Pusat Konvensyen Universiti Islam Selangor 208

28 Januari 2026 — Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan kepada Nazir-nazir Masjid dan Imam-imam Masjid Seluruh Negeri Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang 214

12 April 2026 — Kursus Perdana Haji Musim Haji 1447 Hijrah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 220

Penghargaan 224

TAHUN

2001–2005

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA PADA 23 JULAI 2002, JAM 11.00 PAGI

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat Beta bersama-sama dengan hadirin sekalian di Majlis Perasmian Rumah Anak-anak Yatim Majlis Agama Islam Melaka pada pagi ini.

Beta mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan rakyat Negeri Melaka yang sudi mempersilakan Beta dan menyambut keberangkatan Beta ke Negeri Melaka bagi menyempurnakan upacara yang bersejarah dan bermakna ini. Beta difahamkan bahawa Almarhum Ayahanda Beta turut sama menyumbangkan usaha ke arah membangunkan Rumah Anak-anak Yatim ini. Oleh itu Kerajaan Negeri Melaka telah berhasrat supaya Almarhum Ayahanda Beta dapat merasmikan bangunan yang indah ini apabila disiapkan. Takdir telah menentukan bahawa Almarhum pergi terlebih dahulu sebelum sempat merasmikan Rumah Anak-anak Yatim ini.

Beta merasa terharu apabila Kerajaan Negeri Melaka mempersilakan Beta untuk meneruskan hasrat tersebut iaitu merasmikan Rumah Anak-anak Yatim ini bahkan menamakan dengan nama Almarhum Ayahanda Beta. Salah satu asas dalam Islam berhubung dengan tali persaudaraan adalah menyempurnakan tanggungjawab antara satu sama lain. Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa bersikap prihatin dan penyayang, di samping membantu orang lain yang memerlukan bantuan dan berada dalam kesusahan.

Pada umumnya mereka yang menerima bantuan dan pertolongan dari sesama Islam akan melahirkan rasa kesyukuran dan seterusnya turut sama melakukan kebajikan kepada orang lain apabila tiba masanya. Agama Islam amat mengambil berat terhadap kebajikan anak-anak yatim, bahkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah memberikan amaran kepada orang-orang yang tidak mempedulikan kebajikan anak-anak yatim sebagai golongan yang mendustakan agama. Hal ini jelas seperti firman Allah dalam ayat satu surah al-Maa'un yang bermaksud:-

"Adakah engkau lihat orang-orang yang mendustakan agama? mereka adalah orang-orang yang menolak atau tidak mempedulikan kebajikan anak-anak yatim"

Di bahu kita telah diletakkan satu tanggungjawab yang penting, iaitu untuk mengendali dan menyelesaikan masalah anak-anak yatim. Oleh itu kita semua perlu menghulurkan apa jua bantuan yang sesuai dengan kedudukan masing-masing, sebagai tanda kesyukuran kita terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang telah memberikan nikmat yang tidak ternilai kepada kita. Segala bantuan dan pertolongan yang kita berikan itu walaupun kecil adalah dianggap sebagai suatu amal jariah dan amat besar ganjarannya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah menyanjung tinggi sikap orang-orang yang prihatin kepada anak-anak yatim dengan sabdanya yang bermaksud:-

"Orang-orang yang mengambil berat terhadap kebajikan anak-anak yatim akan dibangkitkan di akhirat nanti bersama-sama aku seolah-olah kedudukannya seperti dua jari yang bersebelahan"

Sesungguhnya anak-anak yatim itu adalah golongan yang perlu diberikan belaian kasih sayang, perhatian dan bantuan. Tanpa sokongan daripada kita semua tentulah kehidupan mereka tidak terurus dan terbiar. Akhirnya mereka akan terjebak ke dalam gejala sosial yang menakutkan. Anak-anak yatim yang dijaga dengan baik dan teratur sudah tentu akan menghargai segala bantuan yang diberikan kepada mereka dan dengan adanya masyarakat sekeliling yang prihatin dan penyayang, Beta percaya perasaan sayang menyayangi antara generasi muda dan generasi tua akan terjalin.



Kepada anak-anak yang Beta kasihi, sukalah Beta mengingatkan supaya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka serta individu yang telah bermurah hati dan berusaha sehingga terbinanya rumah yang indah ini.

"Beta mahu anak-anak di sini menjalankan kehidupan seperti anak-anak lain yang mempunyai ibubapa dan belajarlah bersungguh-sungguh, serta menanamkan semangat untuk berjaya dalam hidup. Semoga suatu hari nanti anak-anak sekalian akan dapat membalas jasa mereka yang telah berbudi kepada rumah ini."

Beta berbangga dengan apa yang telah pihak Kerajaan Negeri Melaka dan rakyat laksanakan pada hari ini yang telah bekerjasama untuk menyempurnakan hasrat Almarhum Ayahanda Beta. Semoga Allah akan menerimanya dengan sebaik-baik penerimaan dan Rumah Anak-anak Yatim ini akan melahirkan generasi yang berpotensi, berjaya dan berguna kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Akhir kata, dengan lafaz **"Bismillahir Rahmanir Rahim"** Beta dengan sukacitanya merasmikan nama Rumah Anak-anak Yatim ini dengan nama **"Rumah Anak-anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj".**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MAJLIS PERASMIAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
PADA 23 JULAI 2002, JAM 11.00 PAGI

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID JAMEK DAERAH KUALA KUBU BHARU, HULU SELANGOR PADA 1 NOVEMBER 2002

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Alhamdulillah Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana pada hari yang bersejarah dan penuh barakah ini, Beta dapat hadir bersama-sama rakyat Beta yang dikasihi sekalian di Majlis Perasmian Masjid Daerah Kuala Kubu Bharu yang indah ini.

Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada sekalian rakyat, terutamanya penduduk di qariah masjid ini kerana telah bersusah payah membuat persiapan bagi menjayakan majlis ini. Beta percaya kejayaan ini adalah hasil daripada perpaduan tenaga yang telah digembelingkan oleh semua lapisan masyarakat di sini. Sesungguhnya dengan terbina sebuah masjid yang baru, maka terlaksanalah satu daripada syariat Islam yang telah diasaskan oleh Nabi Muhammad Salallah Alaihi Wassallam dan terlaksanalah satu tanggungjawab pada umat Islam.

Beta tidak mahu wang yang dikeluarkan berjuta-juta ringgit untuk membina sebuah masjid menjadi sia-sia, sekiranya masyarakat di sekitarnya tidak bersungguh-sungguh memakmurkannya. Oleh itu, al-Quran menjelaskan mereka yang layak untuk menghidupkan dan memakmurkan masjid, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah at-Taubah ayat 18 yang bermaksud;

"Orang yang layak memakmurkan atau menghidupkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta membayar zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah. Dengan adanya sifat-sifat tersebut, maka diharapkan mereka akan menjadi golongan orang-orang yang mendapat petunjuk."

"Sesudah dibina masjid yang begini tersergam indah, laksanakanlah program yang berbentuk pengajian fardu ain seperti kelas al-Quran, Syariah, Tauhid dan sebagainya, yang merupakan perkara utama ditekankan bersama aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, ziarah dan sebagainya."

Ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dan saling bantu-membantu, tolong-menolong dalam perkara kebaikan, sama ada dalam keadaan senang atau pun susah, kerana seorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seumpama satu binaan yang saling memantapkan antara satu sama lain, sebagaimana hadis Rasulullah Salallah Alaihi Wassallam yang bermaksud:-

"Perumpamaan kaum mukmin itu dalam berkasih sayang laksana satu tubuh, yang apabila menderita salah satu anggotanya, maka seluruh tubuh akan merasakan sakitnya."

Di sini ingin Beta memberi pengetahuan kepada umat Islam di Negeri Selangor bahawa sejak kebelakangan ini Islam itu digambarkan sebagai pengganas atau ***terrorist.*** Ini adalah disebabkan sekumpulan kecil orang Islam yang mempunyai fikiran yang sempit dan ***extrimist.*** Mereka ini telah mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran dengan salah untuk kepentingan perjuangan mereka yang sia-sia yang mana ini adalah salah bukan sahaja di sisi Allah tetapi juga dari segi undang-undang dan kemanusiaan.

Beta tidak mahu melihat sekumpulan kecil orang Islam yang melakukan perbuatan yang salah ini akan mengkucar-kacirkan Negeri Selangor. Beta mahukan rakyat Islam di Negeri Selangor ini mengamalkan toleransi, baik dari segi agama dan adat resam serta mempunyai pemikiran yang terbuka dan hidup dalam harmoni dengan rakyat yang berlainan bangsa dan agama di Negeri Selangor ini. Beta yakin dan percaya dengan cara inilah sahaja, maka Negeri Selangor yang kita kasihi ini akan bertambah maju dan makmur.

Menjelang bulan Ramadhan al-Mubarak tidak berapa hari lagi Beta ingin mengingatkan seluruh lapisan masyarakat Islam di Negeri Selangor khasnya, hendaklah menghormati bulan tersebut, dengan melakukan amal ibadah dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh agama kerana dengan berpuasa akan menjadikan seorang itu lebih bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:-

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atasmu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan terhadap orang-orang yang sebelum kamu, semoga kamu menjadi orang yang bertaqwa."

Penerangan melalui Khutbah Jumaat dan media massa perlu diadakan dengan lebih kerap, untuk memberi dorongan dan galakkan umat Islam mengambil peluang keemasan beramal di sepanjang bulan Ramadhan. Pada bulan Ramadhanlah turunnya al-Quran dan pada bulan Ramadhan jugalah terdapatnya malam Lailatul Qadar, di mana beramal pada malam itu lebih baik daripada seribu bulan. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Qadri ayat 1 hingga 3 yang bermaksud:-

"Sesungguhnya telah kami turunkan al-Quran pada malam Qadar, tahukah engkau, malam Qadar itu? Malam Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan."

Beta juga ingin mengingatkan umat Islam agar tidak berbelanja dengan boros dengan menyediakan juadah yang bermacam-macam di waktu berbuka puasa, sehingga kadangkala menjadi satu pembaziran.

Begitu juga persiapan menyambut hari raya hendaklah dibuat secara sederhana, kerana bagi mereka yang mempunyai tanggungjawab anak-anak yang masih menuntut di alam persekolahan, sudah tentu memerlukan perbelanjaan apabila menjelang persekolahan bermula.

Islam telah mengingatkan umatnya agar berbelanja secara sederhana dan berhemah kerana Islam menegah umatnya berbelanja secara membazir dan boros, sehingga kadangkala menyusahkan diri sendiri. Dalam hal ini al-Quran telah mengingatkan dalam surah al-Isra' ayat 27 yang bermaksud:-

"Sesungguhnya orang yang membazir adalah saudara syaitan."

Beta juga menyeru kepada seluruh lapisan masyarakat Islam yang tinggal dan bekerja di Negeri Selangor agar menunaikan kewajipan berzakat sebelum pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing.

Akhirnya sebagai umat Islam sewajarlah melipatgandakan amalan di bulan Ramadhan kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberi keistimewaan kepada bulan Ramadhan dengan hikmah yang banyak. Semoga di sepanjang bulan Ramadhan yang mulia ini kita akan tergolong dalam golongan orang yang mendapat rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagaimana hadis Rasulullah Salallah Alaihi Wasallam yang bermaksud:-

"Di awal bulan Ramadhan itu terdapat rahmat, di tengahnya keampunan dan diakhirnya pembebasan api neraka."

Mudah-mudahan segala usaha yang dilakukan akan menjadi amal soleh yang berkekalan di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Dengan lafaz Bismilhir Rahmanir Rahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan masjid ini dengan nama **Masjid Ar-Rahimah, Kuala Kubu Baharu, Hulu Selangor.**

Sekian, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERISTIHARAN PENUBUHAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BANDARAYA SHAH ALAM, PELANCARAN E-SYARIAH PERINGKAT NEGERI SELANGOR SERTA SEMINAR UNDANG-UNDANG ISLAM NEGERI SELANGOR DI KELAB SHAH ALAM, PADA 2 OKTOBER 2003, JAM 9.30 PAGI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahhir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana pada hari yang bersejarah ini, Beta dapat bersama-sama dengan sekalian rakyat di Majlis Perisytiharan Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam dan Pelancaran E-Syariah serta Perasmian Seminar Undang-Undang Islam Negeri Selangor.

> "Beta amat gembira kerana sebuah lagi Mahkamah Syariah telah ditubuhkan di Bandaraya Shah Alam. Hasrat Beta untuk melihat Bandaraya Shah Alam ini mempunyai Mahkamah Syariah, telah menjadi kenyataan. Kewujudan Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam amat bermakna bagi membantu menyelesaikan kes-kes tertunggak di daerah Petaling. Beta berharap penubuhan ini akan dapat menyelesaikan rungutan masyarakat Islam di Shah Alam dan negeri ini amnya."

Di sini Beta ingin mengingatkan bahawa Hakim-hakim dan pegawai-pegawai di Mahkamah Syariah adalah simbol keadilan umat Islam. Sekiranya hukuman yang dijatuhkan tidak adil, ianya merupakan suatu tindakan yang zalim dan pasti akan menyiksa salah satu pihak dalam kes tersebut. Beta berharap agar para hakim dapat menjalankan tugas dengan secepat mungkin dan teratur terutamanya dalam membuat keputusan atau menjatuhkan hukuman. Janganlah dilengah-lengahkan kes-kes di mahkamah kerana ini akan menimbulkan banyak masalah kepada mereka yang telah datang menuntut keadilan dan ini akan menjatuhkan imej agama Islam di Negeri Selangor. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah an-Nisa', ayat 58 yang bermaksud;

"Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil."

Beta juga berharap, agar undang-undang Islam yang telah diluluskan baru-baru ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi menjaga keharmonian masyarakat Islam, di samping memartabatkan institusi kehakiman yang berwibawa di negeri ini. Pada hemat Beta, usaha penerangan undang-undang Islam melalui seminar seperti pada hari ini, wajar diperluaskan lagi bagi memberi kefahaman kepada masyarakat Islam tentang prosedur-prosedur di mahkamah dan undang-undang semasa. Secara tidak langsung proses keadilan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar. Beta menasihatkan agar semua rakyat jelata mematuhi perintah mahkamah khasnya para suami yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menunaikan nafkah isteri dan anak-anak, maka wajiblah dipatuhi perintah tersebut kerana ia adalah perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta dimaklumkan bahawa Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam masih belum mempunyai bangunan sendiri selain kekurangan pegawai serta kakitangan sokongan. Oleh itu, Beta berharap agar perkara ini akan dapat diatasi dengan secepat mungkin. Dalam usaha mempertingkatkan lagi kecekapan pentadbiran Mahkamah Syariah di negeri ini, Mahkamah Syariah telah memanfaatkan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pentadbirannya. Beta percaya kejayaan ini adalah hasil daripada usaha semua pihak terutamanya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Sesungguhnya perlaksanaan E-Syariah amatlah bertepatan dengan aspirasi umat Islam yang semakin berdaya saing di negeri ini mahupun di peringkat nasional dan antarabangsa. Dalam masa yang sama ianya akan memberi kemudahan kepada institusi kehakiman untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan rakyat negeri ini.

Di kesempatan ini juga Beta berharap kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor untuk menghulurkan bantuan yang sewajarnya bagi membantu pihak mahkamah untuk memperlengkapkan jentera pentadbirannya dengan menambah pegawai dan kakitangan sokongan selain kemudahan asas yang mencukupi demi memastikan sistem kehakiman Islam di negeri ini berjalan dengan lancar dan teratur. Beta percaya pertukaran nama Mahkamah Syariah Selangor kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor atau JAKESS adalah untuk memantapkan pentadbiran Mahkamah Syariah seluruh Negeri Selangor. Semoga dengan imej baru ini pentadbiran Mahkamah Syariah akan menjadi lebih cekap dan berkesan.

Akhirnya dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan ini berkenan mengisytiharkan Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam dan melancarkan E-Syariah serta merasmikan Seminar Undang-Undang Islam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA-SAMA ASHABUS SAMAHAH MUFTI-MUFTI SELURUH MALAYSIA DI ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA 9 DISEMBER 2003

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala Tuhan yang Maha Kuasa, yang Maha Pemurah lagi Penyayang, Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi dan Rasul akhir zaman serta sekalian keluarganya.

Alhamdulillah Beta bersyukur Ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat Beta pada malam ini bersama-sama dengan Ashabus Samahah Mufti-Mufti seluruh Malaysia dan juga para Ulamak yang lain serta pemimpin-pemimpin negeri. Marilah sama-sama kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala di atas segala limpah rahmat dan nikmat yang telah dikurniakan kepada kita. Mudah-mudahan segala limpah rahmat seumpama itu akan terus berkekalan, malah ditambahkan lagi dari masa ke semasa.

Kita harus bersyukur ke hadrat Allah kerana negara kita, aman dan damai jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai ujian dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh itu kita perlu mengekalkan perpaduan ini supaya kita, dapat menyumbang ke arah kemajuan dan kesejahteraan ummah.

> "Di dalam kesempatan ini Beta ingin menyeru kepada Ashabus Samahah Mufti-Mufti dan para Ulamak agar dapat membantu menyelesaikan sebarang masalah umat Islam terutamanya mengenai hal ehwal agama Islam dalam tuntutan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Begitu juga dalam perkara yang berbeza pendapat dan pandangan yang menimbulkan keraguan, maka Mufti dan Ulamak hendaklah memberi penjelasan dengan penuh hikmah dan bijaksana selaras dengan perkembangan dan kemajuan yang moden pada masa ini."

Sebagai Ketua Agama di Negeri Selangor Beta ingin melihat supaya umat Islam, khasnya orang-orang Melayu di negara ini bersatu padu dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain. Di sini para Mufti sebagai penasihat kepada Raja-Raja, terutama yang berkaitan dengan agama boleh juga memainkan peranan untuk menyatupadukan umat Islam.

Sekiranya terdapat perbezaan pentafsiran mengenai hukum, para Mufti perlu bersepakat mempermudahkan hukum yang berkenaan dan tidak terlalu fanatik. Elakkan pertelagahan supaya tidak berlaku perbezaan pendapat dan perpecahan ummah kerana para Mufti sangat dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat Islam.

Untuk itu para Mufti perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu bagi menghadapi cabaran semasa terutama era globalisasi dan teknologi maklumat di mana dunia menjadi semakin kecil dan menghadapi banyak cabaran. Para Mufti haruslah peka dan menguasai ilmu moden dan memahami realiti semasa agar dapat menjalankan tanggungjawab untuk menjawab dan menyelesaikan segala persoalan hukum syarak dan isu semasa dengan lebih tepat.

Para Mufti juga hendaklah sentiasa *up-to-date* dengan pembacaan maklumat semasa dan tidak hanya menghadkan pembacaan dalam bidang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama sahaja.

Seterusnya peranan para Mufti dan Ulamak dengan kerjasama pihak-pihak lain ialah memberi penjelasan kepada ummah bahawa Islam menuntut bukan sahaja penguasaan ilmu-ilmu keagamaan tetapi juga ilmu Fardhu Kifayah yang lain bagi membolehkan umat Islam berupaya bangkit mempertahankan dan melindungi kepentingannya serta dapat bersaing dalam era globalisasi moden ini dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain. Para Mufti hendaklah menyeru dan mendorong supaya umat Islam dapat menjadikan amalan membaca dan mempraktikkan budaya belajar sepanjang hayat.

Sebagaimana para Mufti telah maklum pada masa ini umat Islam telah dilabelkan sebagai umat yang menganjurkan keganasan. Apabila berlaku sesuatu peristiwa, yang melibatkan keganasan di seluruh dunia, umat Islam akan terus dipersalahkan walaupun belum dibuktikan secara jelas apakah sebenarnya kejadian tersebut membabitkan umat Islam.

Hakikatnya kita berdepan dengan berbagai bentuk tekanan dan kesukaran terutama dalam usaha untuk menjernihkan pandangan orang bukan Islam terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam itu sendiri. Oleh itu para Mufti mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan perkara ini kepada umat Islam supaya kita tidak terlalu fanatik yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam sendiri sehingga mengakibatkan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada keganasan di kalangan ummah.

Di Malaysia ini, fatwa telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan undang-undang Islam dan hukum Syarak. Hanya Mufti sahaja yang layak untuk mengeluarkan fatwa. Di sini Institusi Mufti adalah merupakan satu institusi yang dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat Islam kerana jawatan Mufti ini dilantik sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan ia berdamping rapat dengan Sultan bagi menasihatkan Sultan dalam hal-hal agama. Beta percaya Mufti dan Raja-Raja dapat menyatupadukan umat Islam di negara ini. Oleh itu para Mufti hendaklah sentiasa menjaga nama baik institusinya dengan tidak menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana pihak atau kepada mana-mana parti politik tertentu semasa mengeluarkan hukum atau fatwa.

Sekiranya sesuatu fatwa dipertikaikan maka akan timbul perselisihan pendapat dan akan mengakibatkan pecah belah di kalangan umat Islam. Perkara ini akan menimbulkan malapetaka kepada umat Islam dan negara.

Beta amat sukacita dan mengucapkan syabas serta tahniah kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Mufti Selangor yang telah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Perundangan Islam sempena Hari Keputeraan Beta Yang Ke-58 dengan menjemput tokoh-tokoh ulamak di tanahair kita untuk hadir. Ianya diharapkan dapat memberi idea-idea baru dalam usaha untuk mempertingkatkan martabat dan maruah umat Islam di zaman serba mencabar ini.

Beta difahamkan seminar ini merupakan antara usaha yang berterusan bagi membina pelan tindakan dan berfungsi untuk memberi kefahaman mengenai susur galur dan sejarah sistem perundangan yang sedia ada ke arah satu bentuk sistem yang bersifat lebih dinamik dan menepati aspirasi umat Islam. Beta berharap seminar ini dapat berjalan dengan lancar dari mula hingga akhirnya dan memberikan manfaat kepada mereka yang hadir, Beta berkeyakinan seminar ini juga dapat mencetuskan buah fikiran yang bernas dan berkualiti yang boleh menjadi panduan kepada seluruh umat Islam.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta dengan sukacitanya merasmikan Seminar Mufti-Mufti Seluruh Malaysia yang akan berlangsung pada 10 hingga 11 Disember, 2003.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID DAMANSARA DAMAI, PETALING JAYA PADA 1 OKTOBER 2004

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat Beta bersama-sama hadirin sekalian di Majlis Perasmian Masjid Damansara Damai, Petaling Jaya di tengah hari yang penuh keberkatan ini.

Beta ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh rakyat Beta yang Beta kasihi dan kepada semua pihak yang terlibat sehingga terbinanya masjid yang tersergam indah ini. Kekukuhan dan keindahan masjid ini menjadi lambang ketinggian syiar Islam dan ikatan persaudaraan yang erat di kalangan rakyat Beta di kariah ini.

Beta ingin mengingatkan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid agar dapat berfungsi secara berkesan, cekap, amanah, berwibawa dan berkualiti. Pada masa ini, umat Islam meletakkan harapan yang begitu tinggi supaya institusi masjid berfungsi sepenuhnya selaras dengan tuntutan agama pada hari ini. Beta juga ingin mengingatkan bahawa masjid adalah tempat yang mulia dan suci, tempat melahirkan insan yang beriman dan bertakwa. Menurut pandangan Islamı masjid adalah hak pemerintah (Haqqus Sultan) ini bererti bahawa tidak ada mana-mana pihak yang boleh bertindak sama ada membina, mentadbir dan mengurus masjid tanpa kebenaran dari pihak kerajaan dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Namun begitu, pada hari ini terdapat kumpulan tertentu mengingkari undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan masjid di Negeri Selangor seperti tidak membaca Khutbah Jumaat dan Hari Raya yang disediakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Menyampaikan khutbah, ceramah, kuliah, tazkirah dan seumpamanya yang menghasut dan melaga-lagakan umat Islam, menyebabkan umat Islam berpecah belah dan memburuk-burukkan kerajaan. Apa yang Beta mahukan supaya masjid ini dapat menyatupadukan rakyat dan bertoleransi serta tidak ada ekstremis dikalangkan umat Islam.

Penyalahgunaan tersebut, telah mengelirukan para jemaah dan menimbulkan persengketaan sesama Muslim serta melahirkan kebencian rakyat kepada pemimpin. Penyalahgunaan masjid ini juga akan mendatangkan kesan yang sangat buruk. Ia bukan sahaja melanggar undang-undang dan peraturan, malah bercanggah dengan ajaran Islam sendiri. Lebih malang lagi ada sesetengah jawatankuasa masjid cabar-mencabar hingga ke mahkamah. Beta harap perkara ini tidak berlaku di masa akan datang.

> "Pengurusan masjid seharusnya menerima perubahan daripada tradisi yang tidak dinamik kepada lebih kemaskini dan bercirikan profesionalisme. Ini kerana peranan institusi masjid boleh membantu keperibadian, perpaduan dan seterusnya kejayaan umat Islam khasnya di kariah atau kawasan masing-masing."

Beta penuh yakin sekiranya ajaran Islam diamalkan oleh setiap orang sudah pasti masyarakat Islam akan menjadi aman dan bahagia. Ini kerana setiap orang mempunyai sifat yang sama dan bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan diri masing-masing di samping menjaga keselamatan serta kesejahteraan orang lain. Hukum Islam telah diturunkan oleh Allah Subhanhu Wa Ta'ala untuk kebaikan umum iaitu kebahagiaan individu dan seluruh masyarakat Islam. Umat Islam dikehendaki supaya mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ajaran Islam tidak menyuruh umatnya mengasingkan dunia untuk mengejar akhirat semata-mata kerana ini akan menyebabkan umat Islam kelihatan lemah di dunia ini dan akan di pandang rendah oleh masyarakat lain. Walau bagaimana pun janganlah pula kerana ingin mengejar kemajuan dan kekayaan di dunia umat Islam lupa tentang tanggungjawab mereka untuk kehidupan di akhirat. Jadilah umat Islam yang berjaya, adil, amanah, bertimbang rasa, dan sentiasa berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Beta dapati akhir-akhir ini masih banyak gejala sosial berlaku dalam masyarakat kita seperti ragut, rompak, rasuah, ketagihan dadah, mencuri dan sebagainya. Semuanya ini boleh merosakkan keharmonian keluarga dan masyarakat, seterusnya boleh melumpuhkan ekonomi serta mengancam keselamatan negara.

> "Beta berharap institusi masjid dapat mengatur strategi bagi membina generasi muda yang mempunyai daya tahan dan daya juang dengan program-program yang bersesuaian. Di samping itu Beta harap Ahli Jawatankuasa Masjid dan ibubapa di kariah ini dapat memastikan generasi muda mempunyai akidah yang mantap dan daya intelektual yang mampu berhadapan dengan budaya negatif dan anasir yang tidak sihat dan merosakkan."

Beta mahukan generasi muda diasuh dengan sifat sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'alat dan juga menghargai jasa ibubapa dan kerajaan yang telah berusaha menjadikan negeri ini dalam keadaan aman, tenteram dan makmur. Generasi muda yang berkualiti adalah generasi yang mampu untuk menghadapi cabaran. Justeru itu, ia memerlukan ketabahan dalam menghadapi perubahan demi kehidupan ummah. Realiti masa kini mengehendaki generasi muda Islam untuk bekerja lebih tekun dalam membela masa depan generasi akan datang. Beta amat sukacita melihat keadaan masjid ini dan sekitarnya dalam keadaan bersih, tenang dan udaranya yang nyaman kerana kedudukannya di atas bukit. Oleh itu Beta berharap agar keadaan ini dapat dikekalkan terutama kebersihan di dalam masjid supaya kita dapat beribadat dengan selesa dan khusyuk.

Beta juga ingin menyeru seluruh umat Islam di Negeri Selangor dan khasnya di kariah ini agar dapat menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan rohaniah, iaitu tempat beribadah di samping menjadi pusat kegiatan pendidikan dan kegiatan kemasyarakatan. Harapan Beta semoga umat Islam akan menjadi umat yang bersatu mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, bertolak ansur, penyayang, dinamik dan mampu bersaing untuk kecemerlangan dan keutuhan umat Islam. Beta juga ingin melihat Masjid Damansara Damai boleh berperanan menyatupadukan dan memajukan penduduk di samping peranan utamanya sebagai tempat beribadat. Beta berharap jangan jadikan masjid sebagai tempat berpolitik dan tempat untuk menunjukkan diri serta berpuak-puak yang mana ini akan memecah-belahkan perpaduan masyarakat seperti firman Allah di dalam surah Al-Imran ayat 103 yang bermaksud:-

"Berpegang-teguhlah kamu dengan tali Allah (agama) dan janganlah berpecah-belah".

Beta amat berharap tokoh-tokoh agama, pegawai dan Ahliahli Jawatankuasa Masjid sentiasa menyokong dan memainkan peranan aktif dalam menjayakan program-program kerajaan yang membawa ke arah kecemerlangan ummah. Islam adalah agama yang mudah dan bukan merupakan satu bebanan. Ia sesuai di semua zaman, dan masa. Kita harus berusaha agar umat Islam menjadi umat yang terbaik yang dilahirkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 100 yang bermaksud:-

"Kamu (umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan,bagi manusia, kerana kamu berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang mungkar, serta kamu beriman kepada Allah".

Sehubungan itu juga Beta ingin mengajak para hadirin sekalian supaya sentiasa mensyukuri nikmat Allah yang sentiasa melimpah-ruah tanpa mengira asal keturunannya. Sesiapa yang banyak usaha dan amal, maka dialah yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Akhirnya dengan kalimah "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid Damansara Damai, Petaling Jaya dengan nama Masjid Al-Muhtadin.

Sekian, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH DAN SEMINAR SELANGOR 2005, MODEL ISLAM SEBUAH EKONOMI MAJU DI HOTEL BLUE WAVE, SHAH ALAM PADA 7 DISEMBER 2004, JAM 9.30 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat Beta bersama sama dan melafazkan titah ucapan sempena Majlis Perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor 2005: "Model Islam Sebuah Ekonomi Maju" pada pagi ini. Beta ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan majlis ini dan Beta berharap seminar seperti ini akan dapat memberi manfaat kepada kita semua.

"Sebagai umat Islam kita perlu berjaya dalam kehidupan dunia dan akhirat. Ianya memerlukan ilmu pengetahuan dan pegangan agama yang kuat. Umat Islam perlu melibatkan diri dalam pembangunan negara dan sama-sama menyumbang ke arah kemajuan serta kesejahteraan ummah. Dalam hal ini umat Islam perlu memastikan ekonomi mereka stabil dan kukuh.

Beta amat setuju dengan langkah yang dibuat oleh pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Mufti Selangor mengadakan Multaqa seperti ini. Perkara ini penting kerana negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang unik, cuba membangun dengan caranya sendiri."

Kita tidak mahu melihat Malaysia membangun pesat dari segi material dan kebendaan tetapi dalam masa yang sama menghadapi masalah keruntuhan nilai-nilai murni masalah jenayah yang tinggi dan jurang perbezaan pendapatan, yang ketara antara penduduk dan bangsa yang ada di negara ini. Jika keadaan ini berlaku Beta percaya pembangunan yang dirancang tidak akan bermakna dan kestabilan politik serta kemajuan negara tidak akan kekal lama. Oleh itu Beta yakin dengan adanya Multaqa seperti ini ia dapat mengumpulkan cendekiawan dan bijak pandai agama serta para Ulama' untuk memberikan idea dan pandangan yang bernas dalam usaha untuk bekerjasama dengan pihak pentadbiran negara dan pemerintah, bagi membangunkan negara Malaysia yang kita cintai. Ini selaras dengan tuntutan Agama Islam kita supaya Ulama' dan Pemerintah perlu bekerjasama bagi memastikan kemajuan negara dapat berjalan seiring dengan kehendak agama.

Beta difahamkan Multaqa kali ini akan membincangkan ekonomi dan pembangunan negara Islam. Sebagai sebuah negara Islam kita perlu menunjukkan kepada negara lain, bahawa umat Islam boleh maju dan berjaya dalam hidup, dan sentiasa menitik beratkan kesejahteraan untuk semua. Oleh itu bagi memastikan semua pihak dapat merasakan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan, Beta berharap penekanan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang dalam semua sektor ekonomi perlu dibuat samada dalam sektor perindustrian, pembuatan hinggalah kepada sektor pertanian, yang telah

dititik beratkan oleh pihak kerajaan pada hari ini. Agihan semula yang sama rata dan seimbang, hasil pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dalam semua sektor amat penting kerana ianya akan menjadi isu teras kepada sesuatu pembangunan seterusnya akan mewujudkan kestabilan sosial dalam masyarakat.

"Segala usaha yang dilakukan dalam meneroka pelbagai bidang ekonomi baru, perlulah berlandaskan kepada prinsip iman dan takwa iaitu pembangunan yang menyeluruh melibatkan infrastruktur, fizikal, mental dan spiritual masyarakat."

Beta bersyukur, kerana Kerajaan Selangor khususnya, pada hari ini telah dan sedang membuat pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kerajaan juga sedang merangka untuk perancangan masa hadapan yang lebih baik. Perancangan bandar, perumahan, infrastruktur pembangunan fizikal dan sebagainya yang semakin giat dilakukan, diharapkan dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih luas. Dalam usaha Selangor menuju ke arah negeri maju, Beta berharap beberapa aspek seperti pendidikan, perpaduan di antara kaum, taraf hidup rakyat, masalah setinggan dan sebagainya hendaklah diberi perhatian. Pertambahan penduduk yang semakin meningkat, ketidak seimbangan di antara penduduk dan kemudahan yang disediakan, kemasukan tenaga buruh asing yang tidak terkawal sedikit sebanyak akan menyumbang kepada berlakunya masalah sosial seterusnya akan meningkatkan indeks jenayah di negeri ini.

Pengwujudan sesebuah kawasan seperti Kawasan Zon Halal - *One Stop Centre* adalah langkah yang baik dan ianya merupakan salah satu strategi bagi menembusi pasaran Antarabangsa. la merupakan isu penting bagi umat Islam. Bagi menjayakannya, Beta amat bersyukur kerajaan Selangor telah mengambil langkah pro-aktif dan telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari semua pihak. Beberapa peraturan yang sedia ada perlu diperkemaskan semula oleh pihak berwajib dalam rangka untuk mempromosi Malaysia dan Selangor khususnya sebagai pusat produk makanan halal di dunia. Tumpuan kepada bidang bio-teknologi tidak hanya kepada pengeluaran semata-mata, tetapi juga kepada usaha untuk membuat penyelidikan dan pembangunan Research and Development (R&D). Pihak Kerajaan Selangor perlu mencari pelabur yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu. Penerokaan bidang bio-teknologi bolehlah dianggap sebagai satu peluang pelaburan baru yang perlu dibangunkan.

Pada masa dulu sektor pertanian disifatkan sebagai sektor ekonomi sara diri. Pendapatan para petani dan penternak yang terlibat dalam sektor ini hanya cukup untuk menyara diri dan keluarga sahaja. Tetapi kini, dengan kemampuan teknologi, pengusaha (buruh) yang ramai dan faktor tanah yang mencukupi, sektor pertanian atau produk hasil daripada sektor ini boleh dikembang-majukan lagi dengan sokongan institusi-institusi yang berkaitan. Sektor pertanian mempunyai potensi yang besar bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri ini. Selain daripada menghasilkan produk mentah dan mewujudkan konsep satu daerah satu produk, Selangor pada hari ini masih terlalu banyak bergantung kepada bahan import. Sepatutnya tidak timbul masalah kekurangan bahan makanan asasi. Oleh itu, Beta berharap masyarakat tani harus dibantu bagaimana untuk mengembangkan dan mengkomersialkan produk mereka dengan meluas di pasaran terbuka.

Sukacita juga di sini Beta ingin menyarankan supaya masalah alam sekitar tidak dilupakan dalam usaha mengadakan pembangunan. Pemeliharaan dan pemulihan alam sekitar tidak boleh dipertanggung- jawabkan kepada pihak yang tertentu sahaja. Al Quran sendiri banyak menyentuh tentang isu ini. Kita sebagai khalifah perlu berusaha untuk memakmurkan bumi Allah ini dengan tidak mencemar dan merosakkan kualiti alam sekitar yang telah dianugerahkan kepada kita semua. Menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab semua.

Kesimpulannya dapatlah Beta nyatakan di sini bahawa untuk meletak asas kepada sesuatu pembangunan, kita sebenarnya perlu kembali kepada institusi keluarga dan masyarakat. Sesuatu pembangunan itu tidak akan bermakna dan lengkap sekiranya ia tidak menyumbang kepada pembentukan masyarakat sejahtera. Begitu juga untuk mencapai keamanan dan kesejahteraan di negara kita ini umat Islam mestilah bersatu padu walaupun mempunyai fahaman yang berbeza dan berlainan. Umat Islam di negara ini mestilah menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dengan bermesyuarah serta berbincang dengan hati yang terbuka dan ikhlas. Janganlah mengikut perasaan sehingga boleh mencetuskan perbalahan dan syak wasangka yang akan memecahbelahkan masyarakat Islam. Akhirnya sekali lagi Beta ingin mengucapkan penghargaan, dan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang memberi kerjasama kepada Kerajaan Beta menganjurkan Multaqa ini. Demikian juga kepada Jabatan Mufti Selangor dan jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam menjayakan Multaqa ini.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor 2005.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS PERASMIAN MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH DAN SEMINAR SELANGOR 2005,
MODEL ISLAM SEBUAH EKONOMI MAJU DI HOTEL BLUE WAVE, SHAH ALAM
PADA 7 DISEMBER 2004, JAM 9.30 PAGI



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH PADA 8 MAC 2005

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapatlah Beta merasmikan bangunan ini yang menjadi lambang keteguhan syiar Islam di Negeri Selangor.

"Beta amat berbangga dengan terbinanya sebuah bangunan yang indah ini, yang menempatkan institusi-institusi Agama Islam Selangor seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti, Kehakiman dan Syariah serta Pusat Zakat dan lain-lain dalam satu kompleks, yang akan dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat yang beragama Islam di Negeri Selangor ini."

Beta berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah membiayai sepenuhnya pembinaan bangunan yang indah ini. Oleh yang demikian Beta menyeru supaya semua pegawai dan kakitangan yang bertugas disini dapat menggunakan bangunan ini dengan sebaik-baiknya di samping menjaga kebersihan dan persekitarannya. Beta percaya bangunan yang tersergam indah ini dan dilengkapi dengan peralatan yang canggih akan dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan berkualiti dalam mentadbir hal ehwal agama Islam, untuk rakyat di Negeri Selangor ini.

Beta tidak mahu mendengar rungutan dari rakyat Beta tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai Jabatan Agama Islam lambat dan lembap serta mengambil masa yang panjang untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan. Oleh itu, institusi-institusi seperti Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam Selangor, Pusat Zakat, Baitulmal dan lain-lain hendaklah terus berazam meningkatkan kecemerlangan Islam melalui hukum-hukum perundangan, pengurusan pentadbiran masjid, pengurusan sekolah, pengurusan Baitulmal dan pengurusan Pusat Zakat dan dakwah yang lebih berkesan, berkualiti dan berhemah.

"Sebagai satu badan yang mentadbir agama Islam di Negeri Selangor ini, Beta mahukan pegawai pentadbir dan penguatkuasa hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih berhemah tinggi dan jangan mengikut perasaan sehingga boleh menjatuhkan imej dan maruah. Penguatkuasaan yang dibuat hendaklah mengikut panduan dan peraturan yang ditetapkan, menentukan keutamaan dan strategi yang berkesan. Janganlah mengambil tindakan sebelum mendapat maklumat yang tepat. Banyak masalah-masalah yang penting yang perlu dihadapi dan diambil tindakan, supaya ia tidak berleluasa dan mendatangkan mudarat kepada rakyat Negeri Selangor."

Masalah-masalah yang penting, yang Beta sebutkan tadi seperti ajaran salah dan sesat, masjid yang mana jemaahnya berpecah dan berpuak-puak serta bersembahyang mengikut imam masing-masing yang ada kalanya imam ini tidak bertauliah, masjid yang mana Ahli-ahli Jawatankuasanya berbalah dan masjid yang Ahli-ahli Jawatankuasanya tidak mahu mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor, memberi ceramah dalam masjid tanpa kebenaran daripada JAIS dan juga menggunakan masjid sebagai tempat berpolitik adalah perkara-perkara yang sekiranya tidak dibendung dan diatasi dengan tegas, akan memecah-belahkan perpaduan umat Islam dan juga orang Melayu di Negeri Selangor yang kita kasihi ini.

Pihak JAIS hendaklah memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang Beta sebutkan tadi kerana perpecahan umat Islam dan orang Melayu akan merugikan kita dan menjadikan Negeri Selangor ini negeri yang mundur dan umat Islam serta bangsa Melayu di negeri ini akan ketinggalan. Perkara-perkara yang remeh-temeh dan hanya untuk mendapatkan sensasi di dalam akhbar hendaklah dihadapi dengan bijaksana, supaya tidak mendatangkan aib dan malu kepada golongan muda dan remaja. Beta khuatir jika golongan muda dan remaja Islam terlalu terhimpit dan tersekat akan menjadikan mereka bosan dan tidak akan menerima ajaran Islam yang mereka fikirkan terlalu sempit dan akan membuat para remaja mengambil tindakan yang membolehkan mereka menjadi murtad. Dari kaca mata mereka yang bukan beragama Islam pula akan melihat agama Islam ini terlalu susah untuk dianuti dan akan memandang rendah terhadap agama Islam.

Golongan muda boleh diperbetulkan dengan cara yang lebih berhemah seperti memberi nasihat, motivasi dan mengadakan seminar tetapi bukannya dengan kekerasan sehingga memalukan serta menjatuhkan air muka dan maruah seseorang itu. Dalam perundangan dan syariah di Negeri Selangor, Beta masih banyak mendapat rungutan daripada rakyat Beta di mana sesuatu keputusan dalam penghakiman diberi terlalu lama dan lambat, dan ini menyusahkan pihak yang terlibat baik dari segi nikah kahwin, penceraian dan juga pembahagian harta. Mahkamah Syariah hendaklah membuat keputusan dengan cepat tepat dan efisien, supaya mereka yang terlibat dapat meneruskan kehidupan harian mereka dengan selesa dan sempurna. Jika pihak kehakiman tidak membuat keputusan yang adil dan cepat, ini merupakan satu kezaliman ke atas pihak yang ingin menuntut keadilan.

Banyak kes-kes syariah sekalipun betul dari segi undang-undang masih boleh lagi dipersoalkan kerana tindakan yang dibuat secara tidak berhemah dan keterlaluan. Beta suka mengesyorkan di sini agar selalu berbincang dan mengadakan seminar untuk mengatasi masalah serta untuk mendapat penyelesaian dalam perkara ini, serta meminta pandangan dari alim ulama' dan pemimpin agama Islam yang berpengalaman.

Di sini Beta ingin menyatakan bahawa Beta sangat bersetuju dengan seruan Perdana Menteri Malaysia terhadap Islam Hadhari. Islam Hadhari adalah amat sesuai untuk umat Islam di zaman ini kerana ia menyeru supaya umat Islam bekerja bersungguh-sungguh dalam apa jua lapangan, termasuk bidang ekonomi, sains dan teknologi supaya maju dan dapat bersaing dengan umat lain di dunia, tetapi dalam masa yang sama, umat Islam diseru supaya beribadat untuk bekalan di akhirat. Islam Hadhari menyeru supaya umat Islam tidak terlalu extremist tetapi memahami dan menghormati bangsa dan agama yang lain. Islam Hadhari juga menyeru supaya umat Islam mempunyai pemikiran yang terbuka dan boleh menerima perkara-perkara yang baik untuk membina rohani dan jasmani serta hidup dengan harmoni antara satu sama lain. Beta percaya jika kita umat Islam di Negeri Selangor mempraktikkan Islam Hadhari ini, maka Negeri Selangor yang kita kasihi ini akan menjadi sebuah negeri yang maju, aman dan damai serta penuh kesejahteraan untuk dikecapi bersama oleh rakyat yang berbilang kaum di negeri ini.





Beta merasa bangga, bahawa melalui berbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh berbagai jabatan di sini telah banyak mendatangkan kemajuan. Pengurusan Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti dan Kehakiman serta Pusat Zakat Selangor telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000. Perolehan kutipan zakat pada tahun 2004 telah meningkat kepada Ringgit Malaysia 108 juta, berbanding dengan sepuluh tahun yang lalu sebanyak Ringgit Malaysia 15.9 juta. Walau bagaimana pun Beta mahu supaya Pusat Zakat sentiasa prihatin dan telus serta memastikan bahawa wang zakat diagihkan dengan sebaik-baiknya kepada mereka yang berhak.

Beta sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor ini berasa bangga kerana MAIS, JAIS dan pegawai-pegawainya serta alim ulama' mempunyai pemikiran yang terbuka dan telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kepada umat Islam di Negeri Selangor. Sempena perasmian bangunan ini, sukacita Beta maklumkan di sini bahawa sebuah buku mengenai kemajuan pentadbiran Islam Negeri Selangor dari masa lalu hingga kini telah diterbitkan. Beta mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pegawai dan jabatan yang telah menjayakan penerbitan buku ini. Beta berharap banyak lagi penerbitan buku boleh diusahakan terutama dalam penerbitan buku berkaitan ibadah, sejarah dan budaya Islam. Beta juga berharap bangunan ini akan menjadi sebuah pusat sumber agama Islam bagi membolehkan semua umat Islam menjadikannya sebagai pusat rujukan.

Akhirnya, Beta sekali lagi ingin mengingatkan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di bangunan agama Islam ini dan juga pegawai penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor supaya dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sabar, amanah dan penuh bertimbang rasa. Beta berdoa, ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga agama Islam di Negeri Selangor ini akan sentiasa dipandang mulia dan dihormati, insya Allah.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan bangunan agama Islam yang indah ini dengan nama **Bangunan Sultan Idris Shah.**

Sekian, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH PADA 8 MAC 2005





MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH PADA 8 MAC 2005

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PEMERKASAAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR DI BLUE WAVE HOTEL, SHAH ALAM 21 MAC 2005, JAM 10.00 PAGI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismil'ahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala Tuhan semesta alam selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya Majlis Agama Islam Selangor atau MAIS, kini berada di atas landasan yang betul.

Beta ingin mengingatkan sejarah dahulu di mana umat Islam pernah muncul sebagai umat yang teragung dan memainkan peranan sebagai pemimpin dan penyelamat umat manusia. Namun pada masa ini, umat Islam berada pada alaf yang paling kritikal bagi menentukan survival bangsa, agama Islam, negara dan tamadun. Umat Islam berhadapan dengan masalah kemiskinan, perpecahan dan penindasan. Rata-rata negara Islam menghadapi masalah ekonomi, politik dan sosial.

Oleh itu tibalah masanya umat Islam mencari formula bagaimana umat-umat yang dahulu boleh berjaya dan dihormati oleh dunia. Inilah kewajipan utama yang perlu dilaksanakan oleh MAIS, badan-badan Islam dan para alim ulama'.

Kewajipan MAIS adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7 kurungan 1, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan,

"Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak"

MAIS diwujudkan pada tahun 1952. Kini MAIS sudah berusia hampir 53 tahun. Pelbagai peningkatan telah berlaku pada peranannya perundangannya dan struktur pertubuhannya. Perkembangan yang terakhir ialah dengan terbinanya Bangunan Sultan Idris Shah, khas bagi menempatkan jabatan-jabatan Agama Islam di negeri ini. Semuanya dibuat adalah demi memantapkan lagi usaha mentadbir dan memartabatkan syiar Islam di Negeri Selangor. Dengan adanya bengkel pemerkasaan MAIS selama dua hari ini,

"Beta berkenan supaya semua jabatan dan badan Islam yang terlibat serta para peserta yang dijemput khas, akan memberi tumpuan yang sepenuhnya untuk meningkatkan lagi keberkesanan MAIS. Beta berharap, supaya perbincangan bengkel ini kelak akan dapat menghasilkan satu pelan bertindak yang baik. Dalam hal ini Beta berharap perkara-perkara asas yang penting perlu diberi perhatian dan pertimbangan."

"**Pertama:** mestilah wujud penyelarasan antara idealisme dan realiti. Apa yang kita matlamatkan tidak akan menjadi kenyataan jika persiapan kita dalam bentuk ilmu, kemahiran, kebijaksanaan dan integriti diri tidak mencukupi. Oleh itu kemampuan kita perlulah selaras dengan apa yang dirancangkan.

Kedua: hendaklah wujud penyelarasan antara berdakwah dan pendakwaan. Islam adalah agama yang bukan sahaja mencegah kemungkaran tetapi juga menganjurkan supaya kita melakukan kebaikan. Kita mesti peka dan teliti dalam kedua-dua aspek ini. MAIS dan badan-badan Islam laini perlu memikirkan bagaimana untuk memartabatkan Islam itu boleh dilihat sebagai sesuatu yang sangat indah dan tepat pada keperluan manusia. Oleh itu sekiranya sesuatu hukuman itu dijatuhkan pun, masyarakat akan insaf bahawa ia adalah untuk keharmonian masyarakat itu sendiri.

Ketiga: hendaklah ada penyelarasan kerja antara golongan alim ulama' dan pakar-pakar Islam dalam bidang profesional. Kita semua sedia maklum bahawa kemahiran yang dikuasai oleh kebanyakan golongan Muslim pada hari ini tidak menyeluruh dan terbatas berbanding ulama' dahulu seperti Imam Al-Ghazali, At-Tusi, As-Syafi'i, Ibnu Khaldun dan ramai lagi. Oleh itu alim ulama' dan muslim-muslim profesional yang ada pada masa ini perlu digabungkan, demi masa depan tamadun dan umat Islam."

Untuk menjadikan semua ini satu kenyataan, maka semua yang terlibat dalam pentadbiran Islam mesti berazam untuk cemerlang. Oleh itu, setiap yang diputuskan bersama mestilah dikotakan, dan setiap yang dihajatkan mesti disusuli dengan usaha yang gigih, manakala semua yang dirancang mesti dilaksanakan, dan setiap kesilapan hendaklah diperbetulkan dan jangan diulangi.

Beta ingin mengingatkan bahawa kebanyakan kegagalan dalam sejarah umat Islam bukan kerana kekurangan material atau fizikal tetapi dalam banyak hal kegagalan berpunca daripada sikap yang tidak serius, usaha yang tidak bersungguh-sungguh serta fikiran yang cetek yang seringkali memudahkan kegagalan.

Dalam pada itu Beta mahu supaya beberapa tindakan segera diambil dalam hal-hal berikut:

- menggalakkan budaya muzakarah antara golongan-golongan Islam yang mempunyai pelbagai kemahiran;
- mengutamakan latihan untuk kemajuan diri bagi semua warga kerja Muslim sesuai dengan keperluan masing-masing;
- menetapkan kesilapan sifar dalam pelaksanaan kerja dan sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan; dan
- menambah ilmu agama, melalui penerbitan berkualiti dan penulisan baru yang akan meningkatkan khazanah ilmu Islam yang ada.

Dalam konteks MAIS dan badan-badan Islam yang bernaung bersamanya, Beta berkenan supaya setiap badan, melakukan semakkan ke atas agensi masing-masing. Ini bertujuan untuk mencari kelemahan yang perlu segera diperbaiki serta untuk meneliti sama ada wujud lagi ruang-ruang lain yang perlu dipertingkatkan. Janganlah takut pada pembaharuan sekiranya pembaharuan itu tidak melanggar hukum syarak dan wajar dilaksanakan. Beta mahu badan-badan Islam seperti MAIS, JAIS, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah, Pusat Zakat Selangor, Baitulmal, masjid dan lain-lain badan Islam akan menjadi contoh kepada organisasi-organisasi lain sebagai agensi yang cekap, telus dan cemerlang.

Beta perhatikan bahawa imej negatif yang satu ketika dahulu dikaitkan dengan Islam sudah beransur kurang. Tetapi masih banyak ruang yang perlu diisi dengan usaha yang berkualiti serta sikap yang tabah. Ini dapat dilihat dari segi cara kita bekerja atau mendekati sesuatu isu seperti dalam hal pendakwaan, menjatuhi hukuman dan penguatkuasaan undang-undang. Gunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk faedah yang maksimum dan memberi kesan positif dalam jangkamasa panjang dan bukan menggalakkan perpecahan. Dalam pembinaan surau misalnya, Beta tidak berkenan surau-surau dibina di bandar-bandar sehingga menyebabkan ramai umat Islam kurang pergi ke masjid.

Surau-surau di bandar hanyalah dibina untuk sementara dan apabila masjid yang indah telah dibina, semua jemaah hendaklah menggunakan sepenuhnya kemudahan yang terdapat di masjid dan surau bolehlah digunakan sebagai Pusat Pendidikan Al-Qur'an dan lain-lain aktiviti kebajikan. Di luar bandar pula, pembinaan surau adalah perlu disebabkan kedudukan rumah-rumah yang berjauhan dan kurang kemampuan penduduk untuk ke masjid yang biasanya terletak jauh daripada tempat kediaman.

Setakat ini, Beta berbangga dengan prestasi jabatan-jabatan Agama Islam di negeri ini terutamanya dari segi pengurusan kerana semua institusi agama Islam di negeri ini seperti Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Mahkamah Syariah, Pejabat Mufti, Pusat Zakat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan lain-lain, telah memperolehi pengiktirafan MS ISO 9000:2000.

Kita juga telah maju dalam banyak aspek, seperti kemudahan terbaikt bagi pendidikan rendah agama hinggalah pendidikan Islam peringkat tertinggi. Disamping itu pengurusan zakat yang baik dengan kutipan melebihi 100 juta pada tahun 2004 dan mendapat perakuan sijil bersih Penyata Kewangan MAIS bagi lima tahun berturut-turut sejak tahun 1998.

Di samping kejayaan-kejayaan ini, kita masih menghadapi banyak cabaran dan masalah. Umat Islam sedang menghadapi arus globalisasi yang tidak dapat dielakkan. Kemajuan teknologi maklumat dan internet mempermudah lagi nilai-nilai negatif mempengaruhi umat Islam jika ianya disalah gunakan.

Golongan belia atau remaja akan mudah menjadi sasaran anasir-anasir negatif yang di salurkan. Peranan MAIS, badan-badan agama dan alim ulama' Islam tentulah berat. Undang-undang dan hukuman sahaja tidak menjamin umat Islam sekalipun benar dan berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah tanpa pendekatan yang lebih strategik dan berkesan.

Islam Hadhari mengajak kita, sebagai khalifah Allah, membuat perancangan yang teliti untuk kehidupan di. dunia dan juga akhirat. Ke arah ini, syarat-syarat yang mesti ada pada diri umat Islam termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan ialah penguasaan ke atas ilmu. Penguasaan ke atas ilmu agama, seperti syariah, akidah dan akhlak hendaklah diimbangi atau disepadukan dengan ilmu dunia yang meliputi sejarah dan tamadun manusia, sains dan teknologi, bahasa dan sebagainya. Kesemuanya ini akan menjadikan manusia dipandang tinggi dan mulia.

Peranan MAIS, di masa depan bertambah berat bukan setakat memperbaiki sosio ekonomi umat Islam atau membanteras ajaran-ajaran sesat atau mengatasi kemiskinan, tetapi usaha MAIS hendaklah juga meliputi langkah-langkah memperteguhkan benteng ketahanan spiritual dan akidah umat Islam di negeri ini terutama di kalangan belia-belia. Ini adalah satu cabaran hebat kepada umat Islam di masa sekarang, memandangkan kemajuan teknologi bergerak lebih pantas berbanding dengan tindakan yang kita lakukan dari segi pengukuhan iman, moral dan nilai murni umat Islam.

Oleh itu, perancangan yang baik akan membolehkan kita menilai cabaran-cabaran dan masalah-masalah semasa dan yang akan datang, menentukan keutamaan kerja, menetapkan strategi atau pendekatan yang lebih baik dan berkesan. Proses ini hendaklah dilakukan oleh semua jabatan yang mahu kepada kecemerlangan di dunia dan akhirat.

Akhirnya, dengan kalimah "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta merasmikan Bengkel Pemerkasaan Majlis Agama Islam Selangor.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG PADA 18 JUN 2005, JAM 10.00 PAGI.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan izinNya, Beta dapat bersama-sama dalam Majlis Sambutan Jubli Emas Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, pada pagi ini. Beta mengucapkan syabas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Persatuan Alumni dan Pengetua serta warga Kolej Islam Sultan Alam Shah kerana berjaya merancang dan merealisasikan program yang bersejarah ini.

Sambutan Jubli Emas, Kolej Islam Sultan Alam Shah ini akan mengembalikan semula nostalgia peristiwa penubuhan Kolej Islam 50 tahun yang lalu. Peranan golongan intelektual Islam yang gigih, untuk menzahirkan cita-cita murni ini telah disokong kuat oleh Raja-Raja Melayu pada masa itu. Kerjasama yang erat antara ulama dan pemerintah telah mendatangkan hasil yang tidak ternilai harganya iaitu dengan tertubuhnya Kolej Islam Malaya pada tahun 1955. Harapan t dan cita-cita umat Islam di Tanah Melayu pada masa itu untuk melihat sebuah institusi pendidikan Islam telah tercapai.

Sukacita Beta mengimbas kembali hasrat Nenda Beta, Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah bagi menyempurnakan kewujudan Kolej Islam ini. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Dipertua PIBG tadi, rancangan awal tapak Kolej Islam ini ialah di Johor, tetapi Nenda Beta amat berharap agar Kolej Islam ini ditempatkan di Negeri Selangor iaitu di Klang. Oleh itu Nenda Beta telah mewakafkan Istana Jam'iyah ini, iaitu istana peribadi Baginda dan juga tempat Beta diputerakan (yang sekarang ini tapak Kolej Islam Sultan Alam Shah), sebagai asas penubuhan institusi ini, pada 2 Mac 1953.

Sesungguhnya hasrat Nenda Beta untuk menubuhkan institusi pendidikan tinggi agama Islam ini telah lama menjadi cita-cita Baginda sebagaimana titah Baginda,

"Perkara Kolej Islam Se-Malaya ini memang ada dalam citacita kita semenjak dahulu lagi, tetapi belum sempat dijalankan kerana memandangkan kepada perkara-perkara yang lebih jauh".

Dalam buku ***Kolej Islam: Sejarah dan Perkembangan,*** karya Abdul Talib Hamid dan Firdaus Ahmad Azzam, yang telah dihadiahkan kepada Beta pada tahun 2003 yang lalu, telah menjelaskan bahawa usaha untuk menubuhkan Kolej Islam ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan. Masalah utama ialah kewangan yang merupakan isu yang telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh pihak Pentadbir Kolej. Walau bagaimanapun, dengan adanya kerjasama yang erat antara rakyat di Tanah Melayu,dengan Raja-raja Melayu dan sokongan negara-negara Islam maka Kolej Islam yang diimpikan telah menjadi kenyataan dan kebanggaan umat Islam di negara ini pada ketika itu.

Sejarah ringkas yang Beta nyatakan tadi diharap dapat menaikkan semangat kepada semua pihak, khususnya para pendidik dan pelajar untuk meningkatkan usaha bagi mencapai kecemerlangan. Semangat untuk menuntut ilmu,yang ditunjukkan, oleh generasi lalu perlu diteruskan oleh generasi sekarang. Sebagai sebuah sekolah berasrama penuh, peranannya untuk melahirkan Pemimpin yang Berilmu Pengetahuan dan Bertakwa akan terus dilaksanakan oleh para pendidik di Kolej Islam Sultan Alam Shah ini.

"Bersempena Jubli Emas Kolej Islam Sultan Alam Shah ini, Beta ingin menasihati para pelajar agar sentiasa menjaga nama baik Kolej Islam Sultan Alam Shah dan berpegang teguh serta mengamalkan ajaran Islam. Pelajar-pelajar di Kolej Islam Sultan Alam Shah ini mestilah bergaul dengan harmoni, menghormati antara satu sama lain serta bantu membantu dalam pergaulan mereka seharian. Mereka yang junior menghormati pelajar yang senior dan yang senior pula hendaklah membimbing serta menunjuk ajar, kepada pelajar-pelajar baru atau yang lebih muda daripada mereka."

Perkara buli membuli hendaklah dihindarkan. Beta tidak berkenan perkara ini berlaku di Kolej Islam Sultan Alam Shah ini dan sekiranya berlaku, Beta akan menitahkan supaya tindakan yang keras diambil terhadap mereka, baik individu atau berkumpulan, yang melakukan perkara ini.

Selain dari itu, Beta juga menasihatkan pelajar-pelajar di sini, supaya menjauhi gejala-gejala yang tidak sihat serta amalan negatif seperti melawan guru dan ibu bapa, terlibat dengan najis dadah dan vandalisme kerana perkara yang negatifini tidak memberikan keuntungan sedikit pun kepada pelajar, bahkan akan menyusahkan masyarakat, dan negara. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni dan budi bahasa yang terpuji sewajarnya menjadi amalan hidup para pelajar. Ingatlah, para pelajar kini merupakan pemimpin negara pada masa hadapan.

Begitu juga kepada para pendidik, Beta berharap berbaktilah dengan hati yang ikhlas dan bersabar menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan yang memerlukan pengorbanan. Mudah-mudahan amalan pendidik yang ikhlas itu, akan diberi ganjaran yang setimpal oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala di akhirat nanti. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang bermaksud:-

"Apabila mati anak Adam maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu, sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan untuknya".

Beta juga mengharapkan agar bekas pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah akan terus bersatu tenaga untuk membantu Kolej Islam Sultan Alam Shah ini dalam bidang dan kepakaran masing-masing. Beta tahu kelulusan bekas pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah ini bukan sahaja dalam bidang keagamaan tetapi juga dalam bidang profesional seperti doktor, jurutera, hakim, peguam, pegawai tadbir dan sebagainya. Beta bangga kerana ramai penuntut dari kolej ini telah berjaya dan memegang jawatan yang tinggi.

Beta menyeru kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor khasnya dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru Kolej Islam Sultan Alam Shah supaya sama-sama dapat memberi sumbangan samada dari segi material, buah fikiran dan nasihat bagi memajukan Kolej Islam Sultan Alam Shah. Beta mahu Kolej Islam Sultan Alam Shah ini akan menjadi sebuah institusi pendidikan Islam yang dapat menghasilkan insan yang berpendidikan bukan sahaja dalam bidang akademik malah mempunyai nilai-nilai murni serta keperibadian yang terpuji.

Akhir sekali, Beta mendoakan Kolej Islam Sultan Alam Shah akan terus unggul dan cemerlang, serta dikenali di seluruh negara. Semoga Allah sentiasa memberikan rahmat--Nya kepada warga Kolej Islam Sultan Alam Shah dan kita semua. Insya-Allah.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Jubli Emas Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TAHUN
2006–2010

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN MA'AL HIJRAH 1427H PERINGKAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DI MASJID AS-SOLIHIN, KANCHONG DARAT PADA 31 JANUARI 2006

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam selawat dan salam, ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Beta dapat hadir di Majlis Sambutan Ma'al Hijrah 1427 Hijrah pada pagi ini.

Sesungguhnya majlis memperingati peristiwa hijrah yang dianjurkan setiap tahun ini merupakan satu usaha murni untuk memahami, merasai dan menghayati perjuangan dan semangat hijrah yang dicetuskan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman dalam surah at-Taubah ayat 20 yang bermaksud:-

" (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka, adalah lebih besar dan tinggi darjatnya, di sisi Allah (daripada orang-orang yang memberi minum orang-orang haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka inilah orang-orang yang berjaya"

Baginda berhijrah dari Mekah ke Madinah bukan kerana takut kepada ancaman orang kafir Mekah, tetapi ia mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Selain mematuhi perintah Allah, ia juga bertujuan mempertingkatkan lagi dakwah Islamiah dengan lebih luas dan menyeluruh.

Sempena menyambut Ma'al Hijrah 1427 ini, Beta mahu seluruh umat Islam khasnya di Negeri Selangor ini hendaklah berubah ke arah yang lebih positif. Beta mahu umat Islam lebih tekun bekerja, proaktif dan bertoleransi antara satu sama lain untuk lebih maju serta berjaya dalam bidang-bidang yang diceburi. Dalam pada itu, umat Islam di negeri ini hendaklah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana kita semua hidup dalam keadaan aman dan sejahtera di Negeri Selangor ini hasil daripada perpaduan antara kaum. Oleh itu, Beta menyeru agar perpaduan ini dieratkan lagi demi untuk kemajuan rakyat negeri dan negara yang kita cintai ini.

"Beta berharap umat Islam dapat menghayati falsafah hijrah ini, terutamanya tema sambutan kali ini "Keunggulan Ilmu Teras Kegemilangan Ummah". Marilah sama-sama kita berlumba-lumba mencari ilmu kerana ia akan menaikkan

martabat bangsa dan menjadi umat yang dicontohi dan disegani. Kini ruang dan peluang telah terbentang di depan mata. Apa yang diperlukan hanyalah komitmen dan kemahuan individu untuk merealisasikannya."

Dalam menuntut ilmu, ianya tidak mengira batas usia. Mereka yang telah berumur juga boleh merebut peluang ini kerana kini telah ada konsep universiti terbuka (*open university*), pendidikan jarak jauh (*distant learning*) dan pendidikan secara interaktif (*interactive education*). Ini menepati firman Allah dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:-

"Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat"

Beta juga tidak mahu umat Islam hanya tertumpu kepada ilmu agama semata-mata dan menolak ilmu dunia kerana dianggap tidak penting. Keperluan ilmu dunia dan akhirat hendaklah seimbang, bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat kerana Islam telah menggariskan perkara ini dengan sewajarnya sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:-

"Siapa yang berkehendakkan dunia, maka hendaklah ia dengan ilmu, dan barang siapa berkehendakkan akhirat, hendaklah ia dengan ilmu, dan siapa yang berkehendakkan kedua-duanya sekali (dunia dan akhirat) hendaklah ia dengan ilmu"

Dalam erti kata lain, ilmu akhirat adalah berkaitan perkara Fardhu Ain, manakala ilmu dunia termasuk dalam perkara Fardhu Kifayah yang memandu manusia ke arah keharmonian.

Dalam era globalisasi yang serba canggih ini, teknologi ICT perlu dikuasai bukan sahaja oleh masyarakat bandar tetapi juga penduduk desa agar memperoleh segala maklumat dan pengetahuan terkini. Golongan agama juga perlu mengambil peluang ini kerana ia merupakan salah satu strategi berdakwah yang berkesan.

Jihad juga telah disalahtafsirkan hingga membawa kepada perpecahan ummah. Jihad hanya dilihat dari satu sudut sahaja iaitu melawan musuh dengan kekerasan, sedangkan pengertian jihad di dalam Islam adalah lebih luas daripada itu. Begitu juga isu-isu yang memburukkan nama baik agama Islam sering dipaparkan di laman-laman web di internet. Oleh itu, bagi menyangkal dan menghuraikan masalah ini, golongan agama perlu menguasai bidang ICT dan mahir mengendalikannya bagi memperbetulkan persepsi tersebut melalui internet dan saluran-saluran yang lain.

Apa yang membimbangkan ialah kini wujud bermacam-macam fahaman liberal yang cuba mengelirukan umat Islam hingga boleh memesongkan akidah mereka. Amalan-amalan yang sudah sebati dalam masyarakat kita, kini mula dipertikaikan atas nama bid'ah iaitu tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam.

"Beta juga amat khuatir tentang berkembangnya ajaran sesat di Negeri Selangor. Golongan ajaran sesat ini pula begitu bijak mempengaruhi pengikutnya hingga ia boleh menarik pelbagai golongan masyarakat menjadi ahli yang setia. Beta tidak

berpuas hati di atas tindakan pihak berkuasa agama dalam membanteras gejala ajaran sesat ini. Satu mekanisme dan pendekatan baru perlu dilaksanakan agar usaha memerangi ajaran sesat ini mencapai kejayaan seperti yang dikehendaki."

Usaha tersebut memerlukan kerjasama dari semua pihak termasuk masyarakat Islam sendiri seperti melaporkan apa jua kegiatan atau perkumpulan yang meragukan kepada pihak berkuasa atau Jabatan Agama Islam Selangor. Sikap tidak ambil peduli akan hanya menggagalkan usaha untuk membasmi dan menangani ajaran sesat ini.

Sempena menyambut Ma'al Hijrah 1427 ini, kita turut meraikan kejayaan individu atau institusi Islam seperti Tokoh Ma'al Hijrah dan Institusi Zakat di negeri ini. Beta gembira dimaklumkan bahawa Institusi Zakat telah berada di tahap yang membanggakan setelah kutipan zakat harta meningkat kepada Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Tiga perpuluhan Dua Juta (RM123.2 juta) pada tahun 2005. Bilangan umat Islam yang menunaikan zakat juga bertambah kepada Satu Ratus Lima Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Tiga orang-(105,163).

Beta percaya hanya dengan pengurusan yang berlandaskan ketelusan, profesionalisme, berkualiti seperti yang ada pada sifat dan kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah akan menjaminkan kecemerlangan organisasi ini sepanjang masa.

"Dengan penjenamaan semula Pusat Zakat Selangor di bawah Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*), semua warga kerja MAIS dan Pusat Zakat Selangor adalah pemegang amanah. Sebagai pemegang amanah warga kerja MAIS dan Pusat Zakat Selangor hendaklah bertanggungjawab penuh melaksanakan perintah Allah ini dengan sebaik-baiknya."

Umat Islam menaruh penuh kepercayaan kepada Pusat Zakat supaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Oleh itu Beta harap Pusat Zakat Selangor dan MAIS menjalankan kerja dengan jujur dan amanah dan sentiasa menjaga nama baik dan tidak mensia-siakan kepercayaan yang telah diberikan.

"Kejayaan MAIS dan Pusat Zakat Selangor mengurus kutipan dan agihan zakat negeri ini hendaklah menjadi penggerak ke arah melaksanakan satu lagi tuntutan agama Islam iaitu wakaf. Masanya sudah tiba bagi pihak MAIS memberi pendekatan baharu kepada aktiviti wakaf di negeri ini dengan menyediakan organisasi dan pengurusan yang sesuai seperti Pusat Zakat yang ada. Beta percaya pengalaman daripada kejayaan Pusat Zakat Selangor dapat digunakan sepenuhnya untuk menjayakan satu alternatif bagi umat Islam yang ingin mewakafkan harta dan wang ringgit mereka."

Akhirnya, sempena meraikan Sambutan Ma'al Hijrah pada tahun ini, Beta menyeru seluruh umat Islam membina kekuatan dan berlumba-lumba mencapai kejayaan dan kemajuan, di samping dapat mengambil perhatian serius dalam perkara-perkara berikut agar dapat mempertingkatkan imej Islam :-

- Menanam azam untuk mencari ilmu tanpa mengira masa dan batas usia agar menjadi insan yang berwibawa dan berhemah tinggi.
- Mengelak dari membicarakan perkara-perkara agama di luar pengetahuan kita kerana ia boleh mengundang perselisihan dan perpecahan dalam masyarakat.
- Mengimbangkan ilmu agama dan ilmu akademik seiring dengan kemajuan dunia agar tidak menjadi umat yang mundur dan ketinggalan.
- Lebih bersikap profesional dan berinteraksi serta bertoleransi dalam masyarakat yang berbilang kaum dan bersopan santun.
- Mengamalkan sikap mengambil berat dan menjadi umat yang peka kepada persekitaran dan isu semasa demi kesejahteraan dan keharmonian bersama.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta melancarkan Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 1427 Hijrah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) DI ISTANA BUKIT KAYANGAN PADA 7 FEBRUARI 2006

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Beta telah dapat menyempurnakan Istiadat Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang baru bagi sesi 2006 hingga 2008 sebentar tadi.

Beta mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah dilantik semula dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli yang selama ini telah memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada kemajuan MAIS. Beta berpuas hati dengan prestasi yang dicapai oleh pihak MAIS.

Walau bagaimanapun Beta berharap Ahli-Ahli MAIS yang baru ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan amanah, dedikasi dan berpandangan jauh. Tambahan pula Ahli-Ahli MAIS yang dilantik pada sesi ini adalah gandingan dan gabungan yang mantap antara tokoh ulama dan tenaga profesional yang pakar dalam bidang agama, politik, pendidikan, pembangunan, undang-undang, pengurusan kewangan dan perkhidmatan awam.

Ilmu dan ketokohan ahli MAIS yang tinggi ini adalah penting dan diperlukan bagi memenuhi kehendak kewajipan Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor yang menyebut:

> *"Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis, untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan, dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam, di dalam Negeri Selangor, selaras dengan hukum Syarak".*

"Beta mahu MAIS boleh menjadi satu Institusi keagamaan yang dihormati dan dijadikan contoh yang baik. Oleh itu Beta menyeru Ahli-Ahli MAIS sentiasa berfikir dan merancang serta memberikan idea-idea dan pandangan bagi memastikan rakyat Negeri Selangor sentiasa maju dan sejahtera. Untuk itu, kuasa-kuasa Ahli MAIS sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya."

Beta menaruh kepercayaan kepada MAIS untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin terhadap perkembangan Agama Islam di Negeri Selangor ini. Oleh itu, Beta harap MAIS dapat menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas. Beta percaya, hanya dengan pengurusan yang telus, profesional, berkualiti dan bekerjasama, akan menjamin kecemerlangan organisasi ini sepanjang masa.

Dalam era globalisasi yang serba canggih dan arus pemodenan yang melanda dunia pada ketika ini, MAIS akan berhadapan dengan cabaran-cabaran baru yang perlu ditangani dengan bijaksana. Isu penceraian dan perbalahan rumah tangga, perebutan harta pusaka, keruntuhan moral para belia, dan isu murtad perlu ditangani dengan penuh berhemah. Masalah ajaran sesat hendaklah dibanteras dengan segera supaya tidak akan memecah-belahkan masyarakat Melayu yang akhirnya akan menjadi masalah kepada negara.

"Beta suka menyeru kepada MAIS, agar mengambil kira sensitiviti agama lain dalam melaksanakan kewajipan mereka di MAIS. Ini kerana, negara kita mempunyai berbilang kaum dan agama. Oleh itu kita perlu bersikap toleransi selagi ianya tidak memudaratkan agama dan amalan-amalan kita.

Beta tidak mahu MAIS ketinggalan dan terlalu fanatik dalam satu-satu perkara yang melibatkan agama Islam, tetapi hendaklah sentiasa berfikiran terbuka dan bersedia menerima pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang boleh memberikan manfaat kepada kemajuan MAIS. Beta yakin MAIS mampu untuk melaksanakan tugas-tugas mereka kerana ramai di kalangan Ahli-Ahli MAIS yang terdiri daripada golongan intelektual dan profesional yang boleh memberikan pandangan dan teguran yang membina."

Beta suka menyarankan kepada Ahli-Ahli MAIS supaya dapat memikirkan dan merancang, serta bertindak melalui pendekatan-pendekatan yang berikut:

- Memberi keutamaan kepada pendidikan dan ilmu yang menyeluruh meliputi ilmu untuk kehidupan dunia dan ilmu untuk kehidupan di akhirat.
- Program dakwah yang berhemah dan konsisten dengan pendekatan yang lebih kreatif dan bersesuaian dengan masa kini.
- Memantapkan akidah Islam yang berterusan dan berkesan.
- Pembangunan ekonomi Islam melalui zakat dan wakaf.
- Pembentukan keluarga bahagia.
- Pengurusan kewangan yang terbaik.
- Penguasaan undang-undang yang adil, tegas, mesra dan sejahtera.
- Kekuatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- Institusi agama yang berkualiti dan efisien.

Akhirnya, Beta berdoa semoga Majlis Agama Islam Selangor terus maju dan berwibawa serta diberkati oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Kepada semua Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang baru, Beta mengucapkan selamat bertugas dan berbakti kepada raja, rakyat dan Negeri Selangor yang kita cintai ini. Sekian, terima kasih.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID PEKAN SERENDAH, HULU SELANGOR PADA 27 APRIL 2007

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat dan salam, ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis yang mulia ini. Masjid merupakan tempat ibadah, tempat sujud yang melambangkan ketaqwaan, kesetiaan dan keimanan hamba-Nya di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sesungguhnya kedudukan institusi masjid amat tinggi dan penting dalam Islam. Ini terbukti melalui sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud:

"Tempat yang paling dikasihi Allah ialah masjid"

Untuk itu, institusi masjid sewajarnya diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Ini untuk memastikan peranan masjid sebagai tempat perpaduan ummah dapat diusahakan bersungguh-sungguh. Berteraskan permuafakatan masyarakat setempat, Beta yakin masjid akan kembali berfungsi seperti mana di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kembali menjadi tumpuan orang ramai.

Kelahiran slogan-slogan seperti "masjid pusat kecemerlangan ummah", "masjid penjana ilmu, dan perpaduan ummah", "masjid rakan masyarakat" dan lain-lain lagi, sebenarnya lahir daripada cetusan nurani golongan yang prihatin dengan perkembangan semasa institusi masjid. Kata-kata ini seharusnya dijadikan perangsang untuk membudayakan masjid, dalam kehidupan sehari-hari sesuai dengan firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 188 yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid Allah, ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan Allah. Mudah-mudahan mereka termasuk di kalangan orang-orang yang mendapat petunjuk"

Oleh itu, Beta tidak mahu masjid dijadikan gelanggang perebutan kuasa antara umat Islam semata-mata untuk mencari pengaruh dan menonjolkan diri dalam masyarakat, walaupun sebenarnya mereka tidak mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk menerajui kepimpinan masjid. Apabila ini berlaku, masjid-masjid yang indah akan hilang fungsi dan peranannya dalam masyarakat. Malah akan merebaklah perasaan cemburu dan hasad dengki hingga membawa kehancuran dan perpecahan umat.

Sewajarnya slogan masjid sebagai "zon aman, bebas dan berkecuali" dijadikan pegangan oleh setiap mereka yang memegang teraju kepimpinan masjid untuk mengelak dari berkembangnya unsur memecah-belah perpaduan dan merosakkan aqidah umat Islam. Allah Taala berfirman, dalam surah al-Baqarah ayat 114 yang bermaksud:

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyekat dan menyalahi mereka daripada menggunakan masjid Allah untuk sembahyang dan menyebut nama Allah di dalamnya dan dia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid itu? Orang yang demikian tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid melainkan dengan penuh rasa takut kepada Allah (dengan perbuatan demikian), mereka akan beroleh kehinaan di dunia dan di akhirat kelak, mereka mendapat azab seksa yang amat besar"

Sesungguhnya mentadbir masjid adalah satu tugas yang amat mulia kerana ia satu tugas menyambung amanah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini dapat dilihat melalui tindakan awal baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam,yang membina Masjid Quba dengan visi untuk melihat perpaduan terjalin dalam satu ikatan Islam yang kukuh dan padu. Selain berfungsi sebagai pusat kegiatan pelbagai aktiviti masyarakat, ia memperlihatkan bahawa masjid boleh menjadi satu institusi yang mampu menyatukan ummah berlainan bangsa di bawah naungan Islam. Hasilnya, baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjaya menyatukan suku kaum Aus dan Khazraj atas nama Ansar dan golongan yang datang dari Mekah atas nama Muhajirin. Inilah yang Beta inginkan agar masjid bukan sahaja indah dari sudut binaannya, tetapi juga bersinar dengan pelbagai aktiviti untuk mengukuhkan perpaduan, meningkatkan ilmu pengetahuan, meluaskan semangat persaudaraan dan ikatan kasih sayang sesama Islam.

Beta juga meminta agar pentadbiran masjid prihatin tentang aspek kebersihan. la merupakan salah satu dari tuntutan agama sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Kebersihan adalah sebahagian dari iman"

Kebersihan melambangkan peribadi umat Islam. Jika faktor luaran kita sudah tidak menyintai perkara yang bersih, bagaimana kita mahu mendidik hati menjadi bersih dari sifat-sifat buruk? Selain itu, ia juga melambangkan ketinggian imej Islam di mata masyarakat bukan Muslim. Beta tidak mahu mendengar adanya aduan dari umat Islam tentang masjid-masjid yang mengabaikan kebersihan seperti tandas-tandas tidak terurus, sampah-sarap bertaburan, longkang dipenuhi air bertakung, kipas-kipas bersawang dan lain-lain lagi yang mencacatkan pandangan mata.

"Beta juga mengharapkan agar setiap pegawai dan ahli jawatankuasa masjid sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Penceramah-penceramah yang ingin dijemput hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa terlebih dahulu untuk memastikan mereka yang mempunyai tauliah sahaja yang dibenarkan untuk berceramah. Ini dapat mengelakkan sebarang kesulitan berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, menanam fahaman khilafiah, taksub dan lain-lain lagi."

Apabila isu-isu seperti ini berjaya ditangani, di samping mempunyai sistem urus tadbir yang cekap dan sistematik, ia akan menjadi ikutan kepada organisasi lain dan menjadi cermin kepada Islam itu sendiri.

Beta berasa sukacita kerana usaha Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membanteras ajaran sesat, telah mendapat kerjasama yang padu daripada pihak polis. Kerjasama yang beginilah yang Beta mahukan supaya apa yang kita harapkan akan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Justeru itu Beta menyeru kepada semua imam-imam, nazir masjid, ahli-ahli jawatankuasa masjid dan semua ahli kariah supaya segera melaporkan kepada JAIS atau kepada pihak kerajaan sekiranya mengesyaki ada berlaku kegiatan ajaran sesat di kariah masing-masing. Dengan yang demikian, kita akan dapat bersama-sama membanteras ajaran sesat daripada berleluasa di negara ini.

Satu perkara lagi yang ingin Beta maklumkan di sini ialah berhubung dengan kredibiliti pihak penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor. Beta mahu semua penguatkuasa JAIS hendaklah bertanggungjawab dan melaksanakan tugas dengan mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Mereka hendaklah melaksanakan tugas dengan berhemah dan sentiasa menjaga nama baik Jabatan Agama Islam Selangor. Beta tidak mahu mendengar rungutan dari orang ramai yang mengatakan penguatkuasa JAIS berlaku kasar, mengugut dan tidak amanah semasa menjalankan tugas.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengajak umat Islam di negeri ini untuk menjadikan masjid sebagai tempat mengeratkan hubungan persaudaraan dan tempat melakukan ibadah seperti beriktikaf, mencari ilmu, mencari ketenangan dan bermuhasabah diri. la menjadi tempat yang benar-benar aman, selesa dan kondusif untuk setiap umat Islam melakukan ibadah, dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid Pekan Serendah ini dengan nama **Masjid Nurul Iman.**

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN 1428H/2007M DI PADANG DATARAN USAHAWAN, SABAK BENAM PADA 14 MEI 2007

Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan ini. Selawat dan salam juga ke atas Rasul junjungan serta para sahabat yang telah berjuang bersama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan kebenaran kandungan kitab suci al-Quran ke seluruh alam.

Sesungguhnya apabila kita menyebut al-Quran atau melakukan sesuatu yang berkaitan dengan al-Quran bermakna kita telah menzahirkan kecintaan dan kasih kita terhadap agama Islam. Ini kerana peraturan kehidupan umat Islam adalah berpandukan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam al-Quran. Oleh itu, sesiapa yang berusaha mengagungkan al-Quran, sama ada melalui pembacaan, pembelajaran, kajian dan penelitian, penerbitan dan menulis hukum-hukum yang ada di dalam al-Quran bermakna ia telah menyumbang ke arah menegakkan ajaran Islam.

Sebagaimana kita maklum, al-Quran merupakan sebesar-besar mukjizat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kekal hingga ke hari kiamat. al-Quran masih merupakan kitab yang sama dan tiada satu perkataan pun yang diubah atau ditambah. Tidak ada pindaan-pindaan di dalam al-Quran seperti yang berlaku ke atas kitab-kitab suci yang lain.

Al-Quran adalah panduan hidup umat manusia. Di dalamnya banyak terkandung berita dan cerita untuk dijadikan iktibar dan teladan. la juga tersirat dengan pelbagai ilmu keduniaan seperti sains, teknologi, meteorologi, astronomi, ekonomi, geografi dan lain-lain lagi selain dari ilmu hukum-hakam yang berkaitan dengan kehidupan alam akhirat. Kesempurnaan ajaran Islam yang dibawa melalui al-Quran telah menyediakan segala aspek keperluan hidup manusia di dunia dan juga di akhirat.

Terpulang kepada umat Islam untuk mendalami, mengkaji dan mengembangkan ilmu tersebut, bukan sekadar untuk dimiliki sendiri tetapi digunakan untuk membangunkan masyarakat. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang bermaksud:-

> *"Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan manusia dari seketul darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah yang mengajar manusia dengan pena dan tulisan. la mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui"*

Sekiranya perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wa Ta'ala difahami, sudah tentu umat Islam tidak berada dalam keadaan yang lemah seperti hari ini. Ini jelas seperti mana nasihat dan suruhan Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dalam al-Quran supaya umat Islam sentiasa bersiap sedia mempertahan dan memajukan negara. Umat Islam perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan menguasai teknologi-teknologi terkini, serta bersatu padu supaya tidak dianggap sebagai umat yang mundur dan sentiasa ditindas. Keupayaan sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mengembangkan dan mempertahankan negara Islam sehingga berjaya menguasai dan membina kekuatan telah dibuktikan oleh sejarah. Oleh itu tidak mustahil bagi umat Islam untuk menjadi satu umat yang berpendidikan, maju dan kuat, serta disegani oleh umat-umat yang lain.

Islam adalah agama yang amat mementingkan nilai akhlak di dalam kehidupan manusia. Ini bertepatan dengan matlamat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang telah diutuskan ke dunia ini untuk membawa mesej akhlak mulia untuk dicontohi dan diteladani oleh semua umat manusia. Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah berfirman yang bermaksud:-

> *" Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang terbaik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan balasan baik di akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah Subhanahu Wa Ta'ala banyak-banyak di dalam waktu susah dan senang".*

Tanpa akhlak yang baik sesuatu masyarakat itu akan menjadi kucar-kacir, mengalami huru-hara dan akan rosak binasa. Beta sendiri amat khuatir, dengan timbulnya pelbagai unsur gejala sosial dalam masyarakat di negara ini yang semakin meningkat dan semakin kreatif dalam melakukan jenayah.

Beta berharap, agar umat Islam khususnya di Negeri Selangor tidak terjebak dalam perlakuan jenayah seperti menagih dadah, membunuh, mencuri dan merompak sehingga melibatkan harta-harta di tempat ibadah serta penyelewengan duit zakat dan harta anak yatim. Ramai juga di kalangan umat Islam yang terlibat di dalam fahaman ekstremis dan ajaran-ajaran sesat yang berpunca dari kejahilan umat Islam itu sendiri sehingga memecahbelahkan masyarakat dan institusi kekeluargaan Islam.

"Umat Islam tidak akan menjadi kucar-kacir dan sesat, selagi mana mereka berpegang teguh kepada dua sumber yang ditinggalkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu al-Quran dan as-Sunnah."

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang bermaksud:-

> *" Jika kamu berbantah-bantahan (berselisihan), dalam sesuatu perkara, hendaklah kamu merujuk kepada ajaran Allah Subhanahu Wa Ta'ala (al-Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah Nabi), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya".*

"Kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat tidak akan tercapai sepenuhnya selagi akhlak umat Islam tidak selari dengan ajaran al-Quran. Keruntuhan moral di kalangan umat Islam hari ini, sebahagian besarnya adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman mengenai ajaran al-Quran. Oleh itu, Beta menyeru kepada semua pihak terutamanya sekalian ibu-bapa, guru-guru, media massa serta pihak-pihak yang berkaitan, supaya memberi keutamaan pendidikan dan perhatian yang serius kepada penghayatan ajaran dan akhlak Islam. Dengan harapan agar kehidupan kita akan mendapat keberkatan dan limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala."

Dengan lafaz "Bismillahhir Rahmanir Rahim" Beta dengan ini menutup dengan rasminya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan Bagi Tahun 1428 Hijrah bersamaan 2007 Masihi.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID KAMPUNG SUNGAI KELAMBU, BANTING, KUALA LANGAT, SELANGOR PADA 18 MEI 2007

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis yang mulia ini.

Masjid adalah lambang kekuatan dan keutuhan di sepanjang zaman. Ia adalah institusi terpenting kerana mempunyai hubungkait dalam pembinaan dan pembangunan umat Islam. Selain membangunkan nilai-nilai kemanusiaan masjid berperanan sebagai tempat umat Islam meningkatkan ibadah dan memakmurkannya dengan pelbagai aktiviti demi manfaat umat Islam.

Oleh itu, usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti masjid perlu terus dilaksanakan. Ia memerlukan penglibatan masyarakat secara sepadu agar masjid akan kembali berfungsi sebagai penjana kebaikan ummah. Sesungguhnya tugas memakmurkan masjid tidak mudah kerana ia memerlukan kekuatan iman dan kesungguhan individu Muslim itu sendiri. Semua pihak dari pelbagai peringkat perlu menyumbang tenaga ke arah ini termasuk agensi kerajaan di peringkat daerah, jawatankuasa kemajuan kampung (JKKK), pertubuhan belia, pertubuhan wanita dan lain-lain lagi. Dengan itu dapat dielakkan sebarang unsur yang boleh membawa kepada perpecahan dan persengketaan.

Setiap masjid seharusnya mempunyai sekumpulan barisan sukarelawan muda yang terdiri dari remaja dan belia serta bertindak sebagai golongan pelapis masjid. Selain menyediakan aktiviti yang menepati naluri mereka dan tidak bercanggah dengan Islam, mereka boleh berperanan dalam hal-hal teknikal masjid, khairat kematian, kebersihan dan keceriaan kawasan masjid. Ini secara tidak langsung akan mendidik mereka dengan tugas-tugas imam, bilal, siak dan khatib hingga dapat melahirkan golongan pelapis berwibawa bagi menggantikan mereka.

Beta amat mengharapkan agar pegawai dan ahli jawatankuasa dapat melakukan tugas dan amanah yang diberikan dengan penuh komited, afisien dan seiring dengan kemajuan dan perkembangan semasa. Mereka harus bersikap kreatif dan sensitif dalam menjalankan tugas-tugas tersebut. Program yang diadakan hendaklah sentiasa dikemas kini dan bukan bersifat statik bagi memenuhi kehendak dan keperluan umat Islam. Institusi masjid bukan sekadar medan pengajian ilmu keagamaan tetapi hendaklah diperluaskan skop dan fungsi sebagai pusat perkembangan minda, pusat sosial masyarakat setempat, pusat kegiatan ekonomi, pusat kaunseling, pusat data maklumat penduduk, pusat kebajikan, pusat rawatan dan pelbagai fungsi lain.

Dalam memperkasa institusi masjid menjadi dihormati dan tempat kunjungan ramai, aspek kebersihan perlu diambil kira. Tidak dinafikan, reka bentuk masjid di Malaysia merupakan antara yang cukup indah dan tercantik di dunia. Malah keluasan masjid turut diambil perhatian demi memberi keselesaan kepada umat Islam untuk beribadah. Namun kita sering mengabaikan kebersihan walaupun ia merupakan salah satu dari tuntutan agama sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

" Kebersihan adalah sebahagian dari iman"

Oleh itu, Beta mengharapkan tiada aduan berlaku mengenai tandas yang kotor, sejadah berkulat, siling bersawang, longkang tersumbat berlaku di masjid-masjid di Selangor.

Usaha-usaha menanam pokok bagi mengindahkan persekitaran perlu digalakkan selaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha menghijaukan bumi. Namun aspek penyelenggaraan perlu dititikberatkan agar ia tidak terbiar dan menjadi semak samun hingga mencacatkan pemandangan. Pokok yang menghijau secara tidak langsung akan melahirkan alam sekitar yang bersih dan indah. Ruang-ruang rehat di sekitar masjid juga perlu disediakan untuk memberi keselesaan umat Islam melepaskan lelah dan berehat. Taman permainan kanak-kanak juga boleh didirikan agar mereka dapat beriadah sementara menanti ibu bapa melakukan ibadah di dalam masjid.

> "Beta juga mengharapkan agar setiap pegawai dan ahli jawatankuasa masjid sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Penceramah-penceramah yang ingin dijemput hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa terlebih dahulu untuk memastikan mereka mempunyai tauliah berceramah. Masjid juga boleh memainkan peranan bersama pihak kerajaan dalam menangani isu-isu semasa seperti gejala sosial yang melanda umat Islam. "

Melalui mimbar Jumaat, pandangan-pandangan bernas boleh disalurkan kepada para jemaah agar sama-sama berganding bahu mengatasi masalah ini.

Akhir-akhir ini terdapat usaha segolongan umat Islam yang cuba mempertikaikan akidah dan fahaman umat Islam di negeri ini. Hal ini boleh membawa kepada perpecahan dan persengketaan sesama umat yang akhirnya merugikan umat Islam sendiri. Oleh itu, Beta meminta umat Islam melaporkan kepada pihak berkuasa jika ada sebarang pergerakan atau perkumpulan yang berlaku dan mencurigakan kepada pihak berkuasa agama. Beta juga memuji usaha-usaha yang dibuat oleh JAIS dalam memerangi dakyah mereka ini. Penerbitan buku bagi menangkis serangan mereka dan usaha-usaha penerangan lain perlu diteruskan agar umat Islam mendapat gambaran yang sebenar tentang akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi anutan dominan di negara ini yang bermazhab Syafie.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengajak umat Islam di negeri ini untuk menjadikan masjid sebagai tempat mengeratkan hubungan persaudaraan dan tempat melakukan ibadah. Ia sewajarnya menjadi tempat yang benar-benar aman, selesa dan kondusif untuk setiap umat Islam melakukan ibadah dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Akhir kata, dengan kalimah yang mulia Bismillahhir Rahmannir Rahim Beta merasmikan Masjid Sungai Kelambu ini dengan nama **"Masjid Ar-Raudhoh".**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PERASMIAN MASJID PANGKALAN UDARA SUBANG
PADA 27 JULAI 2007, JAM 11.00 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, Beta dapat bersama-sama di Majlis Perasmian Masjid Pangkalan Udara Subang yang indah ini.

Beta percaya pembinaan masjid ini memberi rahmat kepada anggota tentera Pangkalan Udara Subang serta keluarga mereka dan masyarakat di sini kerana ianya terletak di dalam kawasan pangkalan Tentera Udara yang memudahkan mereka untuk menunaikan solat waktu dan solat Jumaat. Begitu juga dengan terbinanya masjid ini, pelbagai aktiviti keagamaan dapat dijalankan dengan sempurna, selain dapat merapatkan hubungan silaturrahim di antara anggota tentera dengan masyarakat yang berhampiran.

Sesungguhnya perkembangan bilangan masjid yang ada di negeri ini amat membanggakan seluruh umat Islam. Malah Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha membaik pulih bangunan-bangunan masjid yang sedia ada, selain dari membina masjid-masjid yang baharu bagi menggantikan masjid-masjid yang lama dan uzur. Pembinaan masjid baharu ini amat perlu dengan bertambahnya bilangan penduduk hasil pembangunan pesat di sekitar Lembah Klang. Sesungguhnya usaha-usaha murni ini menepati sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam,yang bermaksud:

"Barang siapa membina sebuah masjid, untuk mencari keredhaan Allah, Allah akan membina untuknya sebuah rumah di Syurga"

Beta ingin menegaskan bahawa aktiviti memakmurkan masjid bukan hanya terbatas kepada ibadah khusus semata-mata seperti sembahyang berjemaah, solat Jumaat, tetapi meliputi segala bentuk kegiatan, yang boleh mendatangkan manfaat kepada umat Islam.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda telah menggerakkan masjid sebagai tempat pembinaan pemikiran, keilmuan, dan pembentukan jati diri masyarakat Islam. Di Masjid Nabawi sebagai contoh, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi pengajaran dan menyampaikan wahyu yang diterimanya kepada para sahabat.

"Beta ingin mengingatkan agar pegawai dan ahli jawatankuasa masjid dapat melaksanakan peranan masing-masing untuk menjadikan umat Islam di negeri ini bertambah maju dari segi ekonomi, sosial, pemikiran, bersatu padu dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Sesungguhnya tanggungjawab ini bukanlah terletak pada Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) semata-mata, bahkan ianya adalah tanggungjawab seluruh umat Islam secara kolektif."

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang bermaksud, dalam surah al-Maidah ayat ketiga yang bermaksud:

"Bertolong-tolonganlah kamu, berbuat kebaikan, dan taqwa dan janganlah kamu melakukan dosa dan aniaya dan takutlah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras seksa-Nya".

Dalam usaha merangka untuk menjadikan masjid sebagai sumber kecemerlangan umat Islam, maka peranan masjid harus dilihat dalam perspektif global dan dinamik. Sehubungan dengan itu, pentadbiran masjid mestilah diurus secara profesional dan sistematik. Perancangan program hendaklah dibuat secara rapi dan bukan bersifat sambil lewa. Selain itu, masjid juga perlu dilengkapkan dengan landskap yang menarik dan kemudahan-kemudahan lain yang dapat menarik semua golongan untuk berkunjung ke rumah Allah yang mulia ini.

Dalam usaha melahirkan masyarakat Islam yang lebih maju dan cemerlang Beta berkenan supaya para imam mempunyai dan menguasai ilmu pengetahuan yang cukup dan mantap supaya kepimpinan mereka dihormati dan dijadikan sumber rujukan oleh masyarakat. Perubahan pesat yang berlaku dalam masyarakat dari sudut perkembangan ilmu kefahaman dan pemikiran yang semakin kompleks, sering kali menguji keyakinan para imam. Oleh itu, sewajarnya para imam mengambil inisiatif yang lebih dan bersungguh-sungguh dalam meneroka ilmu pengetahuan agar mereka boleh menjadi penunjuk jalan kebenaran kepada masyarakat Islam.

Beta berharap agar pihak JAIS mempelbagaikan dan memperbanyakkan kursus, bengkel dan muzakarah kepada para imam supaya mereka mampu menghadapi masalah dan cabaran semasa yang dialami oleh kariah masing-masing. Beta juga menyeru agar pembangunan dan aktiviti masjid mestilah berdasarkan keikhlasan kepada Allah.

Semua pihak termasuk anggota masyarakat perlu memikirkan cara untuk memajukan dan menaikkan peranan masjid bagi meninggikan martabat umat Islam dan agama Islam sendiri. Selain memenuhi tanggungjawab menyebarkan pengajaran ilmu-ilmu agama, institusi masjid juga boleh membantu perkembangan, pemahaman dan penghayatan ummah terhadap sains.

Ceramah-ceramah yang dianjurkan boleh dipelbagaikan dengan tajuk-tajuk yang merangkumi bidang perubatan, kesihatan, pemakanan dan riadah dari pakar-pakar di bidang berkaitan. Kelas-kelas yang dijalankan untuk anak-anak ahli kariah boleh diperluaskan merangkumi bimbingan dalam pelajaran sains, matematik, teknologi maklumat, pertahanan dan lain-lain.

Beta juga ingin mengingatkan bahawa umat Islam khususnya di Negeri Selangor sentiasa berhadapan dengan berbagai cabaran yang memerlukan pengorbanan dan tindakan yang bijak bagi memastikan ketinggian dan kemuliaan agama Islam. Oleh itu Beta berkenan supaya para anggota tentera dan keluarga mereka serta kariah Masjid Pangkalan Udara ini memanfaatkan pembinaan masjid yang telah dibina oleh kerajaan untuk kebaikan keluarga, masyarakat dan ummah seluruhnya. Ahli-ahli kariah hendaklah berterima kasih kepada kerajaan dan berusaha menyatupadukan penduduk. Janganlah hendaknya masjid ini dijadikan tempat untuk berpolitik dan menunjukkan kekuasaan serta ideologi sehingga memecahbelahkan masyarakat.

Satu perkara lagi Beta ingin menegaskan di sini ialah masalah yang berkaitan dengan ajaran sesat. Beta amat memandang serius perkembangan ajaran sesat di Negeri Selangor ini. Beta difahamkan ada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali ajaran al-Arqam dengan menggunakan pertubuhan dan nama lain. Oleh itu Beta berkenan supaya ahli jawatankuasa masjid dan umat Islam di kariah ini, memastikan ajaran yang mengelirukan masyarakat (ajaran sesat) yang bertentangan dengan akidah umat Islam tidak berlaku di sini. Beta berharap para pegawai, pemimpin dan rakyat jelata bersungguh-sungguh memastikan ajaran sesat, dapat dibanteras dan tidak berkembang sehingga menjadi ancaman kepada rakyat dan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Beta, sama ada pegawai kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan pertubuhan, serta individu yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan membalas dengan ganjaran yang sebaiknya.

Akhir kata, dengan kalimah "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta merasmikan masjid ini dengan nama **Masjid Pangkalan Udara Subang.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS MENGHADAP BAKAL-BAKAL HAJI DI BALAI TENGAH, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA 29 OKTOBER 2007 JAM 9.30 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya Beta dapat hadir dalam majlis ini bagi meraikan tuan-tuan dan puan-puan yang terpilih sebagai bakal haji tajaan Beta sendiri dan juga tajaan Kerabat Diraja dan Dato'-Dato' Selangor, tajaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana dipilih oleh agensi-agensi berkaitan untuk menunaikan fardhu haji ke Mekah pada tahun ini. Tahniah juga Beta ucapkan kerana urusan untuk menunaikan fardhu haji oleh bakal-bakal haji telah dapat diuruskan dengan jayanya oleh pihak Lembaga Tabung Haji. Sesungguhnya tuan-tuan dan puan-puan harus bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana tidak lama lagi akan menjadi tetamu Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan berdiri di bumi para Anbiya' yang dicita-citakan oleh setiap umat Islam.

"Oleh itu, Beta ingin mengingatkan semua bakal-bakal haji agar dapat membuat persiapan sebaik-baiknya sebelum berangkat ke tanah suci. Persiapkanlah kekuatan mental dan fizikal, kerana ibadah haji merupakan ibadah yang menuntut kepada kesihatan fizikal selain pemergian kita itu sendiri merupakan satu pengorbanan kerana meninggalkan kaum keluarga, pekerjaan dan segala harta yang dimiliki. Beta berharap, agar kursus-kursus haji yang diberikan mampu membina kesabaran di kalangan bakal-bakal haji serta memberi panduan berguna untuk mendapat haji mabrur iaitu haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala."

"Beta berkenan menasihatkan agar semua bakal-bakal haji yang kebanyakannya terdiri dari penjawat awam atau pesara perkhidmatan awam supaya dapat menjaga akhlak, tingkah laku dan nilai budi yang tinggi sepanjang musim ibadah haji. Tunaikan ibadah haji dengan tertib, sabar dan mengikut peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh pihak pengurusan Tabung Haji dan juga pihak berkuasa Arab Saudi. Insya Allah jika kita mengikuti semua peraturan yang telah ditetapkan, tidak akan berlaku musibah atau insiden-insiden yang boleh memudaratkan diri kita sendiri dan orang lain serta mencemarkan kesucian Islam."

Musim haji akan menyaksikan jutaan manusia dari pelbagai pelosok negara, budaya, bahasa dan warna kulit yang datang menyahut seruan Ilahi. Lihatlah fenomena ini sebagai kebesaran Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang mengajar manusia untuk bersatu padu membina kekuatan umat Islam dan bukan hidup berpecah-belah sehingga melemahkan kekuatan umat Islam itu sendiri. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman dalam surah al-Hujurat ayat tiga belas yang bermaksud:-

> *"Wahai umat manusia! sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala adalah orang yang paling bertaqwa antara kamu, (bukan kerana keturunan atau bangsanya). sesungguhnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala maha mengetahui , lagi maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."*

Beta berdoa semoga anugerah menunaikan haji tajaan Beta, tajaan Kerabat Diraja dan Dato'-Dato' Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya ini akan menyuntik semangat kepada kakitangan awam di Negeri Selangor untuk lebih rajin, tekun dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas di agensi masing-masing.

Di kesempatan ini Beta menyeru kepada bakal-bakal haji sekalian apabila berada di hadapan Ka'abah di Mekah nanti janganlah lupa mendoakan supaya Negeri Selangor ini akan terus maju dalam suasana yang aman dan damai, dijauhi dari malapetaka dan bencana serta wabak penyakit. Penduduknya yang berbilang bangsa dan agama hidup sejahtera dalam suasana yang harmoni, sentiasa menjalin muhibah dan hormat-menghormati serta bertoleransi antara satu dengan yang lain.

Akhir sekali Beta mengucapkan tahniah di atas inisiatif dan kesungguhan Kerabat Diraja dan Dato'-Dato' Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah mengambil langkah proaktif memberi tajaan menunaikan haji kepada kakitangan yang telah berjasa dan menabur khidmat bakti kepada organisasi dan masyarakat umum di Negeri Selangor. Semoga inisiatif ini menjadi contoh ikutan kepada agensi-agensi lain kerajaan mahupun swasta di Negeri Selangor ini. Beta mendoakan semoga bakal-bakal haji sekalian selamat mengerjakan haji dan mendapat haji yang mabrur.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PERASMIAN MASJID KAMPONG SUNGAI UDANG, KLANG, SELANGOR PADA 2 NOVEMBER 2007, JAM 11.00 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya, Beta dapat bersama di Majlis Perasmian Masjid Kampong Sungai Udang, Klang yang indah ini. Semoga masjid ini menjadi inspirasi kepada umat Islam untuk turut sama menyumbang ke arah meningkatkan perpaduan dan mencapai kegemilangan syiar Islam.

> "Sebagai sebuah institusi agama dan tempat ibadah, masjid juga berperanan, sebagai tempat mencari ilmu, pusat kegiatan masyarakat, pusat runding cara dan tempat rujukan bagi umat Islam. Oleh itu masjid seharusnya berperanan menggerak dan mengawal semua aktiviti keagamaan seperti syarahan agama, ceramah, dakwah, kursus, seminar, perhimpunan, taklimat dan majlis keagamaan serta sambutan hari-hari kebesaran Islam dari semasa ke semasa. Di samping itu, masjid juga hendaklah menjalankan daya usaha untuk mengekal, memperbaiki, mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam serta berusaha mencari jalan untuk meningkatkan taraf hidup bagi melahirkan masyarakat bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala."

Ini disarankan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dalam surah Ali Imran ayat seratus tiga (103) yang bermaksud:

"Berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah"

Sesungguhnya, Beta amat berbangga dengan kejayaan masjid menganjurkan program keagamaan seperti solat jemaah dan kuliah agama. Namun Beta dapati kebanyakan masjid masih belum dapat menyedarkan masyarakat tentang kecuaian mereka terhadap tuntutan Fardhu Kifayah seperti soal pendidikan, ekonomi, kesihatan dan kekeluargaan, serta cara menangani gejala sosial masa kini. Untuk itu, fungsi masjid perlulah ditingkatkan, sesuai dengan cabaran zaman. Para remaja perlu dipujuk supaya datang ke masjid sebagai satu cara mendekatkan diri kepada Allah melalui program-program yang bersesuaian dengan minda, keupayaan dan kecenderungan mereka.

Islam adalah agama yang berkembang melalui dakwah. Ini diterjemahkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diutus ke bumi untuk menyebarkan risalah dakwah kepada umat Islam. Pelbagai isu-isu terkini yang melanda umat Islam boleh dijadikan sumber dan bahan bagi pihak masjid melaksanakan aktivitinya.

> "Beta juga menyeru agar pegawai dan jawatankuasa masjid saling bantu membantu dalam menjalankan amanah mengurus hal ehwal pentadbiran masjid. Sebarang perbalahan dan perbezaan pendapat hendaklah diselesaikan secara berbincang dan bermuafakat kerana mereka merupakan individu yang sentiasa diperhati dan dicontohi masyarakat."

Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan hendaklah dipatuhi seperti larangan merokok di kawasan masjid. Etika sebagai pegawai dan jawatankuasa masjid hendaklah sentiasa diikuti kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang Muslim. Masjid juga hendaklah memantau pergerakan surau-surau yang ada di karyah mereka agar sebarang masalah yang timbul dapat dikesan dan diatasi lebih awal. Ini amat penting agar insiden mengambil penceramah tanpa tauliah tidak akan berlaku lagi di surau-surau, di samping dapat mengelakkan perpecahan umat.

Beta berasa amat dukacita apabila dimaklumkan terdapat ahli karyah yang cuba menjadikan surau atau masjid sebagai tempat untuk menonjolkan diri dan bertindak angkuh, membawa isu pelantikan ahli jawatankuasa ke mahkamah hanya kerana tidak berpuas hati di atas pelantikan ahli jawatankuasa surau atau masjid. Sesiapa yang tidak berpuas hati tentang perkara-perkara yang melibatkan surau atau masjid boleh memberikan sebarang pendapat kepada pihak yang berkenaan untuk diselesaikan secara baik. Sepatutnya isu yang melibatkan pelantikan jawatankuasa surau atau masjid boleh diselesaikan dengan berhemah dan bijaksana. Adalah tidak baik, perasaan tidak puas hati itu diterjemahkan dalam bentuk protes secara senyap seperti melaksanakan sembahyang dua imam. Tindakan ini tidak akan menjernihkan suasana tetapi semakin mengeruhkan keadaan. Ini bukan sahaja akan menjejaskan tempat ibadat tersebut tetapi juga mencemarkan imej Islam.

Beta ingin mencadangkan supaya institusi masjid dapat membuat penilaian prestasinya bagi jawatankuasa yang mengendalikan masjid-masjid, merangkumi mereka-mereka yang bertugas, hinggalah kepada pencapaian ekonominya dan penglibatan masyarakat, dalam menggunakan masjid. Ini adalah untuk menentukan kegiatan masjid-masjid serta membuat pengubahsuaian ke taraf yang lebih tinggi dan baik untuk maju seiring dengan peredaran zaman.

Beta juga menyarankan agar masjid memperkenalkan slogan "MESRA JEMAAH". la bermaksud bahawa ahli kariah dapat memanfaatkan sebaik mungkin segala kemudahan yang ada di masjid. Pada masa yang sama, pegawai dan jawatankuasa masjid sentiasa bersikap mulia, berhemah tinggi, peramah dan sentiasa berusaha memberi pertolongan kepada umat Islam yang berkunjung ke masjid. Penyediaan ruang solat untuk kanak-kanak perlu difikirkan agar pergerakan mereka tidak menganggu ibubapa dan jemaah lain beribadah. Mudah-mudahan tindakan kita itu menjadi satu tarikan kepada para pengunjung dan menarik minat mereka untuk datang ke masjid melakukan ibadah wajib dan aktiviti lain.

Beta amat mengharapkan agar pegawai dan ahli jawatankuasa masjid sentiasa berfikiran kreatif dalam usaha membangunkan institusi masjid. Mereka perlu sentiasa bersikap maju ke hadapan. Bagi masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar dan telah sesak, pihak-pihak yang berkenaan perlu mengambil kira aspek pembesaran atau keperluan sebuah kawasan baharu yang lebih luas dan selesa. Selain itu, aset-aset masjid perlu dimanfaatkan semaksima mungkin. Tanah-tanah wakaf yang dipunyai oleh masjid perlu diusahakan dengan menjadikan ia sebagai satu sumber dana kewangan masjid seperti kegiatan pertanian atau pembangunan hartanah. Dengan itu masjid tidak hanya bergantung kepada derma orang ramai atau kutipan hari Jumaat sahaja untuk menjalankan sebarang aktiviti.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengajak umat Islam di negeri ini untuk menjadikan masjid sebagai tempat mengeratkan hubungan persaudaraan dan tempat melakukan ibadah, mencari ilmu, mencari ketenangan dan mengenali diri sendiri. la sewajarnya menjadi tempat yang benar-benar aman, selesa dan kondusif untuk setiap umat Islam melakukan ibadah dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beta berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua rakyat Beta sama ada pegawai kerajaan, ahli-ahli badan dan pertubuhan serta individu yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan membalas dengan ganjaran yang baik.

Akhir kata, dengan kalimah BISMILLAHHIR RAHMANNIR RAHIM Beta merasmikan Masjid Kampong Sungai Udang ini dengan nama "MASJID DARUL MUTTAQIN".

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

ISTIADAT PENGURNIAAN WATIKAH PERLANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA 24 MAC 2008

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Pada pagi yang mulia dan bersejarah ini, yang mana pelantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah dijalankan dengan sempurna, Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Polis Diraja Malaysia kerana dengan kegigihan dan ketegasan mereka, proses Pilihan Raya Umum Yang Ke-12 telah berjalan dengan baik teratur, lancar dan sempurna serta tidak timbul masalah atau perkara-perkara yang tidak diingini berlaku yang boleh menyusahkan seluruh rakyat Negeri Selangor ini.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia di atas tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka dengan begitu cemerlang.

Semasa Beta ditabalkan sebagai Sultan Selangor yang ke sembilan, Beta telah melafazkan ikrar mengaku akan menjalankan dengan seadilnya pemerintahan Negeri Selangor Darul Ehsan dan segala takluknya dengan mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan undang-undang yang telah dan akan disahkan, dan di masyhurkan dari semasa ke semasa. Beta juga berikrar dan mengaku akan memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan memelihara keamanan menunaikan kewajipan Beta sebagai Sultan Selangor dengan penuh iltizam jujur, dan dengan segala daya upaya Beta, demi untuk kesejahteraan rakyat jelata yang Beta kasihi.

Daripada teks ikrar pertabalan Beta yang Beta nyatakan tadi, Beta berkenan supaya seluruh rakyat Negeri Selangor yang Beta kasihi, memahami bahawa sungguhpun Beta adalah Ketua Agama Islam dalam negeri yang berbilang kaum dan berbagai agama, Beta juga berkenan supaya kebebasan beragama ini dipelihara oleh semua rakyat jelata dan Beta suka mengingatkan supaya mereka yang beragama Islam mempunyai toleransi serta menghormati akan agama-agama yang lain yang ada dalam Negeri Selangor yang dikasihi ini.

> "Beta tidak berkenan rakyat Beta yang bersikap *extreamist* kerana Beta percaya, sikap *extreamist* akan merosakan Negeri Selangor yang kita kasihi ini. Beta tidak akan teragak-agak untuk menitahkan kepada pihak Polis atau pun pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan keras terhadap mereka-mereka yang *extreamist* ini. Dikesempatan ini, Beta ingin mengingatkan lagi bahawa masjid dan surau bukannya tempat berpolitik. Jangan digunakan tempat suci untuk beribadah ini sebagai gelanggang bagi parti-parti politik mengadakan ceramah dan perkara-perkara lain untuk kepentingan politik mereka. Beta hanya berkenan mereka yang telah dikurniakan tauliah oleh Beta, dibenarkan untuk menjadi Imam dan membaca khutbah di masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Selangor ini. Perkara ini telah Beta sarankan beberapa kali dalam titah ucapan Beta dan Beta berharap akan dipatuhi oleh rakyat Beta, yang beragama Islam supaya kesucian agama Islam dapat dipelihara dan tidak dimanipulasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab."

Pentadbiran Negeri Selangor ini berasaskan adat dan budaya yang mana **Institusi Kesultanan** adalah amat penting sebagai tunjak keamanan negeri. Rakyat yang berbilang kaum sungguhpun mempunyai adat dan budaya serta agama yang berlainan, adalah di bawah naungan Beta, sebagai payung untuk melindungi mereka dan tempat berteduhnya rakyat jelata. Oleh itu Beta menyeru kepada rakyat yang Beta kasihi supaya sentiasa menghormati akan adat dan budaya yang telah kita warisi sejak turun temurun. Kehalusan kebudayaan yang kita warisi ini serta hormat menghormati antara satu dengan lain akan mengeratkan lagi keharmonian dan mengekalkan ketenteraman Negeri Selangor.

Kepada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat Beta berkenan supaya mereka menghormati dan memelihara **Institusi Kesultanan** dalam Negeri Selangor ini sebagai teladan kepada rakyat jelata. Wakil-wakil rakyat juga adalah sebagai perantaraan di antara Beta dengan rakyat Negeri Selangor ini. Beta sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga dirahmati Negeri Selangor ini dan sentiasa dilindungi olehNya supaya terus menerus berada di dalam kesejahteraan kemakmuran dan rakyatnya yang berbilang kaum, sentiasa berkasih-kasihan.

Hari ini rakyat telah menentukan siapa yang patut mentadbirkan Negeri Selangor yang maju dan makmur ini. Marilah kita sama-sama melayari bahtera kemajuan yang telah kita capai ini dengan penuh azam dan tekad supaya Negeri Selangor yang kita kasihi ini akan terus maju dan rakyatnya akan dapat bersama-sama menikmati dan berkongsi kemakmuran ini.

Beta berharap semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan Wakil-wakil Rakyat dapat bekerjasama antara mereka dan juga bekerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan. Dengan adanya kerjasama dan persefahaman yang baik dan mesra, pentadbiran Negeri Selangor akan bertambah lancar, sempurna dan teratur supaya dapat memberi perkhidmatan yang efisyen serta berkualiti kepada semua rakyat Negeri Selangor.

Rakyat Negeri Selangor mahukan kualiti dan kesempurnaan hidup yang lebih elok lagi dengan suasana alam sekitar yang bersih dan teratur. Begitu juga Negeri Selangor ini, kerap menghadapi bencana banjir, kesesakan lalu lintas dan jalan yang tidak diselenggara, ketidaksempurnaan pengangkutan awam, kekurangan rumah kediaman yang selesa, masalah kemiskinan dan lain-lain. Beta berharap rintihan-rintihan rakyat ini mestilah diatasi dengan segera oleh Wakil-wakil Rakyat.

Beta berharap Wakil-wakil Rakyat akan mengelak diri mereka daripada penyelewengan kerana sikap tidak jujur akan menjejaskan nama baik Yang Berhormat. Di sini Beta ingin menyampaikan terima kasih Beta kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo kerana semasa menjadi Ahli Dewan Diraja Selangor telah banyak memberi pendapat, pandangan dan nasihat yang berguna dan boleh diterima pakai untuk Beta sebagai Sultan yang memerintah Negeri Selangor.

Sebelum Beta akhiri titah ucapan Beta ini, Beta mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor serta Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih. Beta mendoakan agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna serta mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





ISTIADAT PENGURNIAAN WATIKAH PERLANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA 24 MAC 2008

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID TAMAN BUKIT INDAH, AMPANG PADA 18 APRIL 2008

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat berangkat ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna ini. Beta berharap majlis perasmian yang dianjurkan ini dapat memberi semangat dan suasana muhibah di kalangan rakyat serta masyarakat setempat.

Sesungguhnya institusi masjid merupakan institusi terpenting di dalam kehidupan umat Islam. Masjid bukan sahaja sebagai tempat untuk beribadah dan bersembahyang semata-mata, bahkan ianya melambangkan ketaqwaan, keharmonian, kesetiaan dan keimanan hambaNya terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Ini terbukti melalui Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Barangsiapa mendirikan masjid kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala sekalipun hanya menyumbangkan walau sebesar sarang burung merpati atau yang lebih kecil dari itu maka Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mendirikan sebuah rumah di syurga untuknya".

Manakala sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah menyatakan:

"Tempat yang paling dikasihi Allah ialah masjid"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika mula-mula memasuki Kota Madinah, bukanlah membina rumah, tetapi Baginda berusaha membina masjid. Mesej ini memberi makna bahawa masjid adalah amat penting untuk menyatupadukan umat Islam. Semenjak dahulu lagi Beta sangat berkenan supaya masjid berfungsi dengan cemerlangnya dalam arus pembangunan negara. Untuk itu, institusi masjid sewajarnya diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Ini adalah untuk memastikan peranan masjid sebagai institusi pembangunan dan perpaduan ummah dapat dilaksanakan. Beta yakin masjid akan kembali berfungsi sepertimana di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ahli-Ahli Jawatankuasa yang bertanggung jawab terhadap masjid perlu menjamin bahawa kesucian dan kemurnian institusi ini terpelihara untuk membolehkan ianya dapat berperanan dengan lebih berkesan, lebih bermakna dan lebih dinamik. Beta yakin sesebuah masjid dapat memainkan peranannya sebagai ejen perubahan dan pembangunan insan jika di masjid itu sendiri mempunyai tenaga penggerak yang ikhlas dan berkredibiliti.

Sesungguhnya mentadbir sesebuah masjid itu bererti menyambung amanah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran dan penyatuan masyarakat. Masjid menjadi tumpuan manusia dari berbagai keturunan dan bangsa. Keindahan masjid bukan pada bangunan zahirnya sahaja tetapi terletak pada pencapaiannya dalam usaha melahirkan masyarakat yang sejahtera, bersatu padu dan harmoni.

"Beta berharap institusi masjid menjadi satu instrumen penyatuan yang harus dikekalkan. Beta tidak berkenan masjid dijadikan gelanggang perebutan kuasa antara umat Islam. Di bawah naungan masjid, umat Islam perlu bersatu dalam pegangan akidah yang sama. Masjid harus kekal berkecuali dari pengaruh mana-mana kumpulan."

Oleh itu, amat penting untuk kita sama-sama menjauhi perpecahan yang disebabkan oleh perbezaan pendapat kerana jika perpecahan berlaku, bangsa dan agama kita yang akan rugi. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah Ali Imran Ayat Seratus Tiga (103) yang bermaksud :

"Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah belah sesama kamu".

Alhamdulillah, negara kita baru sahaja melalui situasi pilihanraya dalam keadaan aman dan damai. Pemimpin yang baru telah dipilih untuk mentadbir Negeri Selangor ini. Oleh itu umat Islam di Negeri Selangor ini hendaklah melupakan segala perbezaan ideologi dan pegangan politik yang telah lalu, tetapi hendaklah sama-sama bersatu semula untuk kemajuan agama, bangsa dan negeri yang kita cintai ini.

Beta juga mengharapkan agar setiap pegawai dan ahli jawatankuasa masjid sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Mereka yang mempunyai tauliah sahaja yang dibenarkan untuk berceramah, mengajar, berkuliah dan berkhutbah di dalam masjid supaya dapat mengelakkan daripada individu-individu yang tidak bertanggung jawab menggunakan masjid untuk menyebarkan ajaran sesat atau menanam fahaman yang tidak benar, ekstrim dan lain-lain lagi.

Pada kesempatan ini, Beta menitahkan agar jawatankuasa masjid mengemaskini rekod maklumat berkaitan zakat, wakaf dan tanah-tanah perkuburan. Walaupun perkara ini telah diurus dengan baik oleh Majlis Agama Islam Selangor, maklumat-maklumat terkini perlu disalurkan kepada mereka demi melicinkan lagi sistem pentadbiran zakat dan wakaf di Negeri Selangor.

Sesungguhnya kita mempunyai aset yang banyak dalam bentuk wakaf, malangnya perkara ini tidak didokumenkan menyebabkan sebahagian aset tersebut dalam bentuk tanah tidak dapat diurus. Ini banyak berlaku apabila orang yang mewakaf hartanya hanya melafazkan dalam bentuk lisan. Sistem maklumat ahli kariah juga perlu dikemaskini agar agihan zakat dapat disalurkan dengan cepat, telus dan saksama. Ini dapat mengelak dari berlaku keciciran dan hak zakat dapat ditunaikan kepada mereka yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengajak umat Islam di negeri ini untuk menjadikan masjid sebagai tempat mengeratkan hubungan persaudaraan dan tempat melakukan ibadah seperti beriktikaf, mencari ilmu, mencari ketenangan dan bermuhasabah diri. Masjid menjadi tempat yang benar-benar aman, selesa dan kondusif untuk setiap umat Islam melakukan ibadah dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan masjid ini dengan nama **"Masjid Bukit Indah".**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI BATU BELAH KLANG, PADA 28 APRIL 2008

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, bersyukur Beta ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama dengan rakyat Beta di dalam majlis perasmian Sekolah Rendah Agama Integrasi Batu Belah Klang pada pagi ini.

Beta rasa amat berbangga dengan terbinanya sebuah bangunan untuk menempatkan anak-anak Islam bagi mengikuti sistem pendidikan Islam di Negeri Selangor. Bagi Beta, sistem pendidikan Islam ini adalah warisan sistem pendidikan yang perlu dipertahankan dan dipertingkatkan ke arah memenuhi hasrat negeri dan negara pada masa depan.

Kita sedia maklum, bahawa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah sebuah agensi kerajaan yang mengendalikan Hal Ehwal Islam di Negeri Selangor. Program dan aktiviti yang disediakan kepada masyarakat Islam adalah bertujuan untuk menanamkan nilai-nilai Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat. Program Pendidikan Islam adalah salah satu aktiviti JAIS ke arah mencapai cita-cita ini.

> "Beta percaya, melalui pendidikan Islam di peringkat awal lagi akan mampu melahirkan generasi Islam yang kukuh aqidahnya, benar ibadahnya dan sejahtera akhlaknya. Mereka inilah nanti yang akan membentuk sebuah masyarakat yang beridentitikan Islam. Masyarakat sebeginilah yang Beta cita-citakan untuk memajukan Negeri Selangor. Bukan sekadar maju pada nilai materialnya tetapi juga maju pada nilai kerohanian dan kemanusiaannya."

Kita mesti menerima hakikat bahawa kemajuan dunia dihari ini adalah amat ketara kalau dibandingkan dengan masa lalu. Dalam era globalisasi, dunia telah menjadi kecil disebabkan oleh kepesatan pengangkutan yang membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain dengan begitu cepat. Selain daripada pengangkutan, sumber maklumat dan komunikasi yang lebih berkesan boleh disalurkan ke seluruh pelusuk dunia dengan lebih pantas. Oleh itu negara kita haruslah mengikut arus pemodenan ini serta mempelajarinya dan menerimanya dalam kehidupan kita seharian supaya kita tidak ketinggalan. Selangor telah menjadi sebuah negeri yang maju, kita juga harus terus aktif memainkan peranan masing-masing untuk mempertingkatkan kualiti diri dan produktiviti supaya Negeri Selangor akan terus maju setanding dengan negara-negara maju di dunia ini.

Para guru di sekolah-sekolah perlu menyumbang ilmu dan pengalaman mereka untuk mengajar, mendidik dan membimbing murid-murid menjadi Muslim yang berakhlak mulia. Guru-guru tidak wajar merasakan tugas mereka telah selesai apabila telah tamat waktu di sekolah. Insafilah bahawa murid-murid di luar sekolah akan berdepan dengan krisis identiti, personaliti, budaya dan kerjaya sekiranya mereka gagal mengurus diri mereka. Dengan sebab itu guru-guru wajar mendampingi murid pada setiap ketika.

Kerjasama pintar dengan ibubapa wajar terus dipertingkatkan dan menjadikan sekolah milik bersama masyarakat. Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) perlu lebih aktif bersama dengan pihak sekolah bagi menjayakan aktiviti-aktiviti pembangunan akhlak di kalangan murid-murid. Penglibatan komuniti masyarakat perlu ditingkatkan agar masalah gejala sosial dapat ditangani bersama. Beta berharap semua pihak akan saling berganding bahu menjayakan usaha murni ini.

Beta menyarankan agar guru-guru menjaga identiti, integriti diri dan sentiasa menjadi model kepada murid-muridnya. Guru perlu sentiasa meningkatkan daya saing, kecekapan, inovasi, kreativiti dan produktiviti yang berterusan. Beta menyarankan juga agar murid-murid di sekolah ditingkatkan kemahiran membaca al-Quran dan menguasai ilmu-ilmu Fardhu Ain terutama solat. Matlamat "faham solat" perlu terus menjadi fokus utama pendidikan.

Beta terus meletakkan keyakinan bahawa al-Quran yang dibaca dan dihayati serta solat yang didirikan dengan penuh kefahaman akan melahirkan murid yang berjaya berasaskan Islam dan tabah dalam mengharungi cabaran global. Dengan menguasai al-Quran dan memahami solat, ianya akan menjadi benteng yang paling kukuh dalam mengharungi cabaran hidup remaja. Beta berpandangan bahawa warga global yang berkemajuan di Negeri Selangor ialah masyarakat yang menguasai, memahami dan mengamalkan kedua-dua disiplin ilmu ini.

Akhirnya, Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada JAIS yang terus menjayakan usaha meningkatkan kualiti Pendidikan Islam di Negeri Selangor. Beta akan terus menyokong segala usaha menjadikan Selangor sebagai model pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia. Sebagai Ketua Agama di negeri ini, Beta mengharapkan agar agama Islam dipelihara dan dipertingkatkan dari segi dasar dan pelaksanaan. Beta berkenan untuk melihat Islam menjadi amalan bagi masyarakat Islam di negeri ini. Ini sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi negara. Beta percaya ianya bermula dengan pendidikan yang dilaksanakan di semua sekolah JAIS.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta merasmikan Sekolah Rendah Agama Integrasi Batu Belah, Klang ini dengan nama SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI TENGKU AMPUAN FATIMAH.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1429H/2008M DI MASJID SULTAN IBRAHIM, KUALA SELANGOR PADA HARI ISNIN, 12 MEI 2008

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama dengan rakyat Beta di dalam majlis Penutupan Rasmi Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1429 Hijrah bersamaan 2008 Masihi pada malam ini.

Beta rasa amat berbangga dengan kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor mengadakan majlis sebegini pada setiap tahun di mana ia menggambarkan kesungguhan kerajaan dalam membela agama dan memartabatkan al-Quran sebagai panduan kehidupan seharian.

Al-Quran diturunkan adalah untuk manusia mengagung dan membesarkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta menjalani kehidupan mengikut landasan yang benar. Di samping itu, al-Quran menganjurkan umatnya supaya sentiasa menilai kasih sayang sesama manusia, hormat menghormati, bertoleransi, adil dan bantu membantu yang merupakan nilai-nilai semasa, sesuai dengan kehidupan manusiaitu sendiri.

Kerana itulah, kandungan al-Quran mengandungi seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah kerohanian, akidah, akhlak, perundangan dan pelbagai panduan hidup untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Justeru itu tuntutan memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan adalah suatu kewajiban yang tidak perlu dipertikaikan lagi kerana al-Quran itu sendiri jelas mempunyai hubung kait dengan kehidupan manusia. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al Israk ayat 9 yang bermaksud :-

"Sesungguhnya al-Quran itu memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (Agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar"

Beta yakin bahawa al-Quran adalah kitab panduan umat Islam yang perlu diterjemahkan dan difahami supaya dapat dihayati akan nilai-nilai isi kandungannya yang murni, agar dapat membentuk umat Islam yang cemerlang dan gemilang. Para ilmuan perlulah sentiasa bertanggungjawab. Sebarang penyimpangan dan penyelewengan oleh para ilmuan dalam menghuraikan al-Quran akan mewujudkan ketidakseimbangan, kerosakan dan gangguan kepada umat Islam. Oleh kerana itulah para ilmuan mesti berlaku adil dan amanah dalam menyampaikan ajaran al-Quran supaya umat Islam yang akan menerima al-Quran tersebut tidak terpesong dari ajaran Islam yang sebenar. Para ilmuan hendaklah sentiasa membimbing ummah sehingga berupaya meneroka, mencipta dan mengendali kemajuan.

Di kesempatan ini, Beta ingin menyarankan kepada umat Islam di Negeri Selangor supaya sama-sama berusaha dan sentiasa mempersiapkan diri dengan mempertingkatkan tahap keilmuan. Janganlah umat Islam cuba memperbesarkan sebarang isu yang remeh temeh untuk dipertikaikan, tetapi hendaklah berusaha mengatasi masalah-masalah masyarakat yang lebih besar seperti perpaduan rakyat dan kemajuan umat Islam. Segala sikap-sikap negatif seperti hasad dengki, tamak, perasaan curiga-mencurigai, tuduh-menuduh serta syak wasangka yang boleh mengakibatkan persengketaan perlulah dikikis dan dihindari sama sekali.

Umat Islam hendaklah bekerjasama dan bermuafakat dalam setiap perbincangan serta mengambil tindakan yang tepat dan pantas untuk mengatasi sesuatu perkara itu. Ini bagi memastikan kesinambungan tanggungjawab dapat dijalankan dengan penuh kemas dan teratur. Janganlah sekali-kali kita biarkan ada di kalangan anggota masyarakat umat Islam yang terpinggir dari sebarang aktiviti-aktiviti keilmuan, pembangunan dan juga kemasyarakatan.

> "Di sini sukacita Beta selaku ketua Agama Islam di Negeri Selangor ingin mengingatkan lagi bahawa sebarang keputusan dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor hendaklah dipatuhi dan diikuti. Setiap arahan yang dikeluarkan hendaklah diambil perhatian dan dilaksanakan demi untuk kebaikan dan kesejahteraan umat Islam di Negeri Selangor ini."

Beta dimaklumkan bahawa Lembaga Zakat Selangor (MAIS) telah mengadakan bantuan bulanan yang merupakan wang tunai dan bantuan makanan untuk seramai lima ribu empat puluh dua (5,042) orang fakir dan miskin di Negeri Selangor ini. Memandangkan kenaikan harga barang-barang makanan di Negeri Selangor ini makin meningkat, Beta berkenan supaya bantuan yang diberikan kepada fakir dan miskin ini hendaklah dilebihkan dengan bantuan barangan makanan yang utama seperti beras, tepung dan minyak masak, supaya dapat membantu golongan fakir dan miskin ini menanggung kesan kenaikan harga barang-barang makanan yang perlu dan bagi menjamin bekalan makanan asas untuk keluarga mereka.

Beta berharap pembekal-pembekal yang telah terpilih dan dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) untuk membekal serta menyampaikan bekalan makanan kepada golongan fakir dan miskin hendaklah bersifat jujur dan amanah dengan tidak mengurangkan sukatan yang sepatutnya dan memastikan barang-barang makanan yang dibekalkan itu berkualiti baik dan tidak luput tempohnya.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan ini, Beta mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Kepada peserta yang berjaya, Beta mengucapkan setinggi tahniah mudah-mudahan wakil Negeri Selangor akan mengukir kejayaan dalam Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan selepas ini.

Beta berdoa agar apa yang kita laksanakan dengan jujur dan ikhlas akan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Dan mudah-mudahan Allah melindungi kita semua dari segala ujian dan dugaan yang berat.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta menutup dengan rasminya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Tahun 1429 Hijrah Bersamaan Tahun 2008 Masihi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID BANDAR UTAMA BATANG KALI, HULU SELANGOR PADA HARI JUMAAT, 4 JULAI 2008

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid dan berjumpa dengan rakyat Beta di daerah ini.

Beta berharap, majlis yang dianjurkan ini akan dapat menguatkan suasana muhibbah di kalangan rakyat terutama masyarakat setempat di kariah ini. Di samping itu juga majlis ini diharap dapat mengeratkan kerjasama di antara ahli-ahli jawatankuasa masjid dan masyarakat di sini, dengan kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga pegawai-pegawai kerajaan Negeri Selangor.

Masjid bukan sahaja sebagai tempat untuk beribadah tetapi ianya adalah melambangkan keagungan agama Islam dan ketaqwaan hambaNya terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh kerana itu, Beta amat berharap supaya masjid dilihat fungsinya dengan lebih luas merangkumi aspek keilmuan, pengurusan, kewangan dan modal insan.

Justeru itu ia memerlukan keyakinan yang kuat daripada umat Islam terhadap masjid dan komitmen yang tinggi bukan saja daripada pihak Kerajaan semata-mata, bahkan daripada setiap lapisan masyarakat, swasta dan individu. Berkat adanya kerjasama dan semangat yang tinggi daripada institusi-institusi yang disebutkan, Insya Allah fungsi dan peranan masjid dapat dikembalikan dan perancangan untuk pembangunan hal-ehwal Islam dapat disusun dan dirancang dengan lebih baik.

Beta berkenan supaya masjid ini dijadikan tempat untuk umat Islam di kawasan ini bersatu padu dengan semangat persaudaraan yang kukuh dan teguh. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara. Perselisihan pendapat perlulah diatasi dengan bijak dan berhemah berpandukan ajaran Islam yang mengutamakan perpaduan ummah untuk meninggikan syiar Islam. Beta berkenan supaya masjid ini tidak dipolitikkan sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan orang-orang Melayu di daerah ini.

> "Beta mengharapkan agar setiap pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Penceramah-penceramah yang ingin dijemput hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa terlebih dahulu untuk memastikan mereka yang mempunyai tauliah sahaja yang dibenarkan untuk berceramah, berkuliah, berkhutbah dan mengajar di masjid-masjid dan surau-surau."

Beta berharap Imam-Imam dapat melaksanakan tanggungjawab mereka kepada masyarakat setempat untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan dan maju dari segi kerohanian dan kebendaan. Para Imam hendaklah mempunyai hasrat untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi supaya kepimpinan mereka sentiasa dihormati dan dijadikan sebagai tempat rujukan oleh masyarakat. Beta percaya Jabatan Agama Islam Selangor telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi membimbing para Imam supaya mereka mampu menghadapi masalah dan cabaran dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada kariah masing-masing.

Agama Islam mengajar umatnya supaya saling menyayangi dan tolong-menolong antara satu sama lain. Ini dijelaskan sebagaimana maksud hadis yang berbunyi,

"perumpamaan orang-orang yang beriman itu dalam saling sayang menyayangi, kasih mengasihi tidak ubah seperti satu tubuh yang apabila derita satu anggota daripada tubuh itu, akan menderita pula seluruh tubuh yang lain".

Dari maksud hadis ini jelaslah pada kita bahawa kita dikehendaki sentiasa sayang menyayangi, hormat-menghormati, tolong-menolong dan bekerjasama di dalam sebuah keluarga, di antara jiran tetangga dan juga di kalangan masyarakat untuk kemajuan dan kesejahteraan ummah. Sekiranya ajaran agama Islam ini diamalkan dan dipatuhi oleh umat Islam, Beta percaya umat Islam akan lebih menyayangi dan melindungi antara satu dengan yang lain yang boleh membawa kepada keteguhan dan keagungan umat Islam dan agama Islam itu sendiri. Justeru itu Beta menyeru supaya umat Islam di Negeri Selangor ini berusaha untuk bersama-sama memahami dan mendalami ajaran agama Islam yang sebenarnya.

Beta sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya rakyat Beta yang dikasihi akan sentiasa berusaha untuk meninggikan syiar Islam dengan tabah dan sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana masih diberikan kesihatan dan kesejahteraan untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Akhirnya, dalam kesempatan ini, sekali lagi Beta ingin mengajak seluruh umat Islam untuk menjadikan masjid sebagai tempat melakukan ibadah dan tempat mengeratkan hubungan persaudaraan. Ia hendaklah dijadikan tempat yang benar-benar aman, selesa dan kondusif untuk setiap umat Islam melakukan ibadah dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta juga berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan masjid ini dengan nama **Masjid Bandar Utama Batang Kali.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID PENJARA KAJANG, HULU LANGAT, SELANGOR. PADA 7 NOVEMBER 2008 / 9 ZULKAEDAH 1429 H

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir di majlis perasmian masjid yang amat bermakna ini. Beta berharap, majlis yang dianjurkan ini benar-benar berupaya mencetuskan semangat dan suasana mesra di kalangan rakyat serta masyarakat setempat khususnya kakitangan Penjara Kajang bersama badan-badan atau pihak pentadbiran kerajaan negeri ini.

Semoga dengan terbinanya masjid yang tersergam indah ini dapat memberi rahmat kepada seluruh masyarakat Islam di sini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan sempurna, terutama sekali memberikan keselesaan untuk kita menunaikan ibadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Di kesempatan ini Beta juga mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana sebulan yang lalu kita telah berjaya menempuh bulan Ramadan al-Mubarak dengan penuh ketaatan dan ketekunan terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Tiada hadiah kejayaan yang lebih besar dan istimewa dari kejayaan memperoleh status takwa. Ini terbukti sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 103 yang bermaksud:-

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu, supaya kamu bertakwa."

Masjid adalah di antara tempat pertama Rasulullah Salallah Alaihi Wasallam menyatukan orang-orang mukmin di bawah satu kesatuan pemikiran berlandaskan Islam. Nabi Salallah Alaihi Wasallam telah berusaha mendirikan masjid sebaik sahaja Baginda sampai di Madinah, malah ia menjadi *landmark* kepada proses integriti di kalangan umat Islam ketika itu. Dalam sejarah Islam juga terdapat kenyataan yang menunjukkan bahawa Rasulullah Salallah Alaihi Wasallam amat prihatin dengan perkembangan masjid dan telah menjadikannya sebagai pusat komuniti yang menjana segala aktiviti umat Islam, sama ada yang berkaitan dengan urusan keagamaan dan juga aktiviti kemasyarakatan.

Ini menunjukkan peranan masjid untuk membangunkan masyarakat amat luas dan penting dalam Islam. Sebab itu orang yang terlibat dalam pembangunan, pengurusan dan kemajuan masjid mestilah orang yang benar-benar layak, berkaliber dan beriman dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

"Sesungguhnya tanggungjawab untuk menjadikan masjid sebagai sumber kekuatan ummah bukan sahaja tanggungjawab pihak-pihak tertentu sahaja bahkan ianya adalah tangungjawab bagi seluruh umat Islam dalam negeri ini. Perlu ada di kalangan anggota masyarakat yang melihat dengan lebih jauh ke hadapan, memikirkan berbagai cara untuk memajukan masjid dan melonjakkan peranan masjid bagi meninggikan martabat umat dan agama Islam sendiri."

Beta yakin matlamat tersebut akan tercapai sekiranya masjid berperanan sebagai institusi penting di dalam memperkuatkan ikatan keimanan dan persaudaraan sesama masyarakat. Malah umat Islam pastinya mampu merealisasikan penyatuan dan kekuatan sebagaimana penyatuan kiblat yang satu yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Kedudukan umat Islam akan rosak binasa sekiranya umat Islam sendiri berpecah-belah, bersengketa, menindas dan menjatuhkan sesama sendiri. Umat Islam hendaklah mengambil suatu langkah penyelesaian yang efektif terutama dalam membendung pelbagai kelemahan dalaman umat Islam. Kesatuan umat Islam hari ini perlu disatukan dengan semangat ***"sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara".*** Beta berkenan mengingatkan bahawa sebarang tindakan yang boleh memecahbelahkan kesatuan dan perpaduan umat perlulah ditolak kerana ini memang ditegah oleh Islam. Begitu juga sekiranya kita mengambil sikap melampau, ganas dan taksub, akan merosakkan imej umat Islam.

Fungsi dan senibina masjid adalah lambang keagungan Islam. Masjid sebenarnya boleh menjadi model pembangunan dan kemajuan umat Islam dan negara Islam. Beta berharap kepimpinan masjid yang sedia ada hendaklah bertangungjawab menjadikan masjid sentiasa diimarahkan dan memacu pembangunan sosial serta sentiasa melakukan perubahan kebaikan. Masjid juga sebenarnya berpotensi menjadi pusat kecemerlangan ilmu dan menjana sosio-ekonomi ummah dan kemajuan serta pembangunan sosial. Masjid juga mempunyai potensi besar menjadi mercu tanda dan hendaklah dimanfaatkan sebaiknya. Sumbangan amal jariah dan wakaf boleh dipertingkatkan dengan adanya usaha yang paling optimum. Tanggungjawab sosial para anggota masyarakat dan komuniti ialah menyumbang melalui sedekah, amal jariah dan wakaf. Apa yang penting adalah untuk kita mendapat keredhaan Allah dan balasan yang baik daripadaNya.

Pembudayaan berwakaf perlu digerakkan oleh pegawai masjid agar budaya itu menjadi sebahagian daripada budaya dan cara hidup orang Islam masa kini. Malah pembudayaan wakaf akan dapat melahirkan budaya menyumbang dan tolong menolong mereka yang lemah serta tidak berupaya. Selain itu juga, sumbangan yang maksima dari masyarakat akan dapat membantu usaha membasmi kemiskinan tegar seterusnya meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara kita.

Memang tidak dapat dinafikan sama sekali bahawa peranan masjid dalam pengukuhan tradisi ilmu adalah terserlah dan terbukti sejak zaman berzaman. Bermula dengan zaman Rasulullah yang menjadikan masjid sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan, maka institusi masjid terus-menerus menjadi pusat pembelajaran utama bagi umat Islam di sepanjang zaman. Ternyata masjid menjadi pusat pengukuhan tradisi keilmuan di mana segala cabang ilmu pengetahuan diajar secara bersepadu kepada seluruh umat Islam hingga berjaya melahirkan cendekiawan Islam yang cemerlang dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.

Disini Beta juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berangkat kepada bakal-bakal Haji Malaysia yang akan ke tanah Suci Mekah bagi menunaikan rukun Islam yang ke lima bagi melengkapkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Semoga mereka akan dikurniakan haji yang mabrur.

Beta suka mengesyorkan supaya pihak jawatankuasa masjid boleh membantu bakal-bakal haji ini dengan memberikan pengetahuan untuk mendalami ilmu berkenaan dengan ibadah haji dan mengadakan kuliah di masjid ini sebelum mereka berangkat ke Tanah Suci Mekah.. Beta yakin dengan ini akan memberikan suasana yang harmoni dan kerjasama yang erat di antara institusi masjid dengan masyarakat setempat supaya lebih bertaqwa dan beriman kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta yakin sekiranya pihak-pihak yang menguruskan masjid berjaya merealisasikan masjid sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan, pengukuhan akidahnya, maka sebahagian daripada permasalahan remaja yang berada di persimpangan itu akan dapat diatasi, seterusnya akan melahirkan masyarakat dan generasi yang beriman dan bertaqwa. Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid Penjara Kajang, Hulu Langat ini dengan nama **Masjid Jabatan Penjara Malaysia Kajang.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MAJLIS PERASMIAN MASJID PENJARA KAJANG, HULU LANGAT, SELANGOR.
PADA 7 NOVEMBER 2008 / 9 ZULKAEDAH 1429 H

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR PADA 6 MAC 2009 / 9 RABIULAWAL 1430 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala., Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian pembinaan semula Masjid Sultan Abdul Aziz yang menjadi nadi penggerak masyarakat Islam di tengah-tengah bandar Petaling Jaya ini. Beta berharap, majlis yang diadakan ini akan mencetuskan semangat perpaduan di kalangan rakyat serta masyarakat di sini dan juga dapat memberikan rahmat dan keberkatan kepada seluruh masyarakat di sini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan lebih baik dan sempurna, terutama sekali untuk memberikan keselesaan beribadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Masjid ini telah dibina, dan dinamakan sempena nama Ayahanda Beta pada tahun 1964. Oleh sebab Petaling Jaya telah berkembang maju dan rakyatnya semakin bertambah serta dinaiktaraf menjadi bandaraya, maka keperluan untuk menampung lebih ramai jemaah adalah perlu, maka masjid ini telah dibina semula sesuai dengan taraf Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya. Beta ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyumbangkan perbelanjaan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Juta untuk pembinaan semula masjid ini yang telah diuruskan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain semasa beliau berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan. Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), pihak swasta serta individu yang turut membantu dalam proses pembinaan semula masjid ini. Beta tidak lupa juga untuk mengucapkan terima kasih kepada penduduk Petaling Jaya yang telah bersabar dalam menghadapi kesukaran dan kesulitan untuk beribadah sementara menantikan siapnya pembinaan semula masjid ini.

Sesungguhnya masjid adalah tempat yang mulia di dalam Islam. Namun begitu masjid bukanlah semata-mata tempat untuk menunaikan sembahyang berjemaah sahaja, tetapi ia juga adalah merupakan sumber utama pembinaan kekuatan ummah dan juga merupakan tempat yang boleh menyatukan umat Islam secara menyeluruh. Menyedari hakikat inilah maka kita harus berusaha menjadikan masjid sebagai satu institusi yang penting dan utama bagi mengembalikan perpaduan dan kekuatan ummah. Mendidik ummah supaya bertaqwa kepada Allah, merasa mulia dengan Islam, menyayangi dan taat setia kepada tanah air serta sedia berkorban untuk bangsa, agama dan negara.

Oleh itu, para pegawai masjid yang dilantik bukan sahaja mesti mempunyai kelayakan akademik yang tertentu bahkan mempunyai sifat keperibadian yang tinggi serta mempunyai karisma yang terbaik sebagai pemimpin masyarakat. Dalam masa yang sama mestilah sanggup turun bersama-sama dengan masyarakat dalam semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan setempat. Laksanakanlah tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh, saling membantu dan bekerjasama antara satu dengan yang lain.

Selain itu, pihak-pihak yang terlibat perlulah memandang serius dan prihatin sekiranya terdapat unsur-unsur yang tidak sepatutnya ditimbulkan dalam suasana kedamaian rumah Allah Subhanahu Wa Ta'ala ini. Hindarilah gejala-gejala pecah amanah, perebutan kuasa, dengki mendengki, fitnah memfitnah, menimbulkan unsur hasutan, unsur-unsur campur tangan politik dan perkauman, unsur-unsur ajaran sesat serta gejala-gejala lain yang buruk sehingga boleh memporak-perandakan kesatuan Umat Islam bahkan mencacatkan imej kemuliaan masjid ini.

"Di kesempatan ini, Beta ingin meluahkan rasa kesal dan dukacita serta kebimbangan Beta terhadap orang-orang Melayu di Negeri Selangor ini yang mana telah berpecah belah, disebabkan oleh berlainan fahaman politik. Pepatah Melayu ada mengatakan "takkan Melayu hilang di dunia", tetapi memandangkan keadaan kucar-kacir yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu, adakah orang Melayu akan kekal di dunia ini? Jawapannya, tentulah kekal, tetapi apalah gunanya jika orang Melayu itu tidak bertamadun, tidak dihormati dan boleh dipermainkan serta diperalatkan. Sudah lupakah orang Melayu akan sejarah negara kita? Di mana dengan kesepakatan, kesefahaman serta bersatunya orang-orang Melayu maka tercapailah kemerdekaan tanah air yang kita kasihi ini."

Beta merasa kesal, mengapa sejak kebelakangan ini tersebar di media elektronik dan media cetak suara-suara lantang yang mempersoalkan tentang kedudukan orang-orang Melayu, kedudukan Raja-Raja Melayu di negara ini, padahal seperti yang Beta katakan tadi perkara ini telah dipersetujui sebelum negara ini mencapai kemerdekaan dan telah termaktub di dalam Perlembagaan Negeri dan Persekutuan. Apa yang lebih menyedihkan Beta, suara-suara lantang ini datangnya daripada orang Melayu sendiri yang biadab, tidak berbudi-bahasa dan tidak merasa segan atau malu.

Orang Melayu telah diasuh dari zaman nenek moyang kita di atas landasan adat istiadat, budi pekerti, bersopan santun, hormat-menghormati dan sentiasa bermuafakat. Di atas landasan inilah maka orang Melayu disegani dan dihormati. Di manakah orang Melayu sekarang? Negara baru mencapai kemerdekaan setengah abad, orang Melayu telah bercakaran, hilang maruah, hilang budi pekerti disebabkan terlalu ghairah untuk merebut kuasa hingga sanggup menggadaikan bangsa dan negeri.

Beta telah berkali-kali menyeru kepada rakyat Melayu di Negeri Selangor ini supaya menghormati antara satu sama lain, memahami akan kedudukan satu dengan yang lain dan yang paling penting, mempercayai antara satu dengan yang lain. Jika orang Melayu sentiasa menyimpan syak wasangka antara satu dengan yang lain maka inilah yang akan menimbulkan rasa curiga, rasa sangsi dan cemburu yang menyebabkan timbulnya fikiran dan tindakan yang negatif sesama rakyat jelata.

Negara Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama lima puluh tahun dan telah maju serta boleh bersaing di dalam dunia global ini. Adakah orang Melayu mahu melihat semua kemajuan yang dicapai ini hancur lebur dan kehidupan seharian menjadi porak-peranda hanya disebabkan oleh fahaman politik dan bergaduh sesama sendiri. Sekali lagi Beta menyeru kepada rakyat Negeri Selangor yang Beta kasihi ini supaya bertenang dan merenung sedalam-dalamnya apa yang telah berlaku, dan bertanya kepada diri sendiri, adakah kita mahukan keamanan dan kesejahteraan hidup dalam suasana harmoni seperti yang kita nikmati ini berterusan? Atau bertelagah sesama sendiri dan tidak menghiraukan lagi adat dan budi bahasa, hormat menghormati dan membelakangkan undang-undang untuk kepentingan sendiri sehingga negeri yang kita dikasihi ini akan menjadi musnah dan mundur seperti negara-negara dunia ketiga.

"Bersatulah Orang Melayu, Apabila Ada Isu-Isu Kepentingan Orang Melayu dan Agama Islam"

Beta sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar Negeri Selangor yang kita kasihi ini sentiasa dilindungi dan dirahmati, tidak ditimpa mala-petaka dan rakyatnya yang berbilang kaum hidup dengan aman sejahtera, harmoni dan terus maju.

Akhirnya dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan **Pembinaan Semula Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz , Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh







MAJLIS PERASMIAN MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR
PADA 6 MAC 2009 / 9 RABIULAWAL 1430 H (JUMAAT)





MAJLIS PERASMIAN MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR PADA 6 MAC 2009 / 9 RABIULAWAL 1430 H (JUMAAT)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID KLANG UTARA, KLANG, SELANGOR.
PADA 11 DISEMBER 2009 / 24 ZULHIJJAH 1430 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna ini. Masjid Klang Utara ini merupakan masjid yang baru dan menjadi mercu tanda keagungan Islam yang terletak di tengah-tengah bandar Klang yang tidak pernah sunyi dengan aktiviti harian masyarakat di sini.

Beta berharap semoga dengan terbinanya masjid yang indah ini dapat menyinari hidayah dan memberi rahmat serta menambahkan keberkatan kepada seluruh masyarakat Islam di sini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan lebih sempurna.

Sesungguhnya kita semua sedia maklum bahawa masjid adalah tempat yang mulia di sisi Islam. Sebab itu masjid dinamakan Baitullah iaitu rumah Allah yang lebih sinonim bagi hamba-hambanya yang benar-benar ikhlas ingin menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Selain menjadi pusat ibadah bagi seluruh umat Islam, tidak dinafikan lagi bahawa masjid hendaklah berperanan sebagai pusat penjanaan, pembinaan kekuatan ummah dan penyatuan umat Islam secara menyeluruh.

Justeru itu, marilah kita sama-sama berfikiran positif dan serius dalam menguruskan masjid yang diamanahkan oleh Allah kepada kita semua. Ini kerana perubahan zaman yang disebut zaman globalisasi lebih mudah terbuka kepada kerenah dan cabaran semasa. Terlalu banyak isu-isu fitnah dan hasutan, salah faham, perselisihan dan perpecahan yang dihadapi dalam abad ke-21 ini. Namun, kita mestilah sedar bahawa cabaran itu bukan sahaja datangnya dari luar tetapi juga dari kelemahan, kelalaian, kejahilan dan permasalahan dalaman kita sendiri yang kurang peka perihal agama, anak bangsa dan negara kita. Kadangkala sikap yang terlalu optimis dengan ideologi kumpulan masing-masing dan memperbesarkan isu-isu yang remeh temeh menyebabkan perpecahan dan sengketa di antara ummah.

Sebenarnya keberkesanan institusi masjid itu bukanlah terletak kepada rekabentuk dan kelengkapan peralatan serta kemewahan sesebuah masjid itu sendiri, tetapi ianya wujud sekiranya sesebuah masjid itu dapat memenuhi pengisian-pengisiannya yang dapat menyatukan masyarakat, komitmen dan serius dalam mengatur strategi dakwah, dapat menyelesaikan perselisihan dan perbalahan dalam kariah dan membina serta membimbing masyarakat arah kebaikan.

Oleh itu, Beta ingin mengingatkan agar semua pihak yang terlibat supaya bersungguh-sungguh mengatur gerak kerja untuk membangunkan dan memakmurkan masjid serta menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan ikhlas dan taat kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Akhir-akhir ini terlalu banyak permasalahan sosial berlaku dalam masyarakat kita, antaranya, permasalahan perpaduan umat Islam, ajaran-ajaran sesat, fanatik berkumpulan, fahaman ekstremis dan keruntuhan moral dikalangkan muda-mudi kita, yang kesemuanya memerlukan kepada kekuatan dan kebijaksanaan kita untuk saling bekerjasama mencari jalan penyelesaiannya. Lebih-lebih lagi hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan ummah.

"Menyedari permasalahan ini Beta menegaskan bahawa amat perlu dibuat pengawalan oleh pihak berkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terutama berhubung dengan ceramah-ceramah atau pengajaran Agama Islam di Selangor kerana ramai orang-orang dari luar yang datang ke negeri ini yang sebahagiannya bukan hanya mencari rezeki, tetapi juga berdakwah dan mengajar untuk perkembangan Agama Islam. Oleh itu bagi memastikan dakwah yang betul dan mengelakkan pengembangan ajaran sesat, mereka yang ingin berdakwah dan mengajar agama di Negeri Selangor hendaklah mendapatkan tauliah dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)."

Tauliah daripada MAIS ini adalah merupakan salah satu cara untuk memastikan perpaduan ummah yang kukuh di Negeri Selangor ini tidak dirosakkan melalui dakwah fahaman yang berpuak-puak dan juga dakwah atau pengajaran mengelirukan yang boleh memecah belahkan kesatuan umat Islam di Negeri Selangor ini. Jawatankuasa Tauliah Majlis Agama Islam Selangor telah menguatkuasakan kaedah-kaedah tauliah yang diberi di bawah Seksyen 118(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang memperuntukkan penalti bagi kesalahan mengajar agama Islam tanpa tauliah Justeru, sebagai individu Muslim yang benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala maka patuhilah ajaran agama Allah yang kita anuti ini. Jadilah individu yang bertakwa dengan melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segera apa yang dilarang-Nya.

Segala peraturan dan prosedur yang dibuat bertujuan untuk pembangunan Agama Islam dan perpaduan ummah hendaklah dipatuhi supaya umat Islam dipandang mulia dan dapat dihayati oleh umat bukan Islam untuk mendekati serta memahami Agama Islam yang sebenarnya. Semoga Agama Islam akan terus berkembang dan dihormati.

Beta menitahkan supaya masyarakat di sini supaya mengelakkan sebarang spekulasi yang boleh mencetuskan huru-hara yang menjejaskan keharmonian dan keamanan negeri yang kita sayangi ini. Laksanakanlah pelbagai langkah untuk memulihkan keadaan ekonomi kita agar kemampuan berbelanja tidak terjejas, kebajikan untuk golongan fakir miskin tidak dilupakan dan keupayaan untuk menunaikan zakat yang banyak dapat dilaksanakan. Beta yakin sekiranya seluruh rakyat dapat bekerjasama dengan kerajaan untuk memajukan negeri ini, InsyaAllah segala cabaran dan masalah yang berlaku dapat kita hadapi dengan sebaiknya.

Sebelum mengakhiri ucapan, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan setinggi terima kasih kepada semua rakyat beta samada Pegawai Kerajaan, Ahli-Ahli Badan dan Pertubuhan serta individu orang perseorangan yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang amat baik.

Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid Klang Utara, Klang, Selangor ini dengan nama **Masjid Bandar Diraja.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



MAJLIS PERASMIAN MASJID KLANG UTARA, KLANG, SELANGOR.
PADA 11 DISEMBER 2009 / 24 ZULHIJJAH 1430 H (JUMAAT)



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DI BILIK SINGGAHSANA ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA HARI ISNIN, 25 JANUARI 2010

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan sernesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama para hadirin sekalian di majlis pada hari ini.

Beta mengucapkan tahniah,kepada para Hakim Mahkamah Syariah, yang baru sahaja menerima watikah pelantikan. Beta berharap, para hakim sekalian dapat menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan jujur, telus dan berdedikasi. Beta menyedari bahawa tugas menjadi hakim ini, adalah sukar, dan ianya memerlukan pemerhatian, penelitian dan penilaian yang tepat, dalam membuat keputusan pada sesuatu kes. Beta menitahkan supaya para hakim sekalian dapat menyempurnakan tuntutan syarak ini, dengan sabar dan penuh ikhlas. Patuhilah segala etika sebagai seorang hakim yang berwibawa, tegas dan berkeyakinan dalam mengendalikan setiap kes. Seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu, akan melanggar etika kehakiman, apabila membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas kehakiman hingga menjejaskan kedudukannya, sebagai seorang hakim. Janganlah menggunakan kedudukan kehakiman ini, bagi faedah diri sendiri. Apabila seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu mendengar sesuatu kes, hendaklah melaksanakan keadilan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan.

Apabila menjalankan tugas-tugas kehakiman, Beta berharap seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu, mestilah berada di dalam keadaan yang tenang dan sempurna supaya dapat memberi penghakimannya dengan baik. Seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu. juga, mestilah tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang dihakimi dan mestilah mendengar dalam keadaan terbuka akan hujah-hujah dari kedua belah pihak. Walaubagaimana pun, Beta menaruh kepercayaan, kepada setiap Hakim Mahkamah Syariah yang diberi kuasa untuk menegakkan Undang-Undang Syariah di Negeri Selangor yang Beta kasihi ini.

Beta difahamkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) tidak lama lagi, akan ditempatkan di sebuah bangunan baru, yang lengkap dengan keperluan dan kemudahan, seperti Pejabat serta Dewan Mahkamah yang serba canggih. Justeru itu Beta berharap, para warga JAKESS, dapat memanfaatkan bangunan tersebut, dengan sebaik-baiknya demi memajukan dan memantapkan lagi, institusi kehakiman syariah di Negeri Selangor ini. Tambahan pula, dengan bertambahnya bilangan Hakim Mahkamah Syariah di Negeri Selangor ini, Beta berharap pihak JAKESS, dapat menguruskan kes-kes Mal dan Jenayah, serta kes-kes Mahkamah Rayuan, dengan lebih efisyen dan sistematik. Sistem E-Syariah yang sedia ada haruslah dipertingkatkan, dan diperluaskan, penggunaannya, agar ianya dapat membantu para hakim, dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, mengendalikan rekod-rekod dan maklumat, mengenai setiap kes dengan lebih berkesan.

"Beta mahukan Hakim-hakim Mahkamah Syariah, supaya bersungguh-sungguh, membuat penghakiman, dan tidak melengah-lengahkan sesuatu prosiding, tanpa alasan yang munasabah, dan menyelesaikan kes-kes penghakiman dalam tempoh masa yang sesuai, serta mematuhi arahan-arahan daripada Ketua Hakim Syari'e.

Beta seringkali mendapat aduan daripada orang ramai tentang kes-kes Mahkamah Syariah, yang tertangguh agak begitu lama, hanya disebabkan oleh perkara-perkara remeh, yang sepatutnya boleh dielakkan seperti hakim menghadiri kursus, peguam syarie mempunyai kes yang lain, saksi-saksi yang tidak dapat hadir, prosiding yang tidak lengkap dan berbagai-bagai alasan lagi. Justeru itu Beta menyeru kepada pihak JAKESS supaya dapat mengatasi masalah ini, agar kes-kes atau perbicaraan, dapat dijalankan mengikut jadual, dan diharapkan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sepatutnya."

Beta tidak mahu mendengar lagi aduan-aduan negatif terhadap Institusi Kehakiman Syariah yang secara tidak langsung, menjejaskan imej Agama Islam di Negeri Selangor ini. Keutamaan hendaklah diberikan, kepada kes-kes Mal yang melibatkan rumahtangga, agar tidak ada sesiapa yang teraniaya, akibat kelalaian, atau kecuaian pihak tertentu. Di sini para hakim dan seluruh warga jabatan haruslah bijak memainkan peranan dalam memastikan perjalanan kes dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Akhir sekali harapan Beta, kepada para Hakim Mahkamah Syariah sekalian agar berusaha untuk menaikkan lagi martabat Institusi Mahkamah Syariah di negara ini, khususnya di Negeri Selangor, agar dipandang mulia, oleh segenap lapisan masyarakat. Beta mahu, masyarakat di negara ini, menyedari bahawa peranan Mahkamah Syariah ini, adalah sama penting dengan peranan Mahkamah Sivil. Setiap kes yang dikendalikan, oleh Mahkamah Syariah tidak harus dipandang remeh dan setiap keputusannya tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, agar Undang-Undang Syariah di negara ini, khususnya di Negeri Selangor akan terus dipertahankan dan dikuatkuasakan demi untuk keamanan dan keharmonian umat Islam, serta masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh





MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DI BILIK SINGGAHSANA ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA HARI ISNIN, 25 JANUARI 2010

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID AL-RAHMAN, KAMPUNG TUNKU, PETALING JAYA, SELANGOR PADA 26 MAC 2010 / 10 RABIUL AKHIR 1431 H (JUMAAT)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita, Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna ini. Beta berharap majlis yang dianjurkan ini benar-benar berupaya mencetuskan semangat persaudaraan dan suasana kasih sayang di kalangan rakyat dan masyarakat setempat bersama pihak kerajaan negeri ini.

Masjid Kampung Tunku ini, merupakan masjid yang pertama dapat dirasmikan pada tahun 2010 ini. Semoga dengan terbinanya masjid yang menjadi syiar Agama Allah ini dapat menyinari kehidupan dan memberi rahmat serta menambahkan keberkatan kepada seluruh masyarakat di sini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan lebih sempurna, terutama sekali untuk memberikan keselesaan kepada kita untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Dalam kesempatan ini sukacita Beta merakamkan terima kasih kepada semua rakyat Beta yang mengambil berat, dan perihatin terhadap usaha-usaha mengekalkan keamanan dalam negeri kita ini, walaupun di sesetengah negara lain menghadapi suasana politik semasa yang bergolak dan perselisihan faham yang bukan sahaja memberi kesan terhadap pentadbiran negara tersebut, malah membimbangkan kita semua. Kita perlu ingat bahawa setiap manusia inginkan kedamaian. Tidak ada manusia normal yang suka pertelingkahan, ketidaktenteraman, permusuhan, dan benci-membenci. Namun peliknya masih ada di kalangan kita, seakan-akan gemar meneruskan konflik, bahkan sesama umat Islam dan masyarakat yang lain dalam negara ini.

Sesungguhnya, kita semua sedia maklum, bahawa masjid adalah tempat yang mulia di sisi Islam dan satu amanah yang berat bagi setiap individu yang beragama Islam. Sebab itu, masjid dinamakan rumah Allah yang lebih sinonim bagi hamba-hambaNya yang benar-benar ikhlas, ingin menghampirkan diri, kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Selain menjadi pusat ibadah bagi seluruh umat Islam, tidak dinafikan lagi bahawa masjid hendaklah berperanan sebagai pusat pengajian, pembinaan kekuatan ummah, dan penyatuan umat Islam secara menyeluruh.

Justeru itu, marilah kita, sama-sama berfikiran positif, dan serius, dalam menguruskan masjid, yang diamanahkan oleh Allah. kepada kita semua. Tunaikanlah amanah, yang dipertanggungjawabkan ini dengan sebaik mungkin. Bukan sekadar untuk dikenali oleh masyarakat semata-mata atau untuk memiliki sesuatu kepentingan sahaja. Malah harapan yang diletakkan di atas bahu kita semua, sama ada sebagai pemimpin, ulama, atau rakyat biasa, adalah untuk memastikan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan sambutan bulan memakmurkan masjid yang diraikan pada bulan ini, marilah sama-sama kita meningkatkan usaha-usaha, mengurus dan mentadbir masjid ini, dengan sebaik mungkin, dan diredhai Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Utamakanlah pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti, serta perancangan-perancangan yang baik, dan berkesan. Ini kerana, perubahan zaman yang disebut zaman globalisasi lebih mudah terbuka kepada kerenah dan cabaran semasa. Terlalu banyak isu-isu fitnah dan hasutan, salah faham, perselisihan dan perpecahan yang dihadapi dalam abad ke-21 ini. Namun, kita mestilah sedar bahawa cabaran itu bukan sahaja datangnya dari luar tetapi juga dari kelemahan, kelalaian, kejahilan dan permasalahan dalaman kita sendiri,yang kurang peka perihal agama, anak bangsa dan negara kita sendiri.

Sebenarnya keberkesanan institusi masjid itu, bukanlah terletak kepada reka bentuk dan kelengkapan peralatan sesebuah masjid itu sendiri. Tetapi ianya bergantung kepada pengisian-pengisiannya yang dapat menyatukan masyarakat, komitmen dalam mengatur strategi dakwah, dapat menyelesaikan perselisihan dan perbalahan dalam kariah, membina dan membimbing masyarakat serta dapat menyatupadukan masyarakat Islam di kariah tersebut.

Menyedari hakikat pada masa sekarang ini, umat Islam berhadapan, dengan cabaran-cabaran yang berat, dalam usaha menegakkan, dan memartabatkan agama Islam, maka kita harus berusaha, membuat perubahan besar dan menjadikan masjid, sebagai satu institusi yang amat penting, bagi mengembalikan kekuatan ummah. Segala kerja pengurusan masjid, hendaklah dirancang dengan sebaik mungkin supaya sasaran objektif yang dirancang akan menghasilkan keputusan yang lebih efektif dan membanggakan kita semua.

Kuliah-kuliah yang dirancang hendaklah dikemaskinikan dan diprogramkan supaya memberi impak yang amat baik terhadap masyarakat. Pengajian-pengajian berkitab hendaklah diselaraskan dan berpandukan rujukan-rujukan pengajian yang bersistem dan teratur. Ini semuanya adalah untuk mengelakkan timbulnya, persepsi yang kurang baik dan salah faham masyarakat, terhadap agama Islam. Justeru itu, amat perlu pendakwah-pendakwah dan guru-guru yang diiktiraf, bertauliah, serta diyakini ilmu yang dimilikinya, dapat membimbing anak-anak generasi dan masyarakat setempat, tanpa diragui dan menimbulkan kesangsian. Beta menitahkan supaya pemberian tauliah kepada penceramah-penceramah diambil serius, bagi mengelakkan kemungkinan ajaran-ajaran sesat atau ajaran yang tidak selari dengan Ahlil Sunnah Waljamaah yang diamalkan di negeri ini.

> "Beta berpendapat, bahawa isu-isu tentang agama, yang dibangkitkan sejak kebelakangan ini adalah kerana kejahilan dan salah tanggapan dalam memahami kesempurnaan atau kesucian Islam. Justeru perlulah diperkuatkan, usaha-usaha gerakan dakwah segenap pelusuk negeri ini, malahan seluruh negara, supaya Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam dapat menjadi kenyataan. Masjid dapat digunakan sebagai salah satu tempat, untuk meningkatkan kefahaman ummah, tentang tanggungjawab umat Islam, terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara."

Beta percaya bahawa pihak Jabatan Agama Isiam Selangor, dan pihak-pihak lain, yang sering terlibat sama sentiasa berusaha merancang untuk mengadakan pelbagai program latihan kursus, seminar, dan muzakarah, untuk membimbing pihak-pihak yang terlibat, menguruskan masjid, dan surau-surau dalam negeri ini. Oleh itu, jawatankuasa masjid mestilah mengikuti prosedur dan arahan-arahan atau garis panduan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam negeri ini.

Sesungguhnya, umat Islam boleh menjadi kuat dengan bersatu dan mendapat rahmat dari Allah kerana ketaatan mengikuti arahan dan perintah-Nya. Malahan al-Quran dengan jelas dan tegas menyatakan bahawa jatuh bangun umat Islam, amat bergantung kepada sejauh manakah penghayatan umat terhadap al-Quran itu sendiri. Sekiranya teguh pegangannya, kuatlah umat tersebut. Sebaliknya, jika longgar penghayatannya, maka umat akan menjadi lemah dan berpecah belah.

Akhirnya Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan, ucapan terima kasih kepada semua rakyat Beta samada Pegawai Kerajaan, Ahli-Ahli Badan dan Pertubuhan serta individu orang perseorangan yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang amat baik.

Beta berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, agar institusi masjid terus bergerak cemerlang, sentiasa dipandang mulia, memperolehi keberkatan dan dihormati serta menjadi organisasi contoh di negeri ini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan masjid ini dengan nama **"Masjid Kampung Tunku".**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH AGAMA MENENGAH TINGGI HISAMUDDIN, JALAN KOTA RAJA, KLANG PADA HARI KHAMIS, 29 APRIL 2010

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam, ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, bersyukur Beta, ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama, dengan rakyat Beta, di dalam majlis perasmian, Sekolah Agama Menengah Tinggi Jalan Kota Raja, Klang pada pagi ini.

Beta amat gembira, kerana pada pagi yang berbahagia ini, Beta berpeluang merasmikan sebuah Sekolah Menengah Agama Tinggi, yang telah menzahirkan hasrat dan menjunjung cita-cita nenda Beta, iaitu Almarhum Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah, Sultan Selangor yang ke tujuh yang mahukan pendidikan agama Islam diperkembangkan dan institusi pengajian tinggi Islam ditubuhkan bagi keperluan pendidikan masyarakat Islam di negara ini.

Beta rasa amat berbangga dengan terbinanya bangunan sekolah ini yang menempatkan anak-anak Islam bagi mengikuti sistem pendidikan Islam di Negeri Selangor. Beta mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan, yang telah membantu pembangunan sekolah-sekolah aliran agama Islam di Negeri Selangor ini, dengan membiayai pembinaan dan penyelenggaraan bangunan sekolah, penempatan dan gaji guru-guru serta geran pengurusan pendidikan. Bagi Beta, sistem pendidikan Islam ini, adalah warisan sistem pendidikan yang perlu dipertahankan dan dipertingkatkan ke arah memenuhi hasrat negeri dan negara pada masa depan. Beta percaya sekolah ini akan mengeluarkan pelajar-pelajar aliran agama Islam yang berdedikasi dan berhemah tinggi, bagi memartabatkan lagi agama Islam dan Beta juga percaya pelajar-pelajar lepasan sekolah ini kelak, akan memenuhi permintaan Institusi Pengajian Tinggi Islam yang terdapat di negara ini.

Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana sistem pendidikan Islam berkembang dengan amat baik di Negeri Selangor ini. Beta sentiasa maklum, mengenai perkembangan ini, melalui pendaftaran sekolah-sekolah agama menengah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Beta dapati banyak faedah, telah dinikmati oleh sekolah-sekolah berkenaan. Pengurusan dan pentadbiran sekolahsekolah ini, semakin mantap, guru-guru telah menikmati peluang perjawatan, bantuan-bantuan pembangunan kurikulum dan ko-kurikulum berjalan lancar, serta program-program pembangunan murid semakin baik. Beta ingin mengingatkan, agar kerjasama ini diperkukuhkan lagi, antara JAIS dan Kementerian Pelajaran. Apa sahaja program yang dilaksanakan, mestilah tidak menghilangkan identiti, nilai, budaya dan sejarah sekolah-sekolah ini. Kurikulum Pendidikan Islam JAIS (Sukatan Al Azhar) juga perlu dipelihara dan diperkemaskan.

Kita sedia maklum, bahawa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah bertanggungjawab mengendalikan Hal Ehwal Islam di Negeri Selangor. Program dan aktiviti yang disediakan, kepada masyarakat Islam adalah bertujuan, untuk menanamkan nilai-nilai Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat. Program Pendidikan Islam adalah salah satu aktiviti JAIS ke arah mencapai cita-cita ini.

Beta percaya, melalui pendidikan Islam yang kukuh, ianya akan mampu, melahirkan generasi Islam,yang teguh aqidahnya, benar ibadahnya dan sejahtera akhlaknya. Mereka inilah nanti yang akan memimpin dan membentuk sebuah masyarakat, yang beridentitikan Islam. Masyarakat sebeginilah yang akan dapat memajukan Negeri Selangor, bukan sekadar maju pada nilai materialnya tetapi juga maju dari segi rohani dan jasmani, serta nilai kemanusiaannya. Sekolah merupakan institusi terbaik, bagi melahirkan modal insan yang berakhlak. Oleh hal yang demikian, sekolah perlu menjadi pusat, bagi menghasilkan insan yang terbaik untuk dimanfaatkan oleh ummah. Golongan guru disekolah-sekolah, perlu menyumbang ilmu dan pengalaman mereka, untuk mengajar, mendidik dan membimbing murid-murid menjadi Muslim yang berakhlak mulia. Guru-guru tidak wajar merasakan tugas mereka telah selesai, apabila telah tamat waktu di sekolah. Fahamilah bahawa murid-murid di luar sekolah, akan berdepan dengan krisis identiti, personaliti, budaya dan kerjaya. Sekiranya mereka gagal mengurus diri mereka, mungkin ramai yang akan hanyut, dibawa arus pembangunan, tanpa mempunyai pegangan hidup yang tertentu. Mereka ini akan menjadi manusia yang hidup tanpa pegangan dan objektif.

Sehubungan dengan itu, Beta berpendapat bahawa kerjasama dengan ibubapa, wajar terus dipertingkatkan dan menjadikan sekolah milik bersama masyarakat. Persatuan Ibubapa Dan Guru (PIBG) perlu lebih aktif bersama dengan pihak sekolah bagi menjayakan aktiviti-aktiviti pembangunan akhlak di kalangan murid-murid. Penglibatan komuniti masyarakat perlu ditingkatkan agar masalah gejala sosial dapat ditangani bersama. Beta berharap semua pihak akan saling bekerjasama menjayakan usaha murni ini.

> "Beta yakin bahawa al-Quran yang dibaca dan dihayati serta solat yang didirikan dengan penuh kefahaman akan melahirkan murid yang berjaya, berasaskan Islam dan tabah dalam mengharungi cabaran global. Dengan menguasai al-Quran dan memahami solat, ianya akan menjadi benteng yang paling kukuh, dalam mengharungi cabaran hidup remaja. Beta berpandangan bahawa untuk menjadi masyarakat Islam yang maju, seseorang itu hendaklah menguasai ilmu duniawi dan ilmu akhirat secara seimbang."

Kita mesti menerima hakikat bahawa kemajuan dunia pada hari ini adalah amat ketara, jika dibandingkan dengan masa lalu. Dalam era globalisasi, dunia semakin canggih, dengan kepesatan pembangunan dan kemajuan teknologi yang membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain dengan begitu cepat. Selain daripada itu, sumber maklumat dan komunikasi yang lebih berkesan, boleh disalurkan ke seluruh pelusuk dunia dengan lebih pantas. Justeru itu, Beta berkenan pihak-pihak yang bertanggungjawab, haruslah mengambil berat tentang perkara ini dengan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar sekolah aliran agama agar tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan dunia pada masa ini.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian dan juga JAIS perlulah mengkaji sukatan pendidikan sekolah agama ini, supaya jangan hanya menumpukan kepada ajaran agama sahaja, tetapi hendaklah juga memasukkan sukatan pendidikan sains dan matematik, sejarah negara kita, dan lain-lain. Dengan yang demikian sekolah aliran agama, akan dapat mengeluarkan murid-murid yang cemerlang dalam bidang agama Islam dan juga ilmu keduniaan. Beta benar-benar berharap supaya generasi masyarakat Islam pada masa yang akan datang, menjadi sebuah masyarakat,yang berpendidikan tinggi, seimbang di antara dunia dan akhirat serta mempunyai ciri-ciri insan yang cemerlang.

Beta sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini, bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sistem pendidikan Islam di Negeri Selangor ini, berkembang dengan baik dan umat Islam mendapat pendidikan yang sempurna serta memastikan bahawa umat Islam di negeri ini bersatu padu dan tidak berpecah belah.

Rakyat Beta yang Beta kasihi, Disini Beta ingin mengambil kesempatan untuk memberikan penjelasan terhadap titah Beta supaya tidak menggunakan masjid dan surau di Selangor sebagai tempat untuk berpolitik kerana ada sesetengah ahli politik, mempertikaikan pertikaikan titah Beta tersebut dan menganggapnya sebagai karut dan peninggalan penjajah. Beta ingin menjelaskan kepada rakyat Beta semua, bahawa titah larangan penggunaan masjid dan surau di Selangor sebagai tempat untuk berpolitik adalah bertujuan untuk menjaga kesucian dan keharmonian, tempat ibadat orang-orang Islam. Ini adalah kerana masjid dan surau merupakan tempat di mana umat Islam berkumpul bagi melakukan amal ibadat di samping mengeratkan silaturahim sesama mereka.

Sekiranya masjid dan surau dibiarkan untuk digunakan sebagai pentas kempen politik adalah dikhuatiri ianya akan disalahgunakan, oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, dengan melakukan perbuatan yang boleh mencemar kesucian masjid, seperti caci-mencaci, fitnah-menfitnah, tohmahan yang tidak berasas, memburukkan keperibadian seseorang, dan sebagainya. Sekiranya keadaan ini tidak dibendung, dan dihalang, ianya akan menyebabkan perpecahan dan perbalahan di kalangan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini.

Keadaan ini berbeza di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di mana Baginda berceramah di masjid untuk menyedarkan dan menyeru umat Islam supaya mengukuhkan perpaduan kerana pada ketika itu, umat Islam diancam dan diserang oleh musuh-musuhnya. Di masjidlah tempat yang paling sesuai, untuk mereka berlindung dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan semangat, untuk umat Islam mempertahankan agama Islam yang maha suci ini.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak menyebar fitnah atau menghina orang lain di dalam masjid sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Baginda juga menggunakan masjid untuk menyedarkan umat Islam pada masa itu kerana di masjidlah tempat umat Islam berkumpul untuk beribadah dan menguatkan silaturrahim.

Justeru itu, adalah tidak munasabah bagi membandingkan peranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggunakan masjid untuk berpolitik, dengan keadaan sekarang yang mana Ahli-Ahli Politik, mengambil kesempatan untuk menggunakan masjid, sebagai platform untuk menyebarkan agenda politik mereka. Pada zaman Rasulullah juga, tidak ada kemudahan-kemudahan lain, untuk berceramah kecuali masjid berbanding zaman sekarang ini di mana terdapat tempat-tempat yang sesuai, untuk berceramah, mengenai politik, seperti stadium, balai raya, pusat konvensyen dan juga dewan serbaguna. Berceramahlah di tempat-tempat tersebut dan jangan menggunakan masjid sebagai tempat untuk berceramah politik.

Rakyat Beta juga harus maklum, bahawa Beta tidak menghalang rakyat dari negeri-negeri lain di Malaysia ini, datang ke Negeri Selangor, untuk bermastautin atau mencari rezeki. Walau bagaimanapun, mereka yang datang ke Negeri Selangor ini, hendaklah mematuhi segala peraturan,dan undang-undang yang ada di Negeri Selangor. Mereka-mereka yang datang ini, tidak seharusnya mempertikaikan peraturan dan undang-undang yang telah dibuat. Peraturan dan undang-undang ini diwujudkan, untuk keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor, yang Beta kasihi. Jika sekiranya seorang itu tidak bersetuju dengan peraturan yang telah ditetapkan di Selangor ini, maka hendaklah beliau mengelakkan diri daripada datang ke Negeri Selangor.

Akhirnya, Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada JAIS yang terus menjayakan usaha meningkatkan kualiti Pendidikan Islam di Negeri Selangor. Beta akan terus menyokong segala usaha menjadikan Selangor sebagai model pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia. Sebagai ketua agama Islam di negeri ini, Beta mengharapkan agar agama Islam dipelihara, dan dipertingkatkan dari segi dasar dan pelaksanaan. Beta berkenan untuk melihat Islam menjadi amalan bagi masyarakat Islam di negeri ini. Ini sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi negara. Beta percaya ianya bermula dengan pendidikan, yang dilaksanakan di semua sekolah JAIS.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta merasmikan Sekolah Agama Menengah Tinggi Jalan Kota Raja Klang ini, dengan nama **"Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin".**

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH AGAMA MENENGAH TINGGI HISAMUDDIN, JALAN KOTA RAJA, KLANG PADA HARI KHAMIS, 29 APRIL 2010

Koleksi Terpilih
Titah Ucapan
DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM
25 Tahun
Pemerintahan
Negeri Selangor Darul Ehsan

TAHUN

2011–2015

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN S.S.I.S. KEPADA D.Y.T.M. RAJA MUDA SELANGOR, PELANTIKAN SETIAUSAHA KERAJAAN SELANGOR, PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR, AHLI DEWAN DIRAJA SELANGOR, AHLI JAKSA PENDAMAI SELANGOR, AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR DAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH SELANGOR DI ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM, PADA 6 JANUARI 2011

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismillahirahmanirrahim.

Pada pagi yang penuh bermakna ini, marilah kita semua bersama-sama mengangkat tangan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor yang kita kasihi ini dirahmati dan dilindungi daripada apa-apa malapetaka dan musibah, supaya rakyatnya yang berbilang kaum dapat hidup dalam aman makmur dan harmoni.

Pada hari ini Beta merasa amat terharu dan kesal kerana banyak titah-titah Beta yang telah dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan telah mengelirukan ramai rakyat Beta di Negeri Selangor ini.

Seperti yang pernah Beta nyatakan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO) semasa pada Majlis Santapan Sembah Kasih sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke 65 pada 5 Disember 2010 yang lalu, Beta menegaskan bahawa Beta tidak menyebelahi mana-mana pihak atau mana-mana parti politik. Hasrat Beta adalah untuk melihat Negeri Selangor yang Beta kasihi ini sentiasa dalam aman dan rakyatnya tidak kira daripada apa bangsa dan agama hidup dalam harmoni dan sentiasa tolong menolong, bantu-membantu dan bekerjasama antara satu sama lain. Dato' Menteri Besar Selangor sentiasa menghadap Beta sekurang-kurangnya seminggu sekali dan semasa sesi menghadap ini, Beta dan Dato' Menteri Besar Selangor sentiasa bertukar-tukar fikiran dan saling menasihati serta berbincang untuk mendapatkan sesuatu yang baik dan elok untuk Negeri Selangor yang dikasihi ini.

Beta mahu rakyat Negeri Selangor ini makmur dan mengecap kekayaannya bersama-sama dan mendapat apa yang mereka perlukan untuk kehidupan seharian. Dalam erti kata lain, jika Negeri Selangor ini aman dan tiap-tiap pihak menjalankan tugas mereka dengan jujur, telus dan penuh komitmen, maka pembangunan dan kemajuan yang dicapai akan benar-benar dapat dikecapi oleh rakyatnya. Justeru itu Beta menyeru dan menasihatkan supaya janganlah tiap-tiap perkara itu dipolitikkan kerana ianya akan membebankan rakyat dan melambatkan proses kemajuan.

Walau bagaimanapun Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Negeri Selangor masih berada di dalam keadaan yang aman dan makmur sehingga kini. Beta mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua para penerima yang hadir pada hari ini.

Beta mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berbahagia Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baru. Beta ingin menegaskan bahawa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini adalah mengikut peraturan-peraturan serta prosedur yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Perlembagaan Persekutuan. Beta tidak mahu isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Selangor ini diperbesarkan, dipolitikkan dan disensasikan sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat. Harapan Beta kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baru agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik dan cemerlang.

Sumbangan dan tanggungjawab terhadap pembangunan dan kemajuan Negeri Selangor yang kita kasihi ini amatlah penting untuk kesejahteraan rakyat jelata yang berbilang bangsa. Beta berkenan menitahkan supaya seluruh pegawai kerajaan di Negeri Selangor memberikan kerjasama yang baik kepada Y.B. Dato; Haji Mohamed Khusrin agar segala perjalanan urusan pentadbiran negeri akan berjalan dengan lancar dan sempurna. Beta juga menitahkan supaya Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan dasar-dasar Kerajaan yang memerintah Negeri Selangor (*Government of the Day*) mengikut undang-undang dan peraturan semasa (current rules and regulations).

Beta mengucapkan tahniah kepada Ahli Dewan di-Raja Selangor yang baru. Di sini ingin Beta mengingatkan bahawa Ahli-Ahli Dewan di-Raja Selangor mempunyai peranan yang penting dalam menasihati Beta dalam masa pemerintahan Beta ini dan mereka mestilah menjalankan tugas dengan jujur, amanah serta ikhlas supaya Beta dapat menjalankan kuasa-kuasa sebagai pemerintah Negeri Selangor ini dengan adil dan saksama. Beta sebagai seorang manusia, tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Oleh itu Dewan di-Raja Selangor yang mulia ini haruslah memberi pandangan dan nasihat jika ada kesilapan yang Beta lakukan.

Kepada Sahibus Saadah, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor yang baru, Beta berharap agar dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan sempurna demi untuk menegakkan syiar Islam di Negeri Selangor ini serta menaikkan lagi martabat Agama Islam di Negeri Selangor.

Pada hari ini Beta berkenan untuk melantik tiga (3) orang Jaksa Pendamai Selangor dan Beta berharap Ahli-Ahli Jaksa Pendamai Selangor ini dapat memberi perkhidmatan mereka kepada masyarakat dan juga dapat menyatupadukan rakyat di Negeri Selangor yang berbilang kaum ini. Jagalah nama baik Jaksa Pendamai dan janganlah menyalahgunakan pelantikan mereka untuk kepentingan diri sendiri.

> "Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta ini, Beta berkenan supaya Negeri Selangor ini akan kekal sebagai negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain serta segala urusan pentadbiran dan operasinya akan menjadi *benchmark* kepada negeri-negeri sedang membangun di rantau ini."

Marilah kita bersama-sama bersatu padu untuk merealisasikan harapan Beta ini. Beta berdoa semoga kita semua akan dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta kekal maju dan berdaya saing di samping mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN "PERUNDANGAN ISLAM DAN INSTITUSI KESULTANAN MELAYU" DI KONVENSYEN 'PEMACUAN SISTEM PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA' DI DEWAN BESAR IKIM, PADA 5 APRIL 2011 (RABU), JAM 10.00 PAGI

Assalamu'alaikum warahmatuillahi wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala Puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan agung Nabi Muhammad, Sallalahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpah kurnia-Nya mengizinkan Beta dapat bersama-sama dengan Ashabus Samahah para mufti, Yang Amat Arif Ketua-ketua Hakim Syarie, pimpinan Majlis dan Jabatan Agama Islam, Yang Berhormat Penasihat-penasihat Undang-undang negeri, para ulama, ilmuan dan cendekiawan serta pengamal undang-undang, dalam Konvensyen ini.

Beta ingin menegaskan bahawa untuk mana-mana kumpulan masyarakat melakukan perubahan dan bergerak maju ke depan, mereka harus melihat ke belakang untuk mengambil iktibar dari pengalaman-pengalaman generasi terdahulu; untuk mengenali identiti dan jati diri bangsa kita; untuk memahami kenapa sesetengah realiti hari ini terjadi sedemikian rupa, menghargainya, dan menambahbaik apa jua kelemahan dan kekurangan yang ditemui.

Semangat ini amat tepat sekali dengan kata-kata Sir Muhammad Iqbal, ahli falsafah tersohor di Barat dan Timur, bahawa

"No people can afford to reject their past entirely, for it is their past that has made their personal identity."

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas pada tahun 1970, membuktikan bahawa Islam telah mula bertapak di Tanah Melayu sebelum abad ke-14 lagi melalui Batu Bersurat Terengganu bertarikh Rejab tujuh ratus dua (702) Hijrah bersamaan Februari seribu tiga ratus tiga (1303) Masihi.

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah memberi kesan dan perubahan ketara ke atas adat resam, sosio-budaya, sistem ekonomi, politik dan perundangan wilayah-wilayah yang menerimanya. Fokus di sini ialah bagaimana transformasi sistem perundangan Islam berlaku di Malaysia sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kesan kedatangan penjajah hinggalah ke era zaman globalisasi pada masa sekarang ini dan juga kaitannya dengan institusi Kesultanan Melayu.

Pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah yang memerintah dari tahun 1446 hingga 1456 Masihi, sebuah teks undang-undang telah dikanun dan dinamakan sebagai Hukum Kanun Melaka, atau dikenali juga dengan Undang-undang Melaka. Sebagai teks hukum syarak yang turut dimasukkan hukum-hukum adat, ia diadakan untuk melindungi kerajaan, rakyat, dan negeri Melaka. Hukum Kanun ini kemudiannya disusun secara lebih teratur di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah yang memerintah dari tahun 1489 hingga 1511 Masihi. Dalam masa yang sama Undang-undang Laut Melaka turut digubal dan dikuatkuasakan.

Sultan-sultan di negeri-negeri lain, sama ada yang berasal dari keturunan Kesultanan Melaka atau mempunyai hubungan diplomatik semasa zaman kegemilangan kesultanan tersebut, telah menyambung usaha-usaha yang telah dijalankan di wilayah-wilayah lain di Tanah Melayu. Malah mereka telah melakukan penambahbaikan dan mengembangkan skop perundangan Islam mengikut kesesuaian dan adat resam setempat.

Berasaskan kepada Hukum Kanun Melaka sebagai model dan panduan, lahirlah teks undang-undang negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung seperti Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan lain-lain lagi.

Undang-undang ini seterusnya menjadi asas kepada perlembagaan rasmi beberapa negeri Melayu. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 contohnya, telah mensyaratkan bahawa Raja atau Sultan negeri ini hendaklah lelaki, beragama Islam, berdarah diraja Johor dan berbangsa Melayu. Ia juga mengiktiraf Islam sebagai agama negeri dan undang-undang Islam adalah undang-undang negeri. Undang-undang seumpama ini juga diguna-pakai di negeri-negeri lain termasuk Selangor.

Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu tahun 1911 pula memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi negeri. Ia menetapkan bahawa setiap kerajaan yang memerintah Terengganu hendaklah Kerajaan Islam Melayu. Ia turut mensyaratkan bahawa Sultan dan ahli Jemaah Menteri mestilah beragama Islam.

Beta ingin menegaskan bahawa fakta-fakta sejarah di atas membuktikan bahawa kewujudan sistem pentadbiran undang-undang Islam adalah seawal dan seiring dengan kedatangan Islam itu sendiri ke rantau ini. Ia turut membuktikan bahawa sejarah awal pengamalan dan pengkanunan undang-undang berkait rapat dengan penerimaan Islam dan syariah yang dibawanya. Ia juga menjelaskan bahawa undang-undang Islam telah lama diterima pakai di Tanah Melayu sebelum bangsa-bangsa lain menjajah bumi ini lagi.

Ia juga jelas menunjukkan betapa Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu adalah merupakan payung, pelindung dan pelaksana kepada undang-undang Islam sejak ratusan tahun.

Peranan di atas adalah harmonis dengan catatan dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu* - ditulis seawal tahun 1356) bahawa Raja adalah sumber undang-undang dan puncak keadilan. Raja juga merupakan puncak kehakiman dan di tangan Bagindalah terletak kuasa pengampunan.

Kedatangan dan perluasan kuasa Inggeris di Tanah Melayu bermula secara lebih agresif dan dominan dengan termaktubnya Penjanjian Pangkor di Negeri Perak pada tahun 1874. Perjanjian-perjanjian mereka dengan Raja-Raja Melayu telah menyaksikan penyerahan urusan pentadbiran negeri kepada Residen dan Penasihat-penasihat Inggeris, manakala hal ehwal agama dan adat istiadat Melayu dikekalkan dalam tangan Sultan-sultan Melayu.

Dari satu segi ia merupakan pengiktirafan kepada tradisi hubungan akrab antara Islam dengan pihak istana. Ia mengesahkan hakikat bahawa Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu; bahawa Islam mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan kehidupan dan tamadun Melayu.

Menjelang kemerdekaan negara, sebuah draf perlembagaan telah digubal oleh Suruhanjaya Reid. Apakah peranan institusi Kesultanan Melayu di sini? Pada mulanya Suruhanjaya ini tidak memasukkan apa-apa cadangan tentang Islam atau kedudukannya. Hanya atas desakan Raja-Raja Melayu barulah peruntukan yang mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan dan mengakui Raja atau Sultan sebagai ketua agama di negeri-negeri dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini membuktikan bahawa Raja-Raja Melayu pada masa itu prihatin dan memandang tinggi kepentingan agama.

Pengiktirafan ini tidak syak lagi mengakui dan mengukuhkan fakta sejarah tentang hubungan rapat di antara Agama Islam, orang-orang Melayu dan institusi kesultanan mereka. Kedudukan mereka dari segi agama di sisi Perlembagaan tetap tidak berubah. Ia sama seperti kedudukan mereka sebelum merdeka, dengan tujuan menjaga dan memartabatkan Islam. Dengan kedudukan ini, institusi-institusi agama seperti Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Pejabat Mufti, Mahkamah Syariah, Baitulmal Dan Zakat serta lain-lain berada di bawah Raja-Raja Melayu.

Sekali lagi harus ditegaskan bahawa fenomena ini adalah kesinambungan kepada *status quo* sebelum kedatangan kuasa asing. Kedudukan Islam dan Raja-Raja Melayu kemudiannya dikanunkan dengan jelas dalam perlembagaan negeri-negeri, dan akhirnya diiktiraf secara rasmi oleh Perlembagaan Persekutuan. Inilah gambaran kepada hubungan saling berkait dan saling menguat antara Islam dan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam tradisi kesultanan Melayu sejak sekian lama.

Sehubungan dengan itu, Beta menegaskan bahawa sejarah tidak boleh dipandang remeh, apa lagi diketepikan. Amat munasabah untuk Beta tekankan bahawa pengetahuan dan kefahaman sejarah adalah suatu kewajipan kepada semua warganegara.

Ini penting bagi orang-orang Melayu dan juga bukan Melayu di mana mereka sebenarnya menikmati hak-hak tertentu berdasarkan sejarah, khususnya soal tolak ansur (kontrak sosial) dan hak-hak istimewa semasa rundingan kemerdekaan.

Dengan kata lain, antara kebaikan utama pengiktirafan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan dan sistem demokrasi negara ialah, "ia boleh mengelakkan agama daripada dipolitikkan oleh parti yang memerintah. Ia juga boleh memastikan bahawa agama dilaksanakan tanpa mengira kepentingan ahli-ahli politik yang menguasai kerajaan."

Beta yakin bahawa dengan cara inilah peranan sebenar institusi kesultanan Melayu sebagai payung dalam membela, menjaga dan memartabatkan Islam akan berkesan dan memberi impak ketara kepada masyarakat dan negara. Ini sekali gus akan menjadikan institusi Raja dan Sultan lebih dihormati, bukan ditakuti atau dicurigai.

Beta berharap semua wakil institusi agama yang mengambil bahagian dalam Konvensyen ini dapat memberikan idea, berbahas, mencapai persetujuan, menghasilkan rumusan bernas dan merangka pelan tindakan untuk dikemukakan kepada pihak pemerintah bagi menjayakan program transformasi ini.

> "Beta gembira kerana IKIM dan MAIS sebagai penganjur bersama Konvensyen ini berjaya mengumpulkan hampir semua institusi agama di bawah Raja-Raja Melayu dalam suatu forum perbincangan yang bakal melahirkan keputusan yang sangat bermakna."

Usaha ini perlu diteruskan untuk memantap dan mentransformasikan setiap agensi agama sama ada di peringkat persekutuan atau negeri.

Sebagai kesimpulan, Beta ingin menegaskan bahawa perjalanan dan perkembangan sejarah perundangan dan kehakiman Tanah Melayu menunjukkan proses Islamisasi yang berjaya ke atas undang-undang atau hukum-hukum adat orang-orang Melayu. Islam datang dengan sistem perundangannya sekali. Undang-undang Melayu kini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh Islam. Islam dan Melayu sebenarnya telah sebati bersatu. Malah sukar dinafikan fakta bahawa Islamlah yang telah mentransformasi, mengangkat martabat dan memantapkan jatidiri Melayu menjadi suatu kaum yang mulia dan bermaruah.

Islam jugalah yang memberi kekuatan kepada institusi kesultanan Melayu. Justeru amat wajarlah Raja-raja Melayu dan Sultan-sultan memberikan komitmen terbaik mereka untuk memayungi dan menjaga kesucian Islam dari semua aspek berkaitan.

Kedatangan bangsa-bangsa penjajah telah tidak dapat mematikan ruh Islam dari dalam jiwa dan kehidupan sosio-budaya masyarakat Melayu. Pengaruh Islam juga telah menenggelamkan unsur-unsur purba yang dikatakan pernah menjadi adat resam dan budaya kaum tersebut sebelumnya.

Akhir sekali, dengan lafaz mulia "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen **"Pemacuan Sistem Perundangan Islam di Malaysia"** dengan doa agar ia berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID AT-TAQWA, KAMPUNG BUKIT KAPAR, KLANG PADA 29 JULAI 2011 / 27 SYA'BAN 1432 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beta berharap, majlis yang dianjurkan ini, benar-benar berupaya mengeratkan lagi hubungan persaudaraan dan kasih sayang dikalangan orang-orang Melayu dan masyarakat setempat. Malah ianya menjadi mercu tanda keagungan dan kemuliaan Islam ditengah-tengah masyarakat berbilang kaum yang hidup dengan aman dan harmoni.

'Beta berharap dengan terbinanya masjid ini dapat memberi Rahmat kepada seluruh masyarakat disini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan sempurna dan keselesaan untuk menunaikan ibadah, kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala."

Oleh itu Beta berkenan supaya masjid ini dijadikan tempat untuk umat Islam di kawasan ini bersatu padu dengan semangat persaudaraan yang kukuh dan teguh. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara. Masyarakat di sini hendaklah sentiasa harmoni dan bersikap muhibbah terutamanya di kalangan bangsa Melayu. Meskipun berlainan fahaman dan ideologi, tetapi apabila di Masjid eratkanlah persahabatan serta timbulkanlah persefahaman agar generasi muda dan belia akan tertarik dan mengambil contoh akan kewibawaan setiap jemaah masjid ini.

Beta juga menyeru kepada Ahli Jawatankuasa Masjid hendaklah sentiasa bersikap amanah, berwibawa dan professional serta dapat bekerjasama erat bagi merangka program yang boleh memakmurkan masjid. Aktiviti-aktiviti yang dirancangkan hendaklah yang berfaedah dan bermanfaat serta melibatkan semua golongan masyarakat daripada kanak-kanak hinggalah golongan warga emas. Program-program khas untuk sesuatu golongan itu pula hendaklah sentiasa mempunyai elemen pendidikan, motivasi serta memberikan pengalaman dan pengajaran betapa indahnya Agama Islam jika kita benar-benar mengamalkannya.

"Beta sentiasa mengingatkan supaya peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh MAIS dan JAIS hendaklah dipatuhi kerana ianya bertujuan untuk menjamin kesejahteraan umat Islam di Selangor ini."

Justeru langkah pencegahan di peringkat awal amat perlu supaya masjid kekal sebagai tempat beribadat dan berkecuali dari segala pengaruh politik dan mana-mana pihak yang berkepentingan. Sebab itulah mereka yang ingin menjadi Nazir, Imam dan penceramah di masjid-masjid di Negeri Selangor ini perlu mendapat tauliah daripada JAIS.

Seperti yang kita semua ketahui, Bulan Ramadhan Al-Mubarak hampir menjelang tiba. Di samping program Berbuka Puasa, Beta mahu masjid ini akan terus makmur dengan program-program yang berfaedah termasuk tadarrus al-Quran serta kuliah-kuliah agama. Kita harus mengambil peluang di bulan Ramadhan yang mulia ini untuk meningkatkan ibadah dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, disamping menunaikan tanggungjawab harian.

Di kesempatan ini Beta ingin mengingatkan kepada semua bahawa kita akan menyambut Hari Pahlawan pada 31 haribulan Julai 2011 ini, yang mana kita mengingati jasa-jasa perajurit, pahlawan dan mereka-mereka yang telah gugur di medan perjuangan kerana menjaga keselamatan, kententeraman dan keharmonian negara. Pahlawan-pahlawan yang gugur ini telah berkorban nyawa terutamanya melawan musuh-musuh negara seperti pengganas komunis yang cuba memecah belahkan keharmonian negara kita yang dikasihi ini. Pada hari yang khas untuk mengingati mereka yang telah gugur ini, marilah kita bersama-sama membacakan doa selamat, bertahlil dan sedekahkan Al-Fatihah supaya roh-roh mereka dirahmati Allah dan dihimpunkan mereka bersama-sama dengan orang-orang yang soleh.

Negara kita yang telah merdeka, hasil perjuangan pahlawan dan orang-orang terdahulu terus membangun dan rakyatnya yang berbilang kaum dapat menikmati pembangunan serta hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Beta percaya, sesungguhnya bukan mudah untuk kita mendapat kemerdekaan dan keamanan kerana ia memerlukan pengorbanan dan kerjasama daripada semua kaum di negara ini. Justeru itu, Beta mengingatkan supaya keamanan dan perpaduan yang telah dibina janganlah dihancurkan, sebaliknya hendaklah dipereratkan lagi demi kemajuan dan nama baik Negeri Selangor dan Negara Malaysia yang kita sayangi ini. Janganlah hanya kerana kepentingan peribadi, keamanan dan keharmonian negara ini hancur dan rakyat hidup menderita.

Sebelum mengakhiri ucapan, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Beta samada Pegawai Kerajaan, Ahli-Ahli Badan dan Pertubuhan serta individu orang perseorangan yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang amat baik.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid Kampong Bukit Kapar, Klang, Selangor ini dengan nama **"Masjid At-Taqwa."**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MAJLIS PERASMIAN MASJID AT-TAQWA, KAMPUNG BUKIT KAPAR, KLANG
PADA 29 JULAI 2011 / 27 SYA'BAN 1432 H (JUMAAT)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) KAMPUS BESTARI JAYA, KUALA SELANGOR PADA 8 OGOS 2011 / 8 RAMADHAN 1432 H (ISNIN)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala Tuhan semesta alam Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna kepada warga UNISEL di Kampus Bestari Jaya ini. Semoga dengan terbinanya masjid ini akan menambahkan keimanan kepada jemaahnya dan dapat dimanfaatkan ke arah tujuan kebaikan serta ke jalan yang diredhai Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beta berharap supaya setiap warga UNISEL yang beragama Islam haruslah mengambil peluang yang ada untuk menggunakan masjid ini bagi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan berdoa untuk kejayaan dan keselamatan diri sendiri, keluarga, organisasi tempat kita bekerja serta muslimin dan muslimat seluruhnya.

Beta telah ddimaklumkan bahawa terdapat pergolakan di dalam pengurusan UNISEL tetapi Beta berangkat juga ke UNISEL pada hari ini kerana untuk merasmikan Masjid UNISEL dan berjumpa dengan penuntut-penuntut di sini. Ini adalah merupakan kali pertama Beta dapat berangkat ke UNISEL setelah sempurna pembinaannya dan berfungsi serta merupakan pertama kali juga Beta dapat berbuka puasa bersama-sama warga UNISEL Kampus Bestari Jaya ini. Beta berharap dengan terbinanya kampus UNISEL ini, maka ia akan dapat melahirkan graduan-graduan yang berwibawa, berkebolehan dan mempunyai kepakaran,dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perindustrian yang boleh menaikkan lagi kualiti industri Negeri Selangor ke tahap yang lebih membanggakan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Negeri Selangor adalah sebuah negeri yang maju dan memperolehi banyak sumber pendapatannya daripada sektor perindustrian. Beta boleh nyatakan bahawa Negeri Selangor telah menjadi negeri yang maju melalui perkembangan bidang industri. Oleh sebab itulah, Kerajaan Negeri telah menubuhkan UNISEL bagi menyediakan tenaga mahir dalam menyumbang kepada kemajuan perindustrian di Negeri Selangor ini.

Beta menitahkan kepada professor-professor dan pensyarah-pensyarah di universiti ini supaya menumpukan sepenuhnya tugas-tugas mereka untuk mengajar dan tidak berpolitik di dalam kampus. Janganlah dicampur-adukkan politik kepartian dalam pengajaran kerana ia akan merugikan masa yang sangat berharga kepada pelajar-pelajar untuk kejayaan masa depan mereka. Amatlah merugikan sekiranya seseorang pelajar itu membuang masa berpolitik dan tidak menumpukan sepenuh perhatian terhadap akademik. Sesungguhnya masa itu adalah emas.

Beta tidak berkenan orang-orang politik atau orang luar yang tidak ada kena-mengena dengan universiti ini dijemput untuk memberi ceramah politik atau syarahan politik di dalam kawasan Universiti Selangor. Universiti Selangor ini adalah tempat untuk belajar, berbincang dan mengembangkan idea mengenai ilmu serta membuat ujikaji, penyelidikan dan eksperimen tentang sesuatu projek atau penemuan yang boleh menaikkan lagi taraf industri di Negeri Selangor yang dikasihi ini.

Usaha-usaha ini harus dilakukan demi untuk kemajuan Negeri Selangor di masa akan datang agar dapat bersaing dengan negeri-negeri maju yang lain di dunia ini. Justeru itu apabila politik telah dicampuradukkan dengan pelajaran akademik, maka kemungkinan besar ada ibu bapa yang tidak gemar tentang perkara ini dan tidak akan menghantar anak-anak mereka ke universiti ini untuk melanjutkan pelajaran mereka. Sekiranya ini berlaku ia akan menjadi satu kerugian kepada universiti ini dan juga kawasan Bestari Jaya kerana industri sokongan tidak dapat berkembang dan dikhuatiri universiti ini akan menjadi projek "gajah putih" (white elephant). Untuk makluman semua, Beta telah menerima pengaduan daripada ibu bapa yang prihatin mengenai isu berpolitik di kampus UNISEL ini. Beta tidak mahu perkara ini berterusan kerana jika UNISEL ini tidak berjaya, ia akan merugikan kewangan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua pihak Pengurusan Tertinggi UNISEL Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Dekan-Dekan Fakulti serta Pensyarah-Pensyarah UNISEL mestilah sentiasa bekerjasama dan bersepakat dalam usaha menaikkan taraf UNISEL sebagai salah sebuah universiti yang tebaik dari segi teknologi, operasi dan pengurusan kewangannya. Pihak-pihak ini juga hendaklah sentiasa mengawasi sukatan matapelajaran dan juga prestasi tenaga pengajar dalam memberikan input akademik kepada para pelajar. Dengan persefahaman dan kerjasama yang erat di peringkat dalaman, Beta percaya universiti ini akan dapat membina satu institusi pengajian yang terunggul dan berkualiti yang diiktiraf di peringkat negeri, negara dan seterusnya antarabangsa.

Sebelum Beta mengakhiri ucapan Beta menyeru kepada seluruh warga UNISEL agar sentiasa memanfaatkan serta memartabatkan ilmu pengetahuan agar ianya terus berkembang selari dengan peredaran masa. Janganlah kita asyik leka dengan perkara-perkara yang tidak memberi faedah, melalaikan, serta merugikan diri sendiri kerana ianya akan melambatkan usaha kita untuk mencapai kemajuan yang diidamkan agar lebih maju dan berteknologi canggih.

> "Di samping itu Beta juga menyeru kepada para muslimin dan muslimat di sini supaya memanfaatkan rumah Allah yang sedia ada ini agar terus makmur serta diisi dengan program- program yang berfaedah serta relevan dengan misi pencarian ilmu untuk kemajuan Negeri Selangor yang kita kasihi ini."

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan masjid ini dengan nama **"Masjid Universiti Selangor, Kampus Bestari Jaya, Kuala Selangor."**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh





MAJLIS PERASMIAN MASJID UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) KAMPUS BESTARI JAYA, KUALA SELANGOR PADA 8 OGOS 2011 / 8 RAMADHAN 1432 H (ISNIN)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID DI TAMAN SERI MELATI, GOMBAK, SELANGOR PADA 11 OGOS 2011 /11 RAMADHAN 1432 H (KHAMIS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat meraikan Majlis Berbuka Puasa ini bersama-sama dengan muslimin dan muslimat rakyat Beta yang dikasihi sekalian. Lebih bermakna lagi pada petang ini kita semua dapat melaksanakan satu lagi majlis untuk meninggikan syiar Islam dengan mengadakan majlis perasmian Masjid di Taman Sri Melati, Gombak ini.

Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya kita samasama dapat menyambut kehadiran bulan yang dipenuhi rahmat dan kemuliaan iaitu bulan Ramadhan Al-Mubarak. Maka di kesempatan ini, Beta mengucapkan selamat berpuasa dan menyambut Ramadhan Al-Mubarak kepada seluruh rakyat Beta yang beragama Islam. Harapan Beta semoga bulan puasa ini akan membawa kebaikan dan keberkatan kepada seluruh umat Islam khasnya rakyat Negeri Selangor yang Beta kasihi ini.

Sesungguhnya dengan keberkatan bulan Ramadhan juga, kita dapat lihat masjid-masjid menjadi lebih meriah kerana umat Islam beramai-ramai ke masjid untuk menunaikan solat Tarawikh dan beramal ibadat. Justeru itu diharapkan semoga suasana ini akan mengukuhkan lagi silaturrahim dan perpaduan umat Islam.

> "Masjidlah satu-satunya tempat yang paling sesuai untuk menyatupadukan umat Islam dan seterusnya meninggikan lagi syiar Islam di negara ini."

Sehubungan dengan itu Beta berkenan supaya semua Ahli Jawatankuasa Masjid dapat berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, jujur dan ikhlas serta bekerjasama dalam usaha untuk memakmurkan masjid ini. Aturkanlah program-program yang dapat memberikan manfaat kepada seluruh kariah dan Beta tidak berkenan masjid ini dijadikan gelanggang politik yang boleh memecah-belahkan perpaduan ummah.

Beta juga mengingatkan supaya Ahli Jawatankuasa Masjid sentiasa peka dengan perkembangan dan isu yang berkaitan dengan ajaran sesat yang boleh memesongkan akidah,umat Islam di Negeri Selangor. Beta tidak mahu,unsur-unsur ajaran sesat ini berlaku dan berkembang, di kariah dan di daerah ini. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat perkara-perkara yang mencurigakan, hendaklah segera dilaporkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Sebelum mengakhiri ucapan yang ringkas ini, Beta ingin mengambil kesempatan, untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat Beta, samada Pegawai Kerajaan, Ahli-Ahli Badan dan Pertubuhan serta individu-individu yang telah menjayakan program majlis berbuka puasa dan perasmian masjid ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid ini dengan nama **"Masjid Seri Melati".**

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS PERASMIAN MASJID DI TAMAN SERI MELATI, GOMBAK, SELANGOR PADA 11 OGOS 2011 /11 RAMADHAN 1432 H (KHAMIS)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID DESA SUBANG PERMAI, SHAH ALAM PADA 20 OGOS 2011 / BERSAMAAN 20 RAMADHAN 1432 H (SABTU)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid di Desa Subang Permai, Shah Alam ini untuk bertemu dengan rakyat Beta di kariah ini.

Di kesempatan ini Beta mengucapkan terima kasih kepada pihak Gapurna Group yang sudi menaja dan memberi sumbangan untuk membaikpulih masjid ini untuk kegunaan umat Islam di kawasan sekitarnya. Sesungguhnya ia merupakan sesuatu tanggungjawab yang baik dan mulia kerana ianya memberi manfaat kepada pembangunan Agama Islam, dari segi ekonomidan sosial, di samping menambahkan pahala dan keberkatan terutamanya di bulan Ramadhan yang mulia ini. Semoga ianya akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

"Barangsiapa yang membangunkan sebuah masjid kerana mengharapkan keredhaan Allah, maka Allah akan membangunkan pula untuknya sebuah mahligai di syurga".

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Negeri Selangor adalah sebuah negeri yang maju dan mempunyai banyak badan-badan korporat yang memberikan sumbangannya terhadap kepesatan dan kemajuan ekonomi negeri ini. Dalam masa yang sama, badan-badan korporat tersebut haruslah menjalankan tanggungjawab sosial mereka bagi menaikkan taraf hidup masyarakat serta memberi kemudahan-kemudahan yang sepatutnya kepada rakyat jelata di samping mencari keuntungan di dalam perniagaan yang diceburi. Semoga dengan sumbangan tersebut ia dapat membantu rakyat Negeri Selangor ini hidup selesa dalam keadaan aman dan harmoni.

Kepada seluruh rakyat jelata, Beta berkenan supaya segala sumbangan yang telah diberi hendaklah dihargai dan dijaga agar faedahnya dapat dinikmati bersama, selama yang mungkin. Begitu juga Masjid Desa Subang Permai ini, Beta berkenan supaya kebersihannya dan kebersihan kawasan persekitaran dijaga dengan rapi. Ini adalah tanggungjawab semua pihak untuk memastikan masjid ini sebuah tempat yang selesa untuk beribadat dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Agama Islam. Walaupun masjid ini telah dibaikpulih oleh Gapurna Group, ini tidak bermakna ia menjadi kepunyaan pihak-pihak tertentu sahaja, tetapi masjid ini adalah masih kepunyaan semua umat Islam terutama mereka yang tinggal di kariah ini. Oleh itu ianya hendaklah dimanfaatkan dan dijaga dengan sebaik mungkin. Beta juga berharap agar masjid ini dapat memainkan peranannya untuk menyatupadukan umat Islam di kariah ini.

"Beta juga menyeru kepada semua Ahli Jawatankuasa Masjid, dapat berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, jujur dan ikhlas serta bekerjasama dalam usaha, untuk memakmurkan masjid ini."

Aturkanlah program-program yang dapat, memberikan manfaat, kepada seluruh kariah, tidak mengira usia dan status. Beta tidak berkenan, masjid ini, dijadikan gelanggang untuk berpolitik, yang boleh memecahbelahkan perpaduan ummah. Sesungguhnya, umat yang berpecah belah, akan merugikan bangsa, dan dalam masa yang sama, akan memusnahkan kemajuan Negeri Selangor yang telah dicapai selama ini.



Sebelum mengakhiri ucapan yang ringkas ini, Beta ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program majlis berbuka puasa dan perasmian masjid ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang sebaikbaiknya.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid ini dengan nama **"Masjid Desa Subang Permai".**

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BARU JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH PADA HARI JUMAAT, 25 NOVEMBER 2011

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama dengan para hadirin sekalian dalam satu majlis yang bersejarah bagi merasmikan serta mengisytiharkan bangunan baru Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) ini. Beta mengucapkan tahniah kepada semua warga JAKESS yang telah mempunyai sebuah bangunan sendiri serta dapat beroperasi seperti yang dirancangkan. Beta mengucapkan tahniah kepada semua warga JAKESS yang telah mempunyai sebuah bangunan sendiri serta dapat beroperasi seperti yang dirancangkan. Beta harapkan dengan bangunan baru yang dididuki ini akan menaikkan semangat kepada warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat khususnya kepada seluruh rakyat Beta di dalam Negeri Selangor bagi mereka yang beragama Islam. Beta juga berharap agar semua warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dapat memandaatkan bangunan ini dengan sebaik-baiknya demi memajukan dan memantapkan lagi institusi kehakiman syariah di Negeri Selangor ini.

Sepertimana yang diketahui sesungguhnya institusi keadilan Islam atau Mahkamah, adalah merupakan sebuah institusi yang dihormati serta berada pada kedudukan yang tinggi dan mulia di mata masyarakat. Masyarakat meletakkan sepenuh harapan kepada Mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian yang mereka hadapi dengan seadil-adilnya. Bermula sejak zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sehingga kini, Sejarah menunjukkan bahawa Mahkamah memainkan peranan yang amat besar dan penting bukan Sahaja dalam menyelesaikan pertikaian tetapi juga sebagai nadi peneraju keamanan dan keadilan.

Beta mengharapkan dengan terbinanya bangunan baru Jabatan Kehakiman Syariah Selangor ini dengan pelbagai kemudahan akan meningkatkan lagi mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor kepada pelanggan dan seterusnya membawa kepada peningkatan imej dan kredibiliti institusi kehakiman syariah itu sendiri di mata masyarakat. Pada masa yang sama Mahkamah Syariah juga perlu dilihat sebagai sebuah institusi yang berintegriti dan berkualiti tinggi. Ini Adalah penting dalam usaha membina dan meraih keyakinan serta kepercayaan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah yang dlunya seringkali dianggap sebagai Mahkamah kelas dua. Beta akui bahawa factor peningkatan kepercayaan ini bukan boleh didapati melalui perubahan bentuk fizikal Sahaja tetapi memerlukan kemantapan dalam pengurusan dan kecekapan setiap pegawai serta kakitangan Mahkamah Syariah.

Beta yakin dan percaya sejajar dengan perkembangan semasa pastinya wujud cabaran-cabaran yang besar kepada Hakim-hakim Syar'ie dalam mengendalikan kes-kes yang dibawa kehadapan mereka. Beta dimaklumkan bahawa kes-kes di Mahkamah Syariah kini bukan lagi hanya tertumpu kepada kes-kes perceraian shaja bahkan kini ianya mellibatkan kes tuntutan harta yang bernilai jutaan ringgit, juga kes-kes yang mencabar sensitivity masyarakat seperti permohonan pengisytiharan bukan seorang Islam. Beta menyeru kepada pegawai-pegawai Mahkamah khususnya para Hakim Syar'ie agar bersedia untuk berhadapan dengan situasi ini dengan melengkapkan diri dalam pelbagai disiplin ilmu agar peningkatan keyakinan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah tidak luntur. Kecekapan dan ketegasan dalam pengendalian kes akan dapat menegakkan keadilan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, kerjasama semua pihak yang terlibat erutamanya para Peguam Syar'ie Pendakwa Syar'ie dan pihak yang bertikai yang perlu sama-sama membantu Mahkamah dengan membentangkan fakta yang sebenar agar keadilan itu dapat ditegakkan. Justeru itu, sempena majlis perasmian bangunan baru ini, Beta menyeru kepada semua Hakim Syar'ie sekalian supaya dapat menjalankan tugas-tigas yang diamanahkan dengan jujur, telus dan berdedikasi. Beta menyedari bahawa tugas menjadi hakim ini Adalah sukar dan ianya memerlukan pemerhatian, penelitian dan penilaian yang tepat dalam membuat keputusan pada sesuatu kes. Beta menitahkan supaya para hakim sekalian dapat menyempurnakan tuntutan syarak ini dengan sabar dan penuh ikhlas. Patuhilah segala etika sebagai seorang hakim yang berwibawa tegas dan berkeyakinan dalam mengendalikan setiap kes.

Seseorang Hakim itu akan melanggar etika kehakiman apabila membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas kehakiman hingga menjejaskan kedudukannya sebagai seorang hakim. Janganlah menggunakan kedudukan kehakiman ini bagi faedah diri sendiri. Apabila seseorang Hakim Mahkamah syariah itu mendengar sesuatu kes, ia hendaklah melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan dan tidak mengikut emosi. Para hakim hendaklah sentiasa menjaga nama baik serta kedudukan dan martabat yang tinggi sebagai hakim.

Beta berharap apabila menjalankan tugas-tugas kehakiman, seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu mestilah berada did alam keadaan yang tenang dan sempurna supaya dapat memberi penghakimannya dengan baik. Seseorang Hakim Mahkamah Syariah itu juga mestilah tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang dihakimi dan mestilah mendengar dalam keadaan terbuka akan hujah-hujah dari kedua belah pihak. Walaubagaimana pun Beta menaruh kepercayaan kepada setiap Hakim Mahkamah Syariah yang diberi kuasa unuk menegakkan Undang-Undang Syariah di Negeri Selangor yang Beta kasihi ini.

Beta berkenan Hakim-hakim mahkamah Syariah supaya bersungguh-sungguh membuat penghakiman dan tidak melengah-lengahkan sesuatu prosiding tanpa alasan yang munasabah dan menyelesaikan kes-kes penghakiman dalam tempoh masa yang sesuai serta mematuhi arahan-arahandaripada Ketua Hakim Syar'ie. Beta masih lagi mendapat aduan daripada orang ramai tentang kes-kes Mahkamah Syariah terutama permohonan cerai dan fasakh serta pembahagian harta yang mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan kes hanya disebabkan oleh perkara-perkara remeh yang sepatutnya boleh dielakkan. Justeru itu dengan adanya bangunan baru serta kemudahan-kemudahan yang diberikan Beta menyeru kepada pihak JAKESS supaya dapat mengatasi masalah ini agar kes-kes atau perbicaraan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sepatunya.

Beta difahamkan Bangunan Baru Mahkamah Syariah ini dilengkapi dengan peralatan yang moden yang dapat disesuaikan dengan kemajuan teknologi maklumat (IT) yang sedia ada. Beta berkenan Sistem E-Syariah yang telah diperkenalkan dan digunakan ini hendaklah dikekalkan dan dipertingkatkan serta diperluaskan penggunaannya dari masa ke semasa agar ianya dapat membantu para hakim dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor mengendalikan rekod-rekod dan maklumat mengenai setiap kes dengan lebih teratur dan sistematik. Beta tidak mahu mendengar lagi aduan-aduan negative terhadap Institusi Kehakiman Syariah yang secara tidak langsung menjejaskan imej Agama Islam di Negeri Selangor ini. Keutamaan hendaklah diberikan kepada kes-kes Mal yang melibatkan rumahtangga agar tidak ada sesiapa yang teraniaya akibat kelalaian atau kecuaian pihak tertentu. Di sini para hakim dan seluruh warga jabatan haruslah bijak memainkan peranan dalam memastikan perjalanan kes dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

> "Oleh itu, sekali lagi Beta mengharapkan dengan tersergam indahnya bangunan baru ini warga JAKESS dapat bergerak seiring bersama warga MAIS dan JAIS yang berjiran serta menjadi benteng utuh dalam mempertahankan martabat dan kedaulatan agama."

Beta berdoa kepada Allah subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor yang kita kasihi ini dirahmatiNya dan dipeliharaNya supaya sentiasa didalam keamanan dan kesejahteraan dan rakyatnya hidup denga naman dan Makmur.

Akhir sekali harapan Beta kepada seluruh warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor sekalian agar berusaha untuk menaikkkan lagi martabat Institusi Mahkamah Syariah di negara ini khususnya di Negeri Selangor agar dipandang mulia oleh segenap lapisan masyarakat. Beta mahu masyarakat di negara ini menyedari bahawa peranan Mahkamah Syariah tidak harus dipandang remeh dan setiap keputusannya tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar Undang-Undang Syariah di negara ini khususnya di Negeri Selangor akan terus dipertahankan dan dikuatkuasakan demi untuk keamanan dan keharmonian umat Islam serta masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim maka Beta dengan ini berkenan untuk menamakan bangunan ini dengan nama **Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah.**

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PELANTIKAN AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN 2012 -2014 DI ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2011

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismillahirahmanirrahim.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dapat bersama-sama para hadirin sekalian di Majlis Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi tempoh tiga tahun mulai tarikh 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2014, pada petang ini.

Pada petang yang penuh bermakna ini marilah kita semua bersama-sama mengangkat tangan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor yang kita kasihi ini dirahmati dan dilindungi daripada apa-apa malapetaka dan musibah supaya rakyatnya yang berbilang kaum dapat hidup dalam aman makmur dan harmoni. Manakala agama Islam sebagai agama negeri akan terus dihormati dan berkembang dengan pesat di Negeri Selangor ini.

Seperti yang kita semua ketahui, Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor dibuat setiap tiga tahun sekali dan pelantikan tersebut dibuat secara telus, berhemah dan penuh teliti agar Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor ini terdiri daripada mereka yang betul-betul berkelayakan dan mempunyai peranan yang penting dalam membangunkan dan memajukan Agama Islam di Negeri Selangor ini. Oleh yang demikian, pada petang ini Beta berharap Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang baru dilantik dapat mengekalkan aspek kualiti tersebut agar kemajuan dan pembangunan Agama Islam di Negeri Selangor ini bergerak selari dengan kemajuan semasa.

Beta menyeru kepada seluruh Ahli Majlis Agama Islam Selangor agar menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh beretika, telus dan berintegriti. Beta berharap Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor menggunakan peluang ini untuk memenuhi tanggungjawab sebagai umat Islam untuk menegakkan syiar Islam dan menaikkan nama baik agama Islam di Negeri Selangor ini. Sesungguhnya masyarakat akan memandang mulia dan menjadikan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor sebagai contoh dan teladan terutama kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor ini. Segala perlakuan tindakan dan keputusan yang dibuat memberi kesan kepada pembangunan agama Islam di Negeri Selangor serta mencerminkan peribadi mulia umat Islam di Negeri Selangor.

Beta sedia maklum bahawa Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor ini adalah terdiri daripada golongan cerdik pandai atau mereka yang mempunyai pengalaman dan kebijaksanaan di bidang masing-masing. Justeru itu, Beta menyeru supaya Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor sekalian agar sentiasa memberikan cadangan, pandangan dan idea-idea yang bernas untuk dimanfaatkan dan direalisasikan di Negeri Selangor yang Beta kasihi ini. Mereka perlulah berpandangan jauh agar cadangan dan idea mereka boleh diguna-pakai dan memberi faedah kepada generasi yang akan datang. Setiap idea yang diutarakan hendaklah dianalisa dan diperhalusi agar tidak memberikan impak yang negatif kepada masyarakat Negeri Selangor yang berbilang bangsa ini.

Beta mahu rakyat Negeri Selangor ini terus memberi kepercayaan dan penghormatan mereka terhadap institusi Agama Islam di Negeri Selangor ini, terutamanya kepada Majlis Agama Islam Selangor. Beta tidak mahu ada pihak yang memperkecilkan kemampuan institusi ini dalam mentadbir dan memajukan ekonomi masyarakat Islam sehingga mereka yang tidak sepatutnya campurtangan dalam urusan Agama Islam turut terlibat demi untuk kepentingan politik atau kepentingan peribadi mereka. Ini secara tidak langsung akan mengelirukan dan meresahkan umat Islam serta menjadikan kepercayaan umat Islam di Negeri Selangor terhadap institusi Agama Islam di sini akan berkurangan.

Beta selaku Ketua Agama Islam di Negeri Selangor ini tidak rela melihat Agama Islam dipermain-mainkan oleh orang lain yang cuba menjatuhkan imej dan nama baik Agama Islam. Oleh itu Beta menaruh harapan penuh kepada Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor untuk mempertahankan kesucian dan nama baik Agama Islam.

> "Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor mempunyai peranan yang penting dalam mengubah dan mentransformasikan Majlis Agama Islam Selangor ke arah yang lebih cemerlang supaya dipandang tinggi dan dihormati oleh semua masyarakat."

Beta berkenan mengingatkan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor bahawa pihak yang cuba menjatuhkan Agama Islam akan sentiasa berusaha mencari kelemahan yang ada pada institusi Islam untuk didedahkan kepada masyarakat supaya Agama Islam dipandang sebagai agama yang tidak boleh membawa kemajuan dan kesejahteraan. Justeru itu, Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor dan seluruh umat Islam di Negeri Selangor ini perlu berwaspada dan sentiasa ingat mengingati supaya umat Islam sentiasa bersatu padu dan bekerjasama untuk menaikkan syiar Islam supaya dipandang mulia dan dihormati.

Walau bagaimanapun Beta mahu seluruh rakyat Negeri Selangor yang berbilang bangsa ini hidup di dalam keadaan yang aman dan makmur serta mengecap kekayaannya bersama-sama dan mendapat apa yang mereka perlukan, untuk kehidupan seharian. Beta berharap semua rakyat di Negeri Selangor ini menghormati Perlembagaan Persekutan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang memperuntukan bahawa Agama Islam adalah agama persekutuan dan negeri, tetapi penganut agama-agama lain bebas untuk menjalankan aktiviti keagamaan masing-masing. Justeru itu Beta menyeru dan menasihatkan supaya perkara-perkara yang menyentuh tentang agama tidak dipolitikkan supaya rakyat boleh hidup dalam suasana yang saling hormat-menghormati dan harmoni.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta ini Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang telah berkhidmat dan memberikan sumbangan kepada pembangunan Agama Islam di Negeri Selangor ini serta Beta mengucapkan Tahniah serta Selamat Menjalankan Tugas kepada Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang baru dilantik. Beta berpuas hati dengan khidmat dan sumbangan yang telah diberikan oleh Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang telah dapat membawa Institusi Agama Islam di Negeri Selangor ini ke arah kemajuan dan pembangunan yang lestari.

Beta berdoa supaya Negeri Selangor ini akan kekal sebagai negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain serta segala urusan pentadbiran dan operasinya akan berjalan dengan lancar. Marilah kita bersama-sama bersatu padu untuk merealisasikan harapan Beta ini. Semoga kita semua akan dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni, serta kekal maju, dan berdaya saing, di samping mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID KAMPUNG SUNGAI GULANG-GULANG, KUALA SELANGOR PADA 9 DISEMBER 2011 / 13 MUHARRAM 1433 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid yang amat bermakna di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beta berharap, majlis yang dianjurkan ini, benar-benar berupaya mengeratkan lagi hubungan persaudaraan dan kasih sayang dikalangan orang-orang Melayu dan masyarakat setempat. Malah ianya menjadi mercu tanda keagungan dan kemuliaan Islam di tengah-tengah masyarakat berbilang kaum yang hidup dengan aman dan harmoni.

Beta berharap dengan terbinanya masjid ini dapat memberi rahmat kepada seluruh masyarakat disini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dengan sempurna dan keselesaan, untuk menunaikan ibadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh itu Beta berkenan supaya masjid ini dijadikan tempat untuk umat Islam di kawasan ini bersatu padu dengan semangat persaudaraan yang kukuh dan teguh. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara. Masyarakat di sini hendaklah sentiasa harmoni dan bersikap muhibbah terutamanya di kalangan bangsa Melayu.

> "Meskipun berlainan fahaman dan ideologi, tetapi apabila di Masjid, eratkanlah persahabatan serta timbulkanlah persefahaman agar generasi muda dan belia akan tertarik dan mengambil contoh akan kewibawaan setiap jemaah masjid ini."

Beta juga menyeru kepada Ahli Jawatankuasa Masjid hendaklah sentiasa bersikap amanah, berwibawa dan profesional serta dapat bekerjasama erat bagi merangka program yang boleh memakmurkan masjid. Aktiviti-aktiviti yang dirancangkan hendaklah yang berfaedah dan bermanfaat serta melibatkan semua golongan masyarakat, daripada kanak-kanak, hinggalah golongan warga emas. Program-program khas untuk sesuatu golongan itu pula hendaklah sentiasa mempunyai elemen pendidikan, motivasi serta memberikan pengalaman dan pengajaran betapa indahnya Agama Islam jika kita benar-benar mengamalkannya.

> "Beta seringkali bertitah mengingatkan supaya setia program-program yang diadakan di semua masjid dan surau di Negeri Selangor ini hendaklah dikendalikan oleh mereka yang berkelayakan serta setiap penceramah yang ingin memberikan ceramah haruslah mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)."

Ini adalah kerana Beta mahu rakyat Negeri Selangor terutama sekali yang beragama Islam, mendapat ilmu pengetahuan berdasarkan pada sumber-sumber yang sah agar tidak terpesong atau terkeliru. Beta tidak mahu di suatu hari nanti umat Islam akan berpecah belah akibat dari perselisihan faham atau perbezaan pengetahuan yang diperolehi dari sumber-sumber yang tidak sah.

Beta juga suka mengingatkan bahawa kita semua hendaklah sentiasa berhati-hati dengan elemen-elemen yang membawa kepada ajaran sesat. Beta menyeru kepada para jemaah, serta rakyat jelata supaya jangan cepat terpengaruh dengan ajakan atau umpanan pihak-pihak tertentu yang pada mulanya kelihatan begitu baik dan ikhlas untuk membantu, tetapi hakikatnya ada agenda yang tersembunyi disebalik perbuatan baik tersebut. Setiap ajaran atau ceramah yang didengar haruslah disiasat atau dirujuk kepada sumber-sumber yang dipercayai sebelum diamalkan agar kita semua terpelihara daripada terjebak di dalam ajaran-ajaran yang menyesatkan.

Satu lagi perkara yang begitu membimbangkan Beta ialah wujudnya gejala murtad di kalangan umat Islam. Beta telah mendapat tahu bahawa perkara ini mula berlaku sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi Beta masih ragu-ragu akan kebenarannya. Namun sejak terjadinya beberapa peristiwa yang berlaku kebelakangan ini, Beta merasa bimbang akidah umat Islam akan tergugat sedikit demi sedikit disebabkan timbulnya kekeliruan dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disampaikan oleh pihak-pihak tertentu. Perkara ini jika dibiarkan dan tidak dibendung akan merosakkan perkembangan dan pembangunan agama Islam di Negeri Selangor.

Beta dimaklumkan bahawa kegiatan memurtadkan umat Islam ini berlaku secara sembunyi-sembunyi dan pihak-pihak yang terbabit begitu bijak menyembunyikan bukti-bukti yang jelas. Justeru itu Beta menitahkan supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil langkah-langkah strategik untuk menangani perkara ini. Pihak JAIS hendaklah sentiasa berusaha memberikan penerangan dan juga kaunseling kepada mereka yang dikenalpasti terlibat dalam aktiviti ini. Beta juga berkenan menyarankan pihak JAIS agar sentiasa bertindak dengan cara dan pendekatan yang berhemah supaya umat Islam yang mula menjauhkan diri daripada ajaran Islam akan tertarik semula untuk kembali ke pangkal jalan dan bertaubat.

Beta berharap supaya umat Islam di Negeri Selangor ini sentiasa dipelihara dan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dijauhi daripada dipengaruhi oleh golongan-golongan tertentu yang boleh membawa kepada perasaan tidak yakin terhadap ajaran Islam, yang boleh menyebabkan mereka terpengaruh sehingga sanggup untuk keluar daripada agama Islam. Oleh yang demikian, Beta menyeru kepada seluruh umat Islam supaya berpegang teguh dengan ajaran Islam dan jangan mudah terpengaruh dengan pujuk rayu dan muslihat musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha untuk memecah-belahkan perpaduan umat Islam.

Beta berdoa semoga seluruh rakyat Negeri Selangor dihindari daripada perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan, keamanan dan keharmonian, agar Negeri Selangor yang Beta kasihi ini akan terus maju dan berdaya saing serta rakyatnya yang berbilang kaum hidup dalam keadaan aman, makmur dan muhibbah.

Sebelum mengakhiri ucapan, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Beta samada Pegawai Kerajaan, Ahli-Ahli Badan dan Pertubuhan serta individu orang perseorangan yang telah menjayakan program majlis perasmian ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan menganugerahkan dengan ganjaran yang terbaik.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid ini dengan nama **"Masjid Kampung Sungai Gulang-Gulang".**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS MENGHADAP OLEH AHLI-AHLI JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA DI ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA 4 MEI 2012 /12 JAMADILAKHIR 1433H (JUMAAT)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada hari ini.

Terlebih dahulu Beta mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa ke Negeri Selangor untuk mengadakan perjumpaan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fatwa. Semoga ianya akan memberikan kebaikan, kesejahteraan dan pembangunan umat Islam dan juga orang-orang Melayu di negara ini.

Beta merasa amat sukacita kerana dapat bertemu dengan semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa yang terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab memastikan agama Islam di Malaysia ini berada di landasan yang betul dan diredhai oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Seperti yang kita semua ketahui, Fatwa berperanan untuk menjelaskan dan menghuraikan permasalahan yang timbul yang tidak dijelaskan secara spesifik di dalam hukum Syarak.

Beta ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan atau berkongsi beberapa perkara yang Beta rasa perlu bagi Jawatankuasa Fatwa mengambil perhatian yang serius demi kesejahteraan serta perkembangan positif agama Islam di Malaysia ini khususnya di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kebelakangan ini Beta dapati begitu banyak isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun Beta berharap Jawatankuasa Fatwa dapat sama-sama mengambil perhatian masalah yang lebih utama dan perlu ditangani dengan segera.

Beta menyedari bahawa Fahaman Syiah yang telah difatwakan bercanggah dengan Ahlil Sunnah Wal Jama'ah di Negeri Selangor dan di peringkat kebangsaan, kini sedang bergerak dan berkembang dengan terancang dan perkara ini amat menggusarkan hati Beta. Beta difahamkan mereka sudah mendaftarkan pertubuhan mereka melalui Pendaftar Syarikat dengan nama Hauzah Ar-Ridha yang beroperasi di Taman Sri Gombak, Batu Caves, Gombak, Selangor. Beta mendapati golongan ini sentiasa menyebarluaskan dakyah mereka melalui penulisan samada melalui buku dan juga internet. Untuk itu, segala medium internet seperti laman *web*, *blog* dan *facebook* berkaitan fahaman ini perlu kita pantau secara berterusan.

Beta berpendapat langkah untuk mencegah perkembangan ajaran Syiah ini juga amat perlu bagi mengelakkan umat Islam terutama sekali golongan muda dari terkeliru dan seterusnya melibatkan diri secara serius dengan ajaran tersebut. Jika perkara ini terjadi, ia boleh memecah-belahkan masyarakat Islam di negara ini. Pemantauan secara senyap dan berterusan adalah salah satu cara yang berkesan bagi mengetahui dan mengenalpasti taktik terbaru penyebar ajaran Syiah ini. Penguatkuasaan juga haruslah dibuat di setiap tempat yang mempunyai golongan sasaran yang tinggi seperti institusi pengajian tinggi, tempat tumpuan orang awam serta persatuan-persatuan NGO.

Beta juga ingin menyentuh tentang isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang pada ketika ini sedang heboh diperkatakan di media-media elektronik dan media cetak. Mengikut kajian yang dijalankan terdapat semakin ramai umat Islam terlibat di dalam kegiatan ini. Di negara kita, Beta mendapati selain Majlis Peguam, hubungan sejenis itu turut mendapat sokongan dari Institut Hak Asasi Manusia, Persatuan Peguam Antarabangsa (IBAHRI) yang mendesak kerajaan menghalalkan aktiviti LGBT dengan meminda undang-undang sedia ada. Pada mereka, perkara ini perlu dilakukan, kononnya bagi memastikan perundangan negara seiring dengan undang-undang antarabangsa yang melindungi Hak-Hak Asasi Manusia.

Selain itu, Beta mendapati, golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) menggunakan medium dalam talian (internet) untuk berinteraksi selain mencari pasangan sejenis. Di laman sosial *Facebook* sahaja, berpuluh-puluh kumpulan itu dikesan secara terang-terangan mendedahkan identiti songsang mereka dan bertindak mengumpul ahli-ahli baru. Pada hemat Beta, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga mempunyai peranannya yang tersendiri yang amat penting bagi membendung seterusnya menghapuskan gejala ini daripada merebak. Beta berpendapat LGBT ini adalah satu fenomena yang teruk yang mula menular di negara kita dan perlu ditangani dengan serius. Beta tidak berkenan dengan perkara ini kerana pada Beta ia amat membahayakan rakyat jelata dan boleh menjatuhkan martabat agama Islam. Ianya juga boleh merosakkan aqidah, kerjaya, keluarga dan yang lebih dahsyat. Umat Islam boleh mendapat bencana dan kemurkaan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Di sini Beta ingin mengesyorkan agar semua Fatwa supaya diselaraskan di seluruh negeri di dalam Malaysia sebelum ia diwartakan. Fatwa-fatwa yang hendak diwartakan perlu disembahkan terlebih dahulu kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja untuk mendapat perkenan. Ini adalah kerana Fatwa-Fatwa yang diputuskan memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan undang-undang Islam atau hukum Syarak. Untuk itu, penyelarasan fatwa di antara negeri-negeri adalah penting supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat yang boleh menimbulkan kegelisahan umum.

Sejak kebelakangan ini Beta mendapati terdapat kritikan serta tentangan mengenai agama Islam daripada individu dan pihak-pihak yang tidak ada kena mengena dengan agama Islam yang kononnya ingin berjuang atas nama hak kebebasan bersuara dan hak asasi manusia. Fenomena sebegini perlu dihentikan kerana mereka yang tidak ada kaitan dengan agama Islam tidak sepatutnya masuk campur yang boleh menyentuh sensitiviti umat Islam dan boleh menjejaskan keharmonian dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Satu lagi isu yang harus diambil perhatian dengan serius adalah gejala murtad di kalangan umat Islam di mana sekiranya ia tidak dibendung boleh melemahkan integriti dan menjatuhkan martabat serta imej Agama Islam di kalangan orang-orang yang bukan Islam. Selain daripada itu, umat Islam juga perlu menangani dan membendung ajaran sesat yang berlaku di negara ini agar masyarakat tidak terkeliru dan boleh memesongkan akidah seseorang. Beta juga ingin menasihatkan umat Islam supaya berhati-hati dengan Isu pluralisme agama (menyamakan Islam dengan agama-agama lain) iaitu sesuatu gerakan terancang musuh-musuh Islam yang bermatlamatkan bahawa Islam dan agama-agama lain adalah sama sahaja, tiada perbezaan samada daripada aspek kepercayaan serta amalan beragama. Mereka ini berhasrat sekurang-kurangnya ingin menjauhkan umat Islam daripada agamanya.

Selain daripada perkara di atas, umat Islam juga berhadapan dengan Penerbitan bahan bercetak atau risalah, karikatur, lagu, video klip serta filem yang menyentuh sensitiviti umat Islam dan juga mempersenda Nabi Muhammad Salllahu Alaihi Wasallam serta agama Islam. Beta percaya, segala permasalahan yang Beta utarakan ini dapat diberi perhatian serius, bukan sahaja oleh pihak-pihak berwajib malah Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam memainkan peranan dalam usaha untuk meninggikan lagi syiar Islam di negara ini agar terus dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

"Akhir sekali harapan Beta kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia agar dapat terus berbakti supaya agama Islam dapat terus diamalkan dengan cara yang betul dan ajarannya dapat dihayati dengan sepenuhnya oleh seluruh umat Islam."

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar umat Islam di negara ini khususnya di Negeri Selangor akan terus dipelihara oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala daripada ancaman dan gejala yang negatif agar mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat kelak.

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

SEMINAR "TUANKU PRIHATIN MASJID" ANJURAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR DI DEWAN SOLAT BAWAH MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (MASJID NEGERI) SHAH ALAM, PADA HARI AHAD, 2 DISEMBER 2012

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke Seminar "Tuanku Prihatin Masjid" anjuran Jabatan Agama Islam Selangor pada pagi ini.

Beta mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor yang menganjurkan seminar yang Beta lihat amat penting dan berfaedah untuk menggalakkan pembangunan rohani dan ilmu pengetahuan umat Islam di Negeri Selangor ini. Beta berharap seminar yang dianjurkan ini juga dapat dimanfaatkan serta diperluaskan skopnya agar seluruh umat Islam di Negeri Selangor turut bersikap prihatin terhadap masjid yang menjadi tempat ibadat yang suci dan menjadi tempat bagi umat Islam bersatu padu serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti menambahkan ilmu pengetahuan, berkongsi pendapat serta bermuhasabah diri bagi mendapatkan keredhaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Semasa pertabalan Beta sebagai Sultan Selangor, Beta telah berikrar untuk memelihara dan menjaga nama baik agama Islam yang suci ini. Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan, peranan Beta sebagai Ketua Agama Islam Negeri Selangor adalah untuk memastikan agama Islam terus dihormati dan ditempatkan di martabat yang tinggi dalam segala hal ehwal negeri. Justeru itu, keprihatinan Beta terhadap institusi masjid di Negeri Selangor ini diharap tidak disalahertikan oleh pihak-pihak tertentu yang mahu meraih publisiti dengan memanipulasikan peranan Beta sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor.

> "Beta secara ikhlasnya ingin melihat Institusi Masjid menjadi penyumbang kepada kemajuan dan pembangunan di Negeri Selangor ini. Beta juga bertanggungjawab untuk memastikan kehidupan umat Islam khususnya orang-orang Melayu terbela."

Beta percaya agama Islam di Negeri Selangor ini boleh menjadi lebih maju daripada yang kita lihat sekarang jika umat Islam benar-benar menghayati ajaran Islam yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti berfaedah yang diadakan di masjid-masjid. Beta berkenan masjid digunakan sepenuhnya oleh masyarakat di Negeri Selangor ini untuk mengeratkan lagi semangat dan suasana muhibah di antara orang-orang Melayu serta kerjasama dalam usaha membangunkan Negeri Selangor yang kita kasihi ini. Walaupun di Negeri Selangor ini terdapat masyarakat Islam dari pelbagai keturunan, ideologi dan pendapat yang berbeza-beza, namun hakikatnya yang menyatukan kita adalah Agama Islam Ahlil Sunnah Wal Jamaah, maka masjidlah tempat yang paling sesuai untuk menyatupadukan orang Melayu dan menjana pemikiran yang bernas bagi memajukan lagi Negeri Selangor yang kita kasihi ini.

Untuk mencapai kemajuan yang diimpikan, institusi masjid itu sendiri haruslah mempunyai asas yang kuat dan mempunyai integriti serta imej yang baik dan terpuji. Di Negeri Selangor ini, Para pentadbir masjid, iaitu pegawai serta ahli-ahli jawatankuasa masjid telah dilantik oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Peraturan pencalonan dan langkah-langkah untuk menerima atau menolak pencalonan calon-calon ahli jawatankuasa masjid telahpun ditaklimatkan secukupnya dan telah dilakukan dengan teliti kerana mereka akan memainkan peranan yang penting dalam menjaga imej dan nama baik sesebuah masjid. Pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa masjid juga seharusnya menjadi orang yang terdahulu menghalang perkara-perkara negatif berlaku di dalam masjid seperti berpolitik di dalam masjid, penyebaran ajaran sesat, perpecahan di antara jemaah serta kuliah-kuliah daripada penceramah yang tidak mempunyai tauliah.

Seperti yang telah Beta titahkan pada masa-masa yang lepas, Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa masjid bukanlah satu tempat untuk menyebarkan agenda politik. Negeri Selangor yang mempunyai sebanyak tiga ratus sembilan puluh tiga (393) buah masjid dan dua ribu empat puluh lima (2045) buah surau yang berdaftar seharusnya dimanfaatkan sebagai satu tempat untuk kita menambah keimanan dan kesedaran disamping membina kekuatan dan membentuk peribadi mulia. Beta tidak berkenan sebarang ideologi politik disebarkan di dalam khutbah, tazkirah atau sebarang pengajaran agama di masjid. Beta bimbang jika perkara ini berlaku ianya boleh membawa kebencian dan akhirnya perpecahan di kalangan umat Islam terutamanya orang Melayu.

Sejak kebelakangan ini, Beta sering mendapat aduan dari jemaah dan kariah masjid di sesetengah tempat di Negeri Selangor tentang ketidakpuasan hati mereka mengenai pelbagai isu termasuk tingkah laku pegawai dan ahli jawatankuasa masjid yang tidak beretika serta menyalahgunakan kuasa dan jawatan bagi kepentingan peribadi. Beta berkenan mengingatkan kepada mereka yang telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir masjid bahawa segala gerak-geri mereka diperhatikan dan sepatutnya menjadi contoh dan teladan kepada para jemaah dan kariah. Beta akan menitahkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya segala kelakuan yang tidak beretika dan menyalahi undang-undang itu terbukti benar dan merosakkan imej institusi masjid serta agama Islam.

Ahli jawatankuasa masjid seharusnya berfikiran positif dan serius dalam menguruskan masjid yang diamanahkan oleh Allah kepada kita semua. Segala peraturan pentadbiran dan pengurusan masjid hendaklah difahami dengan sebaik-baiknya agar kualiti masjid itu sendiri akan dikekalkan berterusan. Penguasaan ilmu dan kemahiran tentang segala aspek pentadbiran dan pengurusan masjid hendaklah dipertingkatkan disamping mengekalkan rasa keinsafan dan menghapuskan perasaan riak dan bangga diri. Tunaikanlah amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan sebaik mungkin dan **sentiasa bersedia untuk dipantau, diaudit dan disemak oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor.** Pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa masjid perlu mempunyai hati yang bersih dan ikhlas dalam melaksanakan tugas-tugas mereka demi untuk memakmurkan masjid dan kepentingan orang Melayu serta agama Islam.

Beta sedar, pada akhir-akhir ini, cabaran bagi memakmurkan masjid amatlah besar. Gunakanlah apa jua cara dan teknologi yang berlandaskan syariat untuk menarik lebih ramai umat Islam, terutama golongan muda untuk mengunjungi masjid sekerap yang mungkin. Ini adalah kerana golongan inilah yang menjadi pelapis dan pemangkin bagi generasi akan datang. Beta tidak mahu institusi masjid ini semakin mundur ditelan masa. Oleh yang demikian Beta mahu seminar ini menjadi *platform* bagi memajukan lagi institusi masjid yang suci ini. Beta mahu seluruh umat Islam, terutamanya golongan muda dan pertengahan menggunakan segala pemikiran kreatif mereka bagi mengambil inisiatif untuk memakmurkan masjid-masjid di Negeri Selangor ini sebagai satu tempat yang menggembirakan dan berfaedah untuk dikunjungi.

Di sini Beta berkenan mencadangkan agar masjid-masjid di Negeri Selangor mewujudkan program yang pelbagai bagi menambahkan kecintaan umat Islam terhadap institusi masjid. Selain daripada pengajian agama, kuliah atau pengajian bagi pendidikan sosial seperti ceramah kesihatan, pengurusan keluarga, pengurusan kewangan juga boleh diadakan di masjid. Masjid juga boleh dijadikan sebagai pusat khidmat setempat (*one stop centre*) yang menawarkan khidmat seperti tuisyen, sumber internet, khidmat bagi majlis keraian seperti akad nikah, aqiqah dan khatam al-Quran serta pusat pemeriksaan kesihatan bagi umat Islam.

Satu lagi perkara penting dan menjadi satu kemestian di setiap masjid di Negeri Selangor adalah kebersihan. Beta mahu aspek kebersihan diaplikasikan di semua tempat di masjid terutama ruang solat dan tandas serta hendaklah dilakukan dengan berterusan dan sentiasa diambil berat oleh mereka yang bertanggungjawab termasuk para jemaah. Beta juga berkenan supaya masjid menjadi tempat yang mesra jemaah, iaitu setiap masjid hendaklah menyediakan kemudahan yang bersesuaian bagi semua golongan, terutama sekali golongan orang kelainan upaya (OKU), warga emas, wanita dan juga kanak-kanak. Dengan ini, fungsi masjid sebagai tempat menjalinkan kerjasama erat dengan masyarakat akan lebih memberi kesan positif terhadap pengunjungnya. Beta percaya kewujudan masjid sebagai satu tempat yang selesa dalam memberi khidmat sosial dan bimbingan kepada kariahnya akan memberi nilai tambahan kepada imej bersih agama Islam itu sendiri.

Akhirnya, Beta mengucapkan selamat berseminar kepada para peserta dan semua yang terlibat, Beta berharap agar seminar ini akan memberi lebih kefahaman dan penghayatan mengenai tugas dan peranan masjid terhadap pembangunan dan kemajuan umat Islam di Negeri Selangor ini. Beta juga berharap agar pengetahuan mengenai kedudukan serta peranan agama Islam sebagai agama persekutuan dan agama negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan akan lebih dihayati bagi membangunkan dan menguatkan lagi kerjasama dan perpaduan umat Islam melalui institusi masjid. Semoga harapan Beta untuk memastikan syiar Islam semakin maju dan terpelihara akan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Tuanku Prihatin Masjid.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN PANEL TETAP HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH, HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DI BILIK SINGGAHSANA, ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA HARI RABU, 20 FEBRUARI 2013

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat mengurniakan Watikah Pelantikan Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor pada hari ini.

Di sini Beta mengucapkan tahniah kepada Hakim-hakim Mahkamah Syariah yang baru sahaja menerima watikah pelantikan ini. Hakim-hakim Mahkamah Syariah hendaklah menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan jujur, telus dan berdedikasi. Beta menyedari bahawa tugas-tugas menjadi hakim amat berat tanggungjawabnya. Walau bagaimana pun apabila seorang hakim itu telah bersetuju untuk dilantik sebagai hakim, mereka hendaklah menyempurnakan tugas-tugas kehakiman dengan penuh sabar dan penuh ikhlas. Mereka juga hendaklah ketika menghakimkan sesuatu kes itu mestilah berada di dalam keadaan yang tenang dan sempurna supaya dapat memberi penghakimannya dengan baik dan memuaskan. Patuhilah segala etika sebagai seorang hakim yang berwibawa, tegas dan berkeyakinan dalam mengendalikan setiap kes. Beta berkenan supaya Hakim-hakim Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi Syariah menjalankan tugas mereka dalam satu-satu kes atau prosiding dengan adil dan sempurna supaya pihak-pihak yang menerima kehakiman itu berpuas hati di atas keputusan yang telah diberikan. Janganlah melengah-lengahkan sesuatu penghakiman tanpa alasan yang munasabah dan memakan masa terlalu panjang untuk menyelesaikan sesuatu kes itu.

Beta nyatakan begini kerana Beta masih lagi menerima banyak aduan dan rungutan daripada rakyat Negeri Selangor ini yang mana kes-kes penceraian, pembahagian harta sepencarian, tuntutan nafkah dan pembahagian harta dan harta pusaka terlalu lama untuk mendapat keputusan kehakimannya. Mereka-mereka yang terlibat di dalam kes seperti yang Beta nyatakan tadi ingin meneruskan kehidupan mereka selepas mengalami penceraian atau sebagainya. Apabila Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi Syariah melengah-lengahkan penghakiman mengenai sesuatu kes, ianya akan menyebabkan kehidupan mereka yang terlibat akan tergendala. Perbicaraan hendaklah dijalankan mengikut jadual dan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sepatutnya. Beta berkenan supaya segala aduan dan rintihan yang dikemukakan ke Mahkamah Syariah hendaklah difahami dan diambil tindakan dengan segera dan setiap aduan janganlah diterima secara sambil lewa kerana mereka yang membuat pengaduan ke Mahkamah Syariah memerlukan keadilan untuk meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu Hakim-hakim Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi Syariah mestilah mempunyai perasaan perikemanusiaan dalam menangani perkara ini.

"Beta juga berkenan supaya imej Mahkamah Syariah di Negeri Selangor ini sentiasa dihormati, dipandang tinggi dan mulia disisi masyarakat, baik Islam atau bukan Islam, yang mana kehakiman yang diberikan itu adalah bukan sahaja mengikut undang-undang Islam, tetapi juga diterima oleh segenap masyarakat."

Dengan cara begini, ianya akan menjadi salah satu sebab yang Agama Islam akan dihormati dan disanjung tinggi. Beta akhiri dengan doa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar undang-undang Mahkamah Syariah di Negeri Selangor ini akan terus dipatuhi dan diberi kepercayaan demi untuk keamanan dan keharmonian umat Islam serta masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Sekian, Wabilahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

Koleksi Terpilih Titah Ucapan
DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM
25 Tahun Pemerintahan
Negeri Selangor Darul Ehsan

MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN GURU KAFA NEGERI SELANGOR DI STADIUM MALAWATI, SHAH ALAM PADA HARI SABTU, 27 APRIL 2013

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, bersyukur Beta ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat bersama-sama dengan rakyat Beta di dalam Majlis Perasmian Konvensyen Guru KAFA Negeri Selangor pada hari ini.

Beta amat gembira kerana dapat merasmikan satu konvensyen yang menaikkan lagi taraf Guru-guru Fardhu Ain di Negeri Selangor selain daripada mengenang jasa Guru-guru KAFA yang telah mendidik umat Islam di Negeri Selangor tentang asas agama Islam. Beta mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu menjayakan konvensyen ini terutama pihak Kementerian Pelajaran yang membantu menyediakan penempatan dan gaji guru-guru serta lain-lain kemudahan. Beta percaya Guru-guru KAFA akan terus berusaha untuk mendidik pelajar-pelajar yang berdedikasi dan berhemah tinggi bagi memartabatkan lagi agama Islam dan Beta juga percaya pelajar-pelajar yang telah dididik oleh Guru-guru KAFA ini akan memelihara seterusnya meninggikan martabat agama Islam di Negeri Selangor dan di Negara Malaysia yang kita kasihi ini. Beta juga difahamkan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini sangat berminat untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar tentang asas Fardhu Ain dan bilangan ini semakin bertambah setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa prestasi dan sistem pembelajaran agama Islam di Negeri Selangor ini semakin mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Orang Melayu dan Islam, untuk memartabatkan maruah agama, bangsa dan negara mestilah menguasai ilmu pengetahuan yang mampan dan mendalam di semua bidang, di samping mempunyai pegangan agama yang kukuh.

Pada hemat Beta, pendidikan Islam yang kukuh akan mampu melahirkan generasi Islam dan bangsa Melayu yang teguh aqidahnya, benar ibadahnya dan sejahtera akhlaknya. Selain dari pelajaran agama Islam, pelajaran ilmu sejarah yang mantap, tepat dan mendalam hendaklah diajar dan diberi pengetahuan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah beraliran agama ini. Ini akan membantu melahirkan murid dan penuntut yang cemerlang di dalam akademiknya dan cintakan agama serta negara (patriotik) dan juga akan mempertahankan kedaulatan negara dalam apa jua cara pun. Oleh itu dengan kekuatan pelajaran agama dan mengetahui dengan mendalam sejarah Negara Malaysia yang kita kasihi, maka generasi muda akan lebih menyayangi dan menghargai keamanan serta tidak menggadaikan maruah agama, bangsa dan negara. Guru-guru di sekolah-sekolah pula perlulah mempunyai rasa tanggungjawab dan dedikasi serta mendidik dengan hati yang jujur dan ikhlas untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan agar murid-murid menjadi rakyat yang berakhlak mulia dan maju serta berjaya dalam hidup. Dalam era globalisasi ini, di mana sumber maklumat dan komunikasi boleh disalurkan ke seluruh pelusuk dunia dengan pantas, Beta berharap pekara-perkara ini haruslah ditekankan juga di dalam matapelajaran Fardhu Ain dan matapelajaran yang berasaskan agama Islam. Guru-guru KAFA juga hendaklah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar agar tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan dunia pada masa ini.

Akhirnya, Beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada JAIS yang terus menjayakan usaha meningkatkan kualiti Pendidikan Islam di Negeri Selangor. Beta akan terus menyokong segala usaha menjadikan Selangor sebagai model pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia.

"Sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini, Beta berkenan agar agama Islam dipelihara dan dipertahankan dari segi dasar dan pelaksanaannya."

Beta berkenan untuk melihat Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi amalan bagi masyarakat Islam di negeri ini. Ini sesuai dengan Islam sebagai agama Persekutuan. Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta dengan sukacitanya merasmikan **Konvensyen Guru KAFA Negeri Selangor.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Koleksi Terpilih
Titah Ucapan
DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM
25 Tahun Pemerintahan
Negeri Selangor Darul Ehsan

TAHUN
2016-2020

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

HARI KEPUTERAAN YANG KE-71
DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2016

Assalamu'alaikum Warahmatuliahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala pujian bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala, Tuhan Pencipta Alam Semesta, Maha Agung lagi Maha Bijaksana. Selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, atas limpahan rahmat-Nya, yang terus mengurniakan kesihatan, serta memanjangkan usia, dapat Beta meraikan hari keputeraan Beta pada tahun ini.

Beta juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, yang terus mengurniakan Negeri Selangor yang dikasihi dengan kemakmuran dan kesejahteraan serta keamanan untuk rakyatnya. Negeri Selangor yang Beta kasihi ini adalah negeri yang termaju di Negara Malaysia, di mana pembangunan infrastruktur dan perkembangan ekonominya adalah satu-satunya yang membanggakan bukan sahaja bagi Beta, tetapi kepada rakyat dan juga warga yang berhijrah ke negeri ini yang mana kemajuan yang dicapai ini bukanlah sesuatu yang diperolehi dengan mudah, ibarat pepatah Melayu:

"Yang pipih datang melayang, yang bulat datang bergolek".

Kemajuan yang dicapai ini, adalah hasil daripada usaha dan kegigihan rakyat dan kesungguhan barisan pemimpin dahulu dan sekarang, dalam merancang, mentadbir dan memacu Negeri Selangor agar terus maju dan sentiasa berdaya saing. Di sini Beta berkenan menyampaikan supaya kejayaan yang dicapai, tidak diambil mudah dan jangan dipersiakan kepercayaan yang diberi oleh rakyat melalui proses demokrasi seperti yang termaktub dalam perlembangan. Beta percaya kemajuan dan kemakmuran yang telah dicapai ini akan dapat berterusan jika semua pemimpin dari semua peringkat, sama ada pemimpin politik, pemimpin masyarakat atau pemimpin agama serta penjawat awam dapat berkerjasama dalam menjalankan tugas dengan penuh jujur dan ikhlas serta telus. Mereka-mereka yang Beta nyatakan ini hendaklah mempunyai etika kerja yang berlandaskan nilai-nilai semasa iaitu dari segi sikap, budaya kerja dan amanah dalam menjalankan tugas yang diberi.

Sejarah telah mengajar kita, bahawa keamanan dan kemakmuran sesebuah negeri atau negara bukanlah sesuatu yang muktamad. Oleh itu, jauhkan unsur-unsur negatif supaya tidak menjadi barah dalam kalangan pemimpin dan pentadbir. Jika dibiarkan mereka-mereka yang "beraja di mata, bersultan di hati" hidup dalam kalangan pemimpin, penjawat awam dan ahli-ahli politik, maka kemakmuran yang dicapai sejak sekian lama ini akan musnah akibat tiadanya sifat amanah dan kejujuran dalam diri. Oleh itu, nasihat Beta kepada barisan kepimpinan negeri dan penjawat awam agar mengambil iktibar daripada sejarah silam yang runtuh kerajaannya disebabkan oleh kepimpinan yang lemah akhlak, lemah iman dan amalan serta gagal membendung amalan rasuah daripada berleluasa.

Beta sangat khuatir bencana akan melanda Negeri Selangor yang dikasihi jika nilai amanah dalam masyarakat semakin menurun, lebih-lebih lagi dalam kalangan pemimpin yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka di samping terlibat dengan penyelewengan dan amalan rasuah yang keji lagi hina. Rasuah juga akan memberi implikasi negatif terhadap barisan kepimpinan di negara ini. Malahan integriti kejujuran dan ketelusan mereka juga akan turut dipersoalkan. Akibatnya, pemimpin dilihat sebagai tiada kredibiliti di mata rakyat. Beta difahamkan, bahawa sejak kebelakangan ini, isu-isu yang melibatkan sensitiviti kaum semakin kerap dibangkitkan oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab yang mempersoalkan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengan agama dan kepercayaan.

"Beta berharap agar isu-isu sensitif yang menyentuh hal-hal agama dan kepercayaan sesuatu kaum haruslah ditangani dengan bijaksana oleh semua pihak bagi mengelak salah faham. Kegagalan untuk menanganinya secara matang, dan berhemah boleh menjejas keharmonian hubungan antara kaum, selain menimbulkan ancaman keselamatan. Rakyat Beta yang dikasihi di Negeri Selangor ini, hendaklah berhati-hati apabila bercakap supaya tidak menimbulkan salah faham dan juga bercakap yang boleh menyakiti hati orang lain. Orang-orang Melayu memang terkenal dengan tatatertib dan budi bahasa, serta sopan santunnya."

Adalah menjadi hasrat Beta, untuk melihatkan institusi agama Islam di Negeri Selangor, terus berkembang dan diperkasakan, yang mana Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diberi tanggungjawab untuk mentadbirkan institusi agama Islam di Negeri Selangor ini.

Beta berkenan supaya tugas-tugas MAIS dan JAIS ini haruslah dihormati dan disanjung dan menyeru agar semua pihak memainkan peranan, bagi memelihara imej dan kredibiliti MAIS dan JAIS agar tidak tercalar dan tercemar akibat campur tangan dan penyalahgunaan kuasa pihak-pihak tertentu, demi kepentingan politik sempit. Penyalahgunaan kuasa ini, bukan sahaja boleh menjejas imej pegawai serta kakitangan MAIS dan JAIS, tetapi akan merendahkan kepercayaan masyarakat, kepada MAIS dan JAIS, sebagai tunjang yang menjaga ummah dan syiar Islam, yang mana MAIS dan JAIS adalah berkecuali dan tidak terikat dengan mana-mana ideologi politik.

Dalam konteks agama Islam, isu-isu yang melibatkan Islam, kini bukan lagi terhad pada hal-hal yang berkaitan akidah, malahan terdapat isu-isu keselamatan yang membabitkan ekstremisme dan ajaran-ajaran yang bertentang dengan kepercayaan ada amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang merupakan tunjang agama bagi masyarakat Islam di negara ini. Pegawai-pegawai MAIS dan JAIS apabila telah diberi kepercayaan, untuk berkhidmat kepada rakyat, mereka-mereka hendaklah mentadbir urus agama dan memakmurkan ummah dan terutama sekali, dalam memikul amanah, serta tidak berpihak-pihak. Janganlah seperti pepatah Melayu:

"Harapkan pagar, pagar makan padi".

Beta menyatakan perkara ini bukanlah sekadar andaian atau sesuatu yang tidak berasas, sebaliknya apa yang diperkatakan merupakan aduan-aduan daripada ketidakpuasan hati dan rintihan rakyat jelata yang disembahkan kepada Beta. Kerajaan Negeri Selangor telah memainkan peranan dalam menjaga kebajikan rakyat Selangor, melalui pelbagai inisiatif sosio-ekonomi. Namun Beta berharap, agar lebih banyak usaha akan dilaksanakan bagi membela nasib rakyat jelata di bandar dan luar bandar, terutama sekali ibu tunggal, rakyat miskin, dan rakyat yang berpendapatan rendah.

Beta sedar bahawa kehidupan rakyat semakin terjejas, kesan daripada kenaikan harga pelbagai bahan keperluan di samping kos sara hidup yang semakin meningkat, akibat permasalahan ekonomi yang menimpa banyak negara dunia. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali. Jika keadaan ini berterusan, Beta khuatir akan wujud jurang yang ketara antara golongan kaya dan golongan miskin seperti yang terjadi di sesetengah negara di dunia. Oleh itu, bantulah sedaya mungkin dan berikan sokongan, untuk meringankan beban rakyat jelata.

Dalam hal hubungan antara kaum, Beta berharap agar rakyat Negeri Selangor yang berbilang kaum, budaya dan agama akan terus bersatu padu hidup dalam suasana harmonis dan mengekalkan keamanan serta kemakmuran dengan semangat muhibah dan perpaduan yang telah lama wujud di Selangor. Dalam masa yang sama, Beta dapat lihat adanya kelompok-kelompok, yang berselindung di sebalik Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO, yang cuba menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat, melalui tindakan-tindakan yang boleh mencetus kacau-bilau, dan menggugat kestabilan dan keselamatan negara. Tindak-tanduk pihak yang tidak disenangi ini, hendaklah dihentikan tanpa sebarang kompromi, demi memberi keyakinan kepada rakyat, pelancong asing dan juga pelabur-pelabur dari luar negara.

Adalah menjadi hasrat Beta, untuk melihat rakyat Selangor yang berbilang kaum ini terus menyemarakkan semangat setia kawan, bertolak ansur serta saling hormat menghormati, khususnya dalam aspek perkauman, keagamaan dan ideologi politik. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, terdapat ruang untuk rakyat menyuarakan pendapat dan memberi pandangan, tanpa perlu melanggar peruntukan undang-undang sedia ada. Oleh itu rakyat haruslah mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang mengancam ketenteraman awam, keharmonian kaum dan keselamatan negara atas apa alasan sekali pun.

Beta berkenan berpesan kepada masyarakat yang datang berhijrah ke Negeri Selangor untuk mencari rezeki agar menghormati tatacara dan budaya rakyat Selangor dan tidak terlibat dalam perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah sosio-budaya di negeri ini. Dalam isu-isu semasa, masalah sosial yang meruncing seperti kegiatan perjudian haram yang berselindung di sebalik perniagaan yang dilihat telus dan terhormat, semakin berleluasa. Penyalahgunaan dadah bukan sahaja masih tidak dapat dibendung dengan berkesan, bahkan menjadi semakin serius, dengan terdapatnya pelbagai jenis dadah sintetik yang lebih merbahaya. Jika perkara ini tidak dibendung, ianya akan menjadi lebih parah dan menular menjadi barah dalam masyarakat.

Disini Beta berasa amat dukacita kerana ramai daripada mereka yang menjadi mangsa judi haram dan penyalahgunaan dadah, terdiri dariapda goiongan belia dan remaja, khususnya anak-anak Melayu beragama Islam. Beta difahamkan bahawa rakyat di negeri ini merasa tidak senang dengan kehadiran warga pendatang asing dari pelbagai negara. Kehadiran mereka bukan sahaja menutup peluang pekerjaan kepada warga tempatan, bahkan ada juga dalam kalangan mereka yang turut bersaing dalam pelbagai jenis perniagaan.

Selain daripada itu, terdapat pendatang warga asing yang terbabit dalam pelbagai sindiket haram termasuklah penipuan wang, perdagangan manusia, penyalahgunaan dadah, pelacuran, penglibatan dalam jenayah dan aktiviti anti-sosial. Terdapat juga pendatang asing ini berkeliaran mengemis di jalanan dan medan-medan selera, meraih simpati daripada pelancong dan rakyat tempatan dengan meminta sedekah. Perbuatan mereka ini akan menjejaskan imej negara, memberi persepsi bahawa terdapat rakyat negara ini yang merempat, seakan-akan golongan miskin di negara ini tidak mendapat pembelaan pihak berwajib.

Beta yakin, semua perkara ini dapat di atasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan berkesan, dan tidak mengambil sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Beta menyeru kepada semua pihak khasnya agensi penguatkuasaan, mengambil berat dalam tugasan dan memainkan peranan yang efektif dalam tugas-tugas mereka. Laksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersemangat agar penguatkuasaan undang-undang dapat diterjemahkan dengan cekap dan berkesan.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta ini, Beta ingin menyentuh tentang alam sekitar di mana didapati sungai-sungai di negeri ini, tidak dijaga dengan baik dan sempurna. Masyarakat hendaklah diajar supaya tidak mencemari sungai-sungai dan membuang sisa-sisa kotoran baik dari rumah mahupun daripada kilang-kilang. Rakyat mestilah sedar bahawa kebersihan air itu adalah penting untuk kegunaan kita seharian. Dengan berlakunya pencemaran air, rakyat akan menerima risikonya. Begitu juga Beta menyeru, supaya penanaman pokok-pokok dilakukan di kawasan rumah dan tempat riadah supaya udara menjadi lebih bersih. Janganlah ditebang pokok-pokok dengan sesuka hati dan menarah bukit bukau hingga mengakibatkan tanah runtuh dan banjir kilat yang akan menyusahkan rakyat.

Sekali lagi Beta percaya dengan adanya penguatkuasaan yang mantap, dapatlah perkara-perkara ini diatasi dengan menangkap mereka yang telah melakukan perkara ini dibawa ke muka pengadilan. Apabila sungai-sungai bersih, dan tumbuh-tumbuhan menghijau, ini bukan sahaja memberi keindahan, tetapi memberi kesihatan kepada rakyat Negeri Selangor.

Beta mengakhiri ucapan Beta ini dengan mengucapkan terima kasih kepada memanda Menteri Besar Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor, juga kepada pasukan keselamatan iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia yang telah dapat menjaga keamanan dan keselamatan Negeri Selangor ini. Beta juga mengucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah dan taat setia, yang telah disampaikan oleh Paduka Adinda Yang Amat Mulia Tengku Indera Setia, Tengku Ahmad Shah. Terima kasih Beta juga kepada rakyat Negeri Selangor yang Beta kasihi ini, di atas ketaatsetiaan kepada Raja dan Negeri Selangor ini.

Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, supaya Negeri Selangor yang dikasihi ini dipelihara dan dirahmati-Nya. Jauh daripada malapetaka dan sentiasa mengurniakan kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat yang berbilang kaum supaya hidup aman, tenteram dan harmoni.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PROGRAM MULTAQA PEGAWAI MASJID DAN SURAU, GURU KAFA DAN GURU TAKMIR NEGERI SELANGOR DI STADIUM MALAWATI, SHAH ALAM PADA 13 MAC 2017 /14 JAMADILAKHIR 1438 H

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdullilah, setinggi-tinggi kesyukuran Beta, ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, yang mencipta sekalian makhluk dan alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta ahli keluarga Baginda, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang telah memartabatkan syiar Islam, ke seluruh alam.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana Beta diberi kesempatan, untuk berangkat hadir, ke Program Multaqa Pegawai Masjid, Dan Surau, Guru KAFA dan Guru Takmir Negeri Selangor 2017 ini. Beta amat sukacita dengan perhimpunan ini yang melibatkan pelbagai peringkat kepimpinan yang bertanggungjawab untuk membantu kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam usaha menyuburkan syiar Islam.

"Masjid, surau dan sekolah-sekolah KAFA, merupakan institusi-institusi Islam yang penting iaitu benteng pertahanan akidah dan jati diri, umat Islam di Negeri Selangor. Melalui masjid, surau dan sekolah agama, ajaran Islam yang suci disebarkan, di kalangan masyarakat, dan generasi baru. Oleh itu JAIS dan MAIS, serta disokong Kerajaan Negeri Selangor perlu secara konsisten mengadakan wacana untuk membincangkan isu-isu yang berhubung dengan kepentingan umat Islam dan institusinya di Negeri Selangor yang dikasihi ini. Beta yakin, dalam alaf baru yang sedang ditempuh ini memberikan cabaran hebat kepada agama Islam yang suci ini. Oleh itu, perhimpunan kita pada hari ini mengajak kepada kita mencari kekuatan, penyatuan dalam menyatupadukan umat Islam."

Dalam usaha mengembangkan syiar Islam dan memberi pengetahuan serta penyatupaduan umat Islam, Kerajaan Negeri Selangor telah membina sebanyak 413 buah masjid dan 2100 buah surau yang telah berdaftar dengan MAIS dan JAIS yang mempunyai seramai 42,200 orang pegawai dan ahli jawatankuasa. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah membina sebanyak 227 buah Sekoah Rendah Agama, 292 buah Sekolah KAFA, 11 buah Sekolah Agama Integrasi dan 4 buah Maahad Tahfiz Sains, serta mempunyai seramai 8,045 orang guru-guru JAIS yang bertugas. Guru-guru ini terutama Guru KAFA mestilah menekankan pembelajaran serta memahami dan mengikuti Mazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah secara berhemah dan tidak terpesong daripada akidah mereka kepada kanak-kanak yang mereka didik dan ajar.

Selain daripada itu, Guru KAFA adalah pendidik yang penting dalam masyarakat Islam dan mestilah mendidik kanak-kanak ini, untuk mempunyai sifat menghormati kepada ibu bapa, guru dan pemimpin-pemimpin serta mempunyai rasa toleransi antara satu sama lain dan mengeratkan silaturrahim sesama Islam. Tetapi juga, mereka hendaklah difahamkan tentang menghormati agama dan bangsa yang bukan Islam, di mana negara kita ini hidup dalam keadaan rakyat yang berbilang kaum. Jika dari sekolah rendah lagi, mereka telah dididik dengan perkara ini, maka Beta yakin negara kita ini akan mempunyai rakyat, yang tahu hidup bertoleransi dan negara kita akan menjadi aman dan harmoni.

"Beta tidak berkenan melihat orang Melayu Islam berpecah belah hingga merosakkan masyarakat Melayu sehingga ketinggalan di dunia ini."

"Beta difahamkan 42,200 orang Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau telah dilantik oleh MAIS. Mereka memainkan peranan yang penting dalam mentadbir masjid dan surau supaya dapat berfungsi dengan baik dan sempurna sebagai satu tempat bukan sahaja untuk beribadat tetapi juga untuk menyatu padukan umat Islam."

"Seperti yang Beta pernah sarankan dalam ucapan Beta yang lalu, Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau mestilah menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur, telus dan amanah. Janganlah berpuak-puak hingga masjid menjadi satu arena tempat mereka cuba menumbangkan antara satu sama lain untuk kepentingan sendiri. Perancangan yang teratur dan bermuafakat, akan menjadikan masjid dimana umat Islam, akan berkumpul dan menguatkan silatulrahim."

Pegawai-pegawai Masjid hendaklah berwaspada terhadap penceramah yang tidak bertauliah kerana dikhuatiri akan menyelewengkan perkara-perkara yang disampaikan kepada jemaah umpamanya ajaran sesat. Pegawai-pegawai Masjid hendaklah memastikan masjid tidak dijadikan tempat untuk berpolitik dan memantau serta menjaga kebersihan masjid dengan sempurna untuk keselesaan para jemaah. Beta mahukan masjid bukan sahaja dikunjungi warga emas tetapi mestilah menarik generasi muda untuk menyertai program kebajikan dan beramal ibadat.

Disini Beta mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah membantu Kerajan Negeri Selangor untuk membayar elaun imam-imam masjid kariah serta sumbangan khas kepada bilal dan siak masjid kariah. Begitu juga Beta berterima kasih kepada JAKIM diatas sumbangan bayaran untuk Guru-guru Takmir, Guru KAFA dan Penyelaras Takmir Masjid. Terima kasih juga Beta kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memperuntukkan Belanjawan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2017 dimana dari jumlah tersebut telah diperuntukkan untuk bayaran elaun Guru KAFA.

Beta akhiri titah ucapan Beta ini, dengan doa agar jalinan dan hubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan terus dapat dipertingkatkan, khususnya dalam hal ehwal agama Islam. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan merahmati dan memberkati segala usaha murni yang dicurahkan. Beta juga berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor yang dikasihi ini dilindungi dari segala mara bahaya, dan rakyat yang berbilang kaum hidup aman dan harmoni, serta makmur dan sejahtera. Insyaallah.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID PERODUA DI MASJID PERODUA, SUNGAI CHOH, RAWANG PADA HARI JUMAAT, 12 MEI 2017

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita, Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, terlebih dahulu di kesempatan ini, Beta ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Syarikat Perodua, kerana telah berjaya membina sebuah masjid untuk kegunaan kakitangan, dan juga penduduk dipersekitarannya. Beta juga difahamkan yang masjid ini sudah beroperasi hampir lapan bulan dan menyediakan pelbagai kemudahan selain daripada kegunaan bersolat.

Beta merasa sukacita kerana Syarikat Perodua sebagai sebuah syarikat jenama automotif tempatan, telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan aktiviti tanggungjawab korporatnya. Aktiviti seperti ini sangat penting, kerana ia menunjukkan bahawa entiti korporat, seperti Syarikat Perodua bukan sekadar mengejar keuntungan tetapi juga ingin menyumbang kembali kepada rakyat yang memberi sokongan padu kepadanya. Apatah lagi, sumbangan ini memberikan fokus memperlihatkan agama Islam sebagai cara hidup.

Pembinaan masjid oleh Syarikat Perodua ini merupakan contoh terbaik kerana ini mencerminkan satu tindakan yang dapat dimanfaatkan, secara berterusan oleh seluruh umat Islam di kawasan ini. Pembinaannya juga boleh memupuk rasa tanggungjawab semua untuk memakmurkan masjid ini dan menjadikan ia pusat aktiviti komuniti setempat.

Beta berkenan, agar semua yang terlibat, sama ada Perodua, JAIS, Majlis Daerah dan yang lain-lain, memainkan peranan masing-masing di dalam memastikan, keperluan jemaah di kawasan ini, dipelihara, dipupuk dan diuruskan dengan baik. Bagi kakitangan Syarikat Perodua dan penduduk setempat pula, Beta berkenan, supaya mengambil tanggungjawab dalam memastikan masjid ini sentiasa dikunjungi sama ada untuk mendirikan solat lima waktu ataupun di dalam majlis mencari ilmu.

Peranan pegawai-pegawai agama, dan juga pegawai-pegawai masjid, amatlah penting dalam memastikan, aqidah umat Islam terjaga, daripada ajaran-ajaran sesat dan supaya kita teguh dibawah ajaran Islam, yang sebenar iaitu Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Beta mendapat maklumat bahawa ada lebih kurang lima belas (15) kumpulan ajaran sesat yang masih aktif di dalam Negeri Selangor ini. Beta berharap umat Islam sekalian tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat ini dan menguatkan hati dan iman, terhadap ajaran Ahlus Sunnah Wal Jama'ah yang sebenar. Senarai ajaran sesat yang masih aktif di Negeri Selangor ini, boleh diperolehi dari Jabatan Mufti Negeri Selangor atau Jabatan Agama Islam Selangor.

Beta sedar bahawa walaupun seindah mana sesebuah masjid itu, ianya tidak akan bermakna tanpa dikunjungi oleh para jemaah untuk memakmurkannya. Maka Beta menyeru agar umat Islam menggunakan kesempatan ini untuk merapatkan silaturahim, di antara satu sama lain serta mengukuhkan persaudaraan sesama Islam. Bagi memantapkan keadaan ini, marilah bersama-sama membetulkan niat kita dan berusaha dengan penuh keikhlasan dalam memerangi kemiskinan dan masalah sosial di sekeliling kita. Jika kita bersatu kerana Allah, maka Allah akan memudahkan usaha kita.

"Semua umat Islam di kariah ini hendaklah mempergunakan kemudahan yang telah disediakan ini, untuk berbincang, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat membangkitkan umat Islam, sebagai umat yang terbaik. Semoga masjid akan terus dipandang mulia sebagai simbol perpaduan dan kekuatan umat Islam di dunia ini."

Masjid adalah tempat bagi seluruh umat Islam beribadat tanpa mengira pangkat, darjat, jantina atau umur seseorang. Namun begitu, dalam usaha-usaha kita untuk beribadat, serta mendapatkan pahala, janganlah kita menyalahgunakan masjid, untuk kepentingan diri sendiri, terutama dalam hal-hal keduniaan. Beta tidak berkenan sekiranya terdapat, sesiapapun menggunakan masjid untuk berpolitik, mengadakan ceramah-ceramah yang tidak berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan, serta mempengaruhi umat Islam ke arah sesuatu yang meragukan atau menyesatkan."

"Di Negeri Selangor ini, Beta telah menitahkan supaya, masjid-masjid dan surau-surau hendaklah didaftarkan dan diletakkan di bawah pengawasan JAIS walaupun ianya dibina oleh individu. Perkara ini adalah untuk mengelakkan, penyalahgunaan masjid dan juga penyelewengan dana serta pengembangan ajaran-ajaran sesat."

"Oleh yang demikian, selepas penyerahan sesebuah masjid atau surau kepada pihak JAIS, Beta berkenan semua ahli jawatankuasa masjid atau surau tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS agar kesucian agama Islam di Negeri Selangor ini terus terpelihara dari perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan atau mengelirukan umat Islam."

Di kesempatan ini, Beta menyeru kepada pihak swasta ataupun individu yang berkemampuan mengikuti inisiatif pihak Syarikat Perodua ini, untuk membina masjid atau sekolah atau mewakafkan sebahagian daripada harta mereka melalui Perbadanan Wakaf Negeri Selangor untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Islam, supaya mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta menyeru kepada umat Islam Melayu supaya sentiasa bersatu padu, tolong-menolong dan jangan bertelagah, berselisih faham, serta menfitnah antara satu sama lain. Sekiranya umat Islam Melayu sentiasa berpecah belah, maka tiada siapa yang akan untung tetapi umat Melayu Islam sendiri yang akan rugi, mundur dan ketinggalan dari segi kemajuan.

Kepada Pengerusi Syarikat Perodua, Tan Sri Asmat Kamaluddin dan keseluruhan warga Syarikat Perodua, Beta mengucapkan syabas terhadap segala usaha yang telah dijalankan oleh pihak Syarikat Perodua untuk membangunkan masjid ini serta usaha syarikat untuk memajukan kawasan persekitarannya.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Syarikat Perodua di atas usaha dan sumbangan yang amat bermakna ini. Semoga Syarikat Perodua terus maju lagi demi agama, bangsa dan negara.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan masjid ini dengan nama **Masjid Perodua.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT DAN MAJLIS PERASMIAN MASJID AN NUR TEMASYA GLENMARIE PADA 2 JUN 2017 / 7 RAMADHAN 1438 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, pada petang ini Beta dapat bersama-sama rakyat Beta di Majlis Berbuka Puasa bagi tahun 1438 Hijrah serta perasmian masjid di Temasya Glenmarie, daerah Petaling.

Beta berharap dengan majlis yang dianjurkan setiap tahun ini akan berupaya meningkatkan kesedaran dikalangan umat Islam tentang betapa pentingnya tali persaudaraan di antara kita dan seterusnya menambahkan rasa kecintaan kita terhadap masjid yang menjadi lambang dan keagungan agama Islam.

Beta difahamkan pembinaan masjid ini adalah hasil daripada sumbangan wakaf daripada beberapa syarikat termasuk Perbadanan Wakaf Selangor dan juga orang ramai. Beta amat terharu dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan sehingga terbinanya masjid yang indah ini. Ini telah membuktikan bahawa dengan semangat kerjasama dan toleransi antara satu sama lain, kejayaan yang cemerlang akan kita capai. Beta berkenan semangat kerjasama ini dijadikan teladan kepada seluruh umat Islam untuk terus membangunkan dan memajukan lagi syiar Islam di Negeri Selangor ini.

Seharusnya kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan lindungan-Nya Negeri Selangor ini terus kekal aman dan makmur sebagai mana yang kita nikmati sekarang ini. Oleh itu, keamanan dan kemakmuran yang dikecapi ini, janganlah disia-siakan dengan anasir-anasir negatif yang boleh membawa kepada ketidakselesaan dan perpecahan. Sebaliknya kita harus sentiasa berusaha dan berazam untuk terus mengekalkan keamanan dan kemakmuran yang ada pada hari ini. Kita harus sedar dan mengambil iktibar bahawa pada masa sekarang ini di beberapa negara Islam di luar sana yang bergaduh sesama sendiri dan telah hilang nikmat keamanan.

"Beta ingin mengingatkan rakyat dan masyarakat di segenap lapisan agar sentiasa berwaspada, berhati-hati dan peka terhadap kemunculan gejala yang tidak sihat yang cuba dicetuskan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab dan cuba untuk mengubah landskap kehidupan rakyat yang harmoni dan aman damai di negeri ini. Penyebaran ajaran sesat dan fahaman yang jauh menyimpang dari ajaran agama Islam yang sebenar akan mengelirukan rakyat dan boleh membawa keadaan huru-hara jika tidak dibendung. Beta difahamkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor, terdapat lima belas (15) kumpulan ajaran agama sesat yang masih aktif di Negeri Selangor ini yang perlu diambil tindakan dengan serius oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Beta menitahkan supaya imam-imam, ahli jawatankuasa masjid serta masyarakat hendaklah juga bertanggungjawab melaporkan kepada pihak yang berwajib sekiranya mendapati ada aktiviti dan ajaran yang meragukan di tempat mereka. Janganlah hanya mengharapkan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sahaja untuk membendung ajaran sesat ini."

Beta juga berkenan supaya golongan imam, ahli-ahli jawatankuasa masjid serta ahli-ahli ilmuwan agama Islam supaya terus memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada rakyat jelata, terutama golongan muda tentang ajaran Islam yang sebenarnya serta kepentingan memelihara ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah agar umat Islam di Negeri Selangor ini sentiasa berada di landasan yang benar dan tidak terjerumus ke lembah kesesatan atau terlibat dengan keganasan yang ekstrimis seperti ISIS dan Daeish. Beta berkenan supaya segala jenis pendekatan digunakan untuk tujuan pendidikan ini, termasuk penggunaan media elektronik atau media cetak dan ianya hendaklah merangkumi seluruh peringkat umur dan latar belakang rakyat.

Masjid merupakan lambang keagungan Islam dan sebagai tempat suci yang menghubungkan antara hamba dan penciptaNya. Masjid juga berperanan sebagai salah satu tempat untuk menyatupadukan umat Islam. Oleh yang demikian ahli-ahli jawatankuasa masjid hendaklah sentiasa dapat bekerja dengan penuh dedikasi, jujur dan ikhlas serta memastikan bahawa semua peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Selangor ini agar sentiasa dipatuhi. Setiap penceramah atau pensyarah dari luar hendaklah dirujuk kepada pihak JAIS bagi memastikan bahawa mereka ini benar-benar layak serta mengamalkan amalan yang selari dengan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Beta sangat dukacita dengan peristiwa yang berlaku baru-baru ini di Masjid An-Nur, Kampung Melayu Subang, di mana Ahli Parlimen Kawasan Subang, Sivarasa telah berucap di dalam dewan solat masjid tersebut, sedangkan Beta telah banyak kali mengingatkan supaya masjid jangan dijadikan tempat untuk berpolitik sama ada oleh orang Islam sendiri atau orang yang bukan beragama Islam. Beta tidak membenarkan ahli politik berceramah atau berucap di dalam masjid adalah kerana Beta tidak mahu ianya menjadi punca kepada perpecahan umat Islam. Namun teguran Beta nampaknya tidak diendahkan dan Beta ingin menegaskan - Ahli Parlimen Subang Sivarasa,

"You have cross the line!"

Jikalau Ahli Parlimen Subang itu hendak berucap lapan jam atau sepuluh jam di luar dari kawasan masjid, Beta tidak menghalangnya, itu semua terserah kepada rakyat sama ada mahu mendengar ataupun tidak, tetapi jangan samasekali berucap di dalam masjid dan di dalam kawasan masjid.

Nazir masjid, imam dan ahli jawatankuasa masjid sepatutnya lebih peka dan mengambil berat terhadap titah Beta dan tidak membenarkan sama sekali masjid dijadikan sebagai tempat untuk berpolitik. Beta mahu masjid dan surau digunakan untuk tempat beribadat dan tempat untuk kita menuntut ilmu agama serta dijadikan tempat untuk mengeratkan silaturrahim sesama umat Islam supaya tidak berpecah-belah dan berpuak-puak.

"Beta memberi kuasa kepada nazir, imam dan ahli-ahli jawatankuasa masjid untuk menjaga rumah Allah dan kemuliaan masjid. Maka gunakanlah kuasa ini dengan sebaik-baiknya. Jikalau ada di antara nazir, imam atau ahli jawatankuasa masjid yang hendak aktif berpolitik di masjid, Beta titahkan supaya berhenti daripada menjadi nazir, imam atau ahli jawatankuasa masjid dan serahkan tanggungjawab tersebut kepada orang lain. Beta tidak teragak-agak untuk

menitahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) supaya menamatkan perkhidmatan nazir, imam dan ahli jawatankuasa masjid yang melanggar dan tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Di dalam kes Masjid An-Nur Kampung Melayu Subang ini, Beta mahu supaya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyiasat perkara ini dengan terperinci dan sekiranya didapati ada bukti yang Ahli Jawatankuasa Masjid ini melanggar peraturan yang sedia ada, tindakan selanjutnya hendaklah diambil terhadap mereka selepas bulan Ramadhan."

"Selain daripada itu, Beta juga menitahkan supaya ahli-ahli jawatankuasa masjid sentiasa mengambil berat tentang kebersihan masjid terutama di dewan solat, tempat wuduk dan juga tandas-tandas. Kebersihan setiap kawasan di masjid ini hendaklah terus diselenggara dan dipelihara pada setiap waktu. Ini semua adalah bagi menarik lebih ramai jemaah datang ke masjid untuk beribadat dan dapat merasakan keselesaan serta dapat beribadat dengan lebih khusyuk."

Di kesempatan ini, Beta ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada seluruh rakyat Beta yang beragama Islam. Di hari yang mulia dan bulan yang baik ini, Beta berkenan supaya orang-orang Melayu merenung dan memikirkan dengan sedalam-dalamnya untuk bersatu padu mempertahankan agama Islam dan kedudukan orang-orang Melayu di tanah air tempat tumpah darah kita yang di kasihi ini. Janganlah saling fitnah-memfitnah dan mengadu domba antara satu sama lain, terutamanya di musim menjelang pilihan raya umum yang akan tiba tidak lama lagi. Sesungguhnya bulan Ramadhan adalah masa yang sesuai untuk kita melakukan ibadat dan kebaikan bagi memperoleh keberkatan daripada Allah Subahanahu Wa Ta'ala.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada Syarikat I & P Group, DRB Hicom Berhad, UDA Holdings Berhad, khidmat amal jariah daripada semua perunding-perunding profesional yang memberi khidmat percuma dan wakaf persendirian daripada ahli-ahli kariah setempat serta sumbangan orang ramai melalui Tabung Wakaf Khas yang telah mewakafkan dana mereka ke jalan yang diredhai Allah ini. Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Wakaf Selangor melalui sumbangan Fi Sabilillah Tabung Wakaf Am menyelaraskan pembinaan masjid ini sehingga siap. Tidak lupa juga Beta mengucapkan penghargaan kepada Permodalan Nasional Berhad kerana menunaikan zakat perniagaan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Tujuh Juta (RM27 Juta) kepada Lembaga Zakat Selangor.

Sebagai mengakhiri titah ucapan Beta ini, marilah kita sama-sama memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala semoga kita semua sentiasa mendapat pertolongan dan berada di dalam pemeliharaan serta barakah Allah yang berterusan. Semoga negeri ini terus berada di dalam kemakmuran, dilindungi dari apa jua bentuk bala bencana, huru-hara dan perkara yang tidak diingini.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan Masjid ini dengan nama **Masjid An Nur, Temasya Glenmarie.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID AL-ILMI, KAMPUNG DATO' AHMAD RAZALI, DENGKIL, PADA 20 JUN 2017 / 25 RAMADHAN 1438 H (SELASA)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian masjid dan berbuka puasa dengan rakyat Beta di kawasan Dengkil ini.

Hari ini adalah merupakan program terakhir perasmian masjid yang telah diatur sempena Program Ramadhan Tahun 1438 Hijrah. Di bulan Ramadhan yang mulia tahun ini, sebanyak 11 buah masjid telah dapat Beta rasmikan di Negeri Selangor. Alhamdulillah pada malam ini kita telah berada pada 25 Ramadhan, dan Beta berharap supaya kita dapat terus beramal, dan beribadah dengan bersungguh-sungguh. Mudah-mudahan Allah menerima segala amalan dan ibadat kita sebagai bekalan di akhirat nanti.

Pada bulan Ramadhan yang mulia ini, Beta mengambil kesempatan menyeru kepada semua umat Islam agar merenung sedalam-dalamnya serta menginsafi akan nasib orang Melayu Islam pada masa hadapan jika terus saling bertelingkah antara satu sama lain dan tidak cuba diatasi. Beta amat bimbang dan merasa khuatir serta dukacita kerana melihat orang Melayu beragama Islam, tidak bersatu lagi dan bertelagah antara satu dengan lain yang akan merugikan orang Melayu Islam sendiri. Beta sangat dukacita kerana pada masa sekarang ini budaya fitnah menfitnah sedang berleluasa. Fitnah adalah perkara yang bertujuan memburukkan seseorang, dengan menuduhnya melakukan perkara tidak baik, tanpa bukti yang kukuh dan sahih. la akan menyebabkan timbul salah faham dan pergaduhan serta perpecahan di kalangan umat Islam Melayu.

Di dalam arus permodenan masa kini, media-media sosial memainkan peranan utama dalam penyebaran berita yang tidak terhad, dari segenap sudut. Berita-berita palsu yang sengaja diada-adakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, juga mudah tersebar luas dan mempengaruhi orang ramai untuk mempercayai dan bertindak balas. Beta menasihatkan agar umat Islam, tidak terpengaruh dengan budaya fitnah menfitnah ini, dan meneliti sesuatu berita atau isu dengan mendalam sebelum memberi reaksi agar keharmonian dan keamanan akan terus terpelihara. Gejala fitnah ini, sekiranya tidak dibendung, ianya akan merosakkan masyarakat, dan meruntuhkan sesebuah negara.

Satu perkara lagi yang membimbangkan Beta, ialah orang Melayu Islam sekarang ini, telah dipengaruhi dengan fahaman, iaitu jalan yang mudah untuk masuk ke syurga, adalah melalui jihad. Umat Islam yang terpengaruh, dengan istilah ini, mengambil jalan singkat, untuk masuk ke syurga, dengan menyertai aktiviti keganasan seperti ISIS dan DAESH, berjuang di negara orang lain, membunuh mereka yang tidak bersalah, semata-mata kerana mereka menganggap ia nya adalah Jihad untuk masuk ke syurga. Beta tidak berkenan, trend sebegini mempengaruhi umat Islam di Negeri Selangor. Beta percaya umat Islam Negeri Selangor boleh berfikir secara matang, dan tidak terpengaruh dengan pemikiran yang menyokong aktiviti keganasan,yang akhirnya akan mengorbankan diri sendiri serta menganiaya orang yang tidak bersalah. Beta merasa kecewa ada di antara umat Islam yang sanggup meninggalkan saudara dan keluarga, semata-mata untuk menyertai aktiviti keganasan di luar negara dan lebih teruk lagi, mereka ini mempengaruhi umat Islam di Malaysia untuk menyertai mereka dalam perjuangan yang sia-sia ini.

"Sehubungan dengan itu, Beta menyeru supaya umat Islam di Negeri Selangor ini agar menjauhi ajaran agama Islam yang ekstrim atau melampau. Tuntutlah ilmu agama Islam dari guru-guru yang bertauliah supaya umat Islam tidak sesat dan terpengaruh dengan ajaran yang ekstrim yang menyokong keganasan. Beta menyarankan agar umat Islam, mendalami ilmu agama Islam Ahlus Sunnah Wal Jamaah."

"Ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah telah lama diamalkan, oleh umat islam di negara ini, sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu beberapa kurun yang lalu. Umat Islam haruslah mendalami ajaran Ahlus Sunah Wal Jamaah yang betul, dan bukan ajaran yang ditokok tambah atau diubah suai. Jangan sesekali terpengaruh dengan ajaran sesat, yang disebarkan di Negeri Selangor ini."

Beta berharap agar orang-orang Islam terutama sekali bangsa Melayu akan terus bersatu padu, menguatkan semangat persaudaraan yang tidak berbelah bagi demi untuk kemajuan dan kesejahteraan agar tidak terpinggir di bumi sendiri. Beta tidak mahu melihat umat Islam bangsa Melayu, musnah akibat dari perbuatan bangsa Melayu sendiri yang suka berbalah, hasad dengki dan saing mengkhianati antara satu sama lain. Beta berkenan melihat bangsa Melayu bersatu menghadapi cabaran membantu antara satu sama lain dan berlumba-lumba membuat kebajikan terutama kepada bangsa Melayu sendiri. Pada hemat Beta begitulah cara yang terbaik untuk bangsa Melayu umat Islam bersatu dan terus maju ke hadapan.

"Demi kemajuan dan kesejahteraan umat Islam di Negeri Selangor ini, Beta berkenan supaya ahli-ahli perniagaan Islam yang membuat urus niaga dan melabur di Negeri Selangor ini perlu membayar zakat harta mereka kepada Lembaga Zakat Negeri Selangor."

"Ini adalah kerana para ulamak telah bersependapat bahawa zakat harta atau zakat perniagaan, mesti dikeluarkan di negeri di mana harta itu diusahakan, samada hasil kilang, kebun, rumah sewa atau lain-lain. Oleh itu, ahli-ahli perniagaan Islam yang memperolehi harta dan keuntungan di Negeri Selangor tetapi membayar zakat perniagaannya di negeri lain semata-mata untuk mendapatkan popularity adalah melanggar peraturan zakat harta. Meraka ini harus malu dengan rakyat dan Negeri Selangor yang telah memberikan kejayaan dan keuntungan kepada mereka."

Beta berkenan supaya seluruh umat Islam untuk mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana limpah dan kurnia-Nya, kita masih dapat meneruskan aktiviti harian di bulan yang mulia ini untuk kita beribadah dan juga mendidik kita ke arah menjadi manusia yang lebih menghargai segala apa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Umat Islam di Negeri Selangor ini, seharusnya menginsafi bahawa kita amat beruntung kerana berada di negeri yang aman dan makmur, tidak berlaku kebuluran dan kesengsaraan. Kita bebas untuk bergerak, ke mana-mana tanpa rasa takut dan terancam.

Di kesempatan ini juga, Beta ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), serta seluruh agensi-agensi yang berkaitan dan individu yang terlibat, dalam melaksanakan tugas menjayakan Program Bulan Ramadhan Tahun 1438 Hijrah ini dengan dedikasi dan penuh tanggungjawab, jujur semasa bertugas, dan sentiasa beringat, bahawa mereka diamanahkan, untuk menjaga kedudukan, kepentingan dan kemuliaan agama Islam di Negeri Selangor ini.

Akhirnya, Beta mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan selamat menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang tidak berapa lama lagi kepada seluruh rakyat Negeri Selangor dan Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor ini akan terus dilimpahi rahmat dan rakyatnya akan terus hidup di dalam keadaan aman dan damai serta maju jaya.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan masjid ini dengan namanya **Masjid Al-Ilmi Kampung Dato' Ahmad Razali, Dengkil.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

ISTIADAT PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI SESI 2018-2020 DAN MAJLIS SANTAPAN TENGAH HARI BERSAMA IMAM MASJID-MASJID DIRAJA DAN MASJID-MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR DI ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA HARI RABU, 13 DISEMBER 2017

Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismilahirahmanirrahim.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dapat bersama-sama para hadirin sekalian di Majlis Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi tempoh tiga tahun, mulai tarikh 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020 dan majlis makan tengah hari bersama imam-imam seluruh Negeri Selangor pada pagi ini.

Pada pagi yang penuh bermakna ini marilah kita semua bersama-sama mengangkat tangan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya Negeri Selangor yang kita kasihi ini dirahmati dan dilindungi daripada apa-apa malapetaka dan musibah supaya rakyatnya yang berbilang kaum dapat hidup dalam aman makmur dan harmoni, manakala agama Islam sebagai agama negeri akan terus dihormati dan dipandang mulia di Negeri Selangor ini.

"Beta mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli MAIS yang telah dilantik semula dan Ahli-Ahli MAIS yang baru dilantik untuk menganggotai badan penasihat Agama Islam kepada Beta. Suka Beta mengingatkan semua Ahli-Ahli MAIS yang dilantik ini agar menjalankan tugas mereka dengan penuh amanah, telus, cekap dan berintegriti."

"Beta sedia maklum bahawa Ahli-Ahli MAIS inil adalah terdiri daripada golongan profesional yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan kebijaksanaan di dalam bidang masing-masing. Ahli-Ahli MAIS yang dilantik mempunyai peranan yang amat penting mengikut kepakaran masing-masing dalam memacu hala tuju pembangunan syiar Islam di Negeri Selangor ini agar mencapai satu tahap kecemerlangan yang tinggi."

"Justeru itu, Beta mahu setiap Ahli-Ahli MAIS berusaha keras bagi mengembangkan syiar Islam di samping tidak mengenepikan pembangunan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor ini. Beta mahu Majlis Agama Islam Selangor ini menjadi sebagai satu institusi agama Islam yang berwibawa dan dihormati serta menjadi contoh kepada institusi agama lain di negara ini."

Menyentuh soal pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor dan jabatan-jabatan di bawahnya, Beta difahamkan terdapat pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang ditempatkan di Jabatan Agama Islam Selangor, sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor, Jabatan Mufti Selangor serta jabatan-jabatan agama lain di Selangor. Apa yang ingin Beta tegaskan di sini adalah setiap pegawai Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Selangor ini perlulah mengikuti apa juga dasar, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Selangor. Mereka juga perlu memberikan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, kepada Beta selaku Ketua Agama Islam di negeri ini sepanjang perkhidmatan mereka di Selangor ini walaupun menerima gaji dan elaun daripada Kerajaan Persekutuan.

Perlu juga Beta tegaskan kepada semua yang hadir bahawa undang-undang telah memperuntukkan bahawa segala yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor ini adalah terletak sepenuhnya di bawah kuasa dan pertimbangan Beta. Justeru segala dasar dan peraturan yang ditetapkan di Negeri Selangor ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Beta ingin mengingatkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang bertindak sebagai badan agama di peringkat Persekutuan hanya berfungsi selaku agensi pusat yang berperanan untuk menyelaras perkara yang berkaitan agama Islam antara negeri-negeri di Negara ini. Setiap satu dasar, berkaitan dengan agama Islam, dari pihak JAKIM sebagai contohnya isu-isu berkaitan dengan pensijilan halal, zakat, pemakaian sesuatu fatwa, wakaf dan sebagainya yang ingin dilaksanakan di Negeri Selangor perlulah merujuk kepada Majlis Agama Islam Selangor terlebih dahulu sebagai badan penasihat agama Islam kepada Beta sebelum perkara ini diangkat kepada Beta untuk dilulus dan dilaksanakan.

Kepada imam-imam dan pegawai-pegawai agama di masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Selangor ini Beta menyeru agar sentiasa mempertahankan kesucian serta ajaran Agama Islam dan memastikan tiada di kalangan tuan-tuan yang terlibat atau mengajak umat Islam mengikuti fahaman ekstremis mahupun liberalisme. Beta pernah dimaklumkan bahawa terdapat golongan tertentu di kalangan umat Islam yang telah terpesong dengan ajaran Islam sebenar sehingga menganggap pembunuhan yang dilakukan terhadap sesama manusia adalah satu jihad yang dituntut oleh Allah. Fahaman dan ikutan sebegini amat merbahaya jika dibiarkan menular di kalangan umat Islam kerana ini boleh menyebabkan pembunuhan sesama umat Islam dan perpecahan umat Islam seperti yang berlaku di beberapa buah Negara Teluk kebelakangan ini. Oleh itu, Beta mahu imam-imam dan pegawai-pegawai agama untuk sentiasa memantau kegiatan ektrimis ini agar ianya tidak berlaku dan bertapak di Negeri Selangor.

"Untuk tujuan itu juga Beta menyeru semua imam-imam dan pegawai-pegawai masjid untuk memastikan penceramah dan ustaz-ustaz yang memberi ceramah di masjid-masjid dan surau di dalam Negeri Selangor ini mendapat tauliah yang sewajarnya sebelum dibenarkan mereka untuk berceramah. Ceramah-ceramah mereka juga perlu dipantau agar tidak menyeleweng dari ajaran Islam sebenar dan mengelirukan masyarakat Islam. Perkara ini telah selalu Beta tegaskan sebelum daripada ini namun masih terdapat Imam-imam

dan pihak Nazir masjid yang masih ingkar, dan tidak mematuhi titah Beta hingga menyebabkan berlaku ajaran-ajaran dan ceramah-ceramah yang mengelirukan masyarakat Islam berlaku di masjid-masjid dan surau di negeri ini. MAIS dan JAIS sebagai badan agama tertinggi di Selangor, perlu sentiasa tegas di dalam mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang melanggar titah Beta dan melanggar segala peraturan yang telah ditetapkan."

Di samping itu, Beta menyeru kepada semua imam sebagai peneraju utama agama Islam di Selangor untuk memupuk semangat kerjasama yang tinggi semasa melaksanakan tugas tanpa ada perasaan cemburu dan hasad dengki antara satu sama lain. Perasaan hasad dengki antara satu sama lain ini memang sudah lama bertapak di dalam budaya kehidupan orang Melayu Islam di negara ini,yang mana menjadi punca kenapa umat Melayu Islam sering ketinggalan di dalam semua aspek kehidupan. Dengan kedatangan tahun baru 2018 ini, adalah diharapkan tuan-tuan semua menanam azam baru yang boleh membawa satu perubahan drastik terhadap sikap dan cara kerja kita selama ini bagi melancarkan pembangunan syiar suci Islam, dan melakar kejayaan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Selangor ini.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta ini Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis Agama Islam Selangor yang telah berkhidmat dan memberikan sumbangan kepada pembangunan Agama Islam di Negeri Selangor ini sepanjang tempoh lantikan mereka. Beta ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Yang Amat Dihormati Dato' Setia Adzib, Yang Amat Dihormati Dato' Setia Abdul Halim dan Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Sidek bin Baba di atas sumbangan mereka yang besar dan tidak ternilai kepada pembangunan agama Islam di Selangor ini dan atas perkhidmatan mereka kepada Beta.

Beta berdoa supaya Negeri Selangor ini akan kekal menjadi sebagai negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain di dalam segala aspek khususnya pembangunan umat Islam. Beta berharap rakyat Selangor akan dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta kekal maju dan berdaya saing di samping mendapat perlindungan daripada Allah Subhahanahu Wa Ta'ala.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ISTIADAT PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI SESI 2018-2020 DAN MAJLIS SANTAPAN TENGAH HARI BERSAMA IMAM MASJID-MASJID DIRAJA DAN MASJID-MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR DI ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA HARI RABU, 13 DISEMBER 2017

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN DEWAN SYARAHAN DAN MUZAKARAH ISLAM, SHAH ALAM DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM PADA 16 MAC 2018 / 28 JAMADILAKHIR 1439 H (JUMAAT)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat hadir ke majlis perasmian Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di Shah Alam.

"Beta menyeru kepada seluruh umat Islam agar terus memakmurkan dan memeriahkan masjid-masjid supaya ianya menjadi satu tempat yang mulia dikunjungi untuk beribadat dan mengadakan majlis-majlis ilmu serta acara-acara yang bersesuaian."

Pada hari ini, Beta merasa sukacita kerana Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ini telah mempunyai sebuah dewan khas yang canggih untuk majlis-majlis ilmu yang merupakan satu kemudahan yang baik bagi umat Islam di Negeri Selangor. Ini adalah satu kemajuan yang patut dicontohi di mana majlis-majlis ilmu akan dapat diadakan dengan lancar tanpa mengganggu jemaah untuk beribadat di dalam masjid terutamanya di dalam Dewan Solat Utama. Majlis ilmu, syarahan dan muzakarah adalah amat penting untuk memberi maklumat, penerangan dan huraian tentang sesuatu isu atau masalah dengan lebih tepat dan berkesan kepada masyarakat.

Di zaman yang serba moden dan canggih ini, terdapat alatan atau *"gajet"* yang boleh memaparkan berita-berita dari media sosial yang sering ditonton oleh masyarakat untuk mendapatkan apa juga maklumat dan berita terkini melalui internet. Kemudahan ini sepatutnya digunakan dengan baik dan positif. Malangnya, internet kini digunakan untuk menyebarkan maklumat-maklumat tidak benar dan berita-berita palsu atau *"fake news"*. Disebabkan maklumat yang disalurkan melalui internet kebanyakannya tidak ditapis, ada pihak tidak bertanggungjawab yang menyalahgunakannya untuk kepentingan sendiri tanpa memikirkan kesan buruk yang boleh berlaku.

Beta amat dukacita apabila membaca sendiri berita-berita palsu dari internet ini yang ternyata bercanggah dengan fakta sebenar. Lebih membimbangkan, ramai pula yang percaya kepada berita-berita palsu ini lantas menyebarkannya kepada orang lain tanpa memeriksa kesahihan sesuatu berita itu. Suasana kini semakin mencabar apabila berita atau maklumat palsu itu ditulis secara kemas dan menarik serta mengandungi unsur-unsur logik yang disebarkan secara aktif melalui portal berita atau laman media sosial, sehingga ia dapat meyakinkan dan mempengaruhi masyarakat. Ia kemudian dikongsi dan diviralkan secara meluas. Jika keadaan ini berterusan dalam masyarakat, Beta bimbang rakyat akan terdedah kepada perpecahan sehingga boleh menghancurkan negara.

Beta juga berasa amat dukacita apabila melihat penyebaran berita-berita palsu ini telah turut mendorong gejala fitnah semakin berleluasa. Menerusi medium internet, fitnah kini boleh direka sewenangnya dan disebarkan dalam tempoh yang pantas. Hal ini berlaku apabila terdapat segelintir individu yang tidak segan silu mengatakan perkara yang tidak benar dengan niat jahat, seterusnya menabur fitnah tanpa memikirkan kesan buruk daripada fitnah mereka itu.

Beta khuatir sekiranya kegiatan tidak bermoral seperti fitnah ini terus menular, ia akan menjejaskan bukan sahaja kehidupan harian rakyat, malah pentadbiran sesebuah kerajaan. Sejarah telah membuktikan bahawa fitnah berupaya memusnahkan sebuah empayar yang besar dan menjatuhkan sebuah negara yang maju. Sesungguhnya Tuhan telah memberi kita akal yang waras untuk berfikir dan mempertimbangkan sesuatu perkara dengan sewajarnya, dan tidak mudah percaya dengan sogokan maklumat yang tidak benar.

"Ingin Beta tekankan juga bahawa hukum fitnah dalam Islam adalah haram dan termasuk dalam dosa yang tidak mendapat keampunan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala kecuali mereka memohon maaf kepada orang yang difitnah terlebih dahulu. Islam menghendaki umatnya menyelidik kebenaran setiap maklumat agar tidak menghebahkan perkara yang boleh mendatangkan fitnah dan permusuhan kepada orang lain. Allah juga mencela tindakan umatnya yang terikut-ikut mempercayai, bahkan menyebarluaskan sesuatu khabar berita yang meragukan dan mendedahkan aib seseorang."

"Jelas sekali bahawa fitnah dan penyebaran berita palsu ini bercanggah dengan hukum Islam dan nilai-nilai adab sesebuah masyarakat yang bertamadun. Ingatlah, fitnah dan pembohongan bukan sahaja boleh memecah belahkan perpaduan dan silaturrahim, malah boleh menimbulkan permusuhan"

Beta yakin, rakyat negara ini dapat menghayati prinsip Rukun Negara kelima iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan' yang menekankan supaya rakyat sentiasa mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik dan akhlak yang mulia demi kesejahteraan bersama. Justeru itu, Beta menyeru kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor ini agar tidak terpedaya dengan berita-berita palsu dan berita-berita yang berunsur fitnah. Beta percaya rakyat di Negeri Selangor bijak menilai berita atau maklumat yang harus dipercayai dan dari sumber yang sah.

"Oleh yang demikian, Beta menitahkan kepada seluruh umat Islam di Negeri Selangor ini agar bersatu padu dan berpegang kepada ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah serta menjauhkan diri daripada terjebak di dalam penyalahgunaan internet yang boleh merosakkan diri sendiri dan juga masyarakat serta negara."

"Beta juga ingin menasihatkan kepada rakyat Negeri Selangor supaya tidak terlibat dengan sebarang aktiviti berbentuk keganasan dan menjauhi kegiatan ekstremis membabitkan agama. Sebagai sebuah negara yang mengangkat Islam sebagai agama persekutuan, kita harus memberi imej yang baik dan menjadi contoh teladan kepada negara-negara Islam yang lain."

Dalam pada itu juga Beta sekali lagi menyeru kepada seluruh rakyat terutamanya semua orang Melayu Islam khususnya di Negeri Selangor ini supaya bersatu padu mengelakkan perbalahan dan persengketaan sesama sendiri yang boleh membawa kepada perpecahan masyarakat Melayu Islam dan membawa imej yang buruk kepada kesucian agama Islam. Semangat keharmonian perlulah sentiasa disemarakkan dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain, tidak kira sesama umat Islam atau bukan Islam.

Agama Islam sentiasa mengutamakan penganutnya untuk mempunyai nilai-nilai positif di dalam diri seperti sikap berbaik sangka, memupuk semangat bekerjasama walaupun mungkin berlainan fahaman politik, bertolak ansur, tiada menyimpan hasad dengki, tiada sikap berdendam dan sentiasa bersedia untuk membantu antara satu sama lain. Beta juga ingin berpesan agar kita sentiasa berhati-hati dengan anasir luar yang sentiasa mengambil kesempatan dan ruang untuk memecah belahkan perpaduan antara kita dan memporak-perandakan orang Melayu Islam. Dalam pada itu juga, Beta ingin menasihatkan supaya umat Islam sentiasa melakukan amalan yang baik dan terpuji supaya dipandang mulia serta dihormati oleh penganut agama lain.

> "Sukacita juga Beta mengingatkan di sini bahawa masjid adalah satu tempat untuk beribadat dan mencari ilmu bagi seluruh umat Islam tidak mengira usia, jantina, pangkat, darjat dan juga fahaman politik. Justeru itu, Beta tidak berkenan kawasan masjid dijadikan tempat untuk mengadakan syarahan atau ceramah berunsurkan politik. Dewan yang berada di dalam kawasan masjid juga hendaklah digunakan untuk majlis-majlis ilmu, muzakarah serta motivasi kepada seluruh lapisan masyarakat Islam. Segala syarahan yang berbentuk negatif, hasutan dan mencaci janganlah dilakukan di dalam dewan ini. Setiap penceramah atau tenaga pengajar yang menggunakan kemudahan dewan ini hendaklah mempunyai kebenaran dan tauliah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Beta tidak berkenan dewan ini digunakan untuk majlis-majlis perkahwinan dan kenduri."

Beta juga ingin menitahkan supaya kebersihan dan keceriaan dewan ini dijaga serta diselenggara dengan baik. Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar segala ilmu dan maklumat yang disampaikan di dewan ini kelak akan dimanfaatkan dan memberi faedah kepada seluruh rakyat terutama umat Islam di Negeri Selangor ini.

Akhir kata, Beta ingin sekali lagi mengingatkan kepada sekalian rakyat jelata, terutama rakyat Negeri Selangor yang berbilang bangsa, agama dan keturunan supaya mengekalkan dan mengukuhkan lagi perpaduan yang kita nikmati sekarang ini. Sesungguhnya, perpaduan itu adalah kunci kepada kesejahteraan dan keharmonian sesebuah masyarakat dan Negara. Sekiranya sebuah negara itu ingin terus maju dan makmur, rakyatnya perlulah bersatu padu, hormat menghormati antara satu dengan lain dan tidak menimbulkan ketegangan yang boleh menyebabkan huru hara. Sebuah negara yang tidak aman, rakyatnya akan hidup menderita dan sengsara.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan dewan ini dengan nama **Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Shah Alam.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





**MAJLIS PERASMIAN DEWAN SYARAHAN DAN MUZAKARAH ISLAM, SHAH ALAM
DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM
PADA 16 MAC 2018 / 28 JAMADILAKHIR 1439 H (JUMAAT)**





ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PROGRAM MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH TAHUN 2018 SEMINAR PEMIKIRAN LIBERALISME DAN PLURALISME ANCAMAN TERHADAP AKIDAH DAN MAJLIS PELANCARAN BUKU FATWA WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DI DEWAN JUBLI PERAK SHAH ALAM PADA 13 NOVEMBER 2018 / 5 RABIUL AWAL 1440 H

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdullilah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang mencipta sekalian makhluk dan alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta ahli keluarga Baginda, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang telah memartabatkan syiar Islam ke seluruh alam.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana Beta diberi kesempatan sekali lagi untuk berangkat hadir ke Program Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Tahun 2018, Seminar Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Ancaman Terhadap Akidah dan Majlis Pelancaran Buku Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan pada pagi ini. Beta amat sukacita untuk hadir di perhimpunan ini yang melibatkan pelbagai peringkat kepimpinan yang bertanggungjawab untuk membantu kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam usaha menyuburkan syiar Islam. Beta sentiasa menyokong program-program yang bertujuan untuk mengukuhkan syiar Agama Islam di Negeri Selangor.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada zaman alaf baru yang serba mencabar ini, kesucian Agama Islam sedang berhadapan dengan cabaran dan tekanan yang amat hebat daripada unsur-unsur luar. Khususnya yang berkaitan dengan pemikiran liberalisme, pluralisme dan pemikiran songsang yang telah cuba mempengaruhi pemikiran umat Islam masa kini.

Unsur-unsur negatif ini perlu segera ditangani dan dibanteras hingga ke akar umbi dengan mencari jalan penyelesaian terbaik demi memelihara kesucian Agama Islam. Oleh itu, perhimpunan dan wacana seperti ini adalah tepat pada masanya untuk mengajak kita semua mencari idea, kekuatan, penyatuan dan pengukuhan akidah dalam menyatupadukan umat Islam.

Fahaman pluralisma yang cuba di bawa ke Negara ini mengajar kita umat Islam untuk mempercayai bahawa semua agama adalah sama, sedangkan al-Quran jelas menyebut bahawa hanya Islam sahaja agama yang diiktiraf oleh Allah SWT. Fahaman ini yang berteraskan prinsip kebebasan bersuara dan beragama tanpa sempadan. Ianya timbul dari idea yang telah diilhamkan oleh pemikiran yang menyatakan bahawa semua agama boleh diterima kerana tujuannya yang satu iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Cuma cara dan pendekatan sahaja yang berbeza. Fahaman ini juga mengutamakan logik akal semata-mata. Dalam usaha memperluaskan fahaman ini, terdapat ahli-ahli kumpulan yang menjalankan aktiviti membina keraguan di kalangan orang Islam dengan menggunakan fakta dan istilah yang mengelirukan dan memutarbelitkan.

Fahaman Islam Liberal pula merupakan satu fahaman yang amat merbahaya yang sedang menular dan meresap ke dalam masyarakat Islam di Negara kita sekarang ini. Hakikat sebenarnya, golongan liberalisme ini mengajak semua umat Islam mengikut pemikiran mereka yang jauh menyimpang dari Agama Islam dan yang paling Beta bimbangkan ialah ianya boleh memesongkan akidah Islam dalam diri umat Islam itu sendiri.

Fahaman liberalisme ini telah berjaya mempengaruhi segelintir umat Islam sehingga muncul golongan yang menuntut kesamarataan gender, perkahwinan sesama jantina, menolak para ulama, wanita menjadi imam solat dan wali perkahwinan, menghalalkan perkahwinan orang Islam dengan penganut agama lain serta tuntutan kebebasan beragama dan menukar agama sesuka hati.

Golongan ini termasuklah individu yang mengamalkan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender sebagai cara hidup dan tanpa segan silu memaparkan gaya hidup songsang mereka secara terang-terangan dalam media sosial. Ada yang bertindak menukar jantina mereka atas prinsip kebebasan individu. Golongan liberalisme ini juga secara terang-terangan melaungkan mengenai hak kebebasan individu, kebebasan mutlak, mencabar undang-undang syariah, selain mempertikaikan peraturan Islam, mahkamah Syariah dan pihak berkuasa agama secara terbuka di media sosial.

"Tambah mendukacitakan apabila tuntutan golongan liberal ini turut mendapat sokongan daripada segelintir pemimpin yang beragama Islam, sedangkan pemikiran liberal ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Beta amat khuatir jika pemikiran ini tidak dibendung secara serius, ia mungkin akan menjadi satu jalan memudahkan musuh Islam menghancurkan agama Islam di Negara ini dan dikhuatiri Allah Subhana Wa Taala akan menurunkan malapetaka kepada kita semua."

"Beta tidak mahu Selangor menjadi pusat penyebaran ideologi dan fahaman-fahaman sesat sebegini. Beta mahu JAIS memantapkan tindakan penguatkuasaan terhadap semua pihak yang didapati cuba menyebarkan sebarang bentuk fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam atau yang telah difatwakan sesat dan menyeleweng. Program-program kesedaran berkenaan ancaman terhadap akidah umat Islam dan program pengukuhan akidah juga perlu dipertingkatkan bermula dari peringkat sekolah lagi dan juga di masjid dan surau seluruh Selangor."

"Rakyat negeri Beta perlu berusaha menambah ilmu dan memperkukuhkan kefahaman akidah masing-masing supaya tidak mudah terpengaruh dengan fahaman menyeleweng seperti ini. Pihak JAIS perlu memastikan semua penceramah yang menyampaikan pengajaran Islam terutamanya berkaitan akidah mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tauliah MAIS. Beta juga mahu pihak MAIS dan JAIS memperkasakan silibus penyelidikan di

sekolah-sekolah yang berdaftar di bawah MAIS untuk memberi pendedahan awal kepada anak-anak kita berkenaan bahaya dan ancaman fahaman yang sesat dan menyeleweng seumpama ini."

Beta menyeru semua umat Islam untuk sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai semua ideologi yang bertentangan dengan Islam dan ajaran-ajaran sesat yang telah difatwakan haram oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor. Beta juga menyeru semua umat Islam supaya membantu pihak JAIS dengan membuat aduan berkaitan sebarang aktiviti penyebaran fahaman-fahaman salah seumpama ini."

"Rakyat Islam di Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya perlu terus berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah. Umat Islam juga perlu menghormati dan beramal dengan hukum-hakam yang telah dijelaskan oleh para ulama berdasarkan Mazhab Syafi'e. Apa yang penting ialah umat Islam hendaklah menghormati setiap fatwa yang telah diputuskan oleh pihak yang berkuasa dalam menentukan sesuatu hukum."

"Sehubungan itu, Beta menyokong tindakan proaktif melalui pewujudan undang-undang dan pewartaan fatwa yang berkaitan serta mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengekang fahaman ekstrem dan penularan ideologi sesat seumpama ini."

Di dalam pada itu, Beta amat dukacita apabila mendapati ada umat Islam sendiri mempertikaikan fatwa yang dikeluarkan oleh Negeri Selangor yang telah diputuskan dan diwartakan, sedangkan golongan ini bukanlah orang yang mempunyai kepakaran dalam membicarakan isu-isu yang berkaitan dengan hukum Islam. Apa yang turut membimbangkan Beta, pertikaian ini dibuat secara terbuka dan ini boleh menyebabkan umat Islam menjadi keliru, berbalah dan berpecah-belah.

Sekiranya ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan fatwa Negeri Selangor yang dikeluarkan ianya tidak perlu diperbahaskan secara terbuka sebaliknya terdapat saluran-saluran tertentu bagi menyuarakan pendapat mereka berkaitan sesuatu fatwa yang dipertikaikan tersebut. Beta percaya jika pendekatan ini diambil, perbincangan secara ilmiah akan dapat dilakukan bagi mengatasi sebarang pertikaian dan perbezaan pendapat berkaitan dengan sesuatu fatwa.

Sukacita Beta menyatakan bahawa proses pembuatan sesuatu fatwa dilakukan dengan begitu teliti dengan mengambil pandangan daripada banyak pihak terutama daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebelum ianya diangkat untuk perkenan Beta dan seterusnya diwartakan.

Beta berharap program Multaqa ini mampu mencetuskan kesedaran dan keinsafan betapa perlunya umat Islam khususnya di Negeri Selangor ini meningkatkan ilmu dan kefahaman dalam pelbagai bidang ilmu Islam, untuk persediaan menghadapi cabaran dalam dunia maju hari ini.

Bekerja bersungguh-sungguh, bersedia berkorban, mempunyai keimanan yang kuat dan semangat persaudaraan sesama Islam adalah merupakan amalan yang perlu dimiliki oleh umat Islam untuk menjadi umat yang hebat dan berjaya. Oleh itu, Beta menyeru kepada seluruh umat Islam agar mengamalkan perkara yang Beta sebutkan ini dengan sebaik yang mungkin.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta ini, Beta ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh perkara asas Perlembagaan Negara yang melibatkan kesucian agama Islam, keistimewaan orang melayu dan bumiputera, bahasa kebangsaan serta fungsi dan kedudukan Raja-raja Melayu seperti yang telah sedia termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sejak kebelakangan ini seringkali kedengaran ada pihak-pihak tertentu yang telah berani membangkitkan dan mempersoalkan tentang isu-isu ini sehingga telah mencetus situasi yang kurang senang di antara kaum sehingga menggugat keharmonian masyarakat di negara ini.

Tindakan golongan yang tidak bertanggungjawab ini di dalam mempersoalkan isu-isu yang telah menjadi teras dan paksi kepada Perlembagaan Persekutuan, perlu segera ditangani dan dibanteras. Golongan ini tidak boleh dibiarkan dari terus menghasut rakyat membangkitkan dan mempersoalkan perjanjian "sosial kontrak" yang telah dipersetujui oleh kaum-kaum majoriti di Negara ini sebelum Negara mencapai kemerdekaan lagi. Perjanjian yang telah dipersetujui ini telah juga diterjemahkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan yang digunapakai sehingga ke hari ini.

Walau berulang kali Beta telah menyentuh tentang isu-isu ini, namun Beta akan terus bersuara dan menegaskan bahawa tiada sebarang tolak ansur di dalam cubaan golongan tertentu mengikis kuasa dan keistimewaan yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan ini. Peranan Raja-raja melayu di dalam memayungi kesucian agama Islam sebagai agama Persekutuan dan memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera tanpa mengenepikan hak kaum lain akan terus bertapak di negara ini dan dipertahankan.

Akhir kata, Beta ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor atas penganjuran Multaqa ini dan kejayaan menerbitkan buku Fatwa Ajaran Sesat dan Fatwa Syariah Sosial. Moga majlis ini dan seminar yang akan dijalankan pada hari ini menjadi platform untuk mengupas isu ini dengan lebih baik untuk membendung isu ini.

Dengan lafaz Bismillahir Rahamnir Rahim, Beta dengan ini merasmikan Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Tahun 2018, Seminar Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Ancaman Terhadap Akidah dan Majlis Pelancaran Buku Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatu.

Koleksi Terpilih
Titah Ucapan
DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM
25 Tahun Pemerintahan
Negeri Selangor Darul Ehsan

TAHUN

2022-2026



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI KALI KE-121 DI DEWAN MUZAKARAH ISLAM, MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, PADA 6 OKTOBER 2022 / 9 RABI'UL AWWAL 1444H, JAM 10.00 PAGI (ISNIN)

"SALING MENGHORMATI DALAM PERBEZAAN PANDANGAN"

Assalamu alaikum wa-rahmatullahi wa-barakatuh

Bismillahir rahmanir rahim

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga, Beta dapat berangkat, seterusnya merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI kali ke seratus dua puluh satu (121) yang dipengerusikan buat julung-julung kalinya ini oleh Pengerusi yang baharu; Dato' Haji Nooh bin Gadot.

Tujuan utama penubuhan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) ialah untuk menjadi forum di mana para Mufti di seluruh negara, alim ulama' dan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu dapat duduk bersama bagi membincang, menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa. Fatwa yang dikeluarkan ini bukan sahaja mencakupi masalah fiqh dan akidah tetapi juga melibatkan pelbagai isu yang mengaitkan kepentingan umat Islam dan Negara.

Seperti kita sedia maklum, Jawatankuasa Muzakarah MKI ini yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Fatwa Kebangsaan, telah bermuzakarah dan mengeluarkan fatwa dalam pelbagai perkara seperti contohnya pengharaman ajaran Al-Arqam, membendung pengaruh Syiah, pengharaman buku dan fahaman anti hadis, kedudukan anak tidak sah taraf, senaman yoga dalam kalangan umat Islam, ajaran Qadiani serta fatwa pelantikan Peguam Syarie dari kalangan orang bukan Islam. Ketika Negara berhadapan dengan pandemik COVID-19, beberapa keputusan fatwa telah dikeluarkan termasuklah penangguhan aktiviti masjid dan surau seperti solat berjemaah dan solat Jumaat, pengurusan jenazah secara tayamum bagi kematian akibat COVID-19, kaedah melihat anak bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah serta penyelarasan kaedah pembayaran zakat fitrah serta pernikahan secara online ketika Perintah Kawalan pergerakan (PKP).

Adalah tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa Jawatankuasa Muzakarah MKI memainkan peranan dan fungsi yang amat penting dalam masyarakat islam di Malaysia dan menjadi menara rujukan hukum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Negara Malaysia adalah unik di mana Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Sultan-Sultan dan Raja-Raja adalah Ketua Agama bagi negeri-negeri yang beraja dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada negeri-negeri (kecuali Wilayah-wilayah Persekutuan) untuk mengurus dan mentadbirkan hal ehwal agama Islam, termasuklah soal yang berhubung fatwa. Memandangkan setiap negeri mempunyai Jawatankuasa Fatwa masing-masing, kadang kala terdapat konflik antara fatwa negeri dan keputusan muzakarah di peringkat kebangsaan serta antara satu negeri dengan negeri yang lain. Contohnya fatwa mengenai pelaburan dalam ASB dan ASN. Konflik dan ketidakseragaman ini menimbulkan kekeliruan dan masalah kepada masyarakat Islam dan mempunyai implikasi kepada pembangunan ekonomi Negara.

Justeru, salah satu fungsi dan tugas penting Jawatankuasa Muzakarah MKI ialah untuk menyelaras pengeluaran hukum dan fatwa bagi negeri-negeri di Malaysia. Ketetapan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah ini merupakan ijtihad kolektif (ijtihad jama'i) semua Mufti negeri-negeri yang dibantu oleh pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu. Ini adalah merupakan mekanisme terbaik untuk menyelaras dan menetapkan sesuatu hukum syarak semasa yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia.

Beta ingin menegaskan bahawa penyelarasan dan penyeragaman fatwa oleh Jawatankuasa Muzakarah tidak sekali-kali menyentuh atau menjejaskan kuasa Sultan dan Raja di negeri-negeri sebagai Ketua Agama Islam dalam urusan pengeluaran fatwa. Peraturan 9 (1) Peraturan-peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022 (MKI) secara jelas menyatakan bahawa tiada apa-apa tindakan MKI yang boleh menyentuh kedudukan, hak, keistimewaan, kedaulatan dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama dalam Negeri-negeri Baginda sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut prosedur yang ditetapkan, keputusan dan pandangan Jawatankuasa Muzakarah akan dimaklumkan kepada MKI yang dipengerusikan oleh Beta yang kemudiannya akan dikemukakan bersama dengan pengesyorannya kepada Majlis Raja-raja untuk dibincangkan dan diterima pakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi tujuan pewartaannya di peringkat negeri. Keputusan muzakarah berkenaan akan hanya berkuatkuasa di negeri berkenaan selepas diperkenan oleh Raja Pemerintah Negeri dan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri.

> "Dalam kesempatan ini juga, Beta ingin menyatakan beberapa perkara yang boleh menjamin integriti dan kepercayaan rakyat kepada Jawatankuasa Muzakarah MKI. Pertamanya, sebarang kenyataan berhubung keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI hanya boleh dibuat oleh Pengerusi Muzakarah. Tiada pihak lain termasuklah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atau JAKIM boleh membuat kenyataan berkenaan. Ini penting untuk memastikan agar keputusan muzakarah di peringkat kebangsaan dan fatwa di peringkat negeri tidak dipengaruhi unsur-unsur politik dan kepartian. JAKIM hanya bertindak sebagai urusetia Jawatankuasa Muzakarah MKI."

Keduanya, Beta menasihatkan para mufti yang berada di dalam dewan ini, untuk sentiasa menghindarkan diri daripada perbalahan agama di ruang awam, lebih-lebih lagi jika isu yang berbangkit telah kita putuskan secara bersama dalam ruang Muzakarah. Sebab itulah, sepanjang tahun 2022, salah satu isu yang membangkitkan rasa dukacita Beta ialah perbalahan tentang Keputusan Muzakarah bagi Tarekat Naqsyabandi al-Aliyyah pimpinan Sheikh Nazim al-Haqqani. Isu ini tidak sepatutnya dipanjangkan lagi kerana ia telah diputuskan secara konsensus oleh para Mufti dan ahli muzakarah yang hadir pada tahun 2020 di Kuantan. Sebab itulah Beta menzahirkan titah pada 9 April yang lepas bahawa sebarang polemik terhadap tarekat ini hendaklah dihentikan segera bagi menghormati keputusan Muzakarah tahun 2020 yang telah mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja pada tahun 2021. Oleh itu, Beta menasihatkan sekali lagi kepada semua agar perbalahan yang terjadi antara Mufti dan agamawan tidak seharusnya menjadi tontonan orang awam, kerana ia hanya akan merendahkan kewibawaan ulama itu sendiri. Sewajarnya, perbezaan pendapat ulama ini hanya dibincangkan di dalam Muzakarah dan tidak dibawa keluar dari gelanggang Muzakarah ini.

Ketiganya, Beta ingin menegaskan bahawa Malaysia ialah sebuah negara pelbagai kaum. Justeru, apa-apa keputusan muzakarah yang dikeluarkan hendaklah juga mengambil kira hak-hak dan kepentingan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam seperti yang dijamin secara sah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ajaran Islam sebagai agama yang murni dan memberi rahmat kepada semua termasuklah yang bukan Islam hendaklah sentiasa ditonjolkan. Jawatankuasa Muzakarah juga perlu merangka peraturan dan adab-adab perbezaan pendapat antara Ahli-ahli Jawatankuasa Muzakarah. Sekiranya ada Mufti atau ahli yang memilih pendapat yang tidak mengharuskan sesebuah amalan yang terjadi khilaf di kalangan ulama terdahulu, setidak-tidaknya perlu ada Adabul Ikhtilaf, sikap agree to disagree dan beradab dalam berbeza pendapat.

Beta berharap Muzakarah pada pagi ini akan menjadi titik permulaan dalam memperbaiki institusi kefatwaan di Malaysia agar menjadi lebih baik dan bertaraf antarabangsa. Sudah sampai waktunya Malaysia juga menjadi kiblat kefatwaan bagi negara-negara Islam lainnya. Mengakhiri titah, Beta menyeru agar semua pihak menghormati Ashabus Samahah Mufti-mufti di Malaysia dan menghormati institusi kefatwaan di negeri masing-masing. Semoga semua keputusan diberkati Allah subhanahu wa-ta'ala. Beta berdoa semoga Allah subhanahu wa- ta'ala memberkati usaha ini dan memberikan pedoman kepada kita semua. Semoga negara kita Malaysia senantiasa di bawah lindungan dan limpahan rahmat dari-Nya, Amin ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH MKI KALI KE-121 DI DEWAN MUZAKARAH ISLAM, MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM PADA 6 OKTOBER 2022 / 9 RABI'UL AWWAL 1444H, JAM 10.00 PAGI (ISNIN)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PERASMIAN MASJID DIRAJA MASJID RAJA LUMU, KUALA SELANGOR PADA HARI KHAMIS, 6 OKTOBER 2022

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta diberi kesempatan untuk hadir ke majlis perasmian Masjid Raja Lumu di kaki Bukit Malawati, Kuala Selangor ini.

Masjid yang dahulunya dikenali sebagai Masjid Pekan Lama Kuala Selangor ini telah dinaik taraf sejak tahun 2019 yang sebahagian besarnya melalui dana yang diwakafkan oleh Yayasan Rafulin berjumlah RM8.6 juta. Kos keseluruhan pembinaan naik taraf masjid ini ialah sebanyak RM10.4 juta. Reka bentuk dan ubah suai naik taraf masjid ini telah dihasilkan oleh Dato' Seri Nik Mohamed bin Mahmood, Arkitek dari Kumpulan Senireka. Beta mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Senireka dan juga Yayasan Rafulin yang turut sama menyumbang di dalam pembinaan masjid ini bagi menaikkan lagi syiar Islam di negeri ini.

Masjid ini Beta namakan bersempena dengan nama Raja Lumu yang juga merupakan Sultan Selangor yang pertama, dikenali sebagai Sultan Salehuddin Shah yang memerintah dari tahun 1766 sehingga 1782. Ini sangat bertepatan kerana mengikut catatan sejarah, Raja Lumu telah ditabalkan sebagai Sultan Selangor di Kuala Selangor dan bersemayam di atas Bukit Malawati yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Selangor.

Beta berharap dengan adanya masjid baharu yang dilengkapi senibina yang menarik ini, mampu menjadi antara daya tarikan utama khususnya penduduk di kariah ini untuk beribadah dan juga kepada pelancong dalam dan luar negara untuk datang ke Kuala Selangor. Beta percaya masjid ini akan memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan serta kesan peninggalan sejarah yang masih boleh dapat dilihat di daerah Kuala Selangor ini. Beta telah memberi perkenan untuk Masjid Raja Lumu ini diiktiraf sebagai Masjid Diraja yang Ke-Sembilan di Negeri Selangor ini.

Di kesempatan ini, Beta ingin menyeru rakyat Beta terutama yang berketurunan Melayu dan beragama Islam agar sentiasa mengutamakan perpaduan di kalangan kita dan mengukuhkan jati diri masing-masing. Beta amat bimbang dengan pelbagai lambakan maklumat dan keterbukaan di media sosial yang sebahagiannya boleh mengganggu-gugat keharmonian kaum serta mencetus provokasi yang akhirnya mengakibatkan perpecahan. Beta berharap sekalian rakyat akan menggunakan akal fikiran yang waras dalam menilai dan mengupas sesuatu isu semasa. Jangan terlalu terbawa-bawa dengan perasaan dalam memberikan pendapat masing-masing terhadap isu-isu yang sedang tular. Persiapkan diri dahulu dengan ilmu-ilmu yang secukupnya sebelum bertindak melulu menghentam pihak-pihak tertentu.

Beta benar-benar kecewa apabila membaca sendiri komen-komen keterlaluan di kalangan para netizen di media-media sosial yang mengeluarkan ayat-ayat berunsur fitnah, cacian dan hasad dengki. Lebih mengecewakan, apabila ayat-ayat penghinaan itu pula disokong oleh netizen yang lain tanpa usul periksa. Perbuatan sebegini jika tidak dibendung dan ditangani dengan bijak dari semasa ke semasa, Beta khuatir akan merosakkan pemikiran masyarakat khususnya generasi muda.

Sejak kebelakangan ini, kemunculan gejala fitnah-fitnah dan berita-berita palsu yang semakin berleluasa telah menyebabkan ketegangan di antara kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat kita. Beta tidak mahu gejala-gejala seumpama ini terus menular sehingga boleh menjejaskan keharmonian rakyat dan kekuatan perpaduan untuk jangka masa panjang. Beta juga ingin mengingatkan sekalian rakyat khususnya orang Melayu bahawa perbalahan dan pertelingkahan secara terbuka dan tabiat "baling batu sembunyi tangan" sesama orang Melayu ini, tidak kiralah di dalam apa jua perkara, akan hanya melemahkan dan mengakibatkan perpecahan yang merugikan bangsa dan agama. Perlu Beta tekankan di sini bahawa perpaduan di kalangan orang Melayu amat penting dan perlu dipelihara demi masa depan orang Melayu dan generasi orang Melayu yang akan datang. Perpaduan adalah asas kepada pembangunan sesebuah Negara. Umat yang berpecah akan membawa kehancuran kepada Negara.

Justeru, Beta mahu sekalian orang Melayu beragama Islam untuk sentiasa merujuk kepada ajaran agama dalam setiap tindak-tanduk dan kehidupan harian kita. Terapkanlah nilai-nilai murni seperti bersikap jujur dan ikhlas serta mempunyai sifat berbaik sangka, tolong-menolong, bersatu padu, bertolak ansur dan sentiasa bersedia untuk memaafkan antara satu sama lain.

Beta mahu semua rakyat Beta dapat hidup di negeri Beta dalam keadaan selesa, bersatu padu, harmoni dan menikmati kekayaan negeri ini secara adil dan saksama. Beta menyeru kepada seluruh orang Melayu untuk terus merapatkan saf, bersatu padu, melupakan segala sengketa dan perselisihan faham dan mula memikirkan untuk bangkit semula menjadi satu bangsa yang kuat, bermaruah dan bermatlamat, demi kepentingan agama, bangsa dan Negara kita. Beta amat yakin jika orang Melayu bersatu dan bekerjasama dengan erat, tiada cabaran yang tidak dapat kita atasi, dan orang Melayu pasti akan mencapai kejayaan semula dan menjadi satu bangsa yang kuat dan bermaruah.

> "Di kesempatan ini, Beta menyeru kepada seluruh umat Islam agar mengimarahkan dan menggunakan masjid-masjid menjadi satu tempat yang mulia dikunjungi untuk beribadat. Masjid adalah tempat bagi seluruh umat Islam beribadat tanpa mengira pangkat, darjat, jantina atau umur seseorang. Namun begitu, dalam usaha-usaha kita untuk mendapatkan ganjaran pahala, janganlah kita menyalah-gunakan masjid untuk kepentingan diri, terutama dalam hal-hal keduniaan. Beta tidak berkenan sekiranya terdapat sesiapapun menggunakan masjid untuk berpolitik, mengadakan ceramah-ceramah yang tidak berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan, serta mempengaruhi umat Islam ke arah sesuatu yang meragukan atau menyesatkan. Jadikanlah masjid satu tempat yang kondusif dan bebas dari politik kepartian. Beta mengharapkan nazir, imam dan ahli jawatankuasa masjid memandang serius mengenai perkara ini."

Semoga amal ibadat yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Beta sentiasa berdoa agar Negeri Selangor yang kita kasihi ini terus dipelihara Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai sebuah negeri yang maju, makmur, kehidupan rakyat yang harmoni serta dijauhi dari malapetaka, bencana dan segala musibah yang tidak kita ingini. Semoga kita semua mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid ini dengan nama **Masjid Diraja, Masjid Raja Lumu.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MAJLIS PERASMIAN MASJID DIRAJA MASJID RAJA LUMU, KUALA SELANGOR
PADA HARI KHAMIS, 6 OKTOBER 2022





MAJLIS PERASMIAN MASJID DIRAJA MASJID RAJA LUMU, KUALA SELANGOR
PADA HARI KHAMIS, 6 OKTOBER 2022

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

TITAH D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ SELAKU PENGERUSI MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI) SEMPENA MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI) KALI KE-69 DI ISTANA MELAWATI, PUTRAJAYA, PADA 16 FEBRUARI 2023 BERSAMAAN 25 REJAB 1444H (KHAMIS), JAM 10 PAGI

"MENDAULATKAN ISLAM, MEMPERKASAKAN MKI"

Assalamu alaikum wa-rahmatullahi wa-barakatuh

Bismillahir rahmanir rahim

Alhamdullilah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat daripada Nya juga, Beta dapat berangkat, seterusnya mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) kali ke-69 yang Beta pengerusikan buat julung-julung kalinya ini.

Pada hemat Beta, mesyuarat MKI yang diadakan pada pagi ini membuka satu lembaran baru dalam usaha mendaulatkan Islam di Malaysia. Justeru, Beta juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Jawatankuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan (JKTHEI) yang telah melaksanakan kajian yang amat mendalam untuk dipersembahkan kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-256 pada 18 Februari 2020.

Jawatankuasa ini yang ditubuhkan melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-249 pada 10 Julai 2018 telah dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, serta dianggotai enam tokoh berwibawa Islam lain daripada pelbagai latar belakang, termasuk wakil dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Jawatankuasa ini telah memberikan banyak cadangan penambahbaikan yang membawa kepada usaha memartabatkan kembali peranan MKI di bawah naungan Majlis Raja-Raja. Antaranya adalah cadangan meminda Peraturan MKI khususnya dari segi struktur dan keanggotaan. Ini adalah susulan dari keputusan bersejarah Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-258 yang bersidang pada 9 dan 10 Mac 2022, yang telah membatalkan Peraturan MKI sejak penubuhannya 54 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1968 dan menggantikannya dengan Peraturan MKI 2022 yang baru.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana diberi penghormatan untuk memegang amanah oleh Raja-Raja Melayu sebagai Pengerusi MKI yang baru. Insha Allah, Beta akan menggalas tugas ini dengan sedaya upaya Beta dengan penuh rasa tanggungjawab.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahli Majlis yang dihormati:

Pentadbiran Agama Islam di Negara kita memiliki pelbagai ciri istimewa yang bertitik tolak daripada sejarah penyebaran Islam di Nusantara. Ia juga dipengaruhi susur galur penubuhan dan perkembangan pentadbiran di Negeri-Negeri Melayu itu sendiri, sehinggalah terzahirnya penggabungan Negeri-Negeri tersebut di dalam Persekutuan Malaysia.

Sesungguhnya penyebaran syi'ar Islam di Nusantara tidak dapat dipisahkan dengan sejarah perkembangan sistem pemerintahan beraja. Raja Pemerintah berperanan sebagai payung negeri dan teraju yang melindungi serta menggalakkan penyebaran ajaran Islam dalam kalangan rakyat jelata. Sebagai contoh, institusi Kesultanan Islam terawal di rantau ini iaitu Kesultanan Pasai, diasaskan sekitar tahun 1267 apabila Raja Samudera Pasai, Merah Silu, mengambil gelaran Sultan Malikul Saleh setelah memeluk Islam. Gelaran ini menzahirkan hasrat Baginda untuk menubuhkan pemerintahan yang berpandukan Islam, Iman dan Ihsan, selain mewarisi tradisi Khulafa al-Rasyidin sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini.

Pada sekitar Abad ke-15 pula, penubuhan Kesultanan Melayu Melaka menjadi titik tolak penyebaran Islam yang lebih meluas ke Negeri-Negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Semasa kemuncak kekuasaannya, Kesultanan Melaka menggunakan pengaruhnya untuk meng-Islamkan penduduk di Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian Pantai Timur Sumatera. Pengaruh Sultan-Sultan Melaka juga amatlah besar, sehingga dikatakan boleh menggugat kemakmuran pedagang rempah atau the spice trade di Kota Venice. Maka tidak hairanlah, apabila penjajah Portugis ingin memperluas jajahan mereka di rantau Asia Tenggara, Kesultanan Melayu Melaka menjadi sasaran utama serangan tentera mereka untuk melumpuhkan kuasa umat Islam.

Meskipun Melaka secara politik jatuh pada tahun 1511, institusi Raja-Raja Melayu yang mewarisi aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, dengan berakidah Imam al-Ash'ari, fikah bermazhab Imam al-Syafi'i, dan tasawuf bertarekat Imam al-Ghazali, serta adat istiadat, budaya dan keilmuan daripada Melaka terus berkembang, malah berjaya membentuk wajah dan identiti tamadunnya yang tersendiri di dunia. Sesungguhnya, tradisi inilah yang menjadikan acuan dan amalan Islam di Negara kita yang amat unik dan istimewa, dan perlu dijadikan pedoman dalam membuat sebarang keputusan penting berkaitan institusi Islam di Malaysia. Walaupun ketika Negeri-Negeri di Semenanjung Tanah Melayu dijajah oleh kuasa Portugis, Belanda mahupun British, kuasa mutlak seseorang Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam tidak pernah berubah, malahan terus dikekalkan sehinggalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Merdeka.

Ahli-ahli Majlis yang dihormati,

Sesungguhnya martabat Institusi Raja-Raja Melayu berada di atas sebarang percaturan parti politik (*above party politics*). Hal ini kerana Institusi Raja-Raja Melayu ialah pemegang amanah yang menjadi tonggak kesetiaan rakyat. Berpandukan prinsip ini, sewaktu Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957 dan diikuti pula dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Perlembagaan yang digubal dengan jelas mengiktiraf segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa Raja-Raja Melayu sebagai Raja Pemerintah serta Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Kuasa-kuasa tersebut termaktub dalam Bahagian I, Perkara 3, selain peruntukan berkaitan dalam Bahagian IV, Perkara 34 dan 38, serta Bahagian V, Perkara 70 dan 71. Perkara ini juga turut diperincikan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri-negeri, serta Enakmen Pentadbiran Islam di peringkat negeri masing-masing.

Memandangkan asas undang-undang Negara kita meletakkan kuasa-kuasa mutlak tersebut sebagai hak Raja-Raja Melayu, maka jelaslah bahawa Majlis Raja-Raja berperanan sebagai badan tertinggi untuk membahaskan isu-isu berkaitan Agama Islam, selain memutuskan hal-hal penting bersabit dengan amalan dan aturan Agama Islam di Malaysia. Amalan ini tidak jauh bezanya daripada kelaziman pemerintahan Khalifah Usmaniyah, yang sangat mementingkan hubungan rapat di antara Sultan dan Syeikhul Islam atau muftinya, malah turut menyantuni pemimpin agama-agama lain yang bernaung di bawah pemerintahannya. Bahkan amalan ini masih diteruskan di Negara-Negara Islam yang mengamalkan pemerintahan beraja sehingga ke hari ini seperti di Maghribi, Jordan dan Brunei.

Bertitik tolak daripada lakaran sejarah yang telah lama terpahat di Negara ini, Beta ingin mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan ucapan terima kasih Beta kepada YAB Perdana Menteri bagi pihak Majlis Raja-Raja di atas pelantikan Menteri Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri dari kalangan bukan ahli politik bagi menjamin prinsip pengasingan kuasa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam di antara Eksekutif dan Raja-raja Melayu dipelihara. Ini juga bersesuaian dengan prinsip Demokrasi Berparlimen Raja Berperlembagaan.

Dengan pelantikan Menteri Hal Ehwal Agama yang baru ini adalah diharapkan hubungan kerjasama antara Persekutuan dan Negeri-negeri dalam hal pentadbiran Agama Islam akan terjalin dengan lebih erat selari dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Seharusnya syi'ar Islam diletakkan di tahap yang tertinggi, lebih tinggi daripada persaingan yang mungkin boleh mengakibatkan pertelagahan dan perpecahan ummah. Pesanan Beta kepada ahli-ahli Majlis pada hari ini, hormatilah pandangan Negeri-Negeri, dan jagalah hubungan baik Persekutuan dengan Negeri-Negeri agar pentadbiran Agama Islam di Negara ini dapat berjalan dengan licin dan penuh persefahaman.

"Majlis Raja-Raja telah menzahirkan persetujuan untuk memperkasakan semula peranan MKI sebagai suatu institusi yang bertanggungjawab menasihatkan Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus Agama Islam di peringkat Persekutuan. Usaha ini amatlah penting agar MKI mampu mengimbangi antara kuasa, hak dan peranan Raja-Raja Melayu di dalam hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan serta menjaga hubungan baik dengan Negeri-negeri. Usaha ini juga bertujuan memenuhi aspirasi Umat Islam di Malaysia, terutama yang berkaitan dengan dasar bidang pengurusan, perundangan, pendidikan dan penyelarasan fatwa. MKI juga berperanan untuk memastikan peranan utama mentadbir institusi agama Islam diserahkan kepada golongan ulama dan profesional yang bebas daripada sebarang pengaruh parti politik, dan mampu melaksanakan tanggungjawab selari dengan tuntutan al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Untuk memastikan hasrat yang dizahirkan Majlis Raja-Raja berkenaan memperkasakan MKI dapat dilaksanakan dengan lancar, sukacita Beta umumkan bahawa 'Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022' telah diperkenankan sebagai usaha menambah baik urusan perjalanan MKI. Antara lain, Peraturan Baru MKI ini memperjelaskan garis panduan berkenaan struktur MKI yang terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik khas mewakili Kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri. MKI juga diberi mandat untuk menubuhkan 4 Jawatankuasa berikut untuk menguruskan perkara berkaitan fungsinya iaitu:

Pertama: Jawatankuasa Muzakarah MKI yang dianggotai mufti-mufti dan alim ulama seluruh Malaysia, ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1970 dan pernah dikenali sebagai Majlis Fatwa Kebangsaan;

Kedua: Jawatankuasa Pendidikan Islam Kebangsaan yang dianggotai wakil negeri masing-masing yang dilantik oleh Raja Negeri itu, ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1983 yang dahulu dikenali sebagai Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI);

Ketiga: Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Islam Kebangsaan yang dianggotai wakil Majlis Agama Islam Negeri-Negeri setelah mendapat perkenan Raja Negeri itu, serta Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri;

Keempat: Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan, dianggotai ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja yang mempunyai kepakaran dalam undang-undang syarak dan juga undang-undang sivil.

Selaras dengan pengenalan Peraturan baru MKI 2022 itu juga, maka dengan ini Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) julung kalinya dilantik sebagai Setiausaha kepada MKI, manakala JAKIM pula secara rasmi bertindak sebagai urus setia kepada MKI.

Susulan penubuhan MKI oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1968, tertubuh satu agensi Agama Islam di peringkat Persekutuan pada tahun 1969 sebagai sebuah sekretariat di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pada tahun 1971, sekretariat itu berubah menjadi Unit Hal Ehwal Islam, kemudian pada tahun 1974, ia menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di JPM. Akhirnya pada tahun 1997, BAHEIS dinaik taraf menjadi sebuah jabatan kerajaan yang kini dikenali sebagai JAKIM.

Ramai yang sudah lupa sejarah dan asal usul JAKIM yang lahirnya di serambi istana. Kini dengan kembalinya MKI di bawah naungan Raja-Raja Melayu, maka JAKIM telah kembali ke serambinya, bagaikan sirih pulang ke gagang. Telah jauh kita berjalan, berkali tersesat, tiba masanya kita baliklah ke pangkal jalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Majlis, Beta telah berkenan melantik Pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli bagi empat (4) Jawatankuasa yang Beta sebutkan tadi setelah Beta mendapatkan pandangan dari pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan mereka yang dilantik terdiri dari kalangan mereka yang berwibawa dan mempunyai kepakaran masing-masing.

Beta berharap mesyuarat pada pagi ini akan menjadi titik tolak yang penting khususnya dalam usaha untuk mengembalikan peranan mentadbir Agama Islam kepada pihak yang berhak. Besarlah harapan Beta agar semua pihak menghormati peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kuasa Raja-Raja Melayu. Beta yakin dengan bermulanya lembaran baru ini, Majlis Raja-Raja sebagai suara Raja-Raja Pemerintah di Malaysia dapat memainkan peranan sewajarnya untuk memajukan pentadbiran Islam di peringkat Persekutuan dan membolehkan hubungan yang lebih akrab dengan Negeri-Negeri, selari dengan lunas-lunas Perlembagaan. Beta juga berharap para Wakil Rakyat dan Menteri yang dipilih rakyat akan menumpukan usaha menyelesaikan pelbagai kemelut yang sedang dihadapi oleh rakyat, serta mengembalikan kemakmuran dan kegemilangan Negara, sebagaimana yang telah diamanahkan.

Baru-baru ini Beta telah membaca petikan akhbar berkaitan ketetapan dasar kerajaan pimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim tentang jaminan untuk tidak mengiktiraf golongan LGBT dan konsep Negara sekular. Jaminan yang diberikan YAB Perdana Menteri adalah bertepatan dan kena pada waktunya bagi memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan serius di dalam memelihara prinsip Islam yang beteraskan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Mengakhiri titah, Beta menyeru agar kesemua pihak memberikan sokongan dan dukungan padu kepada usaha mendaulatkan Islam dan memperkasakan MKI dan meletakkan pentadbiran Institusi Agama Islam di peringkat Persekutuan pada landasan yang sepatutnya. Wakil-wakil di negeri masing-masing juga hendaklah mengusulkan apa-apa cadangan yang telah dilaksanakan di peringkat negeri yang sesuai dikongsikan untuk kepentingan bersama bagi Negara kita dan umat Islam. Beta mengharapkan dengan bermulanya lembaran baru MKI ini, kita semua mampu berjalan seiring dengan semangat dan mindset yang baru, membawa perubahan yang baik dalam usaha mendaulatkan Islam di Malaysia. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati usaha ini dan memberikan pedoman kepada kita semua. Semoga Negara kita Malaysia senantiasa berada di bawah lindungan dan limpahan rahmat dari-Nya, Amin ya Rabbal Alamin.

Beta akhiri dengan petikan dari Gurindam Dua Belas gubahan Raja Ali Haji, seorang ulama keturunan Beta, sebagai pesanan buat kita semua:

Raja muafakat dengan menteri,
seperti kebun berpagarkan duri.
Betul hati kepada raja,
tanda jadi sebarang kerja.
Hukum adil atas rakyat,
tanda raja beroleh inayat.
Kasihan orang yang berilmu,
tanda rahmat atas dirimu.
Hormat akan orang yang pandai,
tanda mengenal kasa dan cindai.
Ingatkan dirinya mati,
itulah asal berbuat bakti.
Akhirat itu terlalu nyata,
kepada hati yang tidak buta.

Sekian. Wa-billahi taufik wal hidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.





TITAH D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH AL-HAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ
SELAKU PENGERUSI MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI)
SEMPENA MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM (MKI) KALI KE-69
DI ISTANA MELAWATI, PUTRAJAYA,
PADA 16 FEBRUARI 2023 BERSAMAAN 25 REJAB 1444H (KHAMIS), JAM 10 PAGI

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA BESERTA PERASMIAN MASJID AL-MA'ARUFIAH, KAMPUNG PARIT BARU, SUNGAI AIR TAWAR, SABAK BERNAM PADA 14 APRIL 2023 / 23 RAMADHAN 1444 H (JUMAAT)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, di bulan Ramadhan yang mulia ini Beta berkesempatan untuk berangkat ke majlis berbuka puasa bersama rakyat di samping merasmikan Masjid di Kampung Parit Baru, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, pada petang ini. Perasmian masjid ini merupakan perasmian masjid yang ketujuh sepanjang bulan Ramadhan tahun ini. Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan berkat doa seluruh rakyat jelata Beta, Beta diberi kesihatan yang baik dan dapat menjalankan ibadah puasa.

Di dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, sama-samalah kita semua meningkatkan amal ibadat serta melakukan perkara-perkara yang baik terutama di sepuluh hari yang terakhir bulan Ramadhan. Lakukanlah amalan-amalan dengan hati yang tulus ikhlas dan sebaik-baiknya agar kita mendapat ganjaran yang terbaik daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan kita dapat dipertemukan dengan malam Lailatul Qadar yang menjanjikan pahala yang berlipat ganda kepada mereka yang beramal pada malam yang berkenaan.

Di majlis ini Beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada seluruh rakyat terutama rakyat Beta di Negeri Selangor yang berbilang bangsa, keturunan dan agama ini supaya terus mengukuhkan perpaduan dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dan bersatu padu agar negara ini terus aman dan makmur serta rakyatnya dapat menjalani kehidupan seharian dengan baik. Perpaduan di dalam sesebuah negara adalah amat penting bagi memastikan kemajuan dan pembangunan negara dapat dijalankan dengan sempurna.

Bagi umat Islam khususnya orang-orang Melayu, Beta berharap ambillah peluang di bulan yang mulia ini untuk mengukuhkan lagi Silaturrahim antara keluarga dan seluruh ummah. Beta mahu melihat orang Melayu lebih bersatu padu serta bersemangat untuk maju dalam pelbagai aspek kehidupan bagi mengharungi arus kemajuan Negara. Di samping itu juga Beta berkenan agar sifat kesopanan dan kesusilaan dapat terus dipupuk seiring dengan semangat untuk mengejar kemajuan ini. Beta tidak mahu rakyat Beta terlalu ghairah mengejar kemajuan tetapi mengabaikan nilai-nilai murni yang ada pada bangsa kita.

Beta selaku Ketua Agama Islam di negeri ini amat mengambil berat tentang hubungan persaudaraan di antara sesama umat Islam dan menasihatkan rakyat semua agar sentiasa mengelakkan dari sebarang sengketa dan permusuhan sesama sendiri Beta sedar bahawa di kalangan rakyat Beta akan ada perbezaan fahaman dan pandangan sama ada dari segi politik dan pendekatan pentadbiran negara. Namun, Beta mengharapkan agar perbezaan ini tidak menjadi punca dan pencetus kepada sebarang perpecahan, pertelingkahan dan permusuhan di kalangan umat Islam amnya dan orang Melayu khususnya. Orang Melayu dan umat Islam di Malaysia amat beruntung dan sepatutnya mensyukuri nikmat keamanan dan kehidupan yang agak selesa yang dinikmati selama ini. Tambahan pula, umat Islam mempunyai kelebihan dengan wujudnya institusi masjid dan surau sebagai pusat untuk kita berkumpul menjalani ibadat secara bersama Institusi masjid dan surau ini sewajarnya dijadikan sebagai satu platform untuk kita berbaik pakat sesama umat Islam tanpa mengira perbezaan pangkat, kedudukan, perbezaan pandangan malah fahaman politik masing-masing. Di dalam masa yang sama, seperti mana yang Beta selalu nasihatkan di dalam Titah-Titah Ucapan Beta sebelum ini,

"Beta tidak membenarkan masjid dan surau dijadikan medan dan propaganda politik kepartian. Beta sekali lagi ingin menegaskan bahawa masjid dan surau hendaklah menjadi tempat yang bebas dari sebarang pengaruh dan elemen politik kepartian. Masjid dan surau tidak seharusnya menjadi tempat membina jurang pemisah atas dasar perbezaan fahaman politik dan dendam politik. Kuliah-kuliah agama yang dijalankan di masjid dan surau tidak sepatutnya dijadikan medan atau gelanggang untuk menghina, mengumpat, menabur fitnah dan mencaci mana-mana pihak."

Peristiwa yang berlaku di beberapa negara Islam terutamanya di Timur Tengah dan sejarah keruntuhan Kerajaan Melayu Melaka juga boleh diambil iktibar dan teladan bagi menunjukkan bahawa sesebuah kerajaan yang hebat juga boleh runtuh akibat perpecahan dan permusuhan di kalangan umat Islam. Malah apa yang dapat kita lihat sekarang ini orang Melayu telah berpecah kepada banyak golongan kerana perbezaan fahaman politik walaupun pada asasnya parti-parti politik tersebut mempunyai matlamat yang sama iaitu mendaulatkan Islam dan mempertahankan hak-hak dan kepentingan orang Melayu. Beta bimbang jika sekiranya perpecahan ini dibiarkan berterusan, umat Islam khususnya orang Melayu di Negara ini akan terus lemah dan nescaya di satu hari nanti akan hilang kuasa memerintah Negara malah akan menjadi satu bangsa yang mundur dan terpinggir di Negara sendiri.

Justeru itu, Beta menyeru agar semua nazir dan imam masjid dan surau di Negeri Selangor ini untuk memandang serius tentang perkara ini dan memastikan masjid dan surau memainkan peranan sebagai pusat perpaduan umat Islam melalui ibadah, dakwah, pengajian dan program kemasyarakatan serta mengelakkan dari dipergunakan untuk kepentingan golongan-golongan tertentu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, tidak berapa lama lagi Negeri Selangor akan mengadakan pilihanraya Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, Beta mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan rakyat Beta semua agar dapat menunaikan tanggungjawab di bawah Perlembagaan untuk keluar mengundi bagi memilih pemimpin yang amanah, bertanggung jawab dan tidak mengamalkan rasuah. Beta juga mengingatkan semua pihak agar berhemah semasa berkempen dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Elakkan dari perbuatan fitnah memfitnah serta mengedarkan berita-berita palsu, menghasut rakyat untuk membenci terhadap mana-mana pihak atau pun mana-mana kerajaan ketika tempoh kempen pilihanraya diadakan.

Beta juga mengingatkan semua pihak agar tidak menggunakan agama bagi tujuan politik kepartian dan hendaklah berkempen dengan beretika dan dalam batas undang-undang sedia ada. Beta yakin sekiranya kempen dilakukan secara berhemah, rakyat akan menghormati orang-orang politik dan parti-parti politik yang bertanding serta berupaya memilih sebuah kerajaan yang bertanggung jawab demi kelangsungan kehidupan masyarakat di Negeri Selangor ini.

Akhirnya Beta mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat yang beragama Islam. Sambutlah Hari Raya ini dengan perbuatan-perbuatan yang baik dan memberi makna dan manfaat sesama insan. Beta menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Selangor agar berjimat cermat dan berhemah ketika berbelanja menjelang Aidil Fitri ini. Beta juga menasihatkan rakyat jelata supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada semasa memandu di jalanraya.

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata' ala semoga melindungi dan memelihara Negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur serta rakyatnya terus dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid ini dengan nama **Masjid Al-Ma'arufiaha.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA BESERTA PERASMIAN MASJID AL-MA'ARUFIAH, KAMPUNG PARIT BARU, SUNGAI AIR TAWAR, SABAK BERNAM PADA 14 APRIL 2023 / 23 RAMADHAN 1444 H (JUMAAT)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA SEMPENA MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-70 PADA 28 OGOS 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta Ahli-ahli Mesyuarat Sekalian

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dapat bersidang buat kali ke-70. Mesyuarat pada kali ini juga merupakan Mesyuarat MKI kali kedua yang dipengerusikan oleh Beta selepas Mesyuarat MKI kali ke-69 yang telah diadakan pada 6 Mac 2023 yang lalu, di Istana Melawati, Putrajaya. Beta merakamkan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan semua Ahli-ahli Mesyuarat ke Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Shah Alam yang terletak di perkarangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah iaitu sebuah masjid yang menjadi lambang keagungan Islam di Negeri Selangor.

Hadirin dan Ahli-ahli Mesyuarat sekalian. Pada kesempatan ini, Beta ingin menarik perhatian Ahli-ahli Mesyuarat kepada beberapa isu semasa yang berlaku di Negara kita yang perlu kita fikirkan dan mencari jalan penyelesaian segera demi memperkukuhkan pentadbiran hal-ehwal Agama Islam di Malaysia.

ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH ORANG BUKAN ISLAM

Isu pertama adalah berhubung dengan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Negara ini. Pada 7 Jun 2023 yang lalu, di dalam pertemuan dan perbincangan Beta bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Beta selaku Pengerusi MKI telah menyuarakan pandangan Beta kepada Perdana Menteri, bahawa isu berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam perlu dibincangkan terlebih dahulu pada peringkat MKI. Pandangan Beta ini juga telah dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hal ini selaras dengan fungsi MKI yang bertanggungjawab menasihati Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus hal ehwal Islam. Beta juga berpandangan, memandangkan isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam ini merupakan isu yang sensitif di kalangan penganut Agama Islam di Malaysia serta melibatkan penggunaan kalimah Allah oleh sebahagian orang Kristian di negeri Sabah dan Sarawak ini, maka ianya perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam dan dimuktamadkan segera dengan penuh hikmah dan tanggungjawab. Justeru, Mesyuarat MKI pada sidang kali ini akan membincangkan satu kertas dasar berkaitan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dengan menggariskan panduan yang lengkap dan komprehensif. Segala keputusan yang dicapai oleh MKI berkaitan isu kalimah Allah ini nanti akan diangkat kepada Majlis Raja-Raja pada mesyuaratnya yang akan datang, dan dengan itu satu dasar berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Negara ini dimuktamadkan.

ISU KOMPENTENSI DEWAN UNDANGAN NEGERI

Isu kedua yang ingin Beta bangkitkan di dalam titah ucapan Beta ini adalah berkaitan dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri-negeri untuk menggubal undang-undang Islam di bawah Enakmen negeri serta bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Syariah. Sepertimana yang kita sedia maklum, kebelakangan ini terdapat banyak kes-kes yang sedang dibicarakan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah telah dicabar di Mahkamah Persekutuan khususnya berkaitan kompetensi Dewan Undangan Negeri di dalam membuat dan meluluskan undang-undang Islam (Syariah) serta bidangkuasa Mahkamah Syariah yang mendengarnya. Sebagai contoh SIS Forum (Malaysia) telah mencabar Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor di Mahkamah Persekutuan dengan mempersoalkan keesahan seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memberi kuasa semakan kehakiman (Judicial review) terhadap keputusan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor atau jawatankuasa-jawatankuasa yang menjalankan fungsi di bawah Enakmen tersebut. SIS Forum antara lain telah memohon Mahkamah Persekutuan untuk memutuskan bahawa seksyen 66A berkenaan sebagai tidak berperlembagaan, batal dan tidak sah. Mahkamah Persekutuan di dalam keputusannya telah memutuskan bahawa Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tidak memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang yang membolehkan Mahkamah Syariah menjalankan kuasa-kuasa semakan kehakiman. Ianya dikatakan tidak berkaitan dengan hukum syarak tetapi berkaitan dengan kuasa-kuasa undang-undang awam yang pada prinsipnya terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil.

Manakala dalam kes Iki Putra Mubarak melawan Kerajaan Negeri Selangor pula, Pemohon yakni Iki Putra telah mencabar kesahihan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, iaitu seksyen yang memperuntukkan kesalahan seks di luar tabii atas alasan bahawa Dewan Undangan Negeri Selangor tidak kompeten untuk menggubal kesalahan tersebut dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakannya. Kesahihan peruntukan ini dipersoalkan atas sebab telah sedia terdapat kesalahan yang sama dalam Kanun Keseksaan yang melibatkan seks luar tabii antaranya di bawah Seksyen 377A. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan walaupun membenarkan Dewan Undangan Negeri untuk menggubal apa-apa undang-undang yang berhubung dengan kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan oleh penganut Agama Islam, namun dalam masa yang sama Senarai Negeri Butiran 1 tersebut memperuntukkan klausa pengecualian yang mana penggubalan undang-undang tersebut hendaklah tidak termasuk perkara yang telah disenaraikan di dalam Senarai Persekutuan. Oleh yang demikian mahkamah telah memutuskan bahawa Dewan Undangan Negeri Selangor tidak berkompeten untuk menggubal Seksyen 28 tersebut yang pada hakikatnya terletak di bawah Senarai Persekutuan.

Cabaran atas dasar yang sama telah difailkan di Mahkamah Persekutuan oleh pemohon Nik Elin Nik Abdul Rashid untuk membatalkan 20 kesalahan jenayah Syariah yang terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Kes ini masih di peringkat pendengaran perbicaraan di Mahkamah Persekutuan. Namun apa yang membimbangkan adalah, andaikata keputusan mahkamah kelak memihak kepada pihak Pemohon, bermakna kesannya akan turut menjejaskan peruntukan-peruntukan kesalahan Jenayah Syariah yang sama yang terdapat dalam Enakmen negeri-negeri lain juga. *Trend* sebegini menggambarkan kedudukan Enakmen-enakmen negeri yang melibatkan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan jenayah Syariah semakin tercabar yang sekali gus menjejaskan bidangkuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri untuk membicarakannya.

Beta difahamkan Pihak Berkuasa Agama di peringkat negeri menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keputusan mahkamah yang memihak kepada tafsiran yang dikehendaki dalam keadaan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan yang sedia termaktub ketika ini. Mahkamah Persekutuan adalah tertakluk dan terikat untuk membuat tafsiran terhadap peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan mengikut prinsip dan rukun tafsiran yang sudah mantap *(established principles of interpretation)*. Oleh itu, penyelesaian hanya boleh dibuat melalui tindakan legislatif dengan membuat pindaan tertentu kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi membolehkan kuasa yang lebih luas diberikan kepada Dewan Undangan Negeri di dalam menggubal peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah Syariah bagi orang Islam. Dengan mengambil pertimbangan keadaan yang sedang kita hadapi ini, Beta berpandangan, adalah perlu satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi membuat kajian yang mendalam dan kritikal tentang persoalan undang-undang yang berbangkit berikutan dari keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan berkaitan kompetensi Dewan Undangan Negeri dalam kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa Khas ini perlu mengemukakan cadangan pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan termasuklah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan supaya satu penyelesaian menyeluruh terhadap isu-isu tersebut dapat dibuat.

Jawatankuasa Khas ini hendaklah dianggotai oleh pakar undang-undang Perlembagaan, undang-undang sivil dan Syariah serta ahli-ahli akademik dan tidak ketinggalan pengamal undang-undang yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang luas dalam kedua-dua bidang undang-undang sivil dan Syariah. Beta berharap YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal-ehwal Agama Islam) dapat mengambil langkah-langkah segera bagi pembentukan Jawatankuasa Khas tersebut dan mengemukakan syor kepada MKI dan seterusnya Majlis Raja-Raja ke arah penyelesaian kepada permasalahan ini.

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN HALAL DI MALAYSIA

Sebagaimana kita sedia maklum, pensijilan dan logo halal Malaysia telah mendapat kepercayaan negara-negara Islam dan badan-badan pensijilan halal di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini berjaya dilakar apabila Malaysia menjadi negara pertama yang berjaya mengeluarkan standard halal yang komprehensif selaras dengan keperluan ISO untuk dijadikan panduan dalam pensijilan serta tahap integriti yang tinggi dalam mengesahkan persijilan Halal Malaysia. Berikutan dengan itu sukacita Beta menggesa agar urusan pensijilan halal di peringkat domestik dan antarabangsa terus dikekalkan di bawah JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Raja Raja Yang Ke-222 pada 12 Oktober 2010.

Dalam hubungan ini juga, Beta mahu agar Kerajaan Malaysia mengambil langkah strategik untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Halal *(Malaysia Halal Excellence Centre)* terunggul di peringkat dunia. Langkah ini penting untuk melonjakkan legasi Malaysia sebagai peneraju halal global demi menjana kemajuan ekonomi umat Islam di Malaysia. Pusat kecemerlangan Halal Malaysia ini juga, akan berperanan sebagai *one stop centre* yang akan menjadikan Malaysia sebagai peneraju dan rujukan utama dalam pengurusan pensijilan halal di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa di samping meningkatkan kredibiliti dan integriti pensijilan halal Malaysia di persada dunia melalui aktiviti penyelidikan dan latihan amal.

Menyedari bahawa pensijilan Halal Malaysia semakin berkembang maju di peringkat domestik dan antarabangsa, Beta menyarankan agar pihak kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri melengkapkan keperluan sumber tenaga manusia, infrastruktur dan logistik di Bahagian Pengurusan Halal masing-masing agar pengurusan pensijilan halal dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan bagi memenuhi tuntutan industri halal pada masa kini tanpa membelakangkan aspek integriti dan perundangan negara. Segala rungutan berkaitan dengan karenah birokrasi yang rumit bagi mendapatkan sijil halal yang mengakibatkan kelewatan di dalam memperolehi sijil halal perlu segara diatasi agar negara kita terus kekal menjadi pesaing utama di dalam industri halal ini.

Di dalam kita melakar kecemerlangan di dalam pengurusan pensijilan halal ini, ada kedengaran masalah mendapatkan bekalan daging-daging halal dari luar negara termasuk juga daging-daging halal bermutu tinggi yang mencukupi untuk keperluan negara kita terutama pada musim-musim perayaan. Kesukaran ini dikaitkan dengan karenah birokrasi dan kekurangan sumber manusia di dalam mengendalikan permintaan yang tinggi pada sesuatu masa. Oleh itu Beta menyarankan agar masalah kekurangan bekalan daging halal bermutu ini dapat segera di atasi dan proses mendapatkan pensijilan halal tanpa karenah birokrasi yang membebankan perlu segera diperkenalkan.

KOMITMEN MKI DALAM MEMPERKASA PENDIDIKAN ISLAM

Salah satu fungsi utama MKI adalah berkenaan pendidikan Agama Islam. Beta berpandangan ia merupakan manifestasi kepercayaan Majlis Raja-Raja untuk melihat tadbir urus Institusi Pendidikan Islam di Malaysia dapat diselaraskan dengan lebih baik dan teratur. Ini kerana ia memberi kesan kepada pembangunan modal insan dan sumber manusia terlatih yang berteraskan kepada Agama Islam pada masa akan datang. Di samping itu, MKI juga berperanan sebagai pemudahcara dan penyelaras serta penghubung kepada pelbagai agensi kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi meningkatkan sistem pembelajaran dan pendidikan Islam di Institusi Pendidikan Islam.

Antara kejayaan MKI dalam memacu pendidikan Islam adalah menerusi pelaksanaan Program KAFA sejak tahun 1990 yang diuruskan oleh JAKIM. Beta berasa bangga, JAKIM telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan begitu cemerlang dalam menyelaras pelaksanaan Program KAFA di seluruh Negara termasuk bagi penyaluran bayaran elaun kepada tiga puluh lima ribu (35,000) orang guru KAFA dengan jumlah peruntukan lebih Ringgit Malaysia Lima Ratus Dua Puluh Sembilan Juta (RM529 juta) setahun.

Selain itu, Beta juga difahamkan bahawa program ini telah berkembang dengan baik, sehingga pada masa ini murid KAFA di seluruh Negara berjumlah seramai satu perpuluhan empat (1.4) juta orang. Hasilnya, masyarakat mengakui sememangnya Program KAFA sangat signifikan dalam membentuk sahsiah kanak-kanak Islam yang berada dalam lingkungan umur 7 hingga 12 tahun. Pencapaian murid-murid KAFA dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) juga sangat memberangsangkan pada setiap tahun sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1994. Beta berharap agar inisiatif pemerkasaan Program KAFA dapat terus dilaksanakan dari semasa ke semasa demi manfaat guru-guru dan murid-murid KAFA secara keseluruhannya.

Peningkatan jumlah pelajar di seluruh institusi pendidikan Islam dari tahun ke tahun menggambarkan kesedaran rakyat terhadap pentingnya pendidikan Islam dalam kehidupan. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan institusi pendidikan itu berkualiti serta memenuhi aspirasi ibu bapa, masyarakat dan Negara untuk melahirkan pelajar cemerlang di dunia dan di akhirat. Bagi menjamin kualiti pendidikan berterusan di kalangan murid-murid di Institusi Pendidikan Islam seperti contoh sekolah-sekolah tahfiz, Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor umpamanya telah mewajibkan pendaftaran bagi sekolah-sekolah-sekolah tahfiz swasta dan persendirian agar tata kelola yang baik, seragam dan sistematik dapat dilaksanakan. Dengan melakukan pendaftaran, silibus yang standard dan berkualiti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri juga dapat digunapakai dan satu sistem pemantauan yang efektif dapat dilaksanakan.

Baru-baru ini telah berlaku kekecohan tentang fitnah yang telah dilemparkan terhadap Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dan pihak PBT Selangor kononnya lebih daripada 200 buah sekolah tahfiz di Selangor telah diarahkan tutup yang mengakibatkan beribu pelajar tahfiz telah hilang tempat untuk belajar. Sesungguhnya fitnah sebegini amat tidak bertanggungjawab dan amat Beta kesali kerana ianya telah secara tidak langsung merisaukan para ibubapa dan boleh menghakis kepercayaan orang ramai terhadap Institusi Agama dan Pihak Berkuasa Agama khususnya di Negeri Selangor. Beta mahu mereka yang sering melemparkan fitnah dan tohmahan agar mendapatkan fakta yang tepat sebelum melontarkan sebarang tohmahan yang tidak berasas.

Golongan ini perlu segera memberhentikan perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab ini dan andaikata mereka meneruskan perbuatan fitnah dan khianat ini, Beta mohon pihak polis segera mengesan kumpulan pemfitnah ini dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Di dalam pada itu, Beta merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Menteri Hal Ehwal Agama Islam kerana telah mengeluarkan kenyataan mempertahankan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dan memperbetulkan fakta atas tohmahan yang telah dilemparkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini.

Pada hakikatnya Beta telah menitahkan agar langkah pemutihan diambil terhadap sekolah-sekolah agama dan tahfiz swasta dan persendirian yang tidak berdaftar dengan mengarahkan pendaftaran dibuat bagi memastikan sekolah-sekolah ini adalah selamat dari segi ciri-ciri keselamatannya dan mempunyai suasana pembelajaran yang selesa untuk para pelajar menimba ilmu. Tempoh masa lebih dua tahun telah diberikan bagi memastikan sekolah-sekolah ini mempunyai cukup waktu untuk mengambil langkah untuk mendaftar. Malah Lembaga Zakat Selangor juga telah memberikan peruntukan sebanyak tiga perpuluhan tiga lima (3.35) juta ringgit untuk membantu pihak sekolah tahfiz untuk membayar kos konsultasi bagi melaksanakan segala proses seperti kebenaran merancang dan seterusnya mendapatkan kelulusan dari pihak PBT.

> "Oleh itu Beta menyeru kepada mana-mana Institusi tahfiz swasta dan persendiran yang belum berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Islam negeri agar segera melaksanakannya supaya bantuan dan peruntukan dapat disalurkan seperti mana yang diterima oleh Institusi pendidikan Islam yang berdaftar. Pihak Berkuasa Agama negeri juga diseru agar terus memainkan peranan secara optimum dalam membantu dan menjadi pemudahcara untuk Institusi Pendidikan Islam berkenaan berdaftar secara sah. Bagi tujuan tersebut, Beta mencadangkan agar pihak JAKIM menyediakan kertas kerja bagi membuat dasar dan prosedur yang komprehensif bagi pendaftaran Institusi-institusi Tahfiz Swasta dan Persendirian untuk diguna pakai di setiap negeri."

ISLAM AGAMA PERPADUAN DAN TOLERANSI

Islam melalui pelaksanaan prinsip Syariah dapat dilihat sebagai agama yang bersifat inklusif dan membawa kesejahteraan kepada masyarakat. Sejajar dengan prinsip ini, kerajaan disarankan memberi tumpuan kepada pembinaan akhlak dan jati diri masyarakat tanpa mengira kaum, agama, warna kulit, fahaman politik dan budaya. Pendekatan dakwah yang lebih bijaksana dan inklusif dapat membina persefahaman serta memelihara hubungan baik antara satu sama lain.

Semasa Beta menunaikan haji di Tanah Suci baru-baru ini, Beta dapat saksikan sendiri masyarakat pelbagai bangsa, bahasa, warna kulit, darjat yang berbeza tidak menghalang umat Islam dari seluruh pelusuk dunia untuk melaksanakan ibadah Haji dengan aman, tertib dan teratur. Malah ibadah Haji memberikan suatu kesedaran bahawa di sebalik segala perbezaan yang ketara pada zahirnya, namun pada hakikatnya umat Islam bersaudara dan membentuk suatu kesatuan yang utuh dengan berkiblatkan ke arah yang satu yakni *Baitullah al Haram*. Renungkanlah firman Allah di dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

"sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu yakni bagi mereka yang berselisih pendapat dan bertaqwalah kamu kepada Allah agar kamu mendapat rahmat-Nya."

Hasrat untuk melihat perpaduan yang lebih kukuh di kalangan umat Islam di Negara ini haruslah bermula daripada kepimpinan alim ulama kita sendiri, khususnya dalam kalangan Mufti-mufti dan Ahli-ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI. Beta perhatikan kadangkala masih ada kecenderungan di kalangan sesetengah pihak untuk membangkitkan pendapat dan pandangan secara terbuka berkaitan beberapa isu sensitif yang seharusnya dibincang melalui forum MKI. Sebagai contohnya, baru-baru ini masih ada yang mempertikaikan kaedah rukyah dalam menetapkan tarikh permulaan Ramadhan serta menentukan anak bulan Syawal seperti yang telah dipersetujui di dalam mesyuarat pegawai-pegawai kanan negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Sedangkan kaedah rukyah ini bertepatan dan selari dengan sandaran agama kita yang mengambil kira ilmu hisab dan sains astronomi moden. Pandangan ini bersandarkan kepada dalil dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 yang bermaksud:

"Barangsiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu."

Beta berasa dukacita dengan perkembangan ini, kerana walaupun mereka menyatakan tujuannya adalah untuk menegakkan hujah, tapi kenapa sampai menimbulkan keraguan tentang kearifan para mufti yang memahami ilmu falak dan mengambil keputusan yang tidak bertepatan dengan apa yang telah dipersetujui. Ini sudah tentunya menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam yang akhirnya boleh mengundang kepada perpecahan. Oleh itu Beta menyarankan bagi mengelak sebarang kekeliruan pada masa akan datang, JAKIM hendaklah mengeluarkan satu ketetapan yang muktamad berkaitan dengan kaedah penentuan tarikh permulaan Ramadhan serta menentukan anak bulan Syawwal melalui ruqyah dan hisab.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan Beta, suka Beta mengingatkan bahawa MKI adalah sebuah institusi yang mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, bukan sahaja dari segi penubuhan, malah dari segi keahliannya. Keanggotaan utama dalam MKI adalah daripada wakil negeri-negeri yang memainkan peranan yang amat penting di dalam menyelaras hal ehwal Islam. Justeru itu, Beta amat berharap agar negeri- negeri yang masih belum menganggotai MKI dapat menyahut pelawaan dan menganggotai platform musyawarah MKI ini secara rasmi.

Walaupun telah banyak kejayaan dicapai melalui rundingan di platform MKI, namun masih terdapat pelbagai perkara yang masih belum selesai yang memerlukan penglibatan semua Ahli-ahli mesyuarat mencetuskan idea dan buah fikiran yang bernas. Peradaban manusia yang terus berkembang memerlukan Institusi Agama bergerak secara lebih dinamik serta berpandangan jauh kehadapan. Ia tidak akan tersasar selagi mana berpaksikan kepada objektif hukum syarak iaitu untuk menjaga maslahah agama, nyawa, akal, harta dan keturunan, menegakkan kebaikan dan mencegah anasir-anasir yang membawa keburukan. Beta mahu MKI berperanan secara optimum selari dengan fungsinya sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan- Peraturan MKI 2022. Marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha mencernakan pemikiran demi menghasilkan sesuatu yang cemerlang untuk Negara dan rakyat. Adalah menjadi harapan Beta agar semua pihak dapat menunaikan amanah yang digalas ini dengan ikhlas dan jujur.

Beta akhiri titah Beta dengan dua rangkap puisi yang dipetik daripada karangan Almarhum Nenda Beta Sultan Ala'eddin Suleiman Shah di dalam risalah Nasihat Guru Pada Murid.

"Tuntutlah ilmu akhirat dunya,
Hidup matimu dapat bahagia,
Ke manamu pergi jadi mulia,
Tidaklah hidup sia-sia.

Agama Islam amat sebenar,
Peraturannya cukup benar,
Tetaplah padanya jangan nanar,
Beroleh kebajikan yang bersinar."

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-71 PADA 15 FEBRUARI 2024 / 5 SYAABAN 1445 H

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam Sejahtera.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Ahli-Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia sekalian.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dapat bersidang buat kali ke-71.

Beta bersyukur kerana dengan kesepaduan usaha, idea dan buah fikiran semua anggota mesyuarat MKI, telah membolehkan banyak keputusan-keputusan penting dibuat demi kepentingan umat Islam di Malaysia. Sebagai sebuah badan tertinggi dalam penyelarasan hal ehwal Islam antara Persekutuan dan negeri-negeri, Beta berharap mesyuarat MKI pada hari ini dapat membuat keputusan terhadap beberapa isu penting dan isu-isu semasa serta meluluskan beberapa program yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam di Malaysia.

MENGUKUHKAN PERPADUAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MAJMUK

Penubuhan MKI sejak 56 tahun yang lalu antaranya adalah untuk mengukuhkan kesepakatan antara Persekutuan dan negeri-negeri dalam mentadbir hal ehwal Islam. Semenjak Beta dilantik menjadi Pengerusi MKI, Beta selalu memikirkan tentang betapa pentingnya perpaduan dalam kalangan umat Islam. Beta juga menekankan agar umat Islam dapat hidup dalam keadaan aman dan bersatu padu dengan rakyat yang bukan beragama Islam di Malaysia. Beta meyakini bahawa salah satu sumber kekuatan yang perlu dihayati bersama dalam kalangan masyarakat di negara ini ialah amalan hidup muhibah, bersatu padu, saling hormat-menghormati dan saling membantu antara satu sama lain. Ia bertepatan dengan ajaran Islam yang amat menekankan aspek keamanan, persefahaman serta rasa cinta dalam kalangan masyarakat bagi membentuk sebuah kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera.

Beta menyeru umat Islam di negara ini agar terus memperkukuhkan komitmen terhadap perpaduan dan ukhuwah yang selama ini menjadi teras kepada kemajuan negara. Sesungguhnya akar persaudaraan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Islam mampu menjana kejayaan dan kecemerlangan kepada kemakmuran serta kedaulatan negara keseluruhannya.

Berdasarkan hasrat itulah, perselisihan dan pertikaian yang muncul dalam kalangan masyarakat berkaitan apa-apa isu sekalipun, perlu diurus dengan penuh tertib, ketinggian hikmah serta bersikap adil kepada semua pihak. Beta bersyukur, polemik isu penggunaan kalimah Allah telah pun dapat diredakan apabila MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja telah memutuskan suatu ketetapan dan keputusan dasar berkaitan perkara ini. Beta berharap, tindakan perundangan yang berkait dengan isu kalimah Allah dapat disempurnakan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan melalui keputusan dasar yang telah dimuktamadkan di peringkat MKI dan Majlis Raja-Raja.

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Sebagaimana kita sedia maklum, pada 9 Februari 2024, Mahkamah Persekutuan melalui keputusan majoriti 8-1 telah mengisytiharkan bahawa 16 kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kanun Syariah Jenayah (1) 2019, Kelantan adalah batal dan tidak sah atas alasan, Badan Perundangan Negeri Kelantan telah membuat undang-undang berkenaan hal perkara yang ia tidak mempunyai kuasa untuk membuatnya dan inti pati seksyen-seksyen tersebut adalah berkenaan perkara di bawah Senarai Persekutuan, yang mana pada dasarnya hanya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuatnya.

Mahkamah Persekutuan di dalam membuat keputusan telah memutuskan bahawa prinsip undang-undang yang digunapakai dalam mentafsirkan isu yang berbangkit ini adalah jelas dan mantap. Di dalam menentukan samada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri itu adalah sah atau tidak dan termasuk dalam batasan kuasa perundangan masing-masing, ujian yang dipakai adalah dengan melihat kepada "pith and substance" atau dengan kata lain "inti pati" peruntukan-peruntukan yang menjadi persoalan. Jika dari segi inti patinya, peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh Badan Perundangan itu adalah yang termasuk di dalam Senarai Persekutuan, maka Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang tersebut. Ini dapat dilihat kepada Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu **kecuali** berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan yang mana kuasa menggubalnya adalah Parlimen.

Pelbagai pihak terutama ahli-ahli politik, pengamal undang-undang, para akademik dan rakyat biasa telah membuat pelbagai ulasan dan tafsiran terhadap keputusan kes tersebut. Terdapat ulasan yang memberi penjelasan sebenar tentang kesan kepada keputusan kes tersebut. Namun demikian terdapat juga ulasan berdasarkan kepada polemik kepentingan pihak-pihak tertentu sehingga menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada umat Islam di negara ini. Malah ada yang telah menyifatkan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut sebagai detik *Black Friday* kepada undang-undang jenayah syariah Islam di negara ini. Beta tidak berhasrat untuk turut sama terlibat dalam polemik tersebut.

Pada hemat Beta, semua pihak harus menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan dan kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara perlu sentiasa didokongi oleh rakyat Malaysia. Di dalam menangani isu yang berbangkit ini apa yang lebih penting ialah usaha kita dalam mencari jalan untuk mengatasi segala permasalahan yang timbul dengan mengkaji kaedah memperluaskan kompetensi Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang jenayah syariah dalam kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Usaha-usaha ini termasuklah mengkaji sekiranya ada keperluan untuk mencadangkan pindaan kepada peruntukan tertentu Perlembagaan Persekutuan dan/atau undang-undang Persekutuan yang berkaitan, bagi memastikan kuasa Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang jenayah syariah termaktub secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa sebarang kekaburan *ambiguity.*

Beta telah disembah maklum bahawa Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam yang ditubuhkan atas titah Beta semasa mesyuarat MKI Kali Ke-70 pada 28 Ogos 2023, sedang meneliti persoalan yang berbangkit ini. Beta juga telah disembah maklum bahawa terdapat empat isu utama yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Khas untuk diteliti iaitu:

Mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan kompetensi Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana diperuntukkan di bawah Butiran 1, Senarai II, Senarai Negeri kepada Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan;

a) melaksanakan kajian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kompetensi termasuklah analisis terhadap peruntukan undang-undang yang sedia ada secara menyeluruh, mengkaji keputusan-keputusan mahkamah tertinggi serta membincangkan isu-isu tersebut secara terperinci;
b) mencadangkan dan membuat pengesyoran tentang kaedah penyelarasan yang terbaik dan harmoni terhadap isu kompetensi Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan; dan
c) mengkaji kaedah memperkasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Jawatankuasa Khas ini telah diberi tempoh setahun dari tarikh ianya ditubuhkan untuk memberikan sebarang cadangan kepada MKI dan seterusnya diangkat kepada Majlis Raja-Raja untuk diperhalusi dan diperkenankan. Beta menyeru dan menggesa semua pihak, termasuk pakar-pakar perundangan agar membantu Jawatankuasa Khas ini dengan memberikan cadangan-cadangan yang berilmiah, bernas serta praktikal bagi memudahkan Jawatankuasa Khas ini melaksanakan tugas mereka. Beta faham adalah menjadi satu amanah yang berat yang perlu dipikul oleh Jawatankuasa Khas ini. Namun Beta percaya dengan pengalaman dan kelayakan yang ada pada ahli-ahli Jawatankuasa ini serta dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala satu penyelesaian dapat dicapai bagi manfaat semua pihak terutama umat Islam di negara ini. Sementara itu Beta menyeru kepada semua pihak terutama umat Islam agar bertenang dan tidak menimbulkan sebarang kekecohan sementara menantikan cadangan dari Jawatankuasa Khas berkenaan.

Di samping itu, salah satu agenda pemerkasaan perundangan dan institusi kehakiman Syariah adalah menerusi peningkatan profesionalisme modal insan yang berilmu, berdaya saing dan berintegriti demi mencapai pembangunan modal insan yang holistik. Beta difahamkan bahawa bagi mencapai hasrat ini, Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) telah ditubuhkan. Beta dimaklumkan bahawa hasrat pewujudan AKSM ini telah dimulakan sejak dua dekad yang lalu ketika Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie kali ke-19 pada tahun 2001. Kemudiannya, hasrat tersebut telah diluluskan menerusi Mesyuarat MKI Kali Ke-48 dan Majlis Raja-Raja yang masing-masing bersidang pada tahun 2009.

Pewujudan AKSM akan diteruskan berdasarkan dua opsyen baharu iaitu dengan pengemukaan permohonan pembinaan AKSM menerusi Rolling Plan 5 (RP5 Tahun 2025, Rancangan Malaysia Ke-12) dan pengoperasiannya menerusi Inisiatif Belanjawan 2024 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu. AKSM secara interim akan diwujudkan terlebih dahulu dengan menggunakan suntikan Inisiatif Belanjawan 2024 tersebut.

INTERVENSI PENDIDIKAN ISLAM

Salah satu bidang tumpuan MKI sejak awal penubuhannya ialah Pendidikan Islam. Pada suatu masa dulu, telah mula tercetus kecenderungan dan *trend* dalam kalangan masyarakat Islam di Asia Tenggara untuk menghantar anak muda meneruskan pelajaran di pusat pengajian Islam dan juga tahfiz di luar negara sedangkan di rantau ini, Malaysia mempunyai reputasi yang baik dari aspek perkembangan ilmu Islam. Berdasarkan keadaan tersebut, tercetuslah idea menubuhkan suatu badan yang berusaha menyelaras dan meninggikan sistem pelajaran dan Pendidikan Islam khususnya bagi institusi Pendidikan yang bukan terletak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Badan itu yang dulunya dikenali sebagai Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) telah diperkasakan selaras dengan penstrukturan baharu MKI dengan nama Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan.

Sehingga kini, antara isu yang mencabar dalam bidang Pendidikan Islam ialah penyelarasan kurikulum Sekolah Agama Rakyat, kelayakan tenaga pengajar, isu kemudahan prasarana di sekolah-sekolah persendirian dan sistem pengajian tahfiz dan pondok. Ia juga termasuk peluang anak-anak yang mengikuti pengajian di institusi Pendidikan Islam swasta untuk melanjutkan pengajian serta kebolehpasaran mereka dalam bidang pekerjaan. Bertitik tolak dari perkara tersebut, banyak hasil yang telah dicapai dalam bidang Pendidikan Islam antaranya ialah pembentukan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

Pada ketika ini, KBT telah diiktiraf sebagai kurikulum arus perdana di peringkat sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Usaha terus dilakukan secara berterusan untuk memberi nilai tambah dalam Pendidikan Islam apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membangunkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dan Pelan Tindakan DPTN. Melalui Pelan Tindakan DPTN ini, Model Intervensi Tahfiz bagi pelajar tahfiz swasta mengikuti kelas arus perdana serta mendaftar sebagai calon sekolah bagi menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah berjaya direalisasikan. Beta dimaklumkan bahawa terdapat empat Model Pendidikan Tahfiz Malaysia iaitu Model Tahfiz Sains, Model Tahfiz Turath, Model Tahfiz TVET dan Model Intervensi Tahfiz. Beta berharap Pihak Berkuasa Agama di Negeri-Negeri boleh memilih Model Pendidikan Tahfiz yang telah disediakan dengan mengambilkira peluang melanjutkan pelajaran di masa hadapan serta menawarkan bidang kerjaya yang diminati oleh generasi anak muda pada masa ini. Di samping itu juga Beta mengharapkan penekanan diberikan kepada matapelajaran bahasa Arab dalam empat model tahfiz ini agar pelajar-pelajar tahfiz yang dilahirkan nanti bukan hanya fasih menghafal al-Quran malah mereka juga berkemahiran memberikan tafsiran yang tepat kepada ayat-ayat suci al-Quran.

PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI UMMAH

MKI sejak penubuhannya pada tahun 1968 telah berjaya memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu yang telah melonjakkan pembangunan ekonomi negara, terutamanya berkait dengan sosioekonomi ummah. Penubuhan Bank Islam, pengunaan label "halal", pewujudan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan pengurusan Baitulmal yang teratur merupakan antara contoh pembaharuan yang telah dibawa oleh MKI dan kesemua inisiatif tersebut adalah berteraskan prinsip maqasid syariah. Kejayaan pelbagai inisiatif sosioekonomi ummah yang dimulakan oleh MKI ini membuktikan bahawa pendekatan yang lebih syumul atau menyeluruh kepada pembangunan ekonomi negara dapat memberi manfaat kepada umat Islam secara keseluruhannya.

Melihat kepada situasi semasa, ibadah zakat dan wakaf merupakan instrumen yang dapat mengurangkan jurang ekonomi yang ketara dan secara langsung membantu umat Islam di Malaysia. Beta dimaklumkan bahawa jumlah kutipan zakat seluruh Malaysia pada tahun 2022 adalah sebanyak RM4.27billion, manakala jumlah kutipan wakaf tunai hanya berjumlah RM106juta sahaja. Perbezaan besar antara jumlah kutipan zakat dan kutipan melalui ibadah wakaf ini mewajarkan satu pendekatan baharu diambil bagi meningkatkan kutipan wakaf tunai demi manfaat umat Islam di negara ini.

PEMERKASAAN PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA

Penubuhan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004 dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada tahun 2008 telah merancakkan lagi pelaksanaan aktiviti pembangunan tanah-tanah wakaf dan pembiayaan wakaf ekonomi-sosial di negara ini.

Kerjasama dan kolaborasi strategik kedua-dua agensi Persekutuan ini dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah mewujudkan 18 projek pembangunan tanah-tanah wakaf di seluruh negara sejak tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan dan usaha ini masih diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sejumlah RM315juta telahpun dibelanjakan untuk pembangunan kesemua projek wakaf ini yang meliputi skop wakaf kebajikan, ekonomi, pendidikan, perumahan dan kesihatan. Selain itu, inisiatif kutipan wakaf tunai yang lebih terselaras melalui pendigitalan yang sistematik di bawah agensi-agensi agama Islam peringkat Persekutuan dan Negeri turut memberi impak positif kepada penyediaan dana aktiviti wakaf di Malaysia.

Di samping itu, aspek penyelarasan perundangan dan tadbir urus wakaf turut diperkemaskan. Antara usaha yang terlibat adalah menerusi penerbitan buku panduan atau manual pengurusan wakaf di bawah JAWHAR yang dilihat banyak membantu MAIN dalam menambahbaik pengurusan wakaf. Dalam pada itu, sehingga kini sebanyak sembilan (9) buah negeri telah menguatkuasakan enakmen termasuk kaedah dan ordinan berkaitan wakaf. Perkembangan positif ini dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem tadbir urus wakaf di Malaysia.

USAHA-USAHA MENGENAL PASTI BENTUK WAKAF BAHARU UNTUK KEMAJUAN UMAT ISLAM

Pembangunan wakaf adalah tidak terhad kepada aspek keagamaan dan kebajikan sahaja. Malah, inisiatif wakaf mempunyai ruang inovasi untuk meneroka pembangunan sosioekonomi yang lain seperti keusahawanan, perkhidmatan, alam sekitar dan perumahan. Beta yakin dan percaya bahawa kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri sentiasa mengambil usaha untuk meneroka bentuk-bentuk wakaf baharu. Oleh itu, kajian hukum bagi menyesuaikan keperluan semasa dengan kehendak syariah perlu diharmonikan. Dalam usaha memperkasakan wakaf di Malaysia, pengurusan dan pembangunan wakaf perlu diperkemas agar instrumen wakaf mampu berperanan sebagai sebahagian daripada sektor ketiga ekonomi negara.

Bagi tujuan di atas, Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sedang memuktamadkan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) 2025-2030 yang akan dijadikan panduan dalam pelaksanaan gerak kerja pembangunan wakaf di seluruh negara. Sokongan dan kerjasama setiap pihak, terutamanya MAIN sebagai pemegang amanah tunggal adalah sangat diperlukan bagi menjayakan usaha pembangunan wakaf di seluruh Malaysia.

Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, mesyuarat pada pagi ini adalah merupakan mesyuarat kali terakhir yang dipengerusikan oleh Beta. Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-258 telah berkenan memilih Beta sebagai Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia untuk tempoh dua tahun yang akan berakhir pada 9 Mac 2024. Beta bersyukur kerana sepanjang tempoh Beta meneraju MKI, Beta telah berusaha sedaya-upaya Beta untuk melaksanakan apa yang terbaik untuk umat Islam di negara ini. Beta menekankan tentang perlunya kecekapan dan kebijaksanaan pengurusan institusi tadbir urus agama

Islam di negara ini dipertingkatkan dan ditambah baik. Beta juga selalu mengingatkan umat Islam agar sentiasa mengelakkan perbalahan, persengketaan, fitnah-memfitnah sesama sendiri hingga membawa kepada perpecahan yang merugikan kepada umat Islam. Kerajaan dan institusi-institusi agama hendaklah sentiasa peka dan mengambil perhatian berat terhadap ancaman yang boleh menggugat kesucian agama Islam sehingga mendatangkan musibah kepada umat Islam keseluruhannya.

> "Di kesempatan ini Beta ingin menasihatkan umat Islam di negara ini terutama kepada para alim ulamak dan para ilmuan Islam agar sentiasa memelihara adab di dalam mencetuskan sesuatu pandangan bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan di kalangan umat Islam. Kita tidak perlu berbalah secara terbuka di dalam perkara-perkara yang boleh kita selesaikan dengan cara bermesyuwarah dan secara tertutup. Kita perlu meraikan perbezaan pendapat dan menyelesaikan perbezaan pandangan tersebut secara ilmiah, berhemah serta melalui saluran yang betul."

Rakyat terutama umat Islam sentiasa melihat dan memandang tinggi kepada para ilmuan islam dan para alim ulamak dan sentiasa mengharapkan sesuatu ketetapan berkaitan sesuatu hukum itu dapat disepakati oleh semua. Oleh itu adalah menjadi harapan Beta agar saranan dan nasihat Beta ini dijadikan panduan ke arah perpaduan dan kesejahteraan umat Islam di negara ini.

Seperkara lagi yang Beta ingin nasihatkan adalah berkaitan dengan penggunaan agama demi kepentingan politik kepartian. Umat Islam sedia maklum bahawa isu-isu agama sering dipolitikkan sejak beberapa dekad yang lalu malah semakin serius sejak kebelakangan ini. Akibatnya berlaku permusuhan, salah faham serta kekeliruan di kalangan umat Islam. Cukup-cukuplah kita bersengketa atas sebab agama. Telah tiba masanya umat Islam semua bersatu demi kekuatan umat Islam. Apabila umat Islam kuat dan bersatu padu, masyarakat bukan agama Islam akan menghormati umat Islam. Di samping itu pentadbiran agama Islam di negara ini perlulah bebas dari pengaruh politik kepartian dan amalan mempolitikkan setiap urusan agama. Teguran Beta ini tidak dimaksudkan kepada mana-mana pihak malah Beta mengingatkan kepada semua ahli-ahli politik agar jangan mengambil kesempatan untuk mempolitikkan setiap isu yang melibatkan agama Islam sehingga ianya menjadi modal kepada persengketaan politik yang tiada berkesudahan. Isu agama adalah sesuatu yang boleh menjadi sensitif kepada umat Islam, oleh itu elakkanlah dari tuduh-menuduh antara satu sama lain atas isu agama yang pada asasnya boleh kita selesaikan secara bersama.

Sebagai mengakhiri ucapan Beta, Beta merujuk kepada Peraturan 2(1) Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022 yang menetapkan bahawa pengerusi MKI hendaklah dipilih dari kalangan Raja Pemerintah oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui. Namun demikian, Beta tidak berhasrat tempoh Beta menjadi Pengerusi MKI diperbaharui. Terpulanglah kepada Majlis Raja-Raja untuk memilih seorang Pengerusi baru dari kalangan Raja Pemerintah agar kesinambungan fungsi dan aspirasi MKI akan terus dapat dilaksanakan dengan lebih baik di bawah kepimpinan Pengerusi baru.

Beta juga berharap amalan melantik Y.B. Menteri Agama dari kalangan bukan ahli politik yang dilaksanakan sekarang ini dapat diteruskan demi memastikan isu-isu berkaitan hal ehwal agama Islam tidak dijadikan sebagai bahan politik dan tumpuan sepenuhnya dapat diberikan oleh Y.B. Menteri Agama di dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan umat Islam. Beta menyarankan juga kelayakan akademik berasaskan ijazah Pendidikan Islam perlu dijadikan sebagai kriteria utama di dalam melantik seorang Menteri Agama.

HARAPAN/PENUTUP

Sepanjang Beta menerajui MKI, Beta telah mendapat sokongan penuh dan penglibatan aktif semua negeri-negeri melalui wakil-wakil yang dilantik dan semua ahli jawatankuasa serta agensi-agensi pentadbiran hal ehwal Islam. Hal ini memberi semangat luar biasa untuk Beta melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tempoh dua tahun ini. Oleh itu, Beta menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas komitmen semua ahli mesyuarat, serta wakil-wakil dari semua negeri. Tidak lupa juga, Beta mengucapkan terima kasih kepada JAKIM selaku Sekretariat MKI yang telah melaksanakan tugasnya dengan begitu efektif sehingga membolehkan semua mesyuarat MKI dapat dilaksanakan dengan sempurna. Walaupun pada masa hadapan, Beta tidak lagi mempengerusikan MKI, namun Beta akan tetap memainkan peranan Beta sebagai Anggota Majlis Raja-Raja dengan menyumbangkan buah fikiran Beta ke arah memperkasakan peranan MKI. Semangat Beta tetap membara bersama MKI dan segala pengalaman yang Beta perolehi akan tersemat kukuh dalam sanubari Beta dan ia memberikan suatu pengalaman yang amat berharga di samping kenangan manis untuk dikenang selama-lamanya.

Beta berdoa semoga MKI akan terus berada di persada tertinggi dalam pengurusan hal ehwal Islam sejajar dengan hasrat Majlis Raja-Raja ketika menubuhkannya.

"PERTAHAN DAN SETIA KEPADA AGAMA ISLAM"
"BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA"

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.





MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-71
PADA 15 FEBRUARI 2024 / 5 SYAABAN 1445 H





MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-71
PADA 15 FEBRUARI 2024 / 5 SYAABAN 1445 H

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

PERASMIAN MASJID DAMANSARA PERDANA
PADA 5 APRIL 2024 / 25 RAMADHAN 1445 H (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Beta diberi kesempatan untuk hadir pada petang ini bagi merasmikan masjid ke-10 dan juga yang terakhir bagi bulan Ramadan tahun 2024 bersamaan tahun 1445 Hijrah kali ini.

Beta ingin mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta semua pihak yang terlibat, termasuk jawatankuasa pengurusan setiap masjid-masjid di Negeri Selangor yang bertanggung jawab menganjurkan Majlis-majlis Ihya' Ramadan tahun ini.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Beta telah dapat menyampaikan sumbangan Hari Raya daripada Lembaga Zakat Selangor yang telah dikelolakan oleh JAIS kepada seramai lima ribu satu ratus lapan puluh tiga (5183) orang yang terdiri daripada golongan asnaf, fakir miskin dan mualaf di daerah-daerah Negeri Selangor membabitkan jumlah keseluruhan Ringgit Malaysia Dua Juta, Lima Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu, Lima Ratus (RM2,591,500.00).

Selain daripada itu, Beta difahamkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah memperuntukan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Tujuh Juta (RM1.7 Juta) bagi sumbangan kepada sebelas ribu tiga ratus lapan puluh enam (11,386) orang anak-anak yatim di Negeri Selangor sempena sambutan Hari Raya pada tahun 2024 yang telah disampaikan oleh Raja Muda Selangor.

Sesungguhnya Beta berasa bangga dan terharu melihat sendiri perpaduan, kerjasama dan sifat tolong-menolong antara satu sama lain yang dipamerkan oleh orang-orang Melayu Islam di negeri yang Beta kasihi ini khususnya pada bulan yang mulia ini. Beta berharap orang-orang Melayu akan terus mengambil jalan perpaduan dan memperkukuh keharmonian demi menunjukkan kekuatan bangsa dan ummah. Sekiranya Negeri Selangor yang terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa dan agama ini ingin lebih maju dan progresif, perpaduan dan kerjasama yang terjalin di kalangan rakyat sekarang ini hendaklah dipertahankan dan perlu terus ditingkatkan. Jauhkan daripada sikap berprasangka buruk antara satu dengan yang lain dan hendaklah kita sentiasa suburkan sikap toleransi demi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di Negeri Selangor ini.

Negara yang rakyatnya tidak bersatu padu dan berpecah belah, tidak akan dapat mencapai kemajuan dan kejayaan yang diharapkan. Oleh itu Beta menyeru kepada pemimpin-pemimpin politik agar memainkan peranan mereka bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama ini dan tidak mengeruhkan keadaan dengan membangkitkan isu-isu yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan rakyat. Pemimpin-pemimpin politik hendaklah memikirkan pendekatan terbaik untuk menyatupadukan rakyat seperti mengambil pendekatan menggunakan platform media sosial bagi membentuk rasa hormat-menghormati dan persefahaman antara satu sama lain demi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di Negara kita.

> "Beta sentiasa mendoakan agar orang Melayu Islam di negeri Beta ini dijauhi daripada sifat dan sikap yang tidak baik dan dilarang oleh Islam seperti menipu, mengadu domba, memfitnah dan juga mencaci. Beta tidak mahu sikap-sikap buruk ini terus berleluasa khususnya di media-media sosial."

Apa yang membimbangkan Beta, sikap-sikap buruk yang dilarang oleh agama Islam ini telah mula menular di kalangan segelintir golongan terpelajar. Beta dapati akhir-akhir ini ramai yang mengaku diri mereka sebagai agamawan atau ilmuan dan telah cuba mempengaruhi rakyat dengan menyampaikan pendapat dan hujah-hujah mengenai isu-isu agama, namun sebaliknya mempunyai agenda peribadi yang tersembunyi bak kata pepatah melayu *'ada udang di sebalik batu'* dalam setiap tindakan yang dibuat. Mereka ini menggunakan agama, kedudukan dan popularity untuk meraih sokongan masyarakat dan sanggup melihat umat Islam di negara ini berpecah belah.

> "Oleh yang demikian, Beta suka menasihatkan kepada seluruh umat Islam supaya sentiasa berwaspada dan bijak dalam menilai siapa yang sebenarnya ulama' sejati dan siapa yang hanya mempergunakan agama untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu."

> "Akhir sekali, Beta ingin mengajak seluruh umat Islam supaya dapat terus meningkatkan amal ibadah di penghujung bulan Ramadan tahun ini dan dapat menjalani kehidupan berpandukan ajaran Al-Quran, insya-Allah, kita akan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dijauhi dari malapetaka dan bencana. Beta mendoakan semoga segala amalan dan ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini akan mampu menambah ketakwaan dan keimanan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dalam usaha kita menjadi hamba-Nya yang taat."

Di kesempatan ini, Beta dan Tengku Permaisuri Selangor ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh rakyat Negeri Selangor yang amat Beta kasihi. Sambutlah lebaran kali ini dengan penuh rasa kesyukuran.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta merasmikan **Masjid Damansara Perdana.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



PERASMIAN MASJID DAMANSARA PERDANA
PADA 5 APRIL 2024 / 25 RAMADHAN 1445 H (JUMAAT)

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA SERTA PERASMIAN MASJID DENAI ALAM, SHAH ALAM (MASJID RAJA BENDAHARA TENGKU BADAR SHAH) PADA 26 MAC 2025 / 25 RAMADHAN 1446 H (RABU)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Beta diberi kesempatan untuk hadir pada majlis berbuka puasa bersama rakyat dan sumbangan hari raya serta perasmian masjid Denai Alam, Shah Alam. Marilah kita mengambil keberkatan bulan Ramadhan ini untuk mengukuhkan akidah dan iman kita di samping amalan baik kita sebagai umat Islam yang sebenarnya.

Beta memanjatkan kesyukuran kerana pada sepanjang bulan Ramadhan ini Beta telah merasmikan sebanyak 7 buah masjid baru di seluruh Negeri Selangor. Pada bulan Ramadhan ini juga, Beta telah berkesempatan untuk mengagihkan sebanyak Lima Ratus Ringgit (RM500.00) setiap seorang kepada seramai Tujuh Puluh Lima Ribu Dua Ratus Tujuh (75,207) orang Asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf (saudara baru) dari seluruh daerah Negeri Selangor untuk Bantuan Hari Raya. Pengagihan ini melibatkan perbelanjaan wang Lembaga Zakat Selangor berjumlah Tiga Puluh Lima Juta Dua Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Dua Ratus Ringgit (RM35,273,200.00). Bantuan ini diharapkan dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh para asnaf bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri nanti.

> "Di kesempatan ini, Beta ingin menegaskan bahawa di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya, umat Islam hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlaknya seperti ketetapan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan pada tahun 1996 lagi. Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini menitikberatkan kepada sifat wasatiyah atau kesederhanaan dan adil."

Agama Islam pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Selangor ini telah sering kali disampaikan kepada semua rakyat Negeri Selangor melalui pelbagai cara, termasuk Khutbah Jumaat dan perkongsian ilmu daripada para ustaz, ustazah dan ulama' yang bertauliah.

Beta ingin mengingatkan umat Islam khususnya di Negeri Selangor ini agar sentiasa memperkukuhkan iman dan aqidah agar tidak mudah terpesong dengan sebarang ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebarang percanggahan daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dicegah daripada diamalkan di Negeri Selangor kerana ianya akan membangkitkan kekeliruan di kalangan umat Islam hingga membawa kepada perpecahan. Jika terdapat sebarang bentuk ajaran atau fahaman baru yang mengelirukan, maka adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk merujuk kepada Mufti dan fatwa yang telah dikeluarkan. Laporan segera juga hendaklah dibuat kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk tujuan penguatkuasaan oleh pihak JAIS.

Ini termasuklah juga ajaran-ajaran sesat yang dilihat semakin bercambah sejak kebelakangan ini. Kumpulan ajaran sesat ini kelihatan begitu mudah dapat mempengaruhi umat Islam untuk mempercayai fahaman sesat yang dibawa oleh kumpulan ini. Beta mahu gejala ini dicegah dari peringkat awal lagi supaya ajaran sesat ini tidak terus berkembang dan merosakkan aqidah umat Islam. Bagi kumpulan ajaran sesat yang telah diambil tindakan undang-undang, **pemantauan harus terus dilakukan** agar ianya tidak hidup dan bergerak semula seperti contoh apa yang dilakukan oleh kumpulan Al Arqam yang telah diharamkan kemudiannya bergerak di bawah nama Rufaqa' dan akhirnya Global Ikhwan (GISBH).

Masyarakat Islam khususnya di Selangor juga hendaklah sama-sama memainkan peranan untuk mengekalkan perpaduan yang sedia ada di Negeri ini. Walaupun terdapat perbezaan pandangan sesama umat Islam, carilah titik persamaan untuk diraikan dan elakkan daripada membesar-besarkan perkara kecil yang mampu membawa kepada bibit perpecahan. Janganlah mengamalkan sikap caci-mencaci dan memfitnah antara satu sama lain kerana ia akan menjadi barah yang akan membunuh perpaduan umat Islam. Memelihara tali persaudaraan dan memperkukuh ukhuwah serta rasa kebersamaan adalah sangat dituntut dalam Islam. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman dalam Al-Quran dalam surah Ali-Imran: ayat 103 yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai."

Usaha mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan ini hendaklah diterajui oleh para pemimpin dalam kalangan umat Islam sendiri samada pimpinan politik atau pemimpin agama kerana merekalah yang harus menjadi teladan yang utama. Janganlah pemimpin pula yang menjadi api dalam sekam dan menyebabkan pertelingkahan dan persengketaan dalam masyarakat. Para pemimpin perlu mengangkat mertabat umat Islam supaya lebih bersatu padu dan kuat di dalam menghadapi era yang kian mencabar ini.

Di kesempatan ini juga Beta ingin nasihatkan umat Islam berkaitan sifat amanah dan jujur. Islam menuntut setiap umatnya untuk bersikap amanah. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wa Sallam sendiri menegaskan melalui hadis yang bermaksud,

"Tiada iman bagi orang yang tidak amanah dan tiada agama orang yang tidak menunaikan janji"
(Hadis Riwayat Ahmad)

Malangnya, Beta masih lagi mendengar laporan dan berita tentang hal yang berkait dengan ketidakjujuran dan isu integriti terhadap mereka yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab umpamanya kes kecurian dan penyelewengan duit tabung masjid, penyelewengan duit anak yatim dan kecurian wang kutipan zakat sering kali Beta dengar.

Malah di peringkat yang lebih besar penipuan oleh syarikat-syarikat pelancongan tanpa lesen yang mengendalikan pakej-pakej Haji dan Umrah seringkali dilapurkan. Mereka yang melakukan penipuan memperolehi keuntungan yang besar atas kesusahan dan penderitaan umat Islam yang lain. Semua ini melibatkan duit milik orang Islam dan pelakunya kebanyakannya adalah dari kalangan orang Islam sendiri. Kenapa semua ini harus berlaku di dalam masyarakat Islam. Kenapa perlu diseleweng dan dicuri duit milik orang Islam ini? Tidakkah mereka ada sedikit perasaan simpati kepada mangsa yang ditipu. Umat Islam sering diajar dan diingatkan untuk mengamalkan ciri-ciri amanah dan jujur terutama mereka yang diletakkan dengan amanah dan tanggungjawab. Kita perlu ingat bahawa wang yang dicuri dan diseleweng ini adalah wang untuk umat Islam dan umat Islam juga yang akan rugi kerana wang yang dicuri itu tidak dapat digunakan sebagai suatu sumber untuk membantu dan memajukan umat Islam. Perbuatan keji ini juga boleh mencemar kesucian agama Islam pada pandangan penganut agama bukan Islam.

Wahai umat Islam, Beta menyeru dan merayu agar kita sentiasa mengingati akan hukuman keras Allah yang menanti kita andaikata kita gagal melaksanakan amanah dengan jujur dan berintegriti. Walaupun mungkin kita boleh terlepas dengan hukuman dunia namun kita tidak akan dapat melepasi hukuman berat Allah di hari perhitungan nanti.

Dalam masa yang sama, masyarakat Islam diingatkan untuk belajar memanfaatkan segala sumber maklumat dan komunikasi untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan. Contohnya, masjid dan surau boleh memaksimumkan penggunaan bayaran atas talian seperti QR pay bagi mengutip derma. Zakat juga hendaklah dibayar kepada Lembaga Zakat Selangor atau amil yang dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor. Bahkan, mereka yang mahu menunaikan haji dan umrah hendaklah memastikan pengendali pakej haji dan umrah itu adalah pengendali sah yang telah dilesen dan diiktiraf oleh Lembaga Tabung Haji.

Beta ingin melahirkan rasa kesyukuran kerana Lembaga Tabung Haji kini diuruskan dan diterajui oleh mereka yang profesional dan berpengalaman di dalam menguruskan syarikat jika dibandingkan pada satu ketika dahulu yang mana ianya diterajui oleh orang politik. Kesan kepada perubahan pucuk pimpinan Lembaga Tabung Haji dapat dilihat apabila secara beransur-ansur prestasi Lembaga Tabung Haji telah meningkat dari tahun ke tahun dan pada tahun ini Lembaga Tabung Haji mampu untuk memberi dividen terbaik dalam tempoh 7 tahun kepada pendeposit Lembaga Tabung Haji. Beta berharap pengurusan dan pimpinan tertinggi Lembaga Tabung Haji hendaklah terus bebas dari penglibatan orang politik. Beta berdoa agar Lembaga Tabung Haji kekal sebagai sebuah Institusi dan syarikat Islam yang berjaya dan dapat terus membantu umat Islam untuk mengerjakan Haji dan Umrah di samping dapat memberikan pulangan dividen yang menguntungkan kepada para pendeposit.

Beta mahu Ramadhan kali ini menjadi satu titik tolak untuk melahirkan umat Islam yang amanah dan mempunyai akhlak yang tinggi kerana ia mencerminkan iman seorang Muslim. Marilah kita semua mencontohi akhlak dan adab Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wa Sallam kerana akhlak umat Islam akan mencerminkan Islam sebagai sebuah agama yang sederhana, mengutamakan keamanan dan perpaduan serta mempunyai nilai peradaban yang tinggi.

Sebelum Beta mengakhiri ucapan, Beta ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang beragama Islam. Aidilfitri bermaksud Hari Raya Fitrah iaitu hari manusia kembali kepada fitrah sebagai manusia yang suci dan baik. Semoga Ramadhan kali ini akan berjaya mendidik hati umat Islam dengan sikap sabar, displin, amanah dan mengawal nafsu untuk sepanjang kehidupan dan tidak hanya di bulan Ramadhan.

Sebagai mengakhiri ucapan Beta, marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melindungi dan merahmati Negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur serta semua rakyatnya dapat hidup bersatu padu dengan aman dan harmoni.

Maka dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid ini sebagai Masjid Daerah dengan nama **Masjid Raja Bendahara Tengku Badar Shah.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.



MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA SERTA PERASMIAN MASJID DENAI ALAM, SHAH ALAM (MASJID RAJA BENDAHARA TENGKU BADAR SHAH) PADA 26 MAC 2025 / 25 RAMADHAN 1446 H (RABU)



MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA SERTA PERASMIAN MASJID DENAI ALAM, SHAH ALAM (MASJID RAJA BENDAHARA TENGKU BADAR SHAH) PADA 26 MAC 2025 / 25 RAMADHAN 1446 H (RABU)



ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

KURSUS PERDANA HAJI MUSIM HAJI 1446 HIJRAH
DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM
PADA HARI AHAD, 20 APRIL 2025

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismilahir Rahmanir Rahim

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya Beta dapat bertemu dengan bakal-bakal haji sekalian di dalam Majlis Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor Musim Haji Tahun 1446 Hijrah.

Beta mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir di Kursus Perdana Haji kali ini kerana telah terpilih untuk menunaikan haji. Haji merupakan panggilan dari Allah Subhanahu Wata'ala dan Alhamdulillah, doa serta usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini telah dimakbulkan untuk menjadi tetamu Allah.

Sebagai mana yang kita sedia maklum, kuota untuk mengerjakan haji amatlah terhad bagi setiap negara dan ianya telah ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi. Oleh yang demikian, Beta berharap kepada tuan-tuan dan puan-puan yang berpeluang menunaikan haji pada tahun ini, manfaatkanlah peluang tersebut dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan haji yang mabrur. Kita harus bersyukur dengan adanya Lembaga Tabung Haji yang menjaga dan menguruskan kebajikan jemaah haji. Oleh itu gunakanlah kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Tabung Haji dan jangan menggunakan agensi-agensi lain yang tidak diketahui latar belakangnya yang boleh menyebabkan Jemaah Haji tertipu dan terpedaya sehingga hasrat untuk menunaikan haji tergendala.

> "Beta ingin mengingatkan supaya umat Islam tidak menganiaya sesama Islam dengan mengambil kesempatan mengadakan pakej-pakej haji palsu untuk mengaut keuntungan secara menipu dan memperdayakan umat Islam. Ingatlah Agama Islam melarang umatnya menipu dan Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas segala dosa-dosa mereka yang memperdaya orang lain. Beta berharap pada masa akan datang tiada lagi kes jemaah haji yang ditipu oleh agen-agen yang tidak bertauliah. Diharap pihak kerajaan memandang serius mengenai perkara ini."

Setakat ini Beta dimaklumkan bahawa para Jemaah Haji Malaysia termasuk Jemaah Haji dari Negeri Selangor adalah antara jemaah yang berdisiplin dan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh kerajaan Arab Saudi. Beta berharap tuan-tuan dan puan-puan terus mengekalkan disiplin diri semasa berada di Tanah Suci nanti dan menjaga nama baik Negeri Selangor dan Malaysia. Tumpukan perhatian kepada ibadah di Tanah Suci dan elakkan daripada terlibat dalam sebarang bantahan atau demonstrasi. Bersabarlah atas segala kepayahan dan dugaan yang mungkin akan dilalui terutama ketika berada di padang Arafah, Muzdalifah dan Mina. Sentiasalah berhubung dengan petugas-petugas haji dan mengikuti segala arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Lembaga Tabung Haji.



Satu perkara lagi yang penting Beta ingin mengingatkan ialah tuan-tuan dan puan-puan perlu menjaga kesihatan diri kerana ibadah Haji memerlukan banyak pergerakan fizikal yang sihat. Jika kita tidak sihat, dikhuatiri akan menjejaskan ibadah Haji yang akan dilakukan. Apabila sampai di tanah suci nanti, jika ada masalah kesihatan, segeralah ke klinik-klinik Tabung Haji di sana untuk mendapatkan rawatan. Beta juga berkenan untuk menasihati supaya para Jemaah Haji sekalian mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi supaya kita sentiasa berada di dalam keadaan aman sejahtera dan terhindar dari sebarang masalah.

Akhir kata, Beta mengucapkan selamat pergi ke Tanah Suci untuk mengerjakan Haji kepada para Jemaah sekelian. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati dan memberkati kita semua. Aamiin.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta dengan sukacitanya menyempurnakan **Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor bagi Musim Haji 1446 Hijrah.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmaltullahi Wabarakatuh.



ISTIADAT PEMASYHURAN DAN PELANTIKAN CANSELOR DAN PRO CANSELOR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
DI PUSAT KONVENSYEN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR PADA HARI SABTU 19 JULAI 2025





ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

ISTIADAT PEMASYHURAN DAN PELANTIKAN CANSELOR DAN PRO CANSELOR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR DI PUSAT KONVENSYEN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR PADA HARI SABTU 19 JULAI 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta diberi kesempatan merasmikan majlis yang penuh makna dan bersejarah ini, iaitu Istiadat Pemasyhuran Universiti Islam Selangor (U.I.S.) serta pengurniaan watikah pelantikan Canselor dan Pro Canselor U.I.S.

Beta merasa bangga melihat perkembangan U.I.S. dalam arus pendidikan tinggi negara seiring dengan keperluan dan kehendak semasa. Universiti ini bermula pada tahun 1995 sebagai Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) yang kemudiannya telah dinaik taraf kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan kini secara rasminya sebagai Universiti Islam Selangor U.I.S. Beta difahamkan sehingga kini U.I.S. telah menawarkan sebanyak tujuh puluh sembilan (79) program pengajian daripada peringkat Asasi sehingga Ijazah Doktor Falsafah dan telah melahirkan ramai graduan yang bukan sahaja berilmu, tetapi berakhlak mulia dan berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Suka Beta memetik kata sarjana besar, Profesor di-Raja Syed Muhammad Naquib Al-Attas bahawa:

"Pendidikan bukan sekadar menyampaikan pengetahuan tetapi harus melahirkan insan yang beradab, mengenali dan mengakui Pencipta Yang Maha Esa".

Pepatah Arab pula menyebut,

"Barang siapa mahukan dunia, hendaklah dengan ilmu, barang siapa mahukan akhirat, hendaklah dengan ilmu, dan barang siapa mahukan kedua-duanya, maka hendaklah juga dengan ilmu".

Beta mengharapkan agar U.I.S. mensasarkan bagi melahirkan generasi yang suka membaca, suka menulis, para pemikir dan karyawan yang menyumbang kepada tamadun dan peradaban Islam yang hebat. Beta menegaskan bahawa U.I.S. tidak seharusnya dijadikan sebagai Universiti yang hanya mementingkan ilmu pengetahuan secara teori semata-mata, tetapi hendaklah menjadi sebuah Universiti yang mematangkan pemikiran, menggilap keperibadian mulia dan mendidik jiwa murni supaya berjaya di dunia dan akhirat.

Beta juga berkenan dengan langkah U.I.S. dalam memulakan usaha bagi menjadikan U.I.S. sebagai Universiti Wakaf pertama di Malaysia, satu usaha mulia yang mendukung nilai keikhlasan, keberkatan dan kebersamaan. Beta mengharapkan agar Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dapat berganding bahu dengan pihak U.I.S. bagi memastikan hasrat menjadikan U.I.S. sebagai Universiti Wakaf dapat diterjemahkan menjadi satu kenyataan.

Baru-baru ini Beta telah membuat satu ketetapan bahawa kerajaan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS), tidak lagi membiayai para pelajar peringkat diploma dan ijazah pertama ke Universiti di negara Timur Tengah, sebaliknya akan membiayai para pelajar ini untuk melanjutkan pelajaran dengan memasuki Universiti Islam tempatan. Ini adalah bagi memastikan kita dapat mempromosikan Universiti Islam tempatan khususnya U.I.S. yang tidak kurang hebat dan setanding dengan Universiti di negara-negara Timur Tengah. Di samping itu juga, Beta mahu pelajar tajaan kerajaan dan LZS ini dapat mempelajari dan menguasai bahasa Arab di Universiti Islam tempatan sebelum mereka ini melanjutkan pelajaran di universiti-universiti di Timur Tengah.

Namun bagi pelajar-pelajar yang mengambil ijazah lanjutan di peringkat sarjana dan PhD, kerajaan negeri dan LZS akan terus membiayai dan menggalakkan pelajar U.I.S. untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sana.

Beta menyedari terdapat pihak-pihak yang tidak setuju dan mengkritik ketetapan dan dasar baru ini kerana masih ramai ibubapa yang mahukan anak-anak mereka menyambung pelajaran di Universiti di Timur Tengah. Namun demikian, Beta berpendapat bahawa dalam situasi di mana MAIS dan JAIS telah menyediakan banyak sekolah agama di Negeri Selangor yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik disamping menghasilkan pelajar-pelajar cemerlang, maka adalah bersesuaian untuk kita menfaatkan pelajar-pelajar cemerlang ini untuk ditempatkan di U.I.S. yang telah kita wujudkan sebagai Institusi bagi kesinambungan pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang ini. Dalam pada itu, proses membina jatidiri dan kematangan para pelajar ini dapat kita bentuk ketika mereka berada di Universiti tempatan khususnya U.I.S.

Beta juga menyeru dan menaruh harapan tinggi agar Kerajaan Negeri Selangor meneruskan komitmen dalam memberikan sokongan kewangan, kemudahan infrastruktur serta mengambil berat kebajikan pelajar dan warga U.I.S. demi kelangsungan dan kecemerlangan U.I.S. sebagai pusat pengajian tinggi Islam yang unggul dan dihormati.

Beta yakin bahawa U.I.S. mampu menjadi pemangkin pembangunan ekonomi ummah melalui pengembangan ilmu dan inovasi secara berwibawa. Beta berharap agar U.I.S. terus menjalin kolaborasi strategik dengan universiti tempatan dan luar negara termasuk Universiti Al-Azhar, Mesir serta para penyokong industri demi mengukuhkan penyelidikan dan integrasi ilmu selari dengan perkembangan terkini.

Buat Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Beta berterima kasih atas sokongan berterusan yang diberikan kepada U.I.S. hingga mampu mencapai taraf universiti penuh.

Beta mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa atas kejayaan yang dicapai oleh para graduan pada hari ini. Terima kasih juga atas kepercayaan yang diberikan kepada U.I.S. sebagai destinasi pendidikan pilihan para graduan, sehingga mencapai kejayaan pada hari ini. Kejayaan ini adalah berkat kesungguhan dan iltizam semua pihak. Harapan Beta agar U.I.S. akan terus menjadi pilihan universiti utama rakyat Malaysia khususnya rakyat Selangor.

Seiring dengan semangat untuk memartabatkan ilmu sebagai wadah pembangunan ummah di peringkat tertinggi serta mengangkat syiar Islam melalui pendidikan, maka pada hari ini **Beta berkenan memasyhurkan Universiti ini secara rasmi berstatuskan Universiti dan dikenali sebagai Universiti Islam Selangor.**

Sehubungan dengan itu **Beta dengan ini memasyhurkan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor sebagai Canselor Universiti Islam Selangor.**

Beta turut **memperkenankan pelantikan Yang Amat Dihormati Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Bin Saidin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Yang Amat Dihormati Dato' Setia Mohamed Adzib Bin Mohd Isa, Ahli Dewan Di-Raja Selangor sebagai Pro-Canselor UIS.**

Di samping itu Beta juga **berkenan menamakan pusat konvensyen Universiti ini sebagai Dewan Sultan Idris Shah, Universiti Islam Selangor.** Beta berharap Dewan Sultan Idris Shah ini menjadi saksi kepada mercu tanda semua aktiviti keilmuan, pembangunan insan dan peradaban Islam.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ISTIADAT PEMASYHURAN DAN PELANTIKAN CANSELOR DAN PRO CANSELOR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR DI PUSAT KONVENSYEN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR PADA HARI SABTU 19 JULAI 2025







ISTIADAT PEMASYHURAN DAN PELANTIKAN CANSELOR DAN PRO CANSELOR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR DI PUSAT KONVENSYEN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR PADA HARI SABTU 19 JULAI 2025

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN KEPADA NAZIR-NAZIR MASJID DAN IMAM-IMAM MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA HARI RABU, 28 JANUARI 2026

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, segala puji dan syukur Beta panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Beta dapat berucap pada Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan kepada lapan ratus lima puluh (850) orang Nazir-nazir Masjid dan Imam-imam Masjid seluruh Negeri Selangor yang penuh bersejarah ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta seluruh umat Islam yang berjuang di atas jalan kebenaran.

Sempena majlis penyerahan watikah pelantikan Nazir-nazir dan Imam-imam masjid ini, Beta ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan beberapa pesanan dan peringatan penting berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan masjid dan ini termasuklah juga surau-surau di Negeri Selangor. Peringatan ini amat penting bagi memelihara kesucian institusi masjid sebagai pusat ibadah, aktiviti dakwah dan penyatuan ummah.

Perkara utama yang Beta ingin tegaskan adalah bahawa masjid dan surau hendaklah bebas sepenuhnya daripada sebarang pengaruh cengkaman politik kepartian. Masjid bukanlah gelanggang politik, bukan juga medan bagi meraih sokongan serta kepentingan peribadi, jauh sekali tempat untuk menyemai kebencian dan perpecahan. Beta sama sekali tidak membenarkan ahli-ahli politik yang cuba berselindung di sebalik ceramah agama dan menggunakan surau serta masjid untuk kepentingan agenda politik masing-masing. Beta juga tidak mahu dengar ada di kalangan Nazir dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang terlibat secara langsung dalam politik kepartian. Ini termasuklah memegang apa-apa jawatan politik dan dalam masa yang sama dilantik untuk menjadi Nazir dan Imam masjid dan surau kerana perkara ini boleh menjejaskan keharmonian ahli kariah setempat.

Berikutan dengan itu, Beta ingin mengingatkan bahawa jawatan-jawatan ini bukanlah satu jawatan politik untuk direbutkan bagi kepentingan peribadi, sebaliknya ia merupakan suatu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada anda semua dan akan dipersoalkan di hadapan Allah Subhanahu Wa Ta'ala kelak. Di samping itu juga, Beta tidak mahu menerima sebarang aduan berkaitan perebutan jawatan sebagai Nazir atau Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau. Perebutan jawatan hanya akan menimbulkan perasaan tidak puas hati, permusuhan dan perpecahan dalam kalangan ahli kariah sendiri khususnya, dan umat Islam amnya. Beta tidak mahu orang-orang Melayu berpecah-belah hanya kerana gilakan jawatan dan tamakkan kuasa yang akhirnya nanti, akan merugikan bangsa Melayu itu sendiri.

Di sini, ingin Beta ingatkan sekali lagi bahawa Beta amat memandang serius budaya fitnah-memfitnah dan menyebarkan tohmahan terhadap mana-mana pihak terutama melalui media sosial. Perbuatan ini amat bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh merosakkan ukhuwah serta perpaduan di kalangan umat Islam. Janganlah ada dalam kalangan anda yang gemar menyebarkan berita tidak benar, memutarbelitkan fakta atau membesar-besarkan perkara kecil sehingga menimbulkan rasa tidak senang hati dalam kalangan ahli kariah dan masyarakat. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana jika tersilap langkah boleh menimbulkan perbalahan di kalangan masyarakat.

Beta ingin mengingatkan juga agar semua Nazir termasuk Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau supaya jangan mudah percaya kepada penyebaran berita palsu, apatah lagi turut sama menyebarkannya tanpa usul periksa. Setiap maklumat hendaklah disemak dengan mendalam dan diteliti kesahihannya, kerana fitnah itu dosanya lebih besar daripada membunuh. Ketahuilah bahawa Beta sentiasa mengikuti perkembangan dan mengetahui apa yang berlaku di masjid dan surau di negeri ini dan Beta tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas sekiranya perlu.

Berhubung dengan pengurusan kewangan masjid dan surau, Beta ingin menegaskan bahawa amanah ini hendaklah dipelihara dengan penuh tanggungjawab, ketelusan dan penuh integriti. Beta tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk penyelewengan dana masjid dan surau. Wang masjid adalah hasil sumbangan orang ramai dan milik orang Islam. Maka, wang tersebut hendaklah digunakan sebaik mungkin untuk manfaat umat Islam dengan berpandukan hukum syarak. Beta tidak mahu agama Islam ini dipandang serong oleh penganut agama lain. Cukup-cukuplah kesucian agama Islam dicemari dengan kisah-kisah penyelewengan yang melibatkan orang Melayu Islam sehingga ada di kalangan mereka yang telah diheret ke mahkamah akibat amalan rasuah, penyelewengan wang dan salah guna kuasa.

> "Sehubungan dengan itu, Beta mahu semua akaun masjid dan surau hendaklah diurus mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Laporan kewangan hendaklah dikemukakan kepada JAIS atau MAIS pada setiap empat bulan sebagaimana yang telah ditetapkan bagi memastikan tata kelola, akauntabiliti dan kepercayaan awam sentiasa terpelihara."

Disamping itu, Beta menyeru para Imam Masjid dan Surau agar bukan sahaja perlu mendalami ilmu agama, malah mempunyai keupayaan untuk mengurus dan mentadbir masjid dengan baik. Imam hendaklah berperanan sebagai pemimpin masyarakat, pendamai dalam perselisihan, serta penggerak kepada perpaduan di kalangan ahli kariah. Amalkanlah semangat kesatuan (*unity*), saling menghormati dan bekerjasama dalam kalangan ahli kariah tanpa mengira kedudukan dan latar belakang jemaah. Imam juga perlu sentiasa bekerjasama dengan Nazir masjid berserta Ahli Jawatankuasa yang lain bagi melancarkan pengurusan dan pentadbiran masjid.

Sementara itu, Imam dan Nazir masjid juga hendaklah sentiasa menjaga watak keperibadian, akhlak dan imej diri yang baik. Ini kerana Imam dan Nazir merupakan cerminan kepada institusi sesebuah masjid. Jagalah nama baik masjid dan surau serta elakkan sebarang perbuatan yang boleh mencemarkan maruah dan kepercayaan masyarakat. Janganlah disebabkan kesalahan seorang individu, keseluruhan institusi masjid dipandang serong umpama peribahasa melayu, kerana seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit. Beta yakin bahawa sekiranya kita semua berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar dengan berpaksikan Al-Quran dan As-Sunnah serta mengamalkan nilai-nilai keikhlasan, amanah dan keadilan, insya-Allah ikatan perpaduan umat Islam tidak akan runtuh, bahkan akan menjadi semakin kukuh dan mampu menghadapi segala cabaran yang mendatang.

Di kesempatan ini, Beta juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Khutbah di bawah MAIS kerana telah berjaya menyediakan teks Khutbah Jumaat yang berkualiti, bernas, berfakta dan seiring dengan perkembangan semasa. Pencapaian cemerlang ini amat Beta hargai kerana khutbah yang baik mampu menggantikan seorang khalifah bagi menyampaikan amanat penting dalam membentuk pemikiran, akhlak dan amalan agama Islam yang sebenarnya secara berkesan kepada umat Islam. Teruskanlah usaha murni ini demi manfaat ummah.

Akhir sekali, Beta suka membangkitkan rasa bangga Beta dengan kejayaan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Masjid Negeri Selangor yang telah berjaya menarik lebih daripada seratus ribu (100,000) orang pelawat, termasuk pelancong dari dalam dan luar negara sepanjang tahun 2025. Kejayaan ini membuktikan bahawa masjid bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, dakwah dan pendidikan malah boleh juga menjadi tarikan destinasi ikonik pelancongan Islam negara termasuk kepada pelancong bukan Islam. Beta juga turut menggalakkan agar masjid-masjid lain turut mengambil inisiatif yang sama bagi mempromosikan masjid masing-masing secara berhemah dan tersusun, selaras dengan peranan masjid sebagai pusat ibadat dan mercu tanda Islam yang menjadi kebanggaan umat Islam khususnya di Negeri Selangor ini.

Beta berharap agar semua pihak dapat menghayati dan melaksanakan titah Beta ini dengan penuh rasa tanggungjawab, keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala demi keharmonian dan perpaduan umat Islam di samping menjaga nama dan kesucian agama Islam.

Akhir kata, Beta mahu anda semua turut sama menjadikan slogan dan moto Istana iaitu **"Pertahan Dan Setia Kepada Agama Islam" "Berkhidmat Kepada Rakyat Dan Negara"** sebagai prinsip utama dalam melaksanakan segala tugasan yang telah diamanahkan.

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN KEPADA NAZIR-NAZIR MASJID DAN IMAM-IMAM MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA HARI RABU, 28 JANUARI 2026







MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN KEPADA NAZIR-NAZIR MASJID DAN IMAM-IMAM MASJID SELURUH NEGERI SELANGOR DI BALAIRUNG SERI, ISTANA ALAM SHAH, KLANG PADA HARI RABU, 28 JANUARI 2026

ISTANA MESTIKA
SHAH ALAM

KURSUS PERDANA HAJI MUSIM HAJI 1447 HIJRAH
DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM
PADA HARI AHAD, 12 APRIL 2026

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismilahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya Beta dapat hadir dan bertemu dengan bakal-bakal haji sekalian di dalam Majlis Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor Musim Haji Tahun 1447 Hijrah.

Beta mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir di Kursus Perdana Haji kali ini kerana telah terpilih untuk menunaikan haji. Walaupun kos perbelanjaan menunaikan Fardu Haji terus meningkat, tetapi masih ramai umat Islam yang memohon untuk mengerjakan haji.

Namun kuota untuk mengerjakan haji bagi rakyat Malaysia amatlah terhad. Oleh yang demikian, Beta berharap kepada tuan-tuan dan puan-puan yang berpeluang menunaikan haji pada tahun ini, manfaatkanlah peluang tersebut dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan haji yang mabrur. Kita harus bersyukur dengan adanya Lembaga Tabung Haji yang menjaga dan menguruskan kebajikan jemaah haji. Oleh itu gunakanlah kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Tabung Haji dan jangan menggunakan agensi-agensi lain yang tidak diketahui latar belakangnya yang boleh menyebabkan Jemaah Haji tertipu dan terpedaya sehingga hasrat untuk menunaikan haji tergendala.

> "Beta berharap tuan-tuan dan puan-puan terus mengekalkan disiplin diri semasa berada di Tanah Suci nanti dan menjaga nama baik Negeri Selangor dan Malaysia dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi dan hindarkan daripada terlibat dalam sebarang bantahan atau demonstrasi. Tumpukan perhatian kepada ibadah dan bersabarlah dalam segala ujian dan kepayahan serta dugaan yang akan dihadapi."

Satu perkara lagi yang penting Beta suka ingin mengingatkan kepada jemaah haji ialah perlunya menjaga kesihatan diri, tidak membazir dan mengawal perbelanjaan serta berjimat cermat terutama di dalam situasi ekonomi dunia yang bergolak ketika ini. Tumpukanlah kepada ibadah yang wajib dilakukan dan kurangkan aktiviti membeli belah serta berbelanja ketika berada di tanah suci.

Akhir kata, Beta mengucapkan selamat pergi ke Tanah Suci untuk mengerjakan Haji kepada para Jemaah sekalian. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati dan memberkati kita semua. Aamiin.
Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim" Beta dengan sukacitanya menyempurnakan **Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor bagi Musim Haji 1447 Hijrah.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmaltullahi Wabarakatuh.





KURSUS PERDANA HAJI MUSIM HAJI 1447 HIJRAH
DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM
PADA HARI AHAD, 12 APRIL 2026





Koleksi Terpilih Titah Ucapan
DYMM SULTAN SELANGOR
BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM
25 Tahun Pemerintahan
Negeri Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat DYMM Sultan Selangor
Dewan Di-Raja Selangor
Jabatan Agama Islam Selangor

Serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menerbitkan naskhah ini.

Koleksi Terpilih Titah Ucapan

DYMM SULTAN SELANGOR

BERKAITAN HAL EHWAL ISLAM

25 Tahun Pemerintahan

Negeri Selangor Darul Ehsan